

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 51	Selasa	17 November 2015
----------------	---------------	-------------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2016

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.1- 9 dan B.40

(Halaman 25)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 24)

Anggaran Pembangunan 2016

Jawatankuasa:-

Maksud P.6 dan P.7

(Halaman 25)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA

Selasa, 17 November 2015

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan:

- (a) apakah kementerian maklum bahawa gangguan bekalan elektrik masih berlaku dengan kerap di Sabah terutama sekali di Pantai Timur sehingga menyusahkan rakyat dan peniaga-peniaga; dan
- (b) apakah tindakan kementerian untuk menyelesaikan masalah gangguan dan bilakah ia akan selesai.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sedar dan sentiasa memantau secara berterusan akan masalah gangguan bekalan elektrik di negeri Sabah. Seperti mana yang telah dijelaskan dalam Dewan ini beberapa kali pengukuhan kekerapan gangguan bekalan elektrik bagi setiap pelanggan secara purata dalam satu tahun ditentukan melalui *System Average Interruption Duration Index* dengan izin iaitu SAIDI yang dikira dalam unit minit untuk setiap pelanggan setiap tahun. Data SAIDI terkumpul ataupun *analyze* SAIDI dengan izin bagi negeri Sabah setakat 30 September 2015 adalah seperti berikut:

- (i) Sektor 1 – 250.46;
- (ii) Sektor 2 – 362.73; dan
- (iii) Sektor 3 – 302.13.

Jumlah SAIDI keseluruhan bagi negeri Sabah setakat 30 September 2015 adalah 297.79.

Untuk makluman Yang Berhormat, ketiga-tiga sektor tersebut adalah terdiri daripada kawasan-kawasan seperti berikut:

- (i) Sektor 1 iaitu Kota Kinabalu, Wilayah Persekutuan Labuan, Tawau dan Sandakan iaitu tiga kawasan;
- (ii) Sektor 2 iaitu Tuaran, Ranau, Beaufort, Papar, Keningau, Kota Belud, Kudat, Kota Marudu, Semporna dan Lahad Datu iaitu 10 kawasan;

- (iii) Sektor 3 iaitu Sipitang, Kuala Penyu, Tambunan, Tenom, Pitas, Kunak, Beluran, Kinabatangan dan Telupid iaitu sembilan kawasan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bekalan elektrik di negeri Sabah pada tahun ini telah lebih baik berbanding dengan tahun 2014. Di mana indeks SAIDI bagi tahun setakat September saya katakan tadi keseluruhan ialah 297.79 minit bagi setiap pengguna bagi satu tahun. Berbanding dengan SAIDI 2014 untuk tempoh yang sama iaitu 447.15 minit bagi setiap pelanggan satu tahun. Mengikut rekod punca gangguan pada sistem voltan tinggi adalah disebabkan oleh pokok yang mencatat keputusan tinggi sebanyak 25% dan diikuti oleh konteks tidak baik sebanyak 16% dan lain-lain sebanyak 13%. Manakala bagi sistem voltan rendah pula beban lampau mencatatkan peratusan tinggi iaitu sebanyak 22% diikuti oleh konteks tidak baik sebanyak 17% dan gangguan disebabkan kerja-kerja oleh pihak ketiga sebanyak 16%.

Untuk makluman Yang Berhormat juga Jawatankuasa Perancangan dan Pelaksanaan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET) pada mesyuarat Bil. 2 tahun 2014 iaitu pada 12 November 2014 telah meluluskan Pelan Pembangunan Penjanaan di Lahad Datu dan Sandakan dengan kapasiti penjanaan masing-masing sebanyak 30 megawatt dan 60 megawatt. Inisiatif jangka sederhana ini dijangka akan menambah baik sistem pembekalan elektrik bagi negeri Sabah terutamanya di kawasan Pantai Timur ataupun seperti mana saya katakan tadi Sektor 1. Stesen penjanaan dijangka mulai beroperasi pada pertengahan tahun 2017 dan 2018.

Bagi memperkukuhkan sistem bekalan elektrik di negeri Sabah, Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan peruntukan dalam bentuk geran sebanyak RM2.295 bilion bagi melaksanakan 81 projek pembekalan elektrik di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dari tahun 2015 hingga 2020. Tindakan bagi melaksanakan projek-projek sedang dilaksanakan dan sebuah pasukan Projek Khas Bekalan Elektrik Sabah (PKBES) telah pun sepadu yang telah ditubuhkan di kementerian dianggotai oleh anggota-anggota profesional dari Jabatan Kerja Raya dan dibantu oleh SESB dan penubuhan sepadu. Pemberian peruntukan ini diharap dapat membantu agar dapat menyelesaikan isu bekalan elektrik di negeri Sabah dengan lebih cepat dan efisien. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Di Sabah keseluruhan rakyat di Sabah mungkin 90% lebih mereka ini tidak mengerti apa itu SAIDI. Kita pun di sini kadangkala berfikir SAIDI itu apa, mereka tidak tahu. Akan tetapi walau bagaimanapun, Yang Berhormat Menteri telah menjawab dengan begitu sungguh-sungguh kerana beliau dari Sabah juga faham bahawa gangguan kerap kali berlaku.

■1010

Jadi apabila gangguan kerap kali berlaku, rakyat Sabah tidak puas hati, minta saya kemukakan soalan. Mungkin ini soalan kali ini, akan datang kalau ada gangguan pun soalan lagi. Jadi, dengan adanya jawapan tadi saya puas hati dan saya berharap rakyat Sabah pun puas hati dengan ada perancangan yang akan datang. Saya tidak ada soalan tambahan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, setujukah dengan saya Yang Berhormat Menteri bahawa inisiatif-inisiatif kerajaan tertentu tidak dapat mengatasi masalah gangguan bekalan elektrik yang berlaku berdekad-dekad di Sabah dan ini menyebabkan kesusahan bukan sahaja kepada rakyat di sana tetapi juga ini *investors* dan apa yang akan dibuat dalam tempoh masa yang terdekat, dengan memberi *assurance* sahaja tak cukup. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Memang kita tidak setuju. Seperti mana yang saya telah katakan tadi, langkah-langkah telah pun dibuat oleh pihak Kerajaan Pusat dan negeri sampailah saya katakan tadi untuk lima tahun yang akan datang, sejumlah RM2.295 bilion untuk 81 projek melibatkan peringkat penjanaan, peringkat penyampaian atau *transmission* dan seterusnya peringkat pengagihan. Semua ini adalah dana geran terus daripada Kerajaan Pusat walaupun SESB itu adalah sebenarnya syarikat swasta, anak syarikat TNB.

Komitmen Kerajaan Pusat begitu tinggi sekali dan untuk sebahagian projek tambahan pada tahun depan RM15 juta, 80% ini adalah geran dan 20% adalah dalam bentuk pinjaman. Kita boleh lihat daripada segi misalnya untuk Tawau ini, kalau ia disukat SAIDI adalah satu standard penyukatan digunakan untuk seluruh dunia walaupun bagi saya di kementerian, saya katakan SAIDI *not good enough to measure interruption*. Bagus kita perlu masukkan juga berapa kali dia *interrupted* sebab *the minute maybe short* tetapi dua tiga kali ia *happened* dalam satu hari, pelanggan pun tidak senang hati.

So, kami telah mula catat dalam perkara ini dan saya melihat misalnya bagi Tawau ini, ada peningkatan daripada segi bekalan yang lebih stabil dan pengurangan daripada segi SAIDI. Begitu juga Sandakan misalnya 2012, SAIDI ada 795.5 dan pada 2013 dia menurun pergi 660 dan bagi tahun ini dijangka 332.6 iaitu akan menurun secara drastik. Begitu juga bagi Tawau, dia turun dan dia naik tetapi tahun ini kita berharap bahawa lebih ketara penurunan dan impak semua projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat melalui SESB mahupun di peringkat *generation, transmission* ataupun *distribution*. Jadi saya katakan tadi memang ketara dan kita akan terus monitor.

Untuk memastikan bahawa penurunan SAIDI tercapai, kami telah letakkan 350 sebagai matlamat sasaran untuk SESB ini dan saya telah katakan kerana kita *spend money* untuk memperbaiki keadaan bekalan elektrik di Sabah. Kalau KPI itu telah tercapai, mana boleh Menteri sahaja kena *demerit point*, kami mahu ini ditentukan supaya *the utility must also absorb demerit point so that they can perform up to not only to the standard* tetapi *perform* pula sasaran-sasaran pencapaian KPI yang ditentukan dan dengan semua *effort* ini, saya yakin keadaan akan bertambah baik daripada segi bekalan elektrik di Sabah. Terima kasih.

2. Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan pelan kerajaan untuk menubuhkan skim sosial bagi menjaga kebajikan pemandu-pemandu teksi di Malaysia. Sudah kah kajian impak GST dijalankan ke atas golongan ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:

Tuan Yang di-Pertua, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehatii sejiwa. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan Yang Berhormat Klang, ingin saya mengucapkan selamat datang kepada tetamu kita di Dewan yang mulia ini, Sekolah Menengah Kebangsaan Chedung Jaya, Sekolah Kebangsaan Maran, Ahli Jawatankuasa Perpustakaan Desa juga di Maran dan kakitangan Kementerian Pertahanan Malaysia. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Klang kerana prihatin tentang nasib pemandu teksi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, rekod yang ada pada saya, jumlah pemandu teksi yang ada di seluruh negara lebih daripada 72,000 di mana lesen permit teksi dikeluarkan, ini tidak termasuk Sabah dan Sarawak. Sebanyak 36,000 pemandu teksi berkhidmat di sekitar Lembah Klang dan sebahagian besar pemandu teksi ini bekerja sendiri. Mungkin ada sebahagian daripada mereka yang diambil bekerja oleh majikan yang mempunyai mungkin permit teksi yang banyak tapi sebahagian besarnya adalah bekerja sendiri. Mereka menyewa teksi dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kita ada mempunyai 13.9 juta tenaga kerja, *work force* negara kita. Seramai 13.5 juta adalah pekerja yang bekerja dengan majikan dan 2.24 juta adalah bekerja sendiri. Ramai, ini termasuklah nelayan dan sebagainya yang tidak diambil bekerja oleh majikan. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kebajikan pemandu teksi ini dan juga skim sosial, sebenarnya kerajaan telah melancarkan banyak skim sosial di negara kita ini termasuklah Skim Perumahan Rakyat 1Malaysia, Klinik 1Malaysia, Bantuan Buku Teksi, Minuman Kesihatan Percuma, Bantuan Tayar 1Malaysia kepada pemandu teksi dan lain-lain.

Sebahagian skim sosial ini juga dapat faedah oleh pemandu teksi secara langsung. Bagi menjawab soalan khusus ini, Kementerian Sumber Manusia melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial ataupun PERKESO sedang merangka satu Skim Perlindungan Keselamatan Sosial berdasarkan prinsip insurans sosial bagi melindungi pemandu-pemandu teksi di Malaysia daripada bencana pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, pemandu teksi ini adalah di bawah SPAD atau Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat dan bukan di bawah kita. Setakat ini, saya melihat bahawa usaha yang dilakukan oleh SPAD adalah cukup baik untuk mereka membantu masa depan kebajikan pemandu-pemandu teksi ini. Bagi kementerian kita, setakat ini proses konsultasi dengan pelbagai pihak mengenai perincian skim yang saya sebutkan tadi iaitu skim prinsip insurans sosial ini sedang dijalankan dan dijangka boleh dimuktamadkan pada hujung tahun ini. Apabila kerajaan bersetuju dengan perincian skim tersebut, satu peruntukan akta berkaitan dengannya akan diwujudkan.

Sementara itu, soalan kedua pula tentang GST. Adakah kementerian membuat kajian tentang kesan GST kepada pemandu teksi? Sebenarnya suka saya maklumkan bahawa

kementerian kita tidak menjalankan kajian impak GST kerana kajian tersebut bukanlah di bawah bidang kuasa kementerian ini. Jadi, adalah kementerian-kementerian yang lain. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Klang, sila.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang telah diberikan. Sebenarnya saya telah bangkitkan isu ini beberapa kali dalam Dewan yang mulia ini dan kali terakhir saya bangkit secara soal jawab macam sekarang ialah pada tahun 2013 Pada masa itu Menteri berkenaan mengatakan bahawa kajian masih dijalankan oleh PERKESO dan akan dimuktamadkan pada tahun 2013 dan jawapan yang sama diberikan sekarang oleh Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kajian dan konsultasi masih berlaku dan akan dimuktamadkan pada 2014. Adakah kerajaan main-main dengan pemandu pekerja? Saya tidak faham. Bila tanya soalan 2013, jawapan ialah kita akan buat konsultasi, dapat satu *social security package* untuk pemandu teksi pada tahun 2013.

■1020

Akan tetapi sekarang *one year postponement* 2014. So saya tidak faham apa berlaku dengan kementerian. Adakah kementerian serius kepada masalah yang dihadapi oleh pemandu-pemandu teksi ini?

Saya juga ingin bangkitkan satu isu lagi iaitu berkait dengan bolehkah kerajaan fikir untuk memberikan *think through* untuk memberikan permit secara terus kepada pemandu-pemandu teksi? Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Klang, saya sudah sebutkan pada awal tadi. Sebenarnya, kementerian kita tidak bertanggungjawab secara terus kepada pemandu teksi ini. Pemandu teksi seperti saya sebutkan tadi sebahagian besarnya adalah bekerja sendiri. Akan tetapi kalau dia bekerja dengan majikan, mungkin kalau ada apa-apa penyelesaian yang dilakukan oleh majikan, itu hak kita, kita bertanggungjawab. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, kita tidak pernah main-main dalam membela pekerja ini. Gaji minimum, kita sudah naikkan. Umpamanya SOCSO, PM telah umumkan yang mana *coverage* ataupun perlindungan akan diberikan kepada mereka yang bergaji dulu RM3,000 tetapi sekarang RM4,000.

Jadi ini satu serius yang diambil oleh kerajaan walaupun kerajaan terpaksa menampung, membiayai perbelanjaan yang cukup besar.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Pemandu teksi tidak ada gaji minimum. Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Saya tahu, saya tahu. Sebab itu saya sudah sebutkan tadi pemandu teksi tidak di bawah bidang kita. Sebab itu konsultasi mesti diadakan.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Akan tetapi SOCSO di bawah kementerian.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Ya, ya, saya faham SOCSO bawah kita. Akan tetapi bagi pekerja-pekerja yang ada majikan dan mencarum dengan SOCSO, memang

bawah tanggungjawab kita. Kita belanjakan RM2.5 bilion hari ini SOSCO untuk membiayai, menanggung pekerja-pekerja yang ditindas dengan berlaku kemalangan dan sebagainya. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, konsultasi yang perlu kita lakukan adalah melibatkan pekerja, melibatkan majikan dan sebagainya. Umpamanya kita hendak melaksanakan gaji minimum, bukan mudah.

Bagi saya, kalau tanya saya, bukan setakat RM1,000, RM1,200. Bahkan kalau kita boleh bayar RM5,000, *why not?* Akan tetapi apakah majikan mampu untuk membiayai gaji minima ini? Sebab itulah konsultasi mesti dilakukan antara pekerja, majikan dan sebagainya. Sebab itu kita ada Majlis Perundingan Gaji Negara dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman juga, kajian lanjutan perlu dibuat bagi memastikan skim ini dapat dilaksanakan dengan berkesan lebih-lebih lagi daripada segi kemampuan dana. Ini kerana bagi pemandu teksi yang bekerja sendiri, caruman akan dibuat oleh pekerja atau pemandu teksi itu sendiri sahaja tanpa caruman majikan sebab mereka tiada majikan. Apakah Yang Berhormat ingin menyeksa pemandu teksi untuk mereka mencarum, menyediakan dana walaupun kerajaan bertanggungjawab? Oleh sebab itu kita perlukan konsultasi. Kita mesti ada *win win situation* untuk perkara ini.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Yang Berhormat Menteri, konsultasi telah dijalankan pada tahun 2013. Sekarang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, duduk Yang Berhormat. Bukan berdialog. Kalau saya benarkan seperti begitu, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga buat. Sila.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya minta bagi Yang Berhormat sebelah sana. [*Merujuk kepada blok pembangkang*] please, tolong rasional. Bukan kita hendak buat roti canai, Yang Berhormat. Kita hendak menjadi, memberikan tanggungjawab membela pekerja-pekerja kita dan pembelaan ini mesti kita melibatkan pekerja, majikan dan sebagainya. Ini perlu kita fahami. Sebab itulah dalam konsultasi yang kita buat ini, dalam apa juga program gaji minimum, skim insurans pekerjaan dan sebagainya, kita mesti ada perundingan, ada persetujuan. Itu pun bukan semua yang bersetuju tetapi atas majoriti yang kita putuskan, maka kebaikan diberikan kepada pekerja kita. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih saya ucapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin suara daripada kaum hawa akan menyejukkan keadaan. Sila Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Soalan saya ringkas saja, soalan tambahan saya. Jadinya selain daripada perancangan daripada apa Yang Berhormat Timbalan Menteri nyatakan tadi, soalan tambahan saya adalah dalam usaha untuk menjaga kebajikan pemandu teksi di Malaysia ini, bolehkah Yang Berhormat menyatakan bagaimanakah kementerian dapat membantu mereka terutamanya di kawasan bandar dengan adanya saingan seperti teksi Uber dan juga GrabCar dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih berkualiti? Terima kasih.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya malas hendak ambil tanggungjawab di luar bidang kita. Akan tetapi kalau hal-hal yang berkaitan dengan pekerjaan dan dari mana majikan ada, sebagai contoh, kalau pekerja-pekerja pemandu teksi ini, mereka bekerja dengan syarikat teksi yang ada syarikat dia, mungkin yang ini boleh kita lihat, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi yang bekerja bersendirian ini sudah tentulah, kita hendak minta supaya SPAD berikan.

Saya sudah tengok apa yang diusahakan oleh Pengerusi SPAD ini Tuan Yang di-Pertua agak serius untuk mereka membela pemandu-pemandu teksi ini. Saya yakin dan inilah kesungguhan yang ada pada kerajaan seperti mana yang banyak skim bantuan, skim-skim sosial yang lain, walaupun tidak *direct* kepada pemandu teksi tetapi faedah juga dapat kepada mereka, kepada diri mereka melalui BR1M, melalui bantuan buku juga dapat kepada anak-anak mereka, cuma tidak khusus.

Mungkin saya juga bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Parit Sulong bahawa kita perlu membela pemandu teksi kerana ramai mereka ini, 37,000 lebih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Perhubungan awam isu penting. Ada lagi yang minat dalam soal teksi? Tiada, terima kasih. Minat? Sila.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, pemandu teksi ini ialah golongan ataupun kumpulan yang sangat terdedah kepada *road accidents*, kemalangan di jalan raya dan mereka ini juga adalah golongan yang apabila lama bekerja, terdedah kepada *occupational hazard*, dengan izin, stres dan sebagainya. Maklumlah *driver* teksi. Kadang-kadang pemandu teksi juga kena rompak. Jadi saya ingin bertanya, apakah pilihan kerajaan dalam meluaskan skop ataupun skim perlindungan untuk pemandu-pemandu teksi ataupun bekerja sendiri ini? Terima kasih, ringkas.

Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita ada mencadangkan Skim Insurans Pekerjaan ini tetapi Skim Insurans Pekerjaan ini juga tidak terlibat dengan pemandu teksi kerana mereka bekerja bersendirian. Saya setuju Tuan Yang di-Pertua kalau boleh kita melihat kembali seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat supaya kita melihat di manakah ruang yang boleh kita berikan, yang kita boleh sediakan kepada pemandu teksi kerana kita mesti bela mereka. Mereka mempunyai anak di belakang yang tidak kurang ramainya. Kalau 37,000 pemandu teksi, kita kali dengan 5, maknanya berapa ratus ribu rakyat yang perlu kita bela kalau berlaku kemalangan dan sebagainya. Oleh sebab itu mungkin ini saya akan bawa kepada kementerian kita untuk kita bincang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Soalan No. 3 - Y.B. Tan Sri William Mawan Ikom (Saratok) tidak hadir]

4. **Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan usaha-usaha terkini yang diambil oleh kementerian dalam mengawal hidupan liar yang semakin pupus ekoran penerokaan tanah yang berleluasa untuk pembangunan.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada tanggungjawab Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan PERHILITAN, Jabatan Perhutanan dan FRIM adalah memelihara dan memulihara ekologi dalam ekosistem biodiversiti dan Jabatan PERHILITAN telah dan sedang menjalankan usaha-usaha terkini dalam mengawal hidupan liar yang terancam ataupun diancam kepupusan ekoran penerokaan tanah yang berleluasa untuk pembangunan.

Langkah-langkah tersebut:

- (i) melaksanakan pelan menyelamat hidupan liar;
- (ii) mewujudkan rangkaian koridor ekologi;
- (iii) menjalankan *survey* populasi hidupan liar;
- (iv) menangkap dan memindahkan hidupan liar ke habitat asal. Usaha menangkap dan memindah hidupan liar yang terperangkap akan turut dijalankan;
- (v) merawat dan memulih hidupan liar di Pusat Penyelamat Hidupan Liar Jabatan PERHILITAN;
- (vi) melaksanakan program pembiakan dalam kurungan;
- (vii) menjalankan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan. Selain daripada itu Jabatan PERHILITAN juga menjalankan pemantauan dan rondaan, penguatkuasaan di kawasan perlindungan seperti Taman Negara bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) melalui Program 1MBEON bagi membanteras pencerobohan dan pemburuan haram.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Hulu Langat.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1030

Terima kasih kerana memberi jawapan yang umum usaha-usaha kementerian untuk memastikan bahawa kehidupan liar ini terus kita konservasi, kita pelihara. Akan tetapi habitat hidupan liar ini berbeza antara satu sama lain. Umpamanya orang utan, gajah, harimau Malaya dan binatang lain, umpamanya yang kecil, napuh, pelanduk, badak, buaya, burung kuang, merak, seladang dan sebagainya mempunyai habitat-habitat yang berbeza.

Jadi, apakah usaha-usaha yang dibuat oleh PERHILITAN selain daripada konsep pembiakan dan sebagainya. Tentu ada kaedah-kaedah yang lain bagi memastikan bahawa kehidupan liar ini terus kita pelihara ini dengan bilangan-bilangan yang agak munasabah. Dari segi binatang-binatang yang liar, umpamanya gajah dan harimau walaupun kita adakan program

konservasi tetapi mungkin ada pihak lain juga yang menganggap ia adalah musuh kepada manusia. Bagaimanakah kementerian mengimbangkan perkara ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat, terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Hulu Langat, dia minat tentang konservasi. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara-perkara yang saya sebut secara umum tadi ada beberapa perkara yang dalam bentuk operasi yang dijalankan. Pertama, saya sebut tadi iaitu kementerian sentiasa memastikan atau memenuhi tanggungjawab memelihara dan memulihara ekologi kerana di situlah biodiversiti boleh dipertahankan.

Contoh-contoh haiwan tadi yang disebut tadi saling melengkapi ataupun saling bergantung, saling memerlukan dalam ekologi tersebut. Maknanya, salah satu ada peranan masing-masing sama ada yang kecil atau besar. Bukan sahaja dalam lingkungan fauna malah juga dalam lingkungan flora ada kaitan antara satu sama lain.

Sebab itulah salah satu daripada program yang dilaksanakan oleh kerajaan yang paling besar di peringkat negara, pertamanya *Central Forest Spine* (CFS) di Semenanjung dan kalau di Sabah dan Sarawak bersekali dengan Brunei dan juga Indonesia ialah *Heart of Borneo*. Kedua-dua ini penting kerana pertamanya, sebenarnya berlaku pigmentasi hutan yang saya sebut sebagai hutan-hutan yang berpecah antara satu sama lain dan menjejaskan ekologi tersebut. Maka, salah satu daripada projek besar yang kerajaan buat ialah Projek *Central Forest Spine* yang bertujuan untuk membentuk satu rangkaian hutan perlindungan yang bersambung melalui pembentukan koridor ekologi bagi kepentingan pemeliharaan kepelbagaian biologi hidupan liar dan alam sekitar, itu satu.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua ialah kerajaan menggalakkan supaya satu pendekatan inventori dilaksanakan sama ada di peringkat jabatan ataupun di peringkat NGO yang terlibat. Maknanya, ada pendekatan dan galakan yang dibuat. Kerajaan menyediakan peruntukan yang wajar kepada NGO yang terlibat untuk melakukan aktiviti inventori. Ini di antara. Kalau saya baca Tuan Yang di-Pertua, di antara populasi yang masih lagi kekal salah satunya contohnya, gajah, di seluruh Semenanjung Malaysia masih ada lagi lebih kurang 1,200 hingga 1,600 bilangan.

Bandak Sumatera kosong, tidak ada, sudah pupus. Seladang tadi disebut ada di antara 270 hingga 330. Kemudian harimau belang, ada di antara 400 hingga 600 ekor, begitu juga yang lain-lain. Kalau sebut panjang kita boleh dapat di luar. Itu di antaryalah yang boleh saya sebut di sini. Maknanya, kita sangat serius kerana ini melibatkan satu keseimbangan dalam ekologi seperti yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut kata Menteri tadi badak Sumatera ataupun *Sumatran rhino* telah pupus. Ada kajian menunjukkan bahawa 10 tahun, 20 tahun lalu masih ada *Sumatran rhino* di Taman Negeri Rompin-Endau-Johor-Pahang. Bolehkah pihak kementerian membuat kajian terperinci dan kajian yang terkini untuk mengesahkan sama ada *Sumatran rhino* di Endau-Rompin ini masih hidup ataupun telah pupus.

Kedua, adakah usaha untuk membiakkan balik *Sumatran rhino* dan saya terbaca dalam jurnal terbaru, zoo di San Diego, Amerika telah berjaya membiakkan *Sumatran rhino*, terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Yang Berhormat Rompin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau mengikut rekod yang kita ada, di Semenanjung telah pun pupus, tidak ada. Walau bagaimanapun saranan daripada Yang Berhormat Rompin tadi mungkin- saya sebut tadi beberapa program untuk pemuliharaan kita laksanakan. Salah satunya program, pasang kamera. Boleh dikatakan di hampir semua hutan simpan dalam Malaysia mengenal pasti kehidupan liar masih lagi wujud. Akan tetapi setakat ini badak Sumatera tidak ada. Kita masih lagi membuat kajian, membuat *survey* melalui kamera terlindung ini sama ada, ada lagi atau tidak badak tersebut.

Maklumat yang saya terima, kalau di kawasan Borneo, khususnya di Sabah dan Sarawak, ada tinggal dua ekor. Akan tetapi yang betina ini sedang sakit. Boleh katakan berkaitan dengan kanser dan yang jantan pula telah uzur dalam bentuk hampir-hampir *monopause*. Ini di antaranya. Ini makluman yang kami terima setakat ini. Kalau minat bolehlah ke sana kita akan bawa tengok keadaan yang sebenar. Kalau beranilah masuk ke hutan. Sekian, terima kasih.

5. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) tindakan yang telah diambil oleh pihak kementerian bagi mengatasi masalah keselamatan negeri Sabah terutama sekali masalah jenayah rentas sempadan; dan
- (b) tindakan yang diambil bagi mengembalikan kepercayaan rakyat ke atas isu ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, buah delima, soalan nombor lima.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keselamatan negeri Sabah sentiasa menjadi keutamaan kerajaan bagi memastikan keselamatan di kawasan zon selamat Timur Sabah (ESSZONE). Beberapa inisiatif telah dan sedang dilaksanakan seperti berikut. Pertama, menguatkuasakan perintah berkurung di tujuh daerah dalam kawasan ESSZONE sejak pertengahan bulan Julai 2014. Membina kem Pasukan Gerak Am (PGA) di Beluran bagi mewujudkan satu lagi Batalion PGA di ESSZONE. Membina pangkalan maritim bagi Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia di Semporna, menambah bilangan kenderaan utiliti pelbagai guna bagi kenderaan pengoperasian agensi-agensi keselamatan seperti kenderaan 57 unit 4WD, satu unit MPV dan lima unit lori jenis lima tan.

■1040

Menambah peralatan operasi ESSCOM dan agensi-agensi pasukan keselamatan lain di ESSZONE, meningkatkan keupayaan termasuk lima unit radar *Coastal Surveillance system radar* dan lima unit *target hardening* bagi tujuan pengawasan, mempertingkatkan jumlah anggota keselamatan di kawasan perairan ESSZONE, mewujudkan pangkalan-pangkalan operasi hadapan di pulau atau Island Forward Operation Base (IFOB), sea basing dan mothership di lokasi-lokasi strategik bagi mempertingkatkan kehadiran pengawasan dan respons, mempertingkatkan keupayaan perisikan, mempertingkatkan kawalan dan penguatkuasaan undang-undang di kawasan perairan dan daratan ESSZONE, pengukuhan rangkaian komunikasi seperti UHF, VHF dan HF. Selain itu tambahan *handle* 92 unit bot laju yang akan siap dalam bulan Februari nanti.

Pengukuhan koordinasi antara agensi, mewujudkan kawasan cegah rintang (*deterrent*), meningkatkan bilangan sukarelawan beruniform seperti RELA, JPAM, askar Wataniah dan juga sukarelawan maritim. Dalam Bajet 2016, kerajaan turut memperuntukkan RM523 juta bagi memperkemas aset dan teknologi ketenteraan serta membangunkan Kem Tentera Darat Briged ESSCOM di FELDA Sahabat Lahad Datu.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, ESSCOM telah mengadakan program kemasyarakatan bagi mengembalikan kepercayaan dan keyakinan rakyat. Program tersebut adalah kerjasama antara ESSCOM dan agensi-agensi kerajaan lain serta pemimpin-pemimpin masyarakat setempat bagi menerapkan nilai-nilai murni dalam menanam semangat patriotisme di kalangan rakyat. ia juga bertujuan untuk membentuk jaringan kerjasama yang lebih erat antara kerajaan dan rakyat di samping menimbulkan kesedaran masyarakat untuk sama-sama memikul tanggungjawab menjaga keselamatan dan juga keamanan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri menjawab persoalan saya. Walaupun soalan ini berulang kali kita tanya tetapi jawapannya masih sama. Soal ESSCOM, terima kasihlah.

Supaya rakyat sering bertanya soal keselamatan, soal jenayah rentas sempadan ini sering juga dikait, diapi-apikan oleh pihak pembangkang yang datang ke Sabah supaya membenci dengan kerajaan. [*Dewan riuh*] Jadi... [*Disampuk*] Sabarlah, saya belum habis. Sabar, jawapan ini memberi penjelasan kepada rakyat Sabah supaya soalan ini tidak lagi ditanya di Parlimen ini, Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Menteri, minta maaf, seolah-olah kes jenayah ini tertumpu kepada kawasan ESSCOM sahaja tetapi lupa pula Yang Berhormat Menteri melihat perkara persempadanan antara Sabah, Indonesia dan Sarawak.

Sama juga dengan perairan di Laut China Selatan yang di mana terdapat walaupun ada kes-kes *terrorisme* dan pencerobohan IS, Abu Sayyaf di negeri Sabah pada satu ketika, itu kita faham, rakyat Sabah sudah faham. Soal penculikan kita sudah faham. Ini soal pencurian kereta yang dibawa masuk ke Indonesia di Long Bawan, banyak kereta kepunyaan rakyat Malaysia dari

Sabah dicuri, dijual di Long Bawan melalui lorong-lorong tikus. Ini saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab supaya dapat memberi keyakinan kepada rakyat negeri Sabah.

Satu lagi penangkapan ikan laut. Ini satu jenayah oleh bot-bot nelayan negara asing. Pengeboman ikan, pembunuhan penyu-penyu, ini satu jenayah rentas sempadan. Satu juga, penyeludupan petrol, diesel yang bersubsidi, barang-barang keperluan asas yang terdapat dijual di negara jiran kita. Penyeludupan dadah misalnya, ini jawapan belum ada. Di kedai-kedai runcit di Long Bawang. Barangan 1Malaysia pun ada dijual di sana. Kenapa ini berlaku?

Yang Berhormat Menteri, ini kawasan penimbusan kepulauan di kawasan EEZ, negara kita telah ditimbus oleh negara asing. Membuat satu pangkalan ketenteraan di kawasan negara kita. Jadi apa tindakan kerajaan? Rakyat mahu tahu. Jadi saya walaupun ada senarai yang dibaca oleh, *sorry*lah, bukan baca ya, walaupun disediakan oleh pegawai, jawapannya sama. Saya mahu dengar yang lebih efektif soal *surveillance*, *satellite surveillance* ya, ini cadangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Putatan. Ini soalan Yang Berhormat Putatan lebih panjang daripada jawapan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Cadangan kepada Yang Berhormat Menteri supaya ini. [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Saya faham Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Soal *drone*, kita mahu beli *drone* supaya *surveillance*. Cukup, itu cadangan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau Tuan Yang di-Pertua tidak tegur, *don't take advantage*. Soalan tambahan, singkat. Ini soalan itu adalah merupakan informasi terkeluar daripada soalan.

Jadi soalan tambahan itu biar ekor daripada jawapan Yang Berhormat Menteri. *Insyallah* tahun depan kita mempunyai soalan-soalan yang tidak bertonis kepada Yang Berhormat Menteri. Singkat, tidak sampai seminit. Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri dua minit, tidak lebih daripada itu. Mulai praktis daripada sekarang. [*Tepuk*] Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong supaya seminit, jawab dua minit. Akan tetapi ini lima minit tanya, saya kena jawab 10 minit.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara Yang Berhormat timbulkan. Ini saya kena panjangkan kepada kementerian yang berkaitan. Penyeludupan sebenarnya Yang Berhormat berhubung dengan penyeludupan, satu mesyuarat telah diadakan minggu lepas.

Saya berada di kawasan ESSZONE di Ibu Pejabat ESSCOM. Mesyuarat telah diadakan oleh KPDKK. Ketua Setiausaha hadir sendiri dan mereka telah membuat beberapa keputusan. Ini berhubung dengan Pulau Sebatik sebagai contoh di mana yang ada 16 pengedar tong gas dan kita lihat tong gas yang diedarkan lebih banyak daripada penduduk yang ada di pulau itu. Akhirnya daripada 16, dipersetujukan menjadi satu. Ini di antara langkahnya.

Keduanya, berhubung dengan penyeludupan, dia ada kaitan dengan *barter trade*, Yang Berhormat. Ini kerajaan negeri sedang memperincikannya sebab *barter trade* ini pada zaman dahulu *barter trade* ialah bawa barang ganti barang. Pada zaman moden bawa duit ambil barang.

Jadi akhirnya barang subsidi kita keluar dan mereka datang bermalam di mana-mana pangkalan termasuk di Lahad Datu.

Selepas itu esok, mereka beli barang dan mereka balik. Akan tetapi semasa mereka datang dan mereka balik itulah memerlukan pengeledahan untuk memastikan supaya tidak ada barang-barang yang haram dan terkawal dibawa keluar ataupun dibawa masuk.

Kemudian yang lain-lain itu ialah berhubung dengan penyeludupan barang. Berhubung dengan masalah Laut China Selatan dan juga kawasan Malaysia yang belum diduduki, yang telah ada kapal asing, *coast guard* kapal asing. Yang ini telah dijawab oleh Menteri Pertahanan semalam.

Sebenarnya Yang Berhormat, bukan sahaja Yang Berhormat rasa bimbang tentang perkara tersebut, saya juga. Kenapa kapal asing berada di perairan kita dan dalam masa yang sama menghalau keluar nelayan kita yang pergi menangkap ikan di situ. Itu ialah kawasan kita dan bila kita tanya, "*Ini ialah kawasan siapa?*". Dia kata ini kawasan dia.

Kalau hendak menangkap ikan boleh, tetapi kena membuat laporan di Hainan. Ini sebagai contoh ya. Kemudian, berhubung dengan pembinaan struktur tertentu di Laut China Selatan, ini juga telah dijawab oleh Menteri Pertahanan dan dia juga melibatkan kawasan-kawasan besar yang hampir mencetuskan pergaduhan semasa ketegangan yang berlaku baru-baru ini. Ini semua adalah apa yang berlaku di sana.

■1050

Akan tetapi tugas ESSCOM Yang Berhormat, ialah hendak pastikan supaya kawasan ESSZONE itu kita cuba sedaya-upaya untuk memastikan supaya keselamatan diambil tindakan yang sewajarnya. Yang Berhormat sedia maklum bahawa apabila ESSCOM ditubuhkan, yang pertama ialah kita hendak lawan pencerobohan. Kalau sekiranya berlaku pencerobohan, kita sudah bersiap siaga. Jadi, pencerobohan tiada lagi.

Tidak ada pencerobohan, tiba-tiba datang kegiatan jenayah baru, jenayah rentas sempadan seperti yang telah disebutkan oleh semua pihak. Semua yang saya sebutkan tadi sesetengahnya melibatkan aset dan aset ini terpaksa mengambil masa untuk disiapkan. Akan tetapi melalui cara pembelian baru yang dibuat di mana kita boleh runding terus dengan pembekal, semua sekali aset kita akan tiba pada bulan Februari nanti termasuk 92 bot laju dan sebagainya.

Saya telah melawat ESSCOM baru-baru ini. Pihak ESSCOM sendiri telah mengadakan tiga inisiatif.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Soalan tambahan kepada tambahan?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Soalan yang rentas sempadan pergi mencuri kereta di negeri Sabah 556 buah kereta dicuri, hanya sembilan sahaja yang dikesan, apa tindakan kerajaan terhadap soal ini?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya Yang Berhormat, itu soalan yang cukup bagus dan saya akan jawabnya secara bertulis sebab ia melibatkan bukan tugas saya, Yang Berhormat.

la tugas Kementerian Kewangan, Jabatan Kastam dan juga Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen dan sebagainya. Akan tetapi demi menjaga keharmonian dan juga kasihnya saya kepada Yang Berhormat, saya jawab juga bahawa saya akan jawab secara bertulis. Bermakna saya akan ambil tanggungjawab untuk mendapatkan maklumat untuk bagi kepada Yang Berhormat kerana ia melibatkan jumlah yang khusus.

Sudah pasti ini adalah merupakan sesuatu yang harus dibimbangkan oleh kerana banyak kenderaan yang telah dibawa lari ke sana. Jadi oleh kerana Yang Berhormat dah berpuas hati dengan ESSCOM, saya tidak jawab lagi ESSCOM. Hal kereta saya akan jawab secara bertulis. Saya rasa Yang Berhormat Putatan akan gembira pada hari ini. Terima kasih.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri dan saya juga berterima kasih kepada Yang Berhormat Putatan yang mengemukakan soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya bukan daripada Sabah tetapi saya ada kemukakan soalan bertulis mengenai ESSCOM ini iaitu soalan sama ada kerajaan bercadang untuk membina sebuah pangkalan TLDM di kawasan ESSCOM. Itu soalan saya dan telah dijawab secara bertulis yang mana kerajaan memberi jawapan bahawa kerajaan tidak bercadang untuk membuat satu pangkalan TLDM ini. Sebaliknya yang kerajaan buat adalah beberapa pangkalan harapan sahaja sebagai contoh di Sandakan, di Semporna dan juga di Telok Lahad Datu, meletakkan beberapa buah kapal TLDM di situ.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri ESSCOM, adakah daripada pemerhatian Yang Berhormat, dalam kawasan ESSCOM ini yang melibatkan bukan sahaja keselamatan kepada negeri Sabah tetapi keselamatan seluruh negara, adakah Yang Berhormat Menteri tidak nampak perlunya satu pangkalan TLDM di Sabah ini yang meletakkan aset-aset dan kelengkapan yang cukup memandangkan kepada ancaman yang begini besar terhadap negara kita ini? Adakah Yang Berhormat bercadang untuk mencadangkan kepada Kabinet untuk membina pangkalan ini walaupun tidak dalam bidang kuasa Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, kita sudah ada pangkalan TLDM di sana. Kita ada di Sepanggar, Kota Kinabalu dan kita ada pangkalan kecil TLDM di kawasan ESSZONE, sudah ada Yang Berhormat. Akan tetapi sekarang ini yang kita hendak perbanyakkan ialah IFOB atau *Island Forward Operation Base*. Jadi sekarang ini kalau kita pakai *mothership* dan juga *sea basing* ini, kita boleh buat di sana, tetapi ia akan ada masalah sedikit dari segi logistik dan juga ketahanannya. Mungkin kena air laut ia tidak tahan lama.

Akan tetapi inisiatif yang dicadangkan oleh ESSCOM ini adalah yang terbaik, Tuan Yang di-Pertua, pasal ia dibuat di pulau. Baru-baru ini saya pergi Pulau Mabul dan mereka sudah menyiapkannya dan boleh beroperasi dalam masa dua tiga minggu lagi. Jadi ini ialah di mana daripada pulau itu sendiri mereka akan dapat mengesan melalui radar dan juga kamera. Itu sebabnya kita beri nama di situ ialah- dan kita ada tempat helikopter, helipad dan sebagainya.

Target hardening ini kita tidak ada helipad tetapi ia ada kamera, radar yang berkaitan. Ini inisiatif yang mereka buat dan inisiatif baru ialah mereka mencipta bot utiliti yang menarik di

mana kita boleh membawa tentera kita dari satu tempat ke satu tempat dengan menggunakan kos yang rendah dan cepat sebab bot utiliti ini adalah ciptaan daripada ESSCOM sendiri.

Jadi di samping apa yang diterangkan oleh pihak keselamatan, pihak ESSCOM sendiri melaksanakan beberapa inisiatif yang mereka fikir sesuai untuk menghadapi musuh. Jadi Yang Berhormat, TLDM sekarang ini sebagai gantinya, kita memperbanyakkan pangkalan maritim sebab penguatkuasaan laut ini ialah di bawah maritim dan TLDM ini adalah untuk menjaga maruah negara ataupun kedaulatan negara.

Jadi pangkalan yang ada sekarang ini, bagi saya, kalau hendak tambah, itu yang terbaik tetapi kalau kerajaan hendak menggunakan yang ada sekarang, itu mencukupi. Terima kasih. Soalan yang akan saya jawab secara bertulis itu sudah baik Yang Berhormat, boleh dipakai.

6. Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta Perdana Menteri menyatakan apakah kerajaan bersedia mengkaji semula semua projek penswastaan dengan mengekalkan yang benar-benar memenuhi matlamat asal penswastaan iaitu untuk menjimatkan kos dan menzahirkan perkhidmatan yang lebih efisien serta membatalkan yang rugi dan membebankan kerajaan dan rakyat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Abdul Wahid Omar]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa memastikan perjanjian konsesi bagi projek-projek penswastaan ditandatangani berdasarkan kepada pendekatan memang-menang ataupun *win-win* dengan izin, dengan memberi penekanan kepada aspek-aspek penyampaian perkhidmatan dan penyediaan infrastruktur berkualiti tinggi serta penetapan terma dan syarat yang tidak akan menjejaskan kepentingan kerajaan.

Kita juga mengambil kira pengalaman kita daripada perjanjian-perjanjian konsesi yang terdahulu dan menambahbaik terma-terma untuk projek-projek yang baru. Sebagai contoh, kalau kita lihat perjanjian konsesi lebuhraya generasi pertama di mana dahulunya terdapat jaminan trafik minimum ataupun *minimum traffic guarantee* dan juga jaminan kerajaan untuk pinjaman komersial, sekarang ini tiada lagi. Keduaanya, sekarang ini kita adakan keuntungan hasil pembiayaan semula dan ia dikongsi dengan kerajaan dan ketiga, kita menggunakan *exit clause* dengan izin, iaitu penamatan konsesi lebih awal daripada tempoh asal konsesi sekiranya kadar pulangan dalaman ataupun *internal rate of return* kepada pelabur melebihi sasaran yang telah kita tetapkan.

Jadi bagi memastikan matlamat asal penswastaan itu untuk menjimatkan kos dan menzahirkan perkhidmatan yang lebih efisien dicapai, kerajaan telah melaksanakan mekanisme bidaan secara kompetitif serta mengenakan *key performance indicator* atau pun KPI dengan izin, disediakan bagi memastikan kerajaan memperoleh nilai kepada wang atau *value for money* dengan izin, melalui projek-projek penswastaan yang kita laksanakan. Terima kasih.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dari segi pemahaman saya, ertinya kerajaan memang mengkaji dari semasa ke semasa di atas segala perjanjian yang kita buat terdahulu. Akan tetapi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kadang-kadang keputusan-keputusan yang dibuat, sebagai contoh matlamat awal adalah untuk menjimatkan kos kerajaan dan menzahirkan kualiti servis, perkhidmatan yang lebih baik tetapi kalau kita tengok baru-baru ini, saya dapat maklumat bahawasanya satu tol contohnya, dahulu kereta yang melalui tol itu mungkin lingkungan, ini hipotetikal ya, 100,000 seminggu, kos kita membayar 60 sen tetapi *overtime* dengan izin, kenderaan yang lalu lebih banyak, 500,000 seminggu tetapi kerajaan mengizinkan ia naik kepada RM1.60. Sekarang ini sudah mungkin satu juta seminggu yang lalu di tol itu tetapi kerajaan mengizinkan ia naik lagi sampai RM2. Jadi persepsi orang ramai bahawasanya *something is wrong somewhere* dengan izin, sebab kalau dari segi teori ekonomi, lagi banyak kereta patutnya lagi turun nilai tol itu. Itu satu.

Kedua, kalaulah Yang Berhormat kata memang kerajaan duduk kaji, saya tidak tahulah macam- contohlah, dari segi *personal experience*.

■1100

Tuan Yang di-Pertua, satu penswastan umpamanya pembaikan kereta dalam kerajaan, SPANCO. *From personal experience*, saya tahu bahawasanya SPANCO dizahirkan untuk menjimatkan kos kerajaan. Akan tetapi akhirnya didapati, dengan penswastan, kos meningkat. Jadi kalau ada pengkajian, saya percaya bahawasanya ia tidak berlaku.

Akhirnya, saya hendak nyatakan bahawasanya adakah kerajaan bersedia untuk mengkaji secara menyeluruh, *overall study* untuk melihat pada *cost effectiveness* terhadap segala penswastan kerajaan? Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, tentang isu yang dibangkitkan, yang pertama sekali tentang isu trafik yang meningkat dari semasa ke semasa. Sebenarnya, semua terma perjanjian konsesi telah pun ditetapkan sebelum syarikat tersebut bersetuju untuk membina lebuh raya tersebut. Antara terma-terma yang dipersetujui ialah kadar tol yang dikenakan dari semasa ke semasa mengikut jadualnya berdasarkan kepada unjuran trafik yang telah diadakan.

Memang kita mengenakan ataupun membolehkan dalam perjanjian konsesi itu untuk mereka menaikkan kadar tersebut. Ini disebabkan kita hendak pada peringkat awal, kadar yang ditetapkan adalah lebih munasabah dan dari semasa ke semasa, dapat dinaikkan. Begitu juga dengan unjuran trafik, mereka membuat andaian trafik yang bakal dijanakan dan ini merupakan asas untuk mereka mendapatkan pinjaman daripada pihak bank ataupun untuk mengeluarkan, untuk menerbitkan bon-bon untuk membiayai pembinaan lebuh raya tersebut.

Jadi biasanya, kalau dahulu memang kita tidak ada *caping* ataupun daripada segi pulangnya, kita tidak ada beri ketetapan. Akan tetapi sekarang ini, sekiranya trafik itu melebihi unjuran yang telah disediakan pada awalnya dan ia mencapai pulangan yang melebihi daripada kadar pulangan yang kita tetapkan - sebab itu kalau kita kata hari ini tidak boleh melebihi 11%

sebagai contohnya. Jadi kalau lebih 11%, dengan itu kita biasanya akan mengurangkan tempoh konsesi tersebut.

Ini merupakan antara *feature* ataupun ciri-ciri yang terbaru dalam perjanjian konsesi generasi yang baru tetapi kalau yang dahulu Tuan Yang di-Pertua, memang kita sudah bersetuju dengan apa yang telah ditetapkan dan kita tidak boleh menukar tanpa persetujuan mereka. Akan tetapi dari semasa ke semasa, kita juga berunding dengan mereka ini untuk mereka tidak menaikkan pada kadar yang telah ditetapkan dan kita memberikan mereka pulangan secara berlainan. Sebagai contoh, kadang-kadang kita panjangkan lagi tempoh konsesi tersebut dan sebagainya.

Tentang isu SPANCO, pada asasnya ini adalah untuk membolehkan kerajaan tidak perlu membeli kereta dan menjimatkan kos kapital tetapi membayar sewaan secara bulanan ataupun tahunan kepada syarikat pembekal dan mereka ini juga diberi tanggungjawab untuk menyelenggarakan kereta-kereta yang dibekalkan kepada kerajaan. Ini ialah model pembiayaan berdasarkan kepada perjanjian konsesi yang telah diadakan.

Tentang *cost effectiveness*, dengan izin yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Indera Mahkota, memang kita memantau dari semasa ke semasa. Cuma kita tidak boleh meminda perjanjian yang telah kita tandatangani tanpa persetujuan pihak syarikat konsesi. Kita hanya boleh meminda dengan persetujuan mereka tetapi kita mengambil kira pengalaman kita daripada perjanjian terdahulu untuk projek-projek baru yang akan datang. Terima kasih.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya jumpa Yang Berhormat Menteri selepas ini nanti? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dari sebelah kanan? [Merujuk kepada blok kerajaan] Kalau tidak ada, saya bagi sama Yang Berhormat Lumut. Sila Yang Berhormat Lumut.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sekadar ingin mendapatkan pencerahan Yang Berhormat Menteri. Adakah senarai-senarai projek di bawah *Private Finance Initiative (PFI)* dianggap sebagai senarai projek-projek *privatisation* kerajaan? Saya ingin tahu, mengapakah kos tanggungan projek-projek PFI ini tidak ditunjukkan di dalam bajet setiap tahun? Terima kasih.

Dato' Sri Abdul Wahid Omar: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, projek penswastan ataupun *public private partnership*, kerjasama awam-swasta ini merangkumi pelbagai kaedah. Ada yang kita panggil *Build, Operate and Transfer* yang mana kita membenarkan syarikat tersebut membina fasiliti dan kemudian mengenakan caj kepada pengguna ataupun berdasarkan kepada *user pays concept*, dengan izin.

Ada juga yang kita sebutkan *Private Finance Initiative* ini, dengan izin Inisiatif Pembiayaan Swasta. Ini yang mana daripada kerajaan membeli ataupun *incur*, dengan izin *capital cost* tersebut, kerajaan akan membenarkan syarikat membina dan kerajaan akan membayar sewaan ataupun bayaran secara ansuran sama ada bulanan ataupun tahunan. Ini yang kita sebutkan sebagai *Private Finance Initiative (PFI)* ini. Kita ada juga projek-projek yang

kita laksanakan secara *land swap*, dengan izin ataupun pertukaran tanah. So, ini merupakan pelbagai kaedah-kaedah projek penswastaaan yang dilaksanakan.

Berkenaan dengan projek PFI yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, PFI ini biasanya kita *negotiate* dan kita berunding dengan mereka dan kita tetapkan berapa kos pembinaannya dan kita tetapkan berapa pulangannya. Ini akan menentukan bayaran secara bulanan ataupun secara tahunan dan dibayar oleh kerajaan. PFI ini daripada segi dalam bajet itu, memandangkan ia tidak termasuk dalam *development expenditure* tetapi apabila bayaran ini dilaksanakan secara bulanan ataupun tahunan kemudian, ia dimasukkan di bawah perbelanjaan *operating expenditure*, dengan izin.

7. Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta Perdana Menteri menyatakan keberkesanan program-program terkini yang dilaksanakan bagi mengeratkan lagi perpaduan dan integrasi nasional rakyat Malaysia. Apakah program-program terbaharu akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. Peranan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) adalah selaku peneraju program-program yang bertujuan untuk mengeratkan perpaduan dan integrasi nasional. Pelaksanaan program-program kerajaan melalui JPNIN telah terbukti berkesan dan telah mengeratkan lagi perpaduan sejagat khususnya di peringkat akar umbi.

Sehingga hari ini, merujuk kepada Indeks Ketegangan Masyarakat yang menunjukkan indeksnya 8.1% sehingga bulan Oktober 2015, membuktikan keharmonian dan perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat adalah memuaskan. Di samping itu, kerajaan sentiasa mengambil pendekatan-pendekatan baru dalam memperkasakan program yang sedia ada dan juga memperkenalkan lagi aktiviti-aktiviti yang baru.

Antara program yang menunjukkan impak positif ialah:-

- (i) penubuhan daripada 16 kepada 42 pasukan Skwad Uniti sebagai pasukan bantuan mula atau *first aid* semasa kecemasan membantu agensi lain tempatan dalam pengurusan krisis di peringkat komuniti;
- (ii) perluasan pengalaman 48 pasukan Skwad Elit Jiran Wanita - kami tidak lupa juga Jiran Wanita atau Se-Jiwa.

■1110

Se-Jiwa bertujuan untuk menganjurkan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti khidmat amal kebajikan, khidmat sosial, khidmat pendidikan sepanjang hayat yang menjadi keperluan utama dalam komuniti selaras dengan konsep prihatin dan cakna masyarakat;

- (iii) Program Sayangi Komuniti telah dilaksanakan di 22 buah kawasan Rukun Tetangga yang melibatkan 52 sesi dialog komuniti. Di samping itu, sehingga Oktober 2015, seramai 1,028 orang *mediator* komuniti untuk menguruskan konflik dalam kalangan komuniti;

- (iv) penyertaan dan penjanaan pendapatan masyarakat di kawasan komuniti melalui ekonomi rukun tetangga seperti pemasangan produk IKS seperti kerepek, kuih siput, kuih rojak, muruku, baulu, coklat dan lain-lain lagi;
- (v) kerajaan juga telah memberi pengiktirafan kepada satu projek yang dilakukan oleh rukun tetangga iaitu Projek Inovasi Rukun Tetangga seperti Projek *Walkie-Talkie Dual Phone* yang mendapat tempat pertama bagi kategori Projek Harapan Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri;
- (vi) penubuhan 30 buah pasukan inovatif jiran wanita. Jiran pemuda juga dilibatkan dalam usaha kita memantapkan lagi perpaduan masyarakat di negara ini. Jiran pemuda untuk meningkatkan peranan golongan belia dalam menjana dan menghasilkan idea-idea baru yang kreatif dan inovatif;
- (vii) Rukun Tetangga memberikan kerjasama yang baik bagi pelaksanaan Program KOSPEN untuk memberikan suntikan baru kepada masyarakat awam agar bergiat cergas dan mengambil bahagian dalam setiap program dan aktiviti yang dianjurkan. Rukun Tetangga menjadi pelaksana dengan pengendalian program ini di peringkat komuniti.

Tuan Yang di-Pertua, keberkesanan program ini menggambarkan bahawa kerajaan amat prihatin dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat dalam kalangan komuniti. Walau bagaimanapun, berdasarkan pencapaian indeks *The Country Well-Being Rankings: Overall and by Element 2014* dengan izin, Malaysia berada di tahap nombor 41 berbanding 145 buah negara lain di dunia dari segi tujuan 5% dan sosial 35%, kawalan 34%, komuniti dan sebagainya. Kerajaan akan terus memantapkan peranan JPNIN ini melalui transformasi program sedia ada dan merancang antara program terbaru adalah seperti berikut; *blueprint* NUCC telah pun siap dan telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada bulan Ogos tahun ini.

Pada masa kini, ia berada dalam kajian semula untuk membuatkan satu pelan tindakan yang konkrit supaya pelaksanaan syor-syor yang dibuat oleh *blueprint* itu akan dilihat lebih berkesan lagi. Pada umumnya, ia menggariskan pelaksanaan secara integrasi dengan pelbagai kementerian, jabatan dan agensi kerajaan termasuk di peringkat negeri. Satu program yang dahulu lagi ialah cadangan meluaskan konsep pertanian bandar atau *urban farming*.

Kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas yang akan dilancarkan pada 19 November tahun ini melalui penandatanganan *The Memorandum of Understanding* dengan Jabatan Pertanian Malaysia. Ini selaras dengan komitmen kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kesebelas untuk mensejahterakan rakyat bagi kawasan-kawasan yang mempunyai ruang yang terhad khususnya kawasan bandar dalam melaksanakan projek pertanian secara kecil-kecilan. Projek pertanian bandar memberikan banyak manfaat isi rumah kepada yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, program-program ini dilihat mampu memberikan suntikan baru kepada semua melalui pelaksanaan Rukun Tetangga dan kepada masyarakat awam untuk

bergiat cergas dan mengambil bahagian dalam setiap program dan aktiviti yang dianjurkan. Pada masa yang sama, akan terjalin dan membentuk satu ikatan ukhuwah yang kukuh dan akhirnya membentuk perpaduan dan keharmonian yang dikehendaki oleh semua. Sekian.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah di atas usaha pihak kementerian dalam melaksanakan tugasnya untuk mengeratkan perpaduan di kalangan kaum di negara ini. Akan tetapi saya melihat di sini melalui kajian yang kita buat dan juga pendapat-pendapat pihak universiti yang buat kajian, perpaduan kaum ini terdapat masalah di kalangan kanak-kanak. Kita tahu bahawa Jabatan Perpaduan ada buat program di kalangan tadika dan sebagainya di dalam masyarakat. Akan tetapi di peringkat pelajar sekolah rendah, maka di sini terdapat sedikit masalah di mana terdapat sekolah-sekolah vernakular yang diambil kesempatan oleh pihak-pihak pembangkang terutamanya pihak parti pembangkang untuk menyemarakkan lagi semangat perkauman yang negatif.

Jadi kita lihat di sini apakah peranan Kementerian Perpaduan ini terutamanya kepada pelajar-pelajar sekolah rendah ini? Oleh sebab di atas hak-hak kebebasan bersuara, hak keistimewaan mereka masuk ke sekolah-sekolah vernakular ini ataupun sekolah jenis kebangsaan dan di sinilah tempat bermulanya perpecahan kaum. Kalau kita lihat di peringkat Asia Tenggara, hanya Malaysia sahaja yang mempunyai sekolah vernakular. Walaupun pembangkang membuat rujukan di *Singapore*, di *Singapore* pun tidak ada sekolah vernakular. Jadi kita lihat di sini peranan harus dimainkan. Apatah lagi apabila kita ini pihak kerajaan, kita banyak menambah sekolah-sekolah vernakular sedangkan program perpaduan di peringkat sekolah vernakular ini kita tidak buat. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat. Kami sedar akan masalah ini. Akan tetapi di dalam perkara ini, kalau JPNIN mempunyai program-program tertentu bermula daripada anak-anak kita, kita mempunyai sebilangan banyak sekolah Tadika Perpaduan di seluruh negara. Tujuannya ialah untuk mendidik kanak-kanak dalam perkara mengeratkan lagi persefahaman terutama sekali dari segi agama lain dan juga budaya kaum-kaum yang lain. Selain daripada program yang kita jalankan dan ia amat berkesan sekali. Selain daripada itu, ada program yang baru, saya tidak sentuh sebentar lagi yang kita telah memperkenalkan yang kami namakan Intensif Program.

Kita sedar bahawa di mana-mana sekolah, di mana-mana tempat, nampaknya ada *tendency* bagi kumpulan sesuatu kaum itu berkumpul. Dalam pendapat saya, ini tidak sihat. Jadi dalam perkara itu, kami telah memperkenalkan satu program yang dinamakan Intensif Program di mana pelajar-pelajar seperti UiTM di mana pelajar-pelajarnya itu terdiri daripada kaum bumiputera akan terus mengambil bahagian semasa mereka di dalam percutian, mereka digalakkan untuk bekerja dalam sesuatu organisasi seperti yang diuruskan oleh ACCIN. Di situ mereka akan terdedah dengan pelbagai kaum dan juga dapat mempelajari, bergaul dengan lain-lain kaum yang bekerja di situ.

■1120

Itulah tujuan utama kita dengan harapan mereka akan dapat memahami keadaan itu di antara satu dengan yang lain. Ada juga rukun tetangga di sekolah rendah dan menengah kita tubuhkan untuk tujuan ini untuk menangani masalah yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Sebanyak 6,068 buah Kelab Rukun Tetangga telah ditubuhkan di seluruh negara. Antara tujuannya ialah untuk menanam persefahaman dan penghayatan Rukun Negara bagi semua pelajar yang terdapat dalam sekolah-sekolah itu. Ia juga mampu untuk mewujudkan perpaduan di antara pelajar berbilang kaum.

Saya berpendapat, tujuan ini semua ialah untuk mempromosikan, memantapkan lagi kefahaman di antara pelbagai kaum yang kita dapati di negara kita ini. Oleh yang demikian, dimintalah semua pihak dari sini atau sebelah sana untuk membuat apa yang terbaik bagi kita untuk mengeratkan lagi persefahaman di antara semua kaum yang ada di negara kita ini. Sekian.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya melihat salah satu daripada dasar untuk mewujudkan perpaduan negara Malaysia adalah menerusi penepatan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan iaitu mengenai dengan bahasa Malaysia, bahasa kebangsaan yang kemudiannya adalah penggubalan Akta Kebangsaan 1967. Jadi, pengamatan saya ialah bahasa kebangsaan pada hari ini terutamanya di kalangan bahasa pengucapan dalam budaya intelektual negara kita semakin hari semakin mundur, semakin hari semakin merosot.

Individu yang balik dari barat bercakap dalam bahasa Inggeris, yang balik daripada Timur Tengah bercakap dalam bahasa Arab. Jadi, dalam kehidupan hariannya akhirnya Bahasa Kebangsaan yang menjadi bahasa perpaduan itu telah jauh terpinggir. Tambah pula dengan aplikasi *WhatsApp*, *Twitter*, SMS, bahasa sudah menjadi rojak, campur bahasa Inggeris-Melayu, sukar difahami. Jadi, apakah tindakan daripada pihak kerajaan untuk memperkasakan semula bahasa kebangsaan, bahasa integrasi, bahasa perpaduan dan mempopularkannya semula sebagai satu alat untuk ia kekal relevan mengintegrasikan rakyat dan masyarakat pelbagai kaum dalam negara kita. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Yang Berhormat, terima kasih banyak. Dalam pendapat saya, kita sama-samalah berfikir untuk mengatasi masalah kemungkinan ini akan berlaku. Akan tetapi kami sedar bahawa dalam era globalisasi ini kita terdedah pelbagai masalah, pelbagai bahasa pun juga kita hadapi sekarang. Dalam pada kita mengekalkan bahasa kita ini, saya berpendapat ia bermula dari kecil lagi.

Dari rumah kita, bagi kita untuk bercakap dengan mereka. Apa tindakan yang kita boleh ambil supaya mereka ini tidak tercicir daripada haluan kita seperti saya katakan tadi itu, kita sama-samalah berfikir untuk mengatasi masalah ini. Oleh kerana ini merupakan satu masalah yang kompleks, amat luas sekali bagi kita untuk membuat sesuatu program yang spesifik. Untuk sementara waktu, saya berpendapat sedemikianlah keadaannya. Terima kasih.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri mengenai usaha-usaha untuk memastikan bahawa integrasi nasional rakyat Malaysia itu diteruskan dan sebagainya. Saya hendak tanya pada Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri juga ada dalam budi bicara untuk memikirkan bagaimana isu-isu perkauman dan apa tindakan, bagaimana kebelakangan ini banyak terjadi seperti *rally* 'Baju Merah' dan sebagainya di mana Menteri-menteri juga turut terlibat dan juga wakil rakyat di sebelah sana juga terlibat untuk menyokong *rally* perkauman ini. *[Dewan riuh]*

Jadi ini penting. Kalau kata integrasi nasional rakyat, maka isu-isu ini juga harus ditangani kerana kalau ini berterusan, ia tidak akan menunjukkan bahawa kita adalah satu *one nation and one country*. Jadi, ini penting Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat. Saya fikir kita semua sedar dan sering kali saya bercakap dengan akar umbi bahawa masalah perkauman ini timbul oleh kerana bermula daripada kita sendiri juga. Jadi kalau boleh, sekiranya boleh seperti saya katakan awal-awal tadi, marilah kita bersama-sama untuk mengelakkan semua ini. *We all realize that in Malaysia, kita tidak mempunyai pilihan. We have to accept each other, we have multiracial society, religions dan juga multi cultures society.* Saya berpendapat semua pemimpin di sini tidak menyokong orang yang membuat sesuatu yang boleh memecahbelahkan kita. Terima kasih.

8. Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) mengapakah kementerian masih enggan membina sebuah sekolah menengah di Kota Warisan, Sepang dalam keadaan Kota Warisan telah menjadi satu "*township*" dan sehingga kini para pelajar di situ terpaksa ditempatkan di Sekolah Menengah Bandar Baru Salak Tinggi yang telah mengalami kesesakan dan limpahan pelajar; dan
- (b) berapakah jumlah sekolah menengah baru yang akan dibina di Sepang dalam masa 5 tahun ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia memandang serius terhadap permohonan pembinaan sekolah baru terutama di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan bagi pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Warisan Sepang Selangor telah dihantar kepada agensi pusat untuk pelaksanaan di bawah *Rolling Plan* Pertama Rancangan Malaysia Kesebelas, tetapi tidak diluluskan. Walau bagaimanapun, pihak kementerian akan memohon semula bagi pembinaan sekolah berkenaan di bawah *Rolling Plan* Kedua Rancangan Malaysia Kesebelas (2017- 2018).

Bagi tempoh *Rolling Plan* Pertama 2016, jumlah permohonan yang diterima bagi pembinaan PPD, sekolah menengah baru, bangunan tambahan, gelanggang serba guna dan

conversion sekolah menengah teknik kepada kolej vokasional di Daerah Sepang adalah sebanyak lima permohonan yang melibatkan anggaran jumlah kos sebanyak RM130.13 juta. Bagi pelaksanaan di bawah *Rolling Plan* Pertama Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2017), dua projek yang akan dibina di Daerah Sepang ialah pertama, pembinaan gantian penuh satu kelas prasekolah di Sekolah Kebangsaan Taman Pantai Sepang Putra dan program *conversion* sekolah menengah teknik kepada kolej vokasional di Sekolah Menengah Teknik Sepang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Menteri, walaupun dalam jawapan itu tidak memenuhi soalan saya yang secara spesifiklah, tetapi saya ingin menyatakan bahawa adakah pihak Yang Berhormat Menteri sendiri ada membuat rayuan supaya pembinaan sekolah menengah di Kota Warisan itu dimasukkan dalam *Rolling Plan* Pertama itu? Ini kerana isu ini adalah isu yang telah lama dibangkitkan oleh khususnya Persatuan Penduduk Kota Warisan sebab sekarang ini mereka mengadu sebab terpaksa menghantar di sekolah yang agak jauh sedikit iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi.

Apa yang lebih malang lagi, Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Salak Tinggi itu telah mempunyai *students* yang begitu ramai. Jadi, ia akan mengakibatkan pelajar-pelajar ini ditempatkan dalam kelas yang jumlahnya mungkin 40 lebih. Jadi, ini tidak memberikan faedah kepada pelajar sebab guru untuk mengawal 40 orang murid dan sebagainya ini sudah tentu akan memprejudiskan ataupun mengkompromikan kualiti pendidikan itu.

■1130

Saya harap Menteri membuat rayuan semula supaya pembinaan Sekolah Menengah Kota Warisan ini dimasukkan dalam *Rolling* Pertama itu sebab tapak telah pun ada dan saya rasa pihak kerajaan negeri pun mungkin boleh menyokong sekiranya pihak kementerian ingin membuat rayuan itu. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Sebelum saya memberi jawapan kepada soalan tambahan Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada 38,344 pelajar UPSR yang telah mendapat keputusan cemerlang semua 'A' dalam semua mata pelajaran dan ini juga merupakan peningkatan lebih daripada tahun lalu. Kepada pelajar-pelajar yang lain saya ucapkan syabas juga kerana telah berjaya melepasi enam tahun pertama pembelajaran mereka dan akan melangkah ke sekolah menengah.

Yang Berhormat Sepang, untuk makluman Yang Berhormat seperti mana yang saya telah maklumkan sebentar tadi kita sedar dan kita akan membuat rayuan sekali lagi bukan sahaja untuk dimasukkan dalam Rancangan *Rolling Plan* Pertama yang mana kita sedar mungkin tidak sempat tetapi kita akan memastikan rayuan ini dibuat supaya dapat dimasukkan dalam *Rolling Plan* Kedua.

Itu merupakan hasrat kami kerana kita sedar juga bahawa pelajar-pelajar khususnya *enrollment* sekolah di kawasan sekolah tersebut memang tinggi dan sekolah-sekolah berhampiran di kawasan itu juga ramai pelajar. Akan tetapi juga untuk makluman Yang Berhormat, dalam bab tanah pula tanah pemaju yang diwartakan bagi SMK Kota Warisan masih di dalam proses serahan kepada pihak Pejabat Tanah Sepang. Jabatan akan memproses perolehan tanah setelah proses serahan pemaju sempurna manakala proses pembidaan projek bagi sekolah ini akan dijalankan setelah tanah telah lulus dipohon menjadi tanah Kerajaan Persekutuan. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Sesi pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.32 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Jabatan Perdana Menteri bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan Usul Anggaran Pembangunan 2016 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Rabu, 18 November 2015.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG
RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2016
DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2016
Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan Anggaran Pembangunan 2016 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Pertama]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Tuan Pengerusi: Sila Menteri Kewangan kemukakan Anggaran Perbelanjaan bagi kesemua kementerian.

11.33 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]: Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada RM163,447,756,000 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2016 bagi Maksud-maksud Bekalan B.1 hingga B.13, B.20 hingga B.25, B.27 hingga B.32, B.40, B.42 hingga B.43, B.45 hingga B.48, B.60 dan B.62 hingga B.64 untuk kementerian dan jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih dari RM 52,000,000,000 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan tahun 2016 bagi Maksud-maksud Pembangunan P.6, P.7, P.10, P.13, P.20 hingga P.25, P.27 hingga P.32, P.42 hingga P.43, P.45 hingga P.48, P.60, P.62 hingga P.64 dan P.70 untuk kementerian dan jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai lampiran A dan lampiran B Kertas Perintah 41 Tahun 2015 dijadikan Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, keperluan bagi mengadakan peruntukan Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2016 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2016 telah pun dibentangkan. Di samping itu, penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan anggaran ini adalah juga diberi dalam Kertas Perintah 41 Tahun 2015 dan Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2016 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 2015.

Oleh itu saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa pandangan tambahan lagi. Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

Maksud B.1, B.2, B.3, B.4, B.5, B.6, B.7, B.8, B.9 dan B.40 [Jadual] - Maksud P.6 dan P.7 [Anggaran Pembangunan 2016] –

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Kepala Bekalan B.1 hingga B.9 dan B.40 dan Kepala Pembangunan P.6 dan P.7 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas.

Sebelum saya memanggil pembahas-pembahas, saya ingin memaklumkan bahawa masa perbahasan pada peringkat Jawatankuasa bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2016 ini saya hadkan kepada tidak melebihi 10 minit bagi setiap Yang Berhormat yang berhujah.

Dalam berhujah itu, tumpukan sahaja khusus kepada kepala-kepala yang sedang dibahas. Yang ini pernah kita buat pada sesi yang lalu, pada Bajet yang lalu di mana Ahli-ahli Yang Berhormat seramai 24 orang telah dapat mengambil bahagian dalam perbahasan untuk Jabatan Perdana Menteri.

Jadi kalau tahun lalu kita boleh buat sebegitu, tahun ini kita boleh buat juga. Kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat tidak bercakap panjang-panjang lebih daripada 24 orang boleh bercakap dalam soal ini. Saya jemput sila yang hendak minat untuk berbahas. Sila Yang Berhormat Parit Buntar.

11.37 pg.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada B.1 tentang Butiran 010000 iaitu Parlimen. Merujuk juga kepada Pentadbiran dan Pengurusan Dewan yang memakan belanja hampir RM84,000,000.

Saya ingin meminta penjelasan daripada Menteri yang bertanggungjawab, Tuan Pengerusi dulu pernah menyebut secara khusus pada tahun ini juga iaitu Mei 27 bahawa Parlimen ini perlu kepada reformasi, perlu kepada *Parliamentarian reform*.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Disebut di sini ada empat perkara yang perlu diberi tumpuan yang menjadi asas kepada *reform* iaitu dikembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan. Kedua, peruntukan masa soalan untuk Menteri seminggu sekali, ketiga, memperbanyakkan lagi Jawatankuasa Pilihan, *Select Committee* dan yang keempat, mewujudkan kamar kedua bagi membincangkan perkara-perkara yang tidak memerlukan kelulusan.

Saya memetik kenyataan Tuan Pengerusi pada 27 Mei 2015, telah memberikan tempoh selama enam bulan untuk usaha ini digerakkan dan itu adalah itu sebahagian daripada syarat untuk Tuan Pengerusi kekal untuk memimpin Parlimen. Saya ingin mengetahui adakah usaha ke arah reformasi Parlimen ini telah pun mendapat ataupun telah pun ada perkembangan boleh dimaklumkan ke dalam Dewan ini?

Begitu juga saya bertanya masih dalam B.1 Parlimen, adakah usaha untuk menginstitusikan Pejabat Ketua Pembangkang dan peruntukan kepada parti pembangkang telah dibincangkan contohnya di UK peruntukan £183,000 telah diperuntukkan untuk Kerusi yang menang dan tambahan £33 pada setiap 200 undi yang dimenangi.

Saya kira ini adalah satu *reform* yang boleh dicapai setelah berpuluh tahun Parlimen ini berjalan dan berfungsi. Begitu juga saya ingin mengetahui adakah Suruhanjaya Reformasi

Perundangan telah diwujudkan? Dan sejauh manakah kesan atau sejauh manakah Suruhanjaya Reformasi Perundangan ini diberi perhatian untuk memastikan bahawa Parlimen kita ini dapat berada seperti mana diulangi beberapa kali oleh Tuan Pengerusi iaitu *World Class Parliament*.

■1140

Saya minta penjelasan merujuk kepada perkara tersebut. Asas perubahan yang hendak digerakkan ialah supaya penggubal undang-undang ini dapat menjalankan tugas dengan lebih berkesan Tuan Pengerusi.

Seterusnya ialah saya ingin menyentuh B.3, Jabatan Audit Negara 02000 iaitu dalam bab pengauditan, tajuk pengauditan. Saya ingin mengetahui sejauh manakah pelaksanaan budaya *accountability* telah dijalankan dan setakat ini sejauh manakah laporan-laporan yang telah dibuat diambil perhatian oleh pihak kerajaan. Pada waktu yang sama, saya ingin minta penjelasan dalam Butiran 020100 – Pengauditan Khas, ini melibatkan kempen ataupun ini melibatkan kemampuan audit dalam bidang contohnya alam sekitar. Saya ingin tahu, sejauh manakah kepakaran yang ada dalam Jabatan Audit Negara untuk membuat audit dari sudut isu besar yang hari ini asas kepada permasalahan pembangunan negara iaitu isu-isu alam sekitar yang boleh menjejaskan pembangunan di negara ini?

Seterusnya ialah Pelan Integrasi Nasional, sejauh manakah ia telah melahirkan penjawat awam yang lebih bermoral seperti mana yang telah di gariskan dalam Pelan Integrasi Nasional?

Seterusnya B.4 iaitu, Suruhanjaya Pilihan Raya. Butiran 010100 Butiran 010200 – Pengurusan dan Operasi. Saya ingin bertanya, dalam konteks kita memberikan atau memperkukuhkan demokrasi secara berpilihan raya di negara ini saya kira pilihan raya merupakan satu *front* yang paling penting dalam menggerakkan usaha-usaha ini.

Simple sahaja soalan saya, *online registration, automatic registration* bagaimana? Dulu kita ada pegawai parti boleh mendaftar, sekarang bagaimana kedudukannya? Begitu juga pegawai-pegawai daripada agensi kerajaan negeri, adakah mereka juga boleh dikira sebagai pegawai SPR untuk mendaftar pengundi-pengundi baru? Serta saya ingin menjelaskan kaedah persempadanan semula yang digunakan oleh kerajaan bagi mengelak perwakilan yang tidak seimbang. Sebagaimana kita ketahui di Sarawak ada bantahan terhadap persempadanan semula kerana tidak mengikuti kaedah-kaedah yang sepatutnya secara demokrasi diikuti oleh kerajaan.

Seterusnya ialah B.6 Jabatan Perdana Menteri. Saya merujuk kepada Biro Tatanegara. Saya rasa isu ini penting kerana telah banyak sekali ditimbulkan, disoal Biro Tatanegara ini. Kalau saya sempat melihat dalam bajet ini sebanyak RM53 juta diperuntukkan untuk BTN. Berbanding dengan RM35 juta untuk Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Menteri dia pun ada di sini.

Saya timbul hari ini sebab, Biro Tatanegara ini banyak sekali aduan yang timbul daripada peserta-peserta Biro Tatanegara menyebut tentang bagaimana berlakunya indoktrinasi yang bukan menuju ke arah menyatupadukan rakyat berbagai-bagai agama dan kaum di negara ini,

akan tetapi banyak daripada aduan yang kita terima ialah Biro Tatanegara dijadikan sebagai indoktrinasi untuk menimbulkan kebencian agama dan kebencian kaum.

Bagi saya ini ialah satu perkara yang merosakkan kerana negara ini terbina di atas berbagai-bagai kaum. Negara ini terbina di atas berbagai-bagai agama. Kenapa Biro Tatanegara mengheret negara ini kepada indoktrinasi yang menimbulkan kebencian di antara kaum dan antara agama. Saya mohon penjelasan daripada Menteri dan saya juga ingin tahu bagaimana dia adalah satu biro yang besar peruntukan dia tetapi apa yang kita dapat daripada laporan dan aduan ialah duit rakyat telah diperuntukkan untuk memecahbelahkan negara ini mengikut kaum agama dan juga bangsa. Saya minta Tuan Pengerusi supaya Biro Tatanegara atas peranan yang negatif ini, kalau boleh dihapuskan sahaja kerana duit rakyat diperuntukkan begitu besar menyebabkan perpecahan yang berlaku berbanding dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional yang cuba sedaya upaya untuk menyatupadukan negara, menyatupadukan berbagai-bagai kaum dan agama tetapi, apa yang dibuat untuk membina diruntuhkan oleh Biro Tatanegara ini. Saya mohon penjelasan daripada pihak kerajaan.

Seterusnya ialah JAKIM. Jabatan Perdana Menteri – JAKIM. Saya ingin bertanya dalam konteks kelahiran ekstremisme di dunia hari ini. JAKIM memainkan peranan yang penting bagi menangkis fahaman-fahaman yang boleh merosakkan negara dan masyarakat. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah JAKIM mempunyai hala tuju Islam yang jelas? Adakah JAKIM hanya berkhidmat untuk kerajaan yang sedia ada? Sebab itu bagi saya, dua faktor ekstremisme iaitu tekanan ekonomi dan masalah sosial boleh menyebabkan anak muda dan remaja *resort to terrorism, resort to extremism thinking*, dan saya kira kerajaan sudah berusaha untuk menyatakan sikapnya yang tegas terhadap *extremism*.

Jadi apa yang saya bimbang Tuan Pengerusi, ialah dari sudut ideologi. Ideologi ini adalah satu *front* atau pun medan yang secara sedar oleh anak muda kita dan secara sukarela tanpa ada tekanan ekonomi ataupun sosial untuk pertama, terlibat dalam pemikiran yang ekstrem. Pemikiran yang ekstrem ini, adalah satu peluang di mana mereka boleh terus terlibat dalam kegiatan-kegiatan *terrorism*. Ini adalah berpandukan kepada fahaman Islam secara literal dan secara *texture* tanpa melihat kepada konteks yang ada.

Kedua, kebencian terhadap penjajahan dan kuasa barat yang menindas umat Islam khususnya di Palestin. Ketiga, dari segi ideologinya pengaruh orang-orang agama yang berceramah di masjid yang berkuliah lalu mengeluarkan fatwa-fatwa yang melahirkan satu semangat kebencian sehingga di dalam kepala mereka yang mendengar itu ada nilai-nilai *extremism*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih pada Yang Berhormat Parit Buntar dan Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi saya ingin minta melalui Yang Berhormat Parit Buntar, boleh tidak Yang Berhormat Parit Buntar mungkin bertanyakan kepada kerajaan sekali tentang isu yang saya telah bangkitkan sebelum ini dalam akhbar tentang JAWI yang di bawah JAKIM ini. Di mana dalam undang-undang sekarang ini, Pengarah JAWI adalah Setiausaha kepada MAIWP tetapi Setiausaha MAIWP itu sendiri adalah merangkap kepada CEO kepada

MAIWP. Akan tetapi sekarang ini kita lihat ada pelanggaran yang secara jelas di mana Setiausaha MAIWP ini iaitu Pengarah JAWI bukan memegang CEO kepada MAIWP yang ini adalah kehendak undang-undang. Jadi saya minta melalui Yang Berhormat Parit Buntar tanya kepada pihak kerajaan kenapakah boleh dilantik satu pelantikan iaitu CEO MAIWP ultra virus dengan enakmen pentadbiran undang-undang Islam Wilayah Persekutuan. Terima kasih.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Okey, Terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya masukkan sekali soalan walaupun saya belum habis lagi *landing*, Tuan Pengerusi. Isu JAKIM ini penting kerana dia menjadi satu badan yang melihat macam mana Islam hendak dibawa dalam konteks yang mengikut landasan yang "*rahmatan lil alamin*" dan sebagainya. Akan tetapi, hari ini isu ideologi yang melahirkan *extremism* adalah peluang bagi anak-anak muda kita terjebak dalam kegiatan *terrorism*. Ini besar dalam konteks strategik dan keselamatan negara.

■1150

Saya ingin tahu adakah JAKIM jelas bahawa tugasnya bukan sekadar menjaga kerajaan yang ada atau sekadar hendak cap halal tetapi juga menjaga keselamatan negara kerana hari ini dunia dikejutkan dengan apa yang berlaku di Paris dan sudah tentu kita tahu kesannya apa yang berlaku di Palestin, apa yang berlaku di Syria maka kita tidak mahu negara kita menjadi satu *heaven* kepada pemikiran ekstrem yang berleluasa.

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan apakah tindakan JAKIM kepada para penceramah agama yang kadang-kadang membawa fahaman ekstrem yang mengeluarkan fatwa-fatwa menghalalkan darah orang ini, mengkafirkan orang ini, menuduh orang ini, apakah sikap JAKIM? Ini kerana pemikiran inilah yang boleh membawa kepada sikap ekstremisme dan boleh membawa kepada perbuatan dan tindakan keganasan yang akhirnya mereka ini rapuh dan terdedah kepada kegiatan *terrorism*.

JAKIM juga perlu menyelesaikan polemik-polemik yang hari ini berleluasa di negara kita. Polemik Sunni vs Syiah, Syiah vs Sunni, Sunni vs Wahabi, Wahabi vs Ahabash. Ini semua berlegar di dalam *Twitter*, *Facebook* yang hanya dengan perbincangan itu boleh memberikan pengaruh kepada mereka yang membaca dan mengamatinya. Malah apa yang berlaku di Paris baru-baru ini, satu dapatan menyatakan bahawa mereka tidak pun mengenali IS itu apa dari sudut fizikal tetapi mereka mengenali IS hanya dari sudut internet dan dari sudut *Facebook* dan hubungan secara maya. Ini amat berbahaya dan saya berharap JAKIM dapat menjelaskan dan memainkan peranan yang lebih penting. Tidak mahu pula JAKIM pada waktu yang sama tanpa disedari menanam bibit-bibit ekstremisme kerana gagal mengawal para agamawan dan ustaz-ustaz yang mengajar tanpa panduan fiqah yang sebenar.

Akhirnya, saya juga ingin tahu tentang Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, ini penting Tuan Pengerusi, bagi saya peluang untuk tanya kerana peruntukannya ini besar. Isu konflik antara syariah dengan *civil law*, ini cukup besar yang telah menghantui negara kita dengan berbagai-bagai isu yang menimbulkan ketegangan hubungan antara agama, hubungan antara kaum dipolitikkan sebegitu rupa. Begitu juga dengan isu hudud, dipolitikkan sebegitu rupa oleh mana-mana pihak sehinggakan akhirnya isu sebenar, isu substantif, isu konflik syariah dengan

civil law tidak ditangani dengan hikmah dan bijak. Oleh itu, saya ingin penjelasan daripada soalan-soalan yang saya telah kemukakan untuk mendapat pencerahan kepada seluruh Ahli Parlimen dan seluruh rakyat, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Jasin.

11.54 pg.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam peringkat Jawatankuasa. Saya ingin membincangkan, pertama tentang Perkara B.5, Perkara B.6, Perkara B.7, Perkara P.6 dan Perkara P.7. P- Pembangunan.

Tuan Pengerusi, pertama saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan mengenai hala tuju...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat Jasin, jangan terganggu dengan Yang Berhormat Bintulu.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon penjelasan daripada pihak kerajaan mengenai hala tuju kerajaan ataupun wawasan kita. Penjelasan ini amat penting supaya kita dapat merungkaikan sedikit sebanyak tentang perbezaan kefahaman kita tentang wawasan yang kita hendak kejar pada ketika ini. Adakah kita sebenarnya sedang mengejar status negara maju ataupun seperti mana yang kita gariskan dalam Wawasan 2020 atau kita hanya menginginkan taraf negara berpendapatan tinggi sahaja. Kerana apa Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Pengerusi Yang Berhormat. Yang Berhormat Bintulu betul, pengerusi.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Menurut Bank Dunia pada tahun kewangan 2016, definisi negara yang berpendapatan tinggi ialah berasaskan kepada GNI per kapita yang bersamaan dengan USD12,736 ataupun lebih. Contoh negara maju tersebut adalah seperti Korea, Jepun dan US. Negara yang berpendapatan tinggi contohnya sebagai Brunei, Kuwait dan juga Arab Saudi. Dia hanya berpendapatan tinggi tetapi ketiga-tiga negara ini tidak dianggap sebagai negara maju. Jadi Tuan Pengerusi, wawasan kita Wawasan 2020 kita mahu mengangkat Malaysia, negara kita ke tahap negara maju tetapi sasaran kita sekarang nampaknya kita menumpukan banyak perhatian untuk mencapai ekonomi berpendapatan tinggi pada tahun 2020 nanti yang kita tidak semestinya bertahap negara maju.

Ini kerana Tuan Pengerusi untuk menjadi sebuah negara maju biasanya kita dilihat akan memiliki dua indikator iaitu pertama, tentang perkhidmatan yang seharusnya mencapai sebanyak 70%. Akan tetapi pada ketika ini kita hanya berkeupayaan mencapai sebanyak 54% ke 55% sahaja daripada segi perkhidmatan. Kedua daripada segi gaji dan upah pekerja. Kita seharusnya mesti mencapai 60%. Akan tetapi pada ketika ini kita sekarang hanya mencapai sebanyak 34.9% sahaja. Ini belum lagi dengan syarat-syarat 32 indikator yang telah ditetapkan oleh OECD. Jadi

kita mahu kepastian daripada pihak kerajaan, apakah sebenarnya sasaran kita menjelang tahun 2020.

Tuan Pengerusi...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sebab ucapan dia sebenarnya ucapan dasar, itulah sebab dia *refer* kepada Tuan Yang di-Pertua. Betul, saya bukan tidak bersetuju cuma ucapan ini memang ucapan dasar.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya memang pada dasarnya pada peringkat Jawatankuasa ia tidak melibatkan ucapan dasar tetapi saya susah untuk menilai sama ada dasar atau jawatankuasa pada peringkat ini.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Nanti kita tengok Yang Berhormat Batu apabila bercakap.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tadi saya memang bersetuju dengan pendirian...

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Kalau Yang Berhormat Batu hendak minta pencelahan, boleh tidak salah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itu ada *vision* yang sangat baik dan kita setuju.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Batu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya juga setuju kerana *backbencher* Barisan Nasional pun tidak tahu apakah visi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh...

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: ...Ini cakap apa ini?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ... Barisan Nasional.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, saya tidak faham Yang Berhormat Seputeh bangun hendak minta pencerahan kah apa?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Dia tidak faham. Sebab saya tanya pihak kerajaan tentang Wawasan 2020 kita. Seterusnya Tuan Pengerusi...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Apa yang saya tidak tahu kenapa *backbencher* kerajaan tidak faham hala tuju kerajaan.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Pengerusi...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: ...Kalau kita tidak faham seharusnya kita mendengar baik-baik ataupun minta penjelasan daripada saya. Saya boleh terangkan kerana saya diberikan 10 minit, saya tidak mahu memberikan penjelasan panjang-panjang. Biar pihak kerajaan yang memberikan penjelasan. Tujuan utama saya, saya mahukan pengkhususan daripada pihak kerajaan sebab kita mahu menjelang tahun 2020, kita mahu menjadi sebuah

negara maju kah ataupun sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi, yang mana satu ataupun kedua-duanya sekali. Kalau kita mahu kedua-duanya sekali, kita seharusnya mempunyai dan memiliki syarat-syarat seperti yang telah digariskan dalam OECD.

Tuan Pengerusi, pada tahun 2016 GNI per kapita yang kita anjurkan sebanyak RM38,438. Kita boleh mencapai tahap berpendapatan tinggi kalau nilai USD kita sebanyak RM3.11 tetapi malangnya sekarang pada tukaran semalam, kita pada RM4.39. Kalau RM4.30 pun, seharusnya kita mestilah meningkatkan pendapatan kita pada setiap tahun sebanyak USD3,797. Saya mahu bertanya kepada pihak kerajaan sama ada kita berkeupayaan untuk mencapai sasaran kita untuk mencapai sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 seperti yang disyaratkan oleh OECD sebagai sebuah negara maju.

Keduanya Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya tentang GNI per kapita bumiputera berbanding dengan per kapita bangsa-bangsa lain kerana pada ketika ini kita dapat lihat satu perbezaan yang amat ketara sekali.

■1200

Seterusnya, mampukah kita, kalau boleh merapatkan kembali jurang yang begitu melebar kerana pendapatan antara kaum sekarang ialah menjadi satu isu yang sepatutnya kita bincang bersama.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada unjuran pertumbuhan ekonomi pada tahun 2020 seperti mana yang kita bahaskan dalam RMK-11 baru-baru ini iaitu mengunjurkan nilai GNI kita sebanyak RM1.76 trilion pada tahun 2020. Untuk mencapai tahap tersebut, kita memerlukan CAGR pada harga semasa kita yang sebanyak 9.7%. Manakala, anggaran kadar pertumbuhan pada tahun ini hanyalah sebanyak 5.5%. Pada tahun 2016 pula diunjurkan sebanyak 6.9%, jauh lebih rendah. Maknanya, rendah kita sebanyak 57% ke 60% lebih 3% dari apa yang kita unjurkan di bawah RMK-11. Kalau kita lihat pertumbuhan ekonomi di Amerika telah menjunam daripada 2.9% pada suku tahun kedua kepada 1.4% pada suku tahun ketiga. Kejatuhan ini mengesahkan bahawa ramalan pertumbuhan ekonomi dunia pada tahun 2015, adalah lebih lemah iaitu 3.1% dari tahun 2014, 3.4% dan lebih rendah daripada unjuran awal kita iaitu 3.3%. Dari tahun 2016 pula diunjurkan bahawa *downward risk* adalah lebih besar daripada dengan izin, *upward potential*.

Keduanya, saya ingin merujuk pula kepada ramalan tentang potensi krisis kewangan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Pengerusi, saya rasa Yang Berhormat Jasin semakin melalut ini. Boleh bawa dia ke *track* balik atau tidak? Nampak dia masuk pada dasar pula.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Pengerusi, apa pun interpretasi mereka, saya tidak benarkan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya rasa bukan masalah tidak benarkan, ini melalut ini.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: ... kerana saya berbahas sekarang tentang perkara pokok ...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seputeh, duduk, Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: ... Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Perkhidmatan Awam. Dia tidak faham, Tuan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sekarang baru rujuk butiran.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Tuan Pengerusi, dia tidak faham, duduk diam-diam sahaja. Bagi saya, selepas ini, Yang Berhormat cakaplah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah sebut atau tidak butirannya?

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Apa yang hendak saya sebut di sini, kita merujuk kepada ramalan, kedua-dua *analyst* ini, dua orang adik-beradik yang meramalkan bahawa kita berpotensi mengalami satu krisis kewangan yang terbesar di dunia pada tahun 2016, 2018. Jadi, kalau boleh hendak tanya kepada pihak kerajaan, apakah yang telah kita sediakan untuk pelan B kita yang akan mengambil kira ancaman yang bakal kita hadapi itu? Ini kerana pelan A yang telah kita buat dalam Rancangan Malaysia Ke-11 pada hemat saya, mungkin kita terlepas pandang terhadap ancaman-ancaman tersebut. Mungkin perkara ini ialah satu perkara yang di luar pemikiran kita tetapi kita seharusnya jangan lupa. Petanda-petanda awal telah menunjukkan harga komoditi kita semakin menurun dan ini memang mencemaskan kita. Jadi, pelan B tersebut adalah untuk memastikan supaya kita masih lagi boleh mencapai tahap ekonomi berpendapatan tinggi di bawah landskap ekonomi geopolitik yang cukup mencabar ini.

Tuan Pengerusi, saya pergi pula kepada unjuran GDP. Ini masih berkisar kepada Jabatan Perdana Menteri. Unjuran GDP kita pada tahun 2016, saya berasa bangga tentang kemampuan kita mengendali dan menguruskan ekonomi negara dalam persekitaran ekonomi global yang tidak menentu ini. Sebagai contoh, GNI kita akan menokok sebanyak 6.9% kepada sebanyak RM1.21 trilion pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 pada harga semasa RM1.12 trilion. Saya perhatikan, pemacu utama pertumbuhan tersebut ialah perbelanjaan penggunaan swasta sebanyak 8.9% dan pembentukan modal kasar swasta sebanyak 6.9%. Pertumbuhan ekonomi bagi tahun 2015 pula seperti mana yang telah saya lakarkan sebentar tadi, nampaknya lebih lemah dari unjuran awal. Kita menurun 3.3% kepada 3.1% di peringkat dunia. Kemerosotan ekonomi US daripada 2.9% FT 2 kepada 1.4% FT 3, mengesahkan unjuran terkini ini.

Seterusnya, kita dapat lihat pada masa yang sama, unjuran IMF meramalkan bahawa *down side risk* bagi tahun 2016 adalah lebih besar lagi. Jadi dalam keadaan yang sedemikian, biasanya pihak pengguna dan swasta akan lebih berhati-hati untuk berbelanja. 'Tuan Yang di-Pertua' saya baru hendak menggulung, 'Tuan Yang di-Pertua' sudah...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: 10 minit sudah berlalu, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Patutlah panggil Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya ada satu perkara terakhir kalau sudah habis waktu. Saya hanya hendak menumpukan satu perkara mikro. Saya perhatikan banyak peruntukan pembangunan di bawah JPM kita sama ada langsung tidak dibelanjakan atau sangat kurang dibelanjakan. Maklumat ini kalau kita dapat lihat daripada buku kita, buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan ini muka surat 131 sampai 134, Anggaran Perbelanjaan Persekutuan tahun 2016. Oleh sebab senarai Yang Berhormat panjang dan masa saya pun terlalu singkat, jadi saya ringkaskan. Banyak daripada perbelanjaan tersebut sama ada kurang dibelanjakan atau kadang-kadang tidak dibelanjakan langsung.

Jadi saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, apakah masalah yang dihadapi oleh kementerian-kementerian tersebut ataupun jabatan-jabatan yang telah diberikan tanggungjawab? Ini kerana kita mahu melihat apabila angka ini telah diperuntukkan, seharusnya perbelanjaan tersebut bagi memastikan supaya kita dapat memberikan kesejahteraan kepada rakyat dapat dilaksanakan.

Ini kerana Tuan Pengerusi, tahun 2016 pula, dia mohon lagi. Kita dapat lihat bahawa permohonan tersebut sebanyak RM98.8 bilion yang diperuntukkan untuk empat tahun, hanya kita belanjakan sebanyak RM9.3 bilion sahaja. Kalau saya silap, dalam buku ini ada sebut. Jadi maknanya, kalau RM9.3 bilion setiap tahun, kita hanya belanja RM2.3 bilion, kerana dalam masa empat tahun. Pada tahun ini pula, dia mohon sebanyak RM14.3 bilion. Jadi, kita mampukah untuk kita belanja secara berhemah dalam masa tersebut kerana kalau boleh kita mahu kepastian, *value for money* dalam tempoh setahun tersebut. Jadi kerana masa tidak mengizinkan, Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Jangan lama-lama Yang Berhormat Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Bekalan 1010200 - Pengurusan Dewan.

Mr. Chairman, since the formation of Malaysia in 1963, the rights and privileges of Sabah and Sarawak have often been neglected, forgotten and brushed aside. That is what I'm trying to bring up today. I wish to set the record straight, that in particular in respect of the rights of MP for Sabah and Sarawak we are entitled to use English language in this House.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia kena dengan izin Speaker Yang terhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mr. Speaker, *that is a difference*. Dengan izin *ada as of right*.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Penampang menggunakan bahasa Inggeris dengan izin Speaker. Tetapi pada ketika itu juga Speaker bagi tahu dia tidak ingin jadikan itu sebagai kebiasaan.

■1210

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Mr. Chairman, Mr. Chairman, Mr. Chairman. The use of English is guaranteed under Article 161?*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kita ada peraturan mesyuarat, dengan izin speaker dalam Dewan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Dengan izin. *Under Article 161(1) "No act of Parliament terminating or restricting the use of the English language for any purpose mentioned in clause (2) to (5) of articles.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya yakin Yang Berhormat boleh berucap dalam bahasa Malaysia.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Ini, no it is a different matter, it is not whether I can speak in Bahasa or I cannot speak in Bahasa Malaysia.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *I can also speak in English Yang Berhormat.*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *But the whole thing is that, this is our rights here. Mr. Chairman you are also from Sabah. This is our right, we should not...*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya tahu tetapi tempoh hari itu kita bagi keputusan bahawa kita tidak inginkan itu jadi kebiasaan dalam Dewan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *We should not unnecessarily restrict our rights as guaranteed under the constitution, sub clause. There is a specific reference in the constitution to the use of English language in either House of Parliament by a member for or from the state of Sabah and Sarawak. What do you want Yang Berhormat Bintulu? What do you want?*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *Hello Yang Berhormat Bandar Kuching...*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *... You duduklah dulu, biar dia habis dulu.*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *Right is a right. Kalau you tak ada duduk...*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *You do not unnecessarily surrender your rights.*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *Not say surrender your right, I'm not...*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *You are compromising our own stand, you are from Sarawak.*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *Exactly you are Sarawak MP. Listen to him first.*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Bandar Kuching. *Why do we want to fight on unnecessary things, ini Dewan sudah lama!*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *This is not unnecessary! That's why I said...*

[Dewan riuh]

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *This is not fight, this is our right!*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *No act of Parliament restricting the use of English language.*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:*why do we want to make Taiwan punya masa. Lawan-lawan punya betul. Jangan lepas cakap punya!*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Lawan-lawan betul. This is our fundamental rights! Under the constitution...*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kenapa perenggan pertama *you* tak mahu cakap ini perkara!

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Even that...*

[Dewan riuh]

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *Listen to him first ...seorang hakim!*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Malulah! Malulah dia dari Sarawak. Tak faham *English* kah?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *Why we always want to mislead the people. Mahu lawan-lawan, betul-betul, apa untung kepada rakyat!*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *What do you mean by mislead the people? What do you mean by mislead the people?*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini lawan untuk diri sendiri tak ada tengok...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *No, no let me talk...*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *This is upholding our rights! Sit down Yang Berhormat Bintulu, sit down Yang Berhormat Bintulu.*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *You diamlah!*

[Dewan riuh]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Apalah hari-hari lawan buang masa dalam Dewan perbincangan rakyat punya masalah, negara punya masalah!

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *This is our standard...*

[Dewan riuh]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *You* bukan hari ini jadi Yang Berhormat, kalau macam ini mula-mula masuk *lu* cari orang tua!

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Yang di-Pertua, *lu lu* apa ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya tahu Yang Berhormat. Yang Berhormat dalam peraturan mesyuarat perlu izin speaker.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Mr. Chairman...*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Perlu izin speaker Yang Berhormat. Hari itu Yang Berhormat Penampang berucap speaker buat keputusan bahawa dia tidak harus jadikan kebiasaan dan izinkan Yang Berhormat Penampang pada ketika itu menggunakan bahasa Inggeris.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Yes, after that, after that I make further research. On the provision of the constitution it's stated there, no act of Parliament terminating or restricting the use of English language for any purpose mentioned in clause bla... bla.. and then*

ya... shall come into operation as regards the use of English language in any case mentioned in clause 2 of this article until 10 years after...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Time frame, time frame ya. Where is the time frame there...*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Yes, after Malaysia day. Mr. Speaker hear me out, hear me out, until today I will go 161 sub clause (2)(a), "to the use of English language in either house of Parliament by a member for of from the state or Sabah and Sarawak Okay. That is the provision. So far there is no act of Parliament passed that I know of to restrict members of Parliament from Sabah and Sarawak to use English language in this House. No such act! The closest you can find is the National Language Act. But mind you Mr. Speaker in the National Language Act clause 1(ii)...*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Never mind, I will allow you, go straight to the butiran Yang Berhormat.*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Yes, butiran pengurusan Dewan.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Ya, ya.*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *How this Dewan is to be run. Speak English. This is our rights, the act about National Language Act. This act shall come into force in the states of Sabah and Sarawak on such dates as the respective State Authorities may by enactments of the Legislatures of the respective states appoint or difference base may be appointed for the coming into force of different provisions of this act in those states. Mr. Speaker, as far as Sarawak is concerned...*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *There is no legislation passed in the state assembly for the National Language Act to come into operation. Therefore as far as Sarawak is concerned, the National Language Act is not effective or it's not operative and by extension Member of Parliament from Sarawak are entitled to speak English in this House, and as of right not dengan izin Yang Berhormat Bintulu doesn't understand. Yang Berhormat Bintulu doesn't understand. But it is a shame that he stands up to object to it when I'm speaking about Sarawak's rights.*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *Hei Yang Berhormat Bandar Kuching. Tahun 1999 saya baru pertama masuk sini itu masa Tuan Yang di-Pertua, Tun Yang di-Pertua sudah bagi tahu dalam Dewan ini guna bahasa Malaysia. Kalau mahu guna bahasa Inggeris mesti mahu dengan izin daripada Speaker, you tak dengar lagikah! [Tepuk]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Whatever!*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *Sudah setuju itu masa dalam Dewan, ini...*

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: *He is making a point but he doesn't understand. [Dewan riuh]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *Kalau sebagai wakil rakyat.*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *In this country, Federal Constitution ...*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Apa ini *Federal Constitution*, kalau itu fasal kalau *you* pandai...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *You want to speak for Sarawak or you want to speak for UMNO?*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Saya sebagai wakil rakyat...

[Dewan riuh]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Kongkalikung punya cerita! Buat bodoh sama rakyat Sarawak! Fahamkah!

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Bandar Kuching boleh? Yang Berhormat Bandar Kuching boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, pengucapan ini tidak, kerana saya izinkan Yang Berhormat untuk 10 minit *you have 2, 3 minutes more to go*.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *I have two minutes more, yes.*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Bandar Kuching boleh saya mencelah sedikit? Boleh? Boleh saya mencelah sedikit. Yang Berhormat Bandar Kuching boleh saya mencelah?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Mr. Speaker unless there is any law specifically to prohibit or restrict member of Parliament from Sarawak and Sabah to use the English language in this House. Otherwise I, all Sarawak MPs are entitled as of right to speak English in this House!*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat memperjuangkan wakil rakyat kepada wakil rakyat, boleh mencelah?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *So Speaker, you have to respect the founder, the drafter of constitution. We have to respect the meaning of this constitution, [Disampuk] you sit down, you sit down. I've no time.*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kita ini wakil rakyat, rakyat di negeri Sabah semua bukan faham *English* di luar bandar. Rakyat di negeri Sabah dan Sarawak mendengar hujah-hujah di Parlimen...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Let us stand together as Sarawakians to protect what we have in this constitution.*

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Yang Berhormat Putatan, *that is our right! That is our right.*

[Dewan riuh]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *So Mr. Speaker...*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya gulung.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *Shut up you!*

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: *You shut up!*

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Putatan duduk!

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Wakil rakyat *Sabahan*.

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Sandakan duduk. Duduk ya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mr. Speaker...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Okey, gulung Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya hendak pencilahan Yang Berhormat boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak ada sudah habis masa Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sikit sahaja.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Mr. Chairman...*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey terima kasih. Tuan Pengerusi, saya rasa saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Bandar Kuching tentang penggunaan bahasa Inggeris ini apa yang jelas Perlembagaan adalah undang-undang yang tertinggi. Dalam Artikel 62 yang selalu dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua bahawa laporan mesyuarat ini dibuat berdasarkan Perlembagaan. So, peraturan mesyuarat tidak boleh mengatasi Perlembagaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ia tidak boleh Yang Berhormat, ia tidak, *in material at this stage* saya bagi kebenaran untuk berucap.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya rasa bagi pihak Barisan Nasional ini...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tetapi pada masa yang sama kita akan kaji balik 163 untuk dibaca bersama dengan peraturan mesyuarat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak kita mesti ada *clarification* lah setakat ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *For the time being, for the time being I will allow him, that's it.*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Thank you Mr. Chairman for allowing me to use English language and I hope after much research you will concur with what I have said today and shut the mouth of those who objected. Thank you Mr. Chairman.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih. Habis sudah.

■1220

Dato' Seri Tiong King Sing. [Bintulu]: Tuan Pengerusi, ini mana boleh...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bandar Kuching sudah habis.

Dato' Seri Tiong King Sing. [Bintulu]: Ini tidak cakap perpaduan. Keharmonian dalam negara kita... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat. Tidak apalah Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Bangunlah Yang Berhormat Penampang. Yang Berhormat Penampang pada peringkat dasar hari ini pun diberi kebenaran oleh Tuan Pengerusi untuk berucap dalam Bahasa Inggeris. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Gerik.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Pengerusi, adik-adik kita tengok tidak itu? Tengok, adik-adik kita tengok. Malulah sikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gerik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Oi, malu pada Yang Berhormat Bintulu lah. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang lain duduklah Yang Berhormat. Saya sudah panggil Yang Berhormat Gerik.

12.20 tgh.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Siapa ini? Oh.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Saya juga ingin...

Dato' Seri Tiong King Sing. [Bintulu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Tuan Pengerusi, saya juga ingin membahaskan dalam Jabatan Perdana Menteri berkaitan dengan Kepala B.5, B/P.6, B/P.7 dan juga B.40.

Pertama soal JPA dan SPA. Saya mencadangkan kepada kerajaan untuk melihat semula supaya keluaran universiti yang berijazah diambil bekerja seperti SKS. Ini kerana di bawah Jabatan Perdana Menteri boleh ambil kira. Kalau tidak, kita akan menghadapi masalah pengangguran yang lebih besar.

Dalam perkara B/P.6 JPM, perkara pertama yang saya ingin mendapat pandangan daripada pihak kerajaan ialah pembangunan koridor RM2.4 bilion di mana berapakah pecahan-pecahan koridor yang diagihkan dalam negara kita. Perkara yang kedua, apa yang boleh kami dapat di Koridor Utara terutama khususnya dalam Parlimen saya di Gerik, di mana dengan ada RM2.4 bilion sekadar yang saya melihat pembangunan di Royal Belum untuk pelancongan. Saya juga ingin melihat bagaimana pembangunan pertanian daripada segi untuk menambahkan hasil ternakan padang-padang ragut walaupun ada di Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Akan tetapi kita tahu pembangunan di koridor juga membantu daripada segi sudut tersebut. Maka saya berharap pembangunan koridor minta Jabatan Perdana Menteri memaklumkan perkara-perkara yang ada dalam pembangunan koridor terutama di Koridor Utara.

Perkara yang kedua di bawah UKAS yang kita melihat ada RM5.8 bilion yang mana keutamaan untuk pembangunan sebarang benda. Antaranya saya mencadangkan supaya UKAS dan juga EPU yang ada juga peruntukan RM2.2 bilion yang besar walaupun saya minta daripada JKR dan juga daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk pembinaan jalan dalam DUN Pengkalan Hulu dari Kampung Tasik menembusi Jalan Gerik-Kupang, saya percaya

pada EPU dan juga UKAS tadi boleh sedikit sumbangkan untuk pembangunan jalan tadi, boleh memberi kebaikan.

Begitu juga kita melihat di bawah projek PR1MA, supaya pihak kerajaan mempertimbangkan semula konon-konon mengikut harga pasaran semasa. Saya lebih tertarik supaya rumah PR1MA tidak lebih daripada RM200,000 untuk membolehkan rakyat di bawah boleh membeli. Kalau ikut harga pasaran konon-konon bawah daripada 20%, akhirnya masyarakat Melayu terutamanya tidak mampu untuk membeli rumah PR1MA, kerana itu lebih baik kalau kerajaan membantu rakyat letakkan harga rumah PR1MA ini di bawah paras RM200,000 ke bawah, bukan harga mengikut kurang 20% dalam pasaran.

Begitu juga saya melihat dalam keadaan kita menghadapi banjir di bawah Jabatan Perdana Menteri Kepala B/P.6, APMM di mana kita sepanjang masa banjir, bencana alam, ribut. Saya amat mengharapkan supaya aset-aset diberikan kepada seluruh JPAM dalam negara kerana aset tadi boleh membantu bencana yang berlaku dalam negara. Saya melihat JPAM dalam Parlimen Gerik sendiri tidak mempunyai kelengkapan yang selengkap-lengkapnyanya. Jadi oleh sebab itu, kerana ini kita tugas baru daripada MKN kita berikan kepada JPAM maka peruntukan yang ada ini sediakan jentera-jentera yang boleh membantu bencana yang berlaku. Kita ambil contoh Jalan Kuantan, apa kemudahan JPAM ada? Buldozer kah apa hendak tolak tanah kan? Akan tetapi kita bila peringkat daerah bagi arahan pada JPAM untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Begitu juga di bawah Jabatan Peguam Negara. Kita melihat dalam menuju tahun 2020 hendak menjadi negara maju, dalam Dewan hari ini pun kita sudah mula dikacau oleh pihak pembangkang untuk menghuru-harakan dalam Dewan, pihak Bandar Kuching bercakap dalam bahasa Inggeris konon-konon hendak mengubah budaya tanpa kebenaran Tuan Pengerusi. Akan tetapi saya berharap Jabatan Peguam Negara melihat semula unsur-unsur perpecahan dalam negara, tidak hormat kepada Raja, tidak hormat kepada Bahasa Malaysia dan pelbagai lagi sebahagian besarnya didalangi oleh pihak pembangkang untuk menghuru-harakan negara [Tepuk] Ini kerana antara contoh yang paling besar semalam, mereka hendak menggagalkan kelulusan peringkat dasar bajet kita. Maka oleh sebab itu, saya berharap supaya Jabatan Peguam Negara melihat daripada yang sekecil-kecil hingga sebesarnya. Gunakanlah apa akta untuk memastikan mereka yang merosakkan negara ini diambil tindakan. [Disampuk]

Dalam B.40, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Kita berhadapan juga di mana pihak Kementerian Pendidikan cuma menjadikan guru tetap yang di bawah IPG. Saya berharap supaya universiti-universiti lain yang mengeluarkan mereka yang memilih perkhidmatan pendidikan dilantik sebagai guru-guru untuk ke jawatan tetap. Walaupun kita tahu, Menteri Pendidikan Tinggi telah menyatakan kementerian ingin melahirkan graduan-graduan yang memikirkan bekerja sendiri. Akan tetapi saya percaya kita tidak akan mencapai negara maju kalau kadar pengangguran semakin meningkat.

Oleh sebab itu Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran mesti melihat satu perkara lagi, SPP kena lihat balik kerani-kerani yang mana dulu sekolah agama mengambil keputusan

mendaftarkan dengan Kementerian Pendidikan, ada kerani-kerani tadi sampai hari ini umur 40 tahun tidak dapat disahkan dalam jawatan tetap, hanya mampu macam dulu-dulu dibayar gaji RM300. Saya berharap SPP melihat perkara-perkara tersebut, jangan kita melihat soal orang di atas semata-mata, turun ke bawah perhatikan rakyat di bawah bagaimana mereka yang mendapat pendapatan yang lebih rendah supaya mereka boleh lebih berjaya, boleh sama-sama tidak rasa rendah diri untuk memastikan mereka turut bersama diberi jawatan tetap, kerana itu benda ini mestilah dilihat bersama-sama.

Seperkara lagi di bawah Jabatan Perdana Menteri, Amanah Raya. Kita melihat Amanah Raya terlibat untuk hukum-hukum faraid, kadang-kadang dibuat di peringkat pejabat tanah di daerah. Sejauh mana Amanah Raya membantu sesetengah masyarakat kita yang tidak memahami perkara tersebut? Oleh sebab itu, ada aset-aset ataupun orang yang sudah meninggal tadi tidak difaraidkan kepada waris-waris yang ada. Saya percaya pihak Jabatan Perdana Menteri boleh melihat perkara tersebut, membantu menerangkan kepada rakyat. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Jasin tadi bahawa kalau tahun 2020 kita tidak boleh negara maju, kita teruskan apa yang ada. Bukan soal menjadi negara maju itu yang paling penting tetapi sejauh mana rakyat boleh menerima kita Barisan Nasional sebagai kerajaan, itu yang paling mustahak.

■1230

Ini kerana pihak pembangkang sentiasa memutar belit. Sebagai contoh, Yang Berhormat Pandan yang cukup bijak berhujah dalam Dewan mengatakan GST sehari dikenakan RM19. Kalau satu rumah orang di bawah ada 10 orang, takkan sehari kita kena RM190? Maknanya pemusingan fakta, berbohong dalam Parlimen dilakukan sepanjang masa dan perkara ini *diviral* pula turut disambung-sambung kerana kita akhirnya ramai pakar-pakar ekonomi di luar. Ramai pakar-pakar fitnah di luar. Jadi dengan ini Tuan Pengerusi, saya menyokong dalam bajet Jabatan Perdana Menteri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kelana Jaya.

12.31 tgh.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Perbahasan saya pendek sahaja. Saya merujuk kepada B.1 Butiran 040000 perkara tentang sewaan tablet PC. Tuan Pengerusi, kita tiap-tiap hari lihat dalam tablet komputer kita ini, sebenarnya nama dia Sony Vaio Duo 13. Itu *brand* dan jenama dia. Sewaan setahun adalah sebanyak RM550,000. Di sini Ahli Parlimen 222. Jadi kalau kita semua ambil pembahagian, *if we breakdown the maths*, setiap tahun kita kena bayar RM2,500 setahun bagi sewaan setiap satu komputer depan kita. Model komputer ini dikeluarkan pada tahun 2013. Dia sudah *two years behind*, sudah dua tahun.

Jadi saya hendak minta dan bukan itu sahaja Tuan Pengerusi. Sony tidak buat komputer lagi. Kalau kita hendak buat *repair*, susah. Jadi, walaupun nampak *figure* perkara ini, di depan semua Ahli Parlimen, tiap-tiap hari kita lihat komputer ini. Kita tahu sewaannya RM2,500 satu komputer. Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri jawab, siapakah pembekal komputer ini, berapa lama kontrak sewa? Setahun, dua tahun, tiga tahun, lima tahun, berapa? Sebab

walaupun nampak *figure* RM550,000 dalam konteks bajet RM260 bilion, ini adalah isu tentang *government procurement*.

Kalau beli komputer untuk Ahli Parlimen, terdapat isu-isu macam ini, apa lagi perkara benda *procurement* lain yang berjuta-juta, berbilion-bilion di depan Dewan ini. Jadi saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri jawab dengan penuh, beri *full complete disclosure*, siapa pembekal, berapa tahun sewaan dia, dan kenapakah kita beli komputer model dua tahun yang lalu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong.
12.33 tgh.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya untuk bahas Butiran 020000 - Unit Perancang Ekonomi, 21000 - Jabatan Perpaduan Negara, 29000 - Agensi Berkuasa Bencana Negara, 00100 - PR1MA.

Tuan Pengerusi, isu perpaduan di kalangan rakyat hari ini bukan hanya berlaku di luar, tetapi juga berlaku di dalam Dewan ini. Oleh sebab itu saya percaya tumpuan harus diberikan oleh kerajaan untuk meningkatkan tahap perpaduan di kalangan rakyat supaya nilai-nilai yang telah membolehkan negara ini berdiri pada tahap ini dapat terus dikekalkan malah ditingkatkan dan ditambah baik.

Soal yang perlu dikaji oleh kementerian mengapa perkara ini berlaku, sejauh manakah sikap tolak ansur yang selama ini dapat dan telah pun kita bina dapat kita perkukuhkan. Kita juga mesti lihat apakah elemen-elemen yang menyebabkan perkara ini terus berlaku. Oleh sebab itu satu perkara yang perlu dan ingin saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, saya mohon supaya Menteri yang berkenaan supaya memperkukuhkan semua agensi dan jabatan yang memainkan peranan dalam soal untuk meningkatkan perpaduan di kalangan rakyat.

Hari ini kita lihat Jabatan Perpaduan Negara di peringkat daerah, akar umbi nampaknya macam "*hidup segan mati tak mahu*". Kalau isu ini penting, kita mesti perkukuhkan dari segi kepegawaiannya, peruntukannya, programnya mesti disegarkan dan disesuaikan dalam keadaan semasa. Hari ini kita dapat lihat bahawa kalau bukan tidak ada program aktiviti dibuat oleh Jabatan Perpaduan Negara di peringkat daerah, ada. Akan tetapi kalau kita lihat dan ukur dari segi kehadiran, peserta semua di kalangan mereka yang sudah pun berusia, yang nampaknya sudah bertongkat dan sebagainya. Bagaimana dengan generasi muda?

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Lenggong tentang Jabatan perpaduan Negara. Setuju kah Yang Berhormat Lenggong kalau kita lihat dari segi program, begitu cantik. Cuma dari segi penghayatan itu khususnya di peringkat bawahan dan akar umbi.

Jadi, bagaimanakah pada pandangan Yang Berhormat lenggong supaya pegawai-pegawai ini benar-benar dilatih dan sampai satu tahap melihatkan suasana yang tidak menentu ini, terutama sekali dalam aspek perpaduan. Kita lihat dalam Dewan sebentar tadi, pegawai-

pegawai Jabatan Perpaduan Negara ini harus ditambah dan digerakkan bersama-sama dengan agensi-agensi yang lain. Terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya bersetuju sebab itu saya sebut tadi bahawa mesti diperkukuhkan semua agensi, jabatan, apa juga program-program yang berkaitan dengan perpaduan di peringkat akar umbi. Ini penting. Hari ini kita juga, saya setuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tadi, kena tambah pegawai, peruntukan kena tambah, disegarkan pegawai kita di bawah supaya mereka faham dengan situasi yang berlaku pada hari ini. Saya lihat ada juga di kalangan program-program yang dibuat masih lagi stail lama. Stail dahulu-dahulu, tidak berubah dan sesuaikan dengan keadaan hari ini.

Oleh sebab itu saya mohon supaya tambah peruntukan, tambah aktiviti, segarkan semua sekali dan mesti diperbanyakkan sesuai dengan keadaan yang berlaku pada hari ini. Itu di Jabatan Perpaduan Negara.

Saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara. Saya ucap terima kasih Yang Berhormat Arau kerana hari ini nampak sudah ada penambah baikkan dari segi bagaimana kita hendak membantu dan menyelesaikan isu-isu bencana. Tentunya mengambil kira apa yang telah berlaku sebelum ini. Saya ucap tahniah kepada pihak kementerian. Cuma tentu ada beberapa isu perlu ditambah baik.

Perkara pertama yang saya ingin tekankan, kita jangan hanya tumpu kepada usaha untuk mengatasi selepas bencana itu berlaku. Akan tetapi kita juga mesti berusaha untuk melihat bagaimana untuk memastikan supaya bencana itu dapat dikurangkan di tahap yang paling minimum. Saya lihat walaupun ia menyentuh kementerian lain Yang Berhormat Menteri, tetapi kalau saya, baru-baru ini saya hadir ke mesyuarat di peringkat daerah yang dikawal selia oleh Jabatan Pertahanan Awam, tetapi dilaporkan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dia masih lagi terikat dengan formula kaedah lama. Kalau hendak mengumpul data ini masih lagi berpegang kepada orang yang datang ke tempat penempatan. Kalau itu berlaku lagi, saya percaya akan ada banyak masalah yang berlaku.

Ada orang yang tidak duduk di pejabat, dia duduk di rumah ibu bapa dia, atau di tempat yang lebih selamat. Akan tetapi dia tidak dikira sebagai mangsa. Ini perkara-perkara yang perlu diberikan perhatian. Dan tambahlah dari segi pegawainya dan saya percaya satu perkara yang perlu diberi perhatian saya harap diberi pemahaman sepenuhnya kepada semua agensi di bawah. Saya nampak ada seolah-olah juga ada jabatan yang kata, kalau sudah JPAM yang ambil perhatian, maka hendak cuci rumah lepas banjir kah, hendak buat lepas apa aktiviti kah, serahlah pada JPAM. Yang lain nampaknya hendak lepas tangan dan sebagainya. Yang ini kena diberi perhatian. Akan tetapi saya minta juga...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sekejap Yang Berhormat Sepang. Saya minta juga ditambah baik kelengkapan. Saya hendak beri contoh Tuan Pengerusi, munasabah kah kalau bot ditempatkan kalau di tempat saya, bot itu hanya sesuai di laut dalam,

tetapi peralatan itu ditempatkan contohnya di Lenggong dan sebagainya. Seorang naik sudah terseret di atas jalan raya kerana ia bukan sesuai untuk di kawasan-kawasan seumpama itu.

Jadi dari segi kelengkapannya, pegawainya dan pengurusan dengan semua agensi lain mesti diperkukuhkan supaya dia tidak akan mengganggu proses. Jadi saya minta selepas, sebelum banjir dan bencana ini diambil kira untuk mempermudah dan mengatasi masalah dan mengurangkan sebagaimana yang berlaku sebelum ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Setuju kah dengan saya bahawa oleh kerana anggota-anggota APAM ini yang kita tahu memang berdedikasi untuk menolong mangsa-mangsa banjir dan juga skop kerja mereka memang mendedahkan mereka kepada risiko-risiko. Kadang-kadang ular masuk rumah pun mereka akan diminta bantuan. Jadi mereka ada di— saya boleh katakan lah seperti di Sepang itu mereka mengatakan tidak ada insurans.

■1240

Jadi, setuju dengan saya bahawa sudah sampai masanya mereka ini mesti dilindungi oleh insurans supaya kalau ada apa-apa berlaku kepada mereka, sekurang-kurangnya jaminan kepada keluarga dan sebagainya dapat diperhatikan. Terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang ini setuju sangat. Pertama kali masukkan apa yang dia sebut dalam ucapan saya. Yang ini sahajalah. Yang lain saya tidak mahu campur. Sebab kalau dia cakap macam ini selalu bukankah bagus, Tuan Pengerusi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang lain *you* tidak faham. Itu tidak ...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Apa? Akan tetapi yang inilah. Yang lain itu memang teruklah. Tidak boleh pakai langsung.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Hebat Yang Berhormat Lenggong bersetuju dengan Yang Berhormat Sepang.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Pengerusi, satu lagi perkara ialah maklumat ini. Saya tengok pengalaman bencana yang sebelum ini, ketua kampung kalau di peringkat akar umbi, Jabatan Kebajikan Masyarakat datang minta maklumat pada dia, kejap lagi JPAM mari hendak maklumat daripada dia, orang ini datang hendak maklumat. Buat kerja maklumat sahaja pun sudah begitu beban kepada dia.

Sebab itu saya minta supaya SOPnya, standard maklumatnya mesti disusun oleh satu pihak sahaja. Kalau tidak nanti Tuan Pengerusi, datang Jabatan Kebajikan Masyarakat ini format dia. Datang Jabatan Kesihatan hendak format ini. Pening kepala. Mangsa banjir tidak diselamatkan juga. Hendak menyelesaikan birokrasi dan isu-isu seberapa ini sahaja sudah membebankan. Jadi perkara-perkara ini, saya harap diberikan perhatian.

Saya hendak juga minta dan hendak tahu, berapakah jumlah lokasi penempatan pindah banjir yang telah pun disiapsiaga hari ini? Apakah jumlah *manpower* yang sudah kita ada? Apakah kelengkapan yang kita ada ini sudah cukup untuk mengatasi masalah ini? Juga, saya minta supaya kementerian cuba untuk mengurus dan menggerakkan supaya sukarelawan, NGO,

bot nelayan dan sebagainya juga dibawa bersama. Apakah kaedah yang diguna pakai oleh pihak kementerian untuk mengajak pihak-pihak lain bagi bersama mengatasi masalah ini?

Tuan Pengerusi, 100100 – PR1MA. PR1MA, saya faham satu badan yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk menyediakan perumahan kepada rakyat dan juga minta supaya PR1MA ini dapat membina rumah di kawasan saya di Lenggong. Akan tetapi saya minta PR1MA tolong runding dengan kita, jangan benarkan mana-mana pihak swasta membina rumah tidak tentu pasal. Kita pun hendak jaga juga daripada aspek tertentu supaya tidak berlaku lambakan rumah dan pembinaan rumah-rumah yang tidak tentu hala ini dan akhirnya menjejaskan banyak perkara. Jadi saya minta PR1MA supaya mengambil perkara ini. Apa juga perkara yang hendak dibuat, minta dirujuk dahulu kepada kita.

Satu lagi saya minta supaya...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Akhir Yang Berhormat, ya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Proses permohonan pinjaman untuk pemohon-pemohon PR1MA ini dapat kita mudahkan.

Satu sahaja akhir, Unit Perancang Ekonomi. Saya minta Unit Perancang Ekonomi mencari jalan supaya membawa pembangunan-pembangunan yang ada di bandar ini ke luar bandar supaya nikmat juga dapat dinikmati oleh rakyat luar bandar, terutama daripada segi pekerjaan, dari segi peluang peningkatan taraf hidup dan sebagainya.

Sebab itu saya juga ingin mohon Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri supaya memberi perhatian kepada projek yang telah pun saya fikir masuk dalam Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu projek Lenggong Agro Valley ini supaya ia dapat menjadikan satu kawasan yang membolehkan penyediaan peluang pekerjaan dan meningkatkan usaha untuk membasmi kemiskinan dapat dilakukan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat, bahasa Malaysia Yang Berhormat ya. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat. Dalam Peraturan Mesyuarat 8, "*Bahasa rasmi Majlis ialah Bahasa Malaysia, tetapi Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan penggunaan Bahasa Inggeris*". Di Parlimen ini, Speaker menginterpretasikan *Standing Order*, Peraturan Mesyuarat kita, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Mesti ada izin Speaker ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya sangat bersetuju.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Akan tetapi saya minta Yang Berhormat berbahas dalam bahasa Malaysia, ya.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya sangat bersetuju kerana perkara tersebut tidak berbangkit selama ini.

12.44 tgh.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih. B.1 - Parlimen. 01000 - Urusan Parlimen. Saya menghormati masalah kekangan tempat untuk diberikan kepada pihak media dan juga pihak lain. Akan tetapi ada *circular* yang dikeluarkan oleh pihak Parlimen yang menghadkan tiga orang bilangan wakil media untuk berada dalam ini suatu yang saya fikir – saya memahami apa yang disebut oleh Speaker semalam dalam kenyataan beliau. Ini kerana kita sedang mengalami pengubahsuaian bangunan lama itu.

Akan tetapi bagi saya sepatutnya kita berusaha untuk mencari tempat. Ini kerana kalau sebelum ini - saya sangat menghormati Yang Berhormat Arau dan juga Yang Berhormat Padang Rengas sewaktu menjadi Menteri yang mengetuai Parlimen. Saya fikir persoalan ini tidak berbangkit kerana untuk pegawai-pegawai kerajaan yang bertugas daripada kementerian dan jabatan, mereka diberikan ada satu tingkat di sebelah atas, tingkat satu, bersamaan dengan pejabat Menteri Yang Berhormat Arau sendiri sebelum ini. Jadi, tidak ada masalah saya lihat.

Akan tetapi hari ini saya lihat bahawa tingkat satu itu seolah-olah macam Menteri yang jaga Parlimen ini ambil semua satu *floor*. Jadi saya fikir bahawa ini yang sepatutnya dilihat kembali, dikaji kembali supaya – cukuplah kalau Menteri dahulu, dua-dua Menteri daripada Padang Rengas dan juga Arau boleh cukup satu ruang di atas tingkat satu itu, tidak perlu ambil sampai di sebelah satu lagi itu. Saya fikir bahawa Menteri yang ada sekarang pun cukuplah dengan bilik yang ditinggalkan oleh Yang Berhormat Arau. Jadi saya minta dikaji balik, kemudian ditambahkan bilangan.

Saya bersetuju daripada segi konsep menghadkan itu supaya tidaklah terlalu ramai. Akan tetapi maknanya, bukannya tiga tetapi mesti lebih daripada tiga, lima ataupun enam orang dengan kita membawa pegawai-pegawai bertugas itu berkhidmat di sebelah atas. Ini kerana mereka hanya hendak mencatat soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen kemudian untuk disediakan jawapan untuk dijawab oleh pihak kerajaan, oleh pihak Menteri.

Kemudian **030100** - Penstrukturan Semula Sekretariat PAC. Saya tidak memahami apakah yang dimaksudkan dengan Penstrukturan Semula Sekretariat PAC. Saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan. Akan tetapi yang saya hendak bangkitkan adalah daripada segi keanggotaan PAC. Saya lihat macam ada suatu yang tidak kena apabila keanggotaan PAC itu dianggotai oleh mereka yang berada dalam lembaga pengarah agensi-agensi kerajaan, sama ada badan berkanun ataupun GLC. Berkemungkinan PAC juga harus melihat kepada institusi-institusi, agensi-agensi badan berkanun ataupun GLC yang dianggotai oleh anggota PAC itu sendiri.

Jadi sudah tentu bahawa ini akan menimbulkan keadaan yang tidak dilihat ketelusan apabila seperti Yang Berhormat Putatan - saya tidak ingat, dia dalam Lembaga Koko Malaysia. Jadi kalau ada isu dalam Lembaga Koko Malaysia, bagaimana PAC hendak membuat persidangan.

Contohnya, contoh saya kata. Bagaimana hendak buat persidangan untuk membuat satu penyiasatan dan sebagainya kerana Pengerusi ataupun Ahli Lembaga Pengarah dalam Lembaga

Koko Malaysia itu berada dalam anggota PAC. Jadi saya minta harus disemak kembali supaya dipastikan anggota PAC mereka ini tidak berada dalam mana-mana GLC ataupun badan-badan berkanun.

Mungkin Ahli-ahli Parlimen daripada BN mungkin rasa "*Rugilah kami tidak dapat elaun dari Lembaga Pengarah*". Tidak apa. Saya fikir, tingkatkan elaun mesyuarat PAC. Itu lebih supaya mereka tidak dikongkong oleh rasa kepentingan-kepentingan tertentu. Jadi saya boleh bersetuju untuk ditingkatkan elaun mesyuarat PAC ataupun elaun tetap, elaun tambahan bulanan setiap anggota PAC, saya boleh bersetuju supaya mereka bebas untuk melakukan penyiasatan dan sebagainya.

Kemudian, saya juga ingin mendapatkan penjelasan B.3 - Jabatan Audit Negara berkaitan dengan 02000 - Pengauditan. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan, bila dijangka lengkapnya audit terhadap 1MDB ini, boleh dikemukakan kepada Dewan ini? Sekarang ini sudah sampai ke peringkat mana? Ini kerana laporan awal yang disiapkan tidak diberikan kepada kami Ahli-ahli Parlimen. Jadi, kita hanya mendapat macam-macam gambaran yang tidak ada kepastian. Jadi saya minta satu yang harus dipercepatkan, *insya-Allah*.

Kemudian, B.6 010600 - Kabinet. Saya hendak minta penjelasan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, apa keperluan untuk anggota Kabinet yang begitu ramai? Saya bangkit dalam perbahasan dasar tetapi tidak dijawab.

■1250

Anggota Kabinet yang begitu ramai sampai 35 orang ke 37 orang, Jabatan Perdana Menteri sahaja sampai berapa. Jadi apa keperluan sampai begitu ramai dalam keadaan jumlah rakyat kita hanya 30 juta. Jadi saya minta bahawa apa perkiraan sampai seolah-olah menunjukkan begitu lemahnya anggota Kabinet kita tidak boleh buat kerja yang lebih walaupun dengan jumlah yang berkurangan. Apa yang penting kita hendakkan melonjakkan ekonomi kalau 35 orang pun lonjakkan ekonomi, pencapaian negara kita tidak setara mana, buat apa. Jadi saya hendak minta apa rasionalnya sampai begitu ramai berbanding dengan negara-negara luar. Di India, di Amerika, di Indonesia, di United Kingdom jumlah rakyat mereka lebih ramai tetapi jumlah anggota Kabinet mereka lebih kecil. Jadi saya minta penjelasan ini untuk memastikan supaya wang negara kita itu dibelanjakan secara yang bermanfaat untuk kepentingan rakyat dan negara kita.

Kemudian 010100 – Jabatan Perdana Menteri juga. Saya hendak minta bahawa sebab Jabatan Perdana Menteri ini dia memantau, ada agensi-agensi di bawah dia. Khususnya Perdana Menteri yang melantik ada agensi termasuk GLC dan sebagainya. Jadi macam mana dia memantau YaPEIM? Saya hendak minta bagaimana Perdana Menteri yang bertanggungjawab terhadap YaPEIM membuat pemantauan kepada YaPEIM sehingga dua orang pegawai tertinggi dia, Pengerusi juga Timbalan mendapat elaun gajinya... *[Disampuk]* Dua orang itu sampai dapat berapa? *[Disampuk]* RM80,000. Sehingga setiap agensi-agensi di bawah YaPEIM itu yang dianggotai oleh setiap mereka itu ada elaun yang tertentu yang diberikan sehingga jumlahnya ini terlalu besar. Jadi saya hendak minta penjelasan bagaimana

pemantauan itu dibuat sehingga seseorang itu macam boleh mengumpul pendapatan mereka. Ini sudah lebih daripada Menteri kalau sebulan sampai RM80,000, Yang Berhormat Sungai Petani ya? Sebulan RM80,000 ini lebih daripada Menteri, lebih daripada Tuan Yang di-Pertua. Pada hal apa sahaja sangat dia buat.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi saya minta supaya dihadkan kembali bukan sahaja dalam YaPEIM tetapi dalam lain-lain, tetapi dihadkan jumlah penerimaan yang akan diperolehi oleh Lembaga Pengarah ini mesti dihadkan. Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan. Begitu juga bagaimana pemantauan terhadap program yang disertai di luar negara. Apa keperluan hendak pergi buat kursus kahwin di Paris? Sampai RM290,000 pergi buat kursus kahwin. *Awat* orang Arau tidak ada, la kalau pergi kursus kahwin kena bayar duit? Pergi kursus kahwin kena bayar duit berapa puluh ringgit? RM80. Apakah YaPEIM pernah pergi buat kursus kahwin untuk orang Arau atau pergi bagi peruntukan kepada orang miskin? Orang miskin ada di Arau saya pergi, di Tamu Tulangkah di manakah.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi saya hendakkan penjelasan bahawa bagaimana perbelanjaan juga, apa kemunasabahan hendak pergi buat kursus kahwin kepada pelajar. Hai, tidakkan MSD tidak ada pegawai agama? *Malaysia Student Department* kan? Dia ada pegawai-pegawai agama, mereka boleh urus sendiri. Apa perlu untuk hendak guna YaPEIM untuk hendak buat kursus kahwin? Kedutaan ada di sana, Jabatan Pelajar. Jadi saya minta apa keperluan sampai kepada peringkat hendak buat kursus kahwin kepada pelajar-pelajar di luar negara. Jadi saya hendak minta selain daripada kursus kahwin kepada pelajar-pelajar di Paris itu, di mana lagi yang dibuat? Adakah YaPEIM juga buat kursus kahwin untuk mereka yang hendak berkahwin di dalam negara kita dan berapa banyak mereka yang terlibat?

Kemudian akhir sekali Tuan Pengerusi iaitu B.8 – Jabatan Peguam Negara, 040000 dan juga 18000 – Penasihat dan Pejabat Penasihat Undang-undang Terengganu. Saya hendak minta sejauh mana Jabatan Peguam Negara ini menasihati kerajaan negeri-kerajaan negeri khususnya Kerajaan Negeri Terengganu. Ini kerana dalam bulan Mei baru-baru ini Kerajaan Negeri Terengganu telah membuat satu pindaan kepada Enakmen Tanah Rizab Melayu, seksyen 9, untuk memasukkan UMNO Negeri Terengganu sebagai badan yang boleh dipindah milik tanah rizab itu ke atas dia. Ini di masuk tertera dalam enakmen tersebut. Saya tidak pernah – walaupun saya bukan seorang ahli undang-undang tetapi saya tidak pernah berjempal, mari ke meja kita ini ada enakmen ataupun ada undang-undang atau akta ini yang menyebut ada perkataan UMNO dalam undang-undang tersebut. Jadi sejauh mana mereka menasihati? Apa keperluan, pertama apa keperluan untuk hendak masukkan UMNO dan kemudian di *back dated* kan kelulusan tersebut, dibelakangkan tarikhnya untuk kelulusan tersebut. Jadi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya boleh habiskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya ya. Jadi saya hendak minta penjelasan apa keperluan untuk masukkan UMNO sebagai badan yang boleh dipindah milik tanah rizab Melayu ke atas mereka. Ini suatu yang sangat janggal yang berlaku dalam negara kita kerana selama ini dari segi kuasa untuk menentukan badan-badan ataupun apa-apa *company* itu sebagai bumiputera ataupun tidak Melayu ataupun tidak dia di bawah bidang Exco Kerajaan Negeri. Jadi sekarang ini pula ini bukan lagi bidang kuasa sudah termaktub, di undang-undangkan dalam Enakmen Tanah Rizab Melayu, seksyen 9 ini di undang-undangkan sebagai penerimaan. Maknanya UMNO negeri Terengganu ini boleh dipindah milikan tanah rizab Melayu. Jadi saya rasa ini satu benda yang sangat pelik yang luar biasa yang berlaku dalam negara kita ini. Jadi sebab itu saya minta supaya pihak kerajaan melihat dan memberikan penelitian ini supaya ia tidak menjadi satu yang ditertawakan oleh masyarakat seluruhnya. Jadi terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Putatan.

12.58 tgh.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Nombor satu, saya ingin berterima kasih kepada Menteri menjaga MKN negara, Yang Berhormat Arau. *[Disampuk]* Ini urusan Parlimen, urusan Parlimen dia sentiasa sini dia yang betul-betul, Menteri yang betul-betul berkeyakinan dan menjaga Parlimen sebelum ini dan sampai sekarang. Sekarang ini satu lagi benda yang baru. Jadi tahniahlah kepada Menteri memberi jawapan yang begitu jitu.

Tuan Pengerusi, saya lebih kepada masa ada dua minit lagi, kepala T.5 dan T.6, perbezaan peruntukan yang dibagi kepada Ahli Dewan Negara dengan Dewan Rakyat ini. Saya lihat kepada Dewan Negara lebih banyak peruntukan iaitu berjumlah RM1.8 juta dan Dewan Rakyat pula hanya dibagi RM1.6 juta. Ini menjadi satu persoalan bagi saya kerana kita Dewan Rakyat ini lebih ramai jika dibandingkan dengan Dewan Negara. Jadi ini saya minta penjelasan daripada pihak yang berkenaan kenapa ini serupa begini. Jadi saya melihat masalah-masalah yang dihadapi Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat ini ada serba kekurangan. Saya pernah menyebut perkara ini soal kelemahan kita yang kita hadapi, peraturan, Yang Berhormat Pokok Sena ini saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pokok Sena sebab kami sama-sama duduk dalam Jawatankuasa Dewan.

Yang Berhormat Bandar Kuching saya ingin – Yang Berhormat Bandar Kuching sudah keluar ya? Peraturan Mesyuarat 8 ini yang seperti Tuan Pengerusi sentuhkan tadi bahasa rasmi dalam Dewan ini kita ingat adalah Bahasa Malaysia. Jadi soal dari Sabah dan Sarawak itu tidak timbul sama sekali tetapi Tuan Pengerusi ada kuasa memberi ruang dengan izin perkara ini. Tuan Pengerusi yang telah pun menyentuh Peraturan Mesyuarat 8 tadi. Saya hendak mencelah tetapi dia tidak bagi laluan kepada saya tadi.

Jadi soal daripada kemarahan daripada wakil-wakil rakyat dari bandar ini, mereka lupa kita ini wakil rakyat keseluruhan iaitu rakyat kita di luar bandar pun ingin mendengar perbincangan

kita di Parlimen. Jadi kita tidak mahu rakyat kita tidak faham apa perbincangan kita di dalam Parlimen ini. Saya mohon kerjasama daripada pihak-pihak yang lain walaupun perjuangan itu dalam Perkara 161 dalam Perlembagaan itu, kita mesti hormati peraturan mesyuarat yang kita telah adakan di sini. Kalau kita melihat kepada transformasi Parlimen, Yang Berhormat Gelang Patah pun telah menyebut beberapa kali kita mahu Parlimen ini sebagai *first class Parliament*. Akan tetapi beliau juga sendiri pada satu ketika tidak menghormati keputusan Tuan Yang di-Pertua. Jadi ini satu yang terlalu banyak permainan politik dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, bernas ucapan tetapi sambung petang Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat bersidang semula sebagai majlis mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini ditangguhkan pada jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Mesyuarat*]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Putatan. Sudah habis?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya hendak *test* Yang Berhormat Putatan, dia bercakap benar atau tidak. Sudah tiga minit, bukan setengah minit. Ya, sila.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Empat minit jam dia.

2.32 ptg.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sambungkan perbahasan saya tentang apa yang kita sentuh tadi pasal Peraturan Mesyuarat 8 iaitu bahasa rasmi dalam Dewan yang mulia ini. Saya ingin ulang kembali bahawa ini adalah Dewan yang mulia, yang kita hormati. Bahasa Malaysia ialah bahasa rasmi dan jika ada antara

kita yang hendak memperjelaskan dalam bahasa Inggeris, kita boleh dibenarkan dengan izin oleh Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, soal sebagai wakil rakyat ini, kita harus berfikir bahawa kita ini mewakili semua lapisan masyarakat termasuklah masyarakat penduduk-penduduk di luar bandar. Kalau juga dalam Dewan ini ada kemungkinan bahawa ada antara Ahli Parlimen kita Yang Berhormat yang tidak faham atau tidak begitu fasih dalam bahasa Inggeris, saya tidak tahulah kalau sahabat saya Yang Berhormat Pokok Sena faham bahasa Inggeris dengan penuh. Jadi, ini saya mengharapkan dihormatilah peraturan mesyuarat. Kalau kita hendak Dewan kita ini menjadi satu *first class Parliament*, dengan izin.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Sabar, nanti sekejap. Duduk dahulu, nanti saya bagi ruang.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lenggong di belakang. Lenggong, Lenggong.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Jadi, saya mengharapkan Yang Berhormat-Yang Berhormat yang sudah begitu lama dalam Parlimen ini memberi satu contoh yang baik supaya Ahli Parlimen yang muda-muda ini mempelajari gelagat-gelagat yang terbaik. Jangan kita ikut macam gelagat Yang Berhormat Gelang Patah semasa pembentangan bajet pada ketika itu yang langsung tidak menghormati keputusan Speaker. Jadi, saya bercadang Tuan Pengerusi...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tidak boleh menyerang peribadi, Tuan Pengerusi. Boleh bagi *warning*?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: ...Ahli Yang Berhormat yang digantung oleh kerana beliau sendiri berkehendakkan Dewan kita ini menjadi *first class Parliament*, maka saya bercadang untuk *mereview* kembali Peraturan Mesyuarat 78 bahawa bukan sahaja digantung tetapi mungkin elaan dia dapat juga *direview* kembali supaya ini satu pengajaran kepada Ahli-ahli Parlimen yang tidak begitu mematuhi dan menghormati peraturan mesyuarat Dewan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada tiga orang yang bangun. Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Sandakan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Belakang, Lenggong.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya bagi dengan Yang Berhormat sahabat saya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lenggong di belakang pun tidak nampakkah?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Di belakang, tidak nampak. Saya bagi dia sebab dia berdiri dahulu.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cuma saya ingatkan di peringkat Jawatankuasa, kita 10 minit sahaja ya.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Ya. Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Jadi tentang perkara tadi, apa yang disebut mengenai perkara bahasa itu, saya tidak fahamlah mengapa Yang Berhormat Putatan mahu *object, you know*. Satu, Perlembagaan yang berhak untuk Sabah dan Sarawak untuk memakai satu bahasa. Kita tidak halang sesiapa pakai bahasa Melayu ini di Dewan tetapi pun tidak boleh halang kalau hak Perlembagaan Sabah dan Sarawak pakai bahasa Inggeris. Ini saya fikir kita *all the time*, dengan izin. *We are talking about autonomy, we are talking about to fight for the 20 points, all these things*. Akan tetapi ini yang kita yang harus sebagai Ahli Parlimen dari Sabah. Saya tidak nampak kesesuaian untuk menghalang satu Perlembagaan yang hak kita.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Okey, okey faham sudah itu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Lenggong.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ya, Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Putatan. Ini bukan soal kita tidak menghormati penggunaan bahasa Inggeris. Sabah dan Sarawak pun adalah sebahagian dari Malaysia. Kita kena menghormati bahasa kebangsaan.

Jadi saya fikir dan saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Putatan, mana-mana peraturan yang agak ada longgar sedikit, mesti kita perbetulkan. Apa yang mustahaknya, kita kena daulatkan penggunaan bahasa kebangsaan. Dalam waktu yang sama, kita menghormati penggunaan bahasa lain. Bukan bermakna kita tidak benarkan tetapi kena lihat daripada segi keutamaan dan kesesuaiannya. Itu pandangan saya, Yang Berhormat Putatan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sini, sini. Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini amoi boleh minta juga?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, dia rujuk kepada butiran yang mana satu?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Apa itu amoi?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dia tidak sebut butiran.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Langsung *unparliamentarily*.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, duduk semua Yang Berhormat. Semua duduk Yang Berhormat. Sebab itu saya ingatkan masa Yang Berhormat Putatan hanya 10 minit. Sekarang tinggal dua minit sahaja. Jadi terpulang kepada Yang Berhormat untuk memberikan laluan. Pukul 2.40 petang nanti saya terpaksa memberhentikan Yang Berhormat Putatan.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan. Perkataan 'amoi' boleh digunakan atau tidak? Kalau boleh digunakan, saya akan panggil Yang Berhormat Putatan sebagai apek.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Putatan, sila teruskan.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Apek.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang ini botak. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tidak bolehlah macam ini Yang Berhormat. Yang Berhormat Putatan, kalau Yang Berhormat Putatan tidak berminat...

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Putatan yang cakap hendak *first class Parliament*.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ya. Saya bersetuju. Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya menjawab dengan sahabat saya dari Yang Berhormat Sandakan. Sebab itulah dia tidak begitu faham bertutur, bercakap dalam bahasa Malaysia. Kita ada peraturan, sebab itu dia tidak faham. Saya ampunkan Yang Berhormat Sandakan, dia tidak faham. Sebab itu tidak perlulah saya jelaskan. Saya bagi maaf sama dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, satu minit lagi.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 030100 iaitu dasar baru penstrukturan semula Parlimen. Ini soal Jawatankuasa PAC. Yang Berhormat Pokok Sena pun ada sentuh mengenai ini. Jadi, oleh kerana peruntukannya hanya RM229,000, saya mengharapkan peruntukan ini ditambah sebab kita memerlukan kakitangan-kakitangan yang membantu jawatankuasa ini dan ini kalau kita melihat peruntukan seperti ini tidak cukup.

Satu lagi Tuan Pengerusi, soal yang saya sebutkan tadi itu, Speaker. Speaker kalau kita melihat dia apabila balik ke Kota Kinabalu, saya ulang ini. Dia terpaksa duduk di kelas ekonomi.

■1440

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Pandai Yang Berhormat Putatan. Bila sebut Tuan Pengerusi ini jadi tidak bolehlah saya halang.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Jadi Tuan Pengerusi ini, kedudukan Tuan Pengerusi amat penting sekali.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Mana hendak halang, bos kita.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Kalaulah Dewan itu ada di Sabah, maka Tuan Pengerusi pun terpaksa pergi ke Sabah. Jadi kalau lain kali, kalau Ahli Parlimen balik ke sini, pakai *business class*, Tuan Pengerusi duduk di kelas ekonomi, kasihan. Jadi saya

mintalah pihak kerajaan, Yang Berhormat Arau sudah masuk. Tolong juga bawa perkara ini kepada *governor* supaya Tuan Pengerusi diberi keistimewaan yang setimpalnya dengan tugas-tugas. Bayangkan tekanan yang dibawa oleh pihak-pihak pembangkang menggasak Tuan Pengerusi tiap-tiap perbahasan dalam Dewan. Kadang-kadang pening, kadang-kadang tidak tahulah. Bukan senang ya kerja Tuan Pengerusi ini. Jadi kereta Tuan Pengerusi ini pun belum kena ganti ya. Kalau Yang Berhormat Penampang yang boleh bercakap dalam *English*, boleh diizinkan. Ini Yang Berhormat Sandakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Putatan, cukuplah fasal kereta. Timbalan Tuan Pengerusi tidak disebut. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Satu lagi. Ini satu, INSPEN ini amat penting sekali. Ini Butiran 12110 – Kumpulan Wang Persekolahan, ini pendidikan, Jabatan Pelajaran termasuk dalam Jabatan Perdana Menteri. Ini INSPEN. Jadi saya mengharapkan ini oleh kerana kita ada juga butiran yang mengatakan kumpulan wang bayaran GST dan TRS ini mungkin kita boleh lihat dengan kedudukan-kedudukan penduduk luar bandar yang mana hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu menjadikan rakyat di negara kita ini mendapat pendapat yang tinggi dan sebagai negara yang maju, maka, saya mintalah, mohon kalau penduduk-penduduk di luar bandar ini dibagi khusus bantuan terutama sekali golongan murid yang miskin ini.

Saya mengharap GLC juga dapat datang membantu kerajaan untuk memberi sumbangan kepada murid-murid yang miskin termasuk kawasan daripada Yang Berhormat Kuala Krau yang saya percaya banyak juga orang yang tiada miskin tapi banyak miskin tegar. Saya mengharapkan kerajaan dapat melihat perkara ini. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Arau.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Seputeh. 10 minit.

2.41 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *Syukran jazilan* Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini boleh diterima. *[Berucap dalam bahasa Mandarin]* dengan izin. *[Ketawa]* Saya ingin merujuk kepada Butiran 050000 – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Saya ingin tanya tentang Indeks Syariah Malaysia yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada bulan Februari pada tahun ini di mana kerajaan akan beri penilaian syariah dalam lapan bidang iaitu penghakiman, politik, ekonomi, kesihatan, pendidikan, budaya, infrastruktur, alam sekitar dan sosial. Persoalan saya ialah, macam manakah kerajaan memberi penilaian dan adakan indeks dalam lapan bidang ini. Apakah ini merupakan langkah untuk mengubah asas Perlembagaan Persekutuan dan asas penubuhan Malaysia sejak kemerdekaan?

Misalnya dalam Indeks Syariah bagi politik, adakah macam Yang Berhormat Putatan ini sudah capai apakah indeks yang akan dikenakan pada dia dan juga kita. Jadi, bagi kita bila kita lihat macam ekonomi, kesihatan, infrastruktur pun kena ada Indeks Syariah. Apa maksudnya? Macam mana penilaian itu diadakan? Sehubungan dengan itu saya juga ingin bertanya tentang Meja Bulat Pengharmonian Undang-undang Kajian Undang-undang Bertulis yang dianjurkan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada 18 hingga 19 November iaitu dalam minggu ini. Saya difahamkan IKIM menjemput wakil NGO untuk hadir. Jadi saya hendak tahu apakah kedudukan IKIM di dalam JAKIM ataupun di dalam Kerajaan Persekutuan. Kenapakah kita sebagai Ahli Parlimen tidak dijemput untuk menghadiri perbincangan satu isu berkenaan dengan undang-undang yang begitu penting ini.

Ramai orang sebenarnya agak bimbang sama ada seminar anjuran IKIM ini merupakan satu langkah bagi kerajaan untuk meminda undang-undang Malaysia tanpa melalui Parlimen. Jadi, ini satu kebimbangan dan saya hendak suarakan di sini. Tuan Pengerusi, saya hendak rujuk juga kepada Butiran 310000 – SUHAKAM dan Butiran 320000 – Institut Integriti Malaysia. Peruntukan bagi SUHAKAM pada tahun ini ialah RM10,986,200 tetapi ia telah dikurangkan kepada RM5,509,400 bagi tahun 2016. Sehubungan dengan itu, peruntukan bagi Institut Integriti Malaysia (IIM) juga dikurangkan daripada RM11,738,000 ke RM6,026,900 pada tahun 2016.

Kedua-dua jabatan ini, peruntukan mereka telah pun dikurangkan, dipotong 50%. Satu pemotongan yang begitu drastik bagi kedua-dua agensi ini. Jadi kita hendak tahu apakah kedudukan SUHAKAM dan juga IIM atau Institut Integriti Malaysia ini bagi kerajaan dan apakah ini hala tuju Kerajaan Pusat yang mana SUHAKAM ini tidak lagi penting, Institut Integriti Malaysia yang mempromosi integriti tidak lagi penting. Oleh sebab itu peruntukannya dipotong 50% dan kita hendak tahu macam manakah kedua-dua agensi kerajaan ini akan mengadakan aktiviti, program mereka untuk mempromosi hak asasi manusia dan juga integriti?

Adakah ini juga menunjukkan bahawa Kerajaan Pusat kita di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini, isu integriti tidak lagi penting. Isu hak asasi manusia tidak lagi penting.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh, boleh.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Seputeh, sikit, sikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dua yang bangun, yang mana satu Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Lenggong dulu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Okeylah Yang Berhormat Lenggong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia mesti suka saya punya.
[Ketawa] Yang Berhormat Seputeh, saya hendak tanya ini satu sahaja...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya mahu tanya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Seputeh tadi. Saya minta Yang Berhormat Seputeh jawab ini saja. Saya tengok Yang Berhormat Seputeh memperjuangkan supaya tambah bajet. Apa fasal semalam tidak sokong? Apa fasal? *[Tepuk Double standard]* lah Yang Berhormat Seputeh. Bila ini cakap bajet ditambah, ini tambah, tidak adil.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Semalam undi tolak, *you* tidur kah?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Apalah.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Memang tidak sokonglah sebab tidak setuju.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ya lah, semalam dia tidak sokong, hari ini dia minta tambah. Mana satu ini? *[Dewan riuh]*

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tidak setuju dengan bagaimana wang peruntukan...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini yang mana satu Yang Berhormat Seputeh? *You* sokong apa ini?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dia cukup...

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Tidak faham langsung lah. Tidak faham.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Cakaplah, ini cakap lain. Tidak betul lah fasal ini. Perlu keluarlah.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Yang tidak betul itu Yang Berhormat Lenggong. Tidak betul!

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Okey.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Semalam dia tidak sokong. Hari ini dia minta bajet lebih. Mana satu betul ini? Tidak fahamlah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Pengerusi, saya hendak dapat pandangan daripada Yang Berhormat Seputeh. Mereka tidak faham kalau kita maksudnya bajet ini mengurangkan bajet-bajet banyak institusi yang penting bagi negara kita. Oleh itu kita tidak boleh sokong. Kalau sokong maksudnya kita setuju dengan pemotongan itu. Apa pandangan Yang Berhormat Seputeh?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya setuju, sebab itu kita pergi daripada kementerian ke kementerian untuk menunjukkan bagaimana tidak betul bagi bajet untuk tahun 2016. Jadi Yang Berhormat Lenggong dengar betul-betul. Tuan Pengerusi dan kalau saya lihat yang Butiran...

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Arau pun mahu tanya?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tidak, sikit saja, sikit saja.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Arau pun tidak faham?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Sebab saya sayang pada awak, saya tanya sikit saja. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa bajet yang kita bentangkan itu, sebelum kita

bentangkan bajet Yang Berhormat semua sudah setuju untuk tolak. Jadi tidak betul lah kata bajet ini ditolak kerana kurang peruntukan. Sebelum kita perkenalkan bajet, pembangkang perkenalkan bajet dia. Pembangkang telah tolak dengan bajet.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia kongkalikung lah.

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]: Ini konvensyen apa, Yang Berhormat Menteri pun boleh? *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya ingat Yang Berhormat Seputeh jangan cakaplah. Sudah, cukuplah Yang Berhormat Seputeh.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Seputeh bagi laluan. Tuan Pengerusi, saya ingat, Yang Berhormat Seputeh bagi laluan. Pandangan Yang Berhormat Seputeh, bagaimana jadi Yang Berhormat Menteri kalau sendiri keliru apa maksudnya bajet. Bajet kita ialah bajet yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Pekan ini telah melakukan satu tindakan yang tidak membantu institusi-institusi seperti hak asasi manusia, integriti, anti rasuah. Kalau nilai bajet itu tolak benda-benda ini maksudnya bajet yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Pekan ini menentang hak asasi manusia, tidak berintegriti dan sokong rasuah. Apa pandangan Yang Berhormat Seputeh? *[Dewan riuh]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini pusing macam nombor lapan lah sekarang ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi saya rasa kita perlu bagi satu kursus tentang demokrasi dan juga fungsi Parlimen dan fungsi alternatif *government...*

■1450

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Empat minit lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Empat minit. Okey, kita sendiri bagi, tawarkan kursus macam mana jadi pembangkang yang berkesan bagi Yang Berhormat Arau dan rakan-rakan sebelah depan saya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Setujulah, minta pembangkang...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Institusi Integriti dan SUHAKAM kata pada mulanya mereka ingin anjurkan kursus untuk Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tetapi sekarang tidak ada bajet untuk buat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Mungkin sebab itu Yang Berhormat Arau dan rakan-rakan hendak potong peruntukan bagi SUHAKAM dan Institut Integriti Malaysia. Tuan Pengerusi, sebenarnya saya lihat ada satu jabatan, Bahagian Penjenamaan Negara yang mana bajet untuk tahun ini RM15 juta, dipotong ke RM10 untuk tahun hadapan. Sebenarnya, apakah fungsi Bahagian Penjenamaan Negara ini? Ini adalah di bawah Butiran 480000. Jadi, saya berharap pihak kementerian boleh beri satu penerangan tentang fungsi itu.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Boleh Yang Berhormat Seputeh?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kalau ini tidak membantu negara...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Putatan, Putatan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Cukuplah, dia putar belit. Cukup, cukup. Tutup *mike* dia Tuan Pengerusi, supaya saya boleh teruskan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya mahu tanya satu penjelasan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Cukup, cukup. Tuan Pengerusi, saya juga hendak rujuk kepada Butiran 370000 - Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) yang mana peruntukannya juga dipotong banyak dari RM142 juta tahun ini kepada RM29 juta. Jadi, saya sebenarnya sekarang hendak tahu apakah hala tuju PEMANDU sekarang? Dahulu Senator kita, Dato' Sri Idris Jala adalah Menteri Kabinet tetapi sekarang dia bukan lagi Menteri di dalam Kabinet. Adakah dia masih mengetuai PEMANDU dan pemotongan yang begitu drastik dalam Unit PEMANDU ini. Unit ini nampaknya boleh ada atau mungkin tidak perlu lagi. Jadi, saya hendak minta kerajaan bagi satu penjelasan tentang peranan PEMANDU dan juga fungsinya sekarang. Tuan Pengerusi, saya juga hendak rujuk...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, *point* terakhir.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Rujuk kepada Butiran 010000 - Khidmat Korporat bagi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah yang mana peruntukannya daripada RM15 juta, potong kepada RM8.6 juta pada tahun yang akan datang. Adakah ini juga bermaksud bahawa kerajaan tidak lagi memandang serius bagi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah, itu sebab peruntukannya dipotong dengan begitu drastik? Saya juga hendak tanya, adakah servis bagi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah ataupun SPRM ini adalah *close service*, yang mana pegawainya tidak boleh dipindah, minta keluar ataupun ditambah pegawai masuk ke dalam SPRM ini? Oleh kerana kita lihat apabila kes 1MDB ini dalam waktu *peak* siasatan itu, boleh ada dua pegawai kanan yang boleh dialih keluar ke SPRM dan selepas itu dimasukkan balik semula. Jadi, kami hendak tahu apakah sistem...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sudah lebih masa Tuan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...di bawah pegawai SPRM ini? Saya juga hendak tahu tentang SPR 010000 yang mana peruntukannya bertambah dari RM1.42 juta kepada RM2.326 *million* bagi tahun yang akan datang. Kami hendak tanya, SPR ini sejak Mei 2013 sampai Mei tahun ini, dua tahun baru mereka mendaftar 373,467, dengan izin, pengundi baru. Ini menunjukkan mereka tidak laksanakan tanggungjawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Akan tetapi peruntukan tambah lagi. Jadi, adakah, saya juga hendak tanya, bilakah persempadanan kawasan ini akan dibentangkan? Adakah kerajaan akan membentangkan persempadanan kawasan baru atau kita akan kekal dengan apa kerusi yang kita ada untuk PRU Ke-14. Sedikit sahaja Tuan Pengerusi, tentang Parlimen, Butiran 15000 - Pengubahsuaian dan Menaik Taraf Parlimen Malaysia. Kami juga

hendak tahu, kami diberitahu dahulu 2015 pengubahsuaian Parlimen ini akan siap tetapi sampai sekarang kita masih berada di sini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kata mahu pergi *meeting*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, memang *meeting*. Juga saya sokong Yang Berhormat Pokok Sena tentang tiga...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tadi cakap mahu pergi *meeting*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...*reporter* hanya diberi setiap media masuk ini. Kami hendak tahu penjelasan, kenapa yang sofa dekat sana tidak perlu lagi pindahkan, bagi *reporter* pergi buat kerja. Saya rasa lebih bagus. Dalam laman web kita ini tidak *update*. Parti AMANAH tidak ada dalam statistik perwakilan parti di dalam Dewan Rakyat ini? Adakah ini satu lepas pandang kah atau apa? Hendak minta penjelasan. *Syukran Jazilan*, terima kasih.

[*Tepuk*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Bagi wanita, Yang Berhormat Parit Sulong.

2.55 ptg.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya teruskan kepada P.6 Butiran 06100...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Arau, tidak bagi pada Yang Berhormat Parit Sulong, susah kita. Sila.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: [*Ketawa*]

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Amboi, sukanya Yang Berhormat Arau. Ketawa mengekek-ngekek. Minta maaf Yang Berhormat Menteri. Okey, Development of Halal Industry, dengan izin. Industri persijilan halal terhadap suatu syarikat atau produk mempunyai satu potensi yang besar di Malaysia ini. Saya hendak bagi statistik, sekarang ini berdasarkan statistik perdagangan pada tahun 2012, nilai eksport produk Malaysia mencecah RM33 bilion. Jadinya, sebelum itu kerajaan pun saya hendak memuji sikap Kerajaan Malaysia yang hendak menjadikan Malaysia sebagai Halal Hab Dunia. Jadinya, telah menubuhkan Halal Industry Development Corporation atau HDC pada 18 September 2006.

Sehubungan dengan itu, saya tengok statistik JAKIM pun ada menunjukkan bahawa 14,778 permohonan telah lulus permohonan pensijilan halal di seluruh Malaysia sehingga Jun 2014 yang merangkumi pelbagai kategori industri. Jadi, beberapa soalan yang saya hendak tanya kepada pihak kementerian termasuklah berapakah jumlah sijil perakuan halal yang telah ditarik balik, yang telah lulus kemudian ditarik balik dan mungkin kementerian boleh menyatakan juga mengapa syarikat-syarikat ini ditarik balik dia punya perakuan sijil halal tersebut. Kemudiannya saya juga hendak bertanya, berapa kerapkah JAKIM membuat lawatan mengejut

kepada syarikat-syarikat ataupun kilang-kilang yang mempunyai sijil halal agar mereka sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan?

Dalam waktu yang sama Tuan Pengerusi, saya menerima pelbagai aduan terutamanya daripada usahawan-usahawan yang menyatakan kesukaran mereka untuk mendapatkan perakaunan sijil halal ini, terutamanya dari industri kecil bumiputera Islam. Jadi, kerana itulah saya ingin bertanya kepada pihak JAKIM, mengapakah terdapat kesukaran untuk mendapat sijil halal ini? Apakah jangka masa daripada mula permohonan sehinggalah kelulusan. Jadinya, dia punya *time frame*, dengan izin, berapa lamakah? Saya menerima aduan setengahnya mengambil masa sehingga setahun. Adakah ini benar dan sekiranya benar, mengapakah ia terjadi?

Jadi, mungkin pihak kementerian boleh menyatakan mengapakah permohonan sijil halal ini tidak diluluskan oleh pihak JAKIM? Adakah bantuan teknikal yang diberikan oleh JAKIM ini didapati kurang untuk membantu permohonan-permohonan tersebut? Selepas itu saya juga dimaklumkan bahawa ada cadangan untuk membuat makmal untuk analisa persijilan halal. Saya hendak tahu bilakah tempat ini ataupun makmal ini akan 100% beroperasi? Apakah ada *facility* lain yang akan diwujudkan oleh JAKIM, termasuk adakah JAKIM akan menambah kakitangan mereka untuk membantu kepakaran mereka? Terutamanya dalam menentukan permohonan mengenai perakuan persijilan halal ini.

Seterusnya, bagi Butiran 470000 - Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp). Sebagaimana yang kita maklum, TalentCorp telah pun mengadakan banyak program, termasuklah Woman Carrier Comeback Programme, selepas itu ada juga Structured Internship Programme dan pelbagai lagi. Jadi, sehubungan dengan itu ada beberapa perkara saya hendak minta balasan ataupun makluman daripada pihak kementerian ataupun agensi berkenaan mengenai boleh kah kalau kementerian menyatakan pencapaian program-program tersebut? Apakah jenis *indicator* yang digunakan oleh pihak kementerian untuk mengukur pencapaian tersebut sama ada ianya berjaya, kurang berjaya ataupun apakah yang perlu dilakukan untuk meningkatkan kejayaan ataupun *indicator* tersebut?

Selain daripada itu, apakah tindakan susulan yang diambil oleh TalentCorp untuk memastikan pakar-pakar ini akan terus berada di Malaysia dan tidak akan lagi berpindah keluar negara sekiranya mereka mendapat *offer*, dengan izin, permintaan daripada luar negara.

■1500

Sehubungan dengan itu, saya juga ingin mendapat maklum balas daripada pihak kementerian, adakah pihak berkenaan telah membuat satu kajian penyelidikan yang mencukupi untuk mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan *talent-talent* ini enggan balik ke dalam negara? Adakah mungkin kerana *benefit* yang kita beri, kerajaan kita beri tidak mencukupi? Adakah ia disebabkan faktor gaji tersebut dan apakah Dewan boleh dimaklumkan kepada kita?

Saya percaya terdapat juga kejayaan-kejayaan di dalam TalentCorp. ini. Jadinya sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya kepada TalentCorp., apakah langkah yang dilaksanakan oleh TalentCorp untuk mempromosikan kisah-kisah tersebut ataupun *success story*

ini dengan izin? Juga, memandangkan keadaan ekonomi yang tidak menentu dalam negara kita, apakah pula usaha-usaha TalentCorp dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan di Malaysia kita? Adakah TalentCorp bercadang untuk mewujudkan satu kolaborasi atau program *internship* dengan syarikat multi nasional terkemuka di Malaysia ini?

Seterusnya saya masuk ke B.6 Butiran 050400 di bawah tajuk Darul Quran. Saya hendak memuji langkah dan juga inisiatif yang dimainkan oleh JAKIM dengan mewujudkan Darul Quran dalam usaha melahirkan generasi Al-Quran yang bertakwa, berilmu, bermanfaat dalam pembangunan negara dan ummah. Saya dapati Darul Quran ini telah mendapat banyak pengiktirafan. Di antaranya dari Jabatan Perkhidmatan Awam yang mana membolehkan graduan mereka mendapat jawatan sekiranya lepas sebagai penjawat awam. Kemudian mendapat pengiktirafan di universiti dalam negara dan juga luar negara dan pelbagai lagilah kejayaan-kejayaan yang telah didapati oleh Darul Quran ini.

Jadi ada beberapa persoalan ataupun mungkin cadangan daripada pihak saya yang boleh pihak kementerian mungkin boleh tambah baik. Pertamanya, persoalannya ialah adakah Darul Quran bersedia untuk mengambil lebih ramai lagi pelajar dan juga tenaga pengajar daripada kalangan OKU? Saya juga berharap agar Darul Quran menyediakan kemudahan yang mencukupi terutamanya dari segi alat bantu mengajar dan belajar serta kemudahan guru bahasa isyarat kepada golongan ini. Sehubungan dengan itu, tenaga pengajar untuk golongan OKU juga perlu diberi latihan yang mencukupi.

Keduanya, saya inginkan kepastian sama ada para pelajar Darul Quran ini layak untuk menerima bantuan biasiswa dan pinjaman sama ada daripada PTPTN ataupun MARA.

Ketiganya, adakah Darul Quran akan memberi lebih tumpuan kepada bidang kajian terhadap sejarah bertamadun Islam agar kekuatan dan zaman kegemilangan Islam itu dapat dikaji?

Terakhirnya Tuan Pengerusi, adalah terus kepada B.6 Butiran 020300 iaitu Malaysia Development Institute ataupun MDI. Sebagaimana yang kita ketahui, MDI juga berfungsi sebagai *think-tank* untuk menghasilkan pelan dan strategi hala tuju negara. Jadinya soalan saya mengenai perkara ini adalah setakat ini, apakah keberkesanan MDI kepada pembangunan sosioekonomi negara kita setelah MDI ditubuhkan selepas lapan tahun yang lepas? Seterusnya soalan saya pula ialah apakah yang dilakukan oleh EPU untuk memastikan bahawa tugas MDI ini tidak bertindih dengan agensi ataupun jabatan yang lain? Apakah strategi jangka panjang MDI dan apakah cabaran yang mereka hadapi selama ini? Seterusnya, adakah MDI bercadang untuk mewujudkan kolaborasi dengan institusi penyelidikan yang lain seperti ASLI dan Khazanah Research Institute ataupun program *partnership* dengan institusi penyelidikan luar negara seperti mungkin Wilson Centre di Amerika Syarikat?

Itu sahajalah, Tuan Pengerusi. Terima kasih banyak kerana memberi saya peluang.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang.

3.04 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Saya akan bercakap pertamanya mengenai Majlis Agama Islam, Butiran 040000 – Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Pertamanya berkaitan dengan isu Institut Profesional Baitulmal. Saya ingin bertanya kepada Menteri, mengapakah nyawa pelajar-pelajar digadaikan apabila bangunan yang disewakan telah pun diketahui tidak mempunyai CCC atau *certificate of completion*? Saya telah mendapat maklumat daripada pihak dalaman sendiri yang mengatakan bahawa bangunan itu telah disewakan. Bangunan itu terletak di Parlimen Sepang.

Pelajar-pelajar telah mengadu bahawa bagaimana bangunan itu telah beberapa tahun telah ditinggalkan dan kedudukannya juga tidak selamat sedangkan telah ada satu asrama lain iaitu di Seri Kembangan yang menempatkan pelajar di blok yang berlainan antara pelajar lelaki dan wanita. Akan tetapi sekarang ini ia hanya disekat melalui satu *partition* tetapi mereka menggunakan tangga yang sama. Jadi saya merasakan bahawa ini menimbulkan, sebab semua pelajar adalah pelajar Islam, sudah tentulah ibu bapa mereka merasa amat risau dengan kejadian ini.

Lebih malang lagi, saya telah membuat carian. Apabila kita melihat syarikat yang memiliki bangunan itu, salah seorang pengarah syarikat ini ialah anggota kepada MAIWP sedangkan MAIWP adalah pemegang saham terbesar kepada Institut Profesional Baitulmal itu. Jadi bagaimanakah seorang yang mempunyai kepentingan diberikan pula bangunan yang beliau miliki itu dibenarkan untuk disewa? Jadi ini menimbulkan *conflict of interest*. Jadi saya minta Menteri memberikan jawapan.

Keduanya, saya juga merasa hairan kerana apakah Menteri juga- saya hendak tanya Menteri, tadi saya telah tanya melalui Yang Berhormat Parit Buntar, telah ada satu undang-undang yang jelas iaitu Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) yang menyatakan bahawa secara jelas dalam akta itu Pengarah JAWI ialah setiausaha kepada MAIWP. Setiausaha MAIWP itu hendaklah menjadi CEO kepada MAIWP. Ini adalah peruntukan dalam akta berkaitan dengan pentadbiran undang-undang Islam itu.

Akan tetapi sekarang kita lihat CEO MAIWP ialah orang yang bukan setiausaha MAIWP. Setiausaha MAIWP adalah Yang Berbahagia Tuan Haji Paimuzi bin Yahaya. Dia juga adalah Pengarah JAWI. Dari segi undang-undang, dia mestilah menjadi CEO kepada MAIWP. Ini adalah kehendak undang-undang. Tiba-tiba yang menjadi CEO kepada MAIWP, Ketua Pegawai Eksekutif adalah Yang Berbahagia Datuk Haji Zainal Abidin bin Jaafar. Jadi ini secara terang pelantikan yang *ultra vires*.

Saya ingin tanya kenapakah pelantikan sebegini yang ada peruntukan undang-undang boleh dilanggar begitu sahaja? Sekarang ini pelajar-pelajar buat *complaint* tentang Yang Berbahagia Datuk Haji Zainal Abidin dalam isu Institut Profesional Baitulmal ini. Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan. Kalau tidak diberhentikan pelantikan ini, ini mencetuskan ataupun mendedahkan MAIWP kepada tindakan undang-undang. Tindakan *judicial review* boleh diambil untuk *challenge*, untuk dapatkan perintah yang dipanggil *quo warranto*. *Under what authority you*

assume that power whereas in the law dengan izin, *the deployment is ultra vires the act*. Itu yang pertama.

Keduanya, saya juga ingin tanyakan kenapakah pelajar-pelajar Institut Baitulmal ini yang kita tahu 80 peratusnya adalah mereka yang layak menerima asnaf, maknanya golongan yang miskin, tiba-tiba mereka mengadu kepada saya, mereka mengadu kepada Ahli Parlimen Pandan, mereka mengatakan bahawa biasiswa mereka, bantuan kewangan mereka dilambat-lambatkan dan dibuat potongan-potongan yang apabila mereka meminta penjelasan, tidak diberikan penjelasan. Saya ingin tanya kepada Menteri, kenapakah hal ini boleh berlaku? Kenapakah kita harus mendera pelajar-pelajar yang dah miskin ini? Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan. Itu yang pertama.

Yang kedua berkaitan dengan butiran mengenai SUHAKAM tadi, saya hendak tambah sedikit apa yang dikatakan oleh rakan saya daripada Seputeh tadi. Saya rasa saya ingin mencadangkan bubarkan sahaja SUHAKAM ini. Bubar sahaja... *[Disampuk]* Setuju ya?

■1510

Kalau kita buat SUHAKAM ini, selepas itu kita tidak mahu bagi sokongan segala siasatan yang mereka buat, dalam mereka membuat rekomendasi, saya pun berasa hairan dengan Barisan Nasional ini. Kata hendak jadi kerajaan yang sedia dengar suara rakyat. Apabila *findings* yang dibuat oleh SUHAKAM dilihat mempromosikan *human rights* ini dan tidak disukai oleh Barisan Nasional, maka mereka memangsakan SUHAKAM ini.

Pengerusi SUHAKAM telah menyatakan bahawa dengan bajet yang *dislashed* sebanyak 15% ini, mereka kata tidak boleh *operated*. Jadi kalau tidak boleh *operated*, lebih baik kita batalkan sahajalah. Buatlah sesuka hati, langgarlah *human rights* ini. Apa hendak buat, buatlah. Biarlah kalau kita ada *human rights*...

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada tiga orang yang bangun, yang mana satu? Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Tumpat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Arau, di kedai kopilah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bagilah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: Dia sebut nama Barisan Nasional. Tidak boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang mana satu?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya bagi ini dahulu, kepada kawan saya Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Kroni dahulu, bagi kroni dahulu.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Sepang. Ringkas sahaja. Mungkin Yang Berhormat Sepang pun maklum tetapi

tidak kesempatan untuk menjelaskan bahawa SUHAKAM sebenarnya ditubuhkan bukanlah kerana kecintaan Barisan Nasional terhadap hak asasi manusia. Akan tetapi ialah kerana ia untuk memenuhi syarat yang membolehkan negara kita ini melayakkan negara kita ini di medan antarabangsa untuk diberikan pengiktirafan yang kerajaan dan negara kita amat memerlukan.

Jadi oleh sebab itulah saya rasa, hari ini ia telah memotong belanjawan untuk SUHAKAM itu. Setuju atau tidak Yang Berhormat Sepang?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Saya bersetuju juga tadi kalau boleh kita kaji balik peranan SUHAKAM ini tetapi saya tidak bersetuju pandangan Yang Berhormat Tumpat tadi. Oleh kerana bukan semua apa yang diperhalusi dan dicadangkan oleh SUHAKAM itu boleh diterima pakai kerana kadang-kadang misalnya, ada kajian berkaitan Orang Asli di kawasan saya terutamanya, juga tidak menepati perkara sebenar bagi kita yang duduk di situ dan kita lihat segala-galanya, saya ingat ia tidak tepat.

Oleh sebab itu saya setuju, kalau kita kaji balik semula peranannya tetapi pandangan Yang Berhormat Tumpat sebut tadi tidak betul sama sekali pada pandangan saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sepang, sila gulung.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, terima kasih kepada kedua-dua sahabat saya. Saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tumpat tadi bahawa kerajaan terpaksa buat SUHAKAM ini. Jadi kerajaan juga nampaknya tidak begitu menjiwai *human rights* ini dan apa yang dikatakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Lenggong itu, saya tidak cakap pun kaji semula. Saya minta supaya terus batalkan.

Oleh sebab bagi saya tidak guna kita ada satu badan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, tiba-tiba kita tidak memberikan sokongan dan lebih malang lagi, kita tidak mahu mendengar saranan-saranan yang dikemukakan. Jadi sebagai contoh saranannya supaya jangan lagi dakwa orang di bawah akta-akta *draconian* ini tetapi semua ini dilanggar oleh kerajaan dan apabila SUHAKAM bersuara agak kritikal, maka *dislashed* bajetnya.

Lagi dua perkara yang saya hendak sentuh, pendek sahaja. Seterusnya adalah berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Pokok Sena berkaitan dengan penasihat undang-undang Terengganu tadi di bawah Peguam Negara ini. Saya merasa hairan, macam manakah sebuah kerajaan negeri boleh buat undang-undang yang membenarkan Tanah Melayu ini dipindah milik kepada Badan Perhubungan UMNO Terengganu.

Ini jelas melanggar Artikel 153. Saya baca Artikel 153 Perlembagaan mengatakan "*Menjadi tanggungjawab Yang di-Pertuan Agong untuk melindungi kedudukan istimewa orang Melayu dan anak negeri mana-mana antara negeri Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah kaum-kaum lain mengikut peruntukan Perkara ini*".

Ini ialah peruntukan dalam Perlembagaan, tiba-tiba kita langgar. Apabila kita meletakkan parti politik tertentu untuk menerima tanah rizab Melayu dan ditakdir... Bermakna, secara

munasabahnya, telah berlaku satu transaksi, maka hendak *legalize* transaksi yang sebelum ini, maka digunakan untuk membuat undang-undang seperti ini.

Undang-undang ini juga bercanggah dengan hak *equality before the law*, Artikel 8 yang mana kalau kita kata boleh pindah milik kepada UMNO, bermakna, parti-parti politik lain juga sepatutnya boleh juga. Adakah itu tujuan Artikel 153? Ini jelas menunjukkan UMNO lah sebenarnya walaupun nama parti Melayu yang sebenarnya tidak menjaga kepentingan orang Melayu sendiri! Oleh sebab itulah...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah[Lenggong]: Tarik baliklah ayat itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apa pula tarik baliknya?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah[Lenggong]: Tuduhan tidak betul.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kenapa tidak betul? Tidak baca undang-undang itu kah? Inilah masalah UMNO, Ahli Parlimen dia pun tidak tahu Kerajaan Negeri Terengganu di bawah pemerintahan UMNO buat undang-undang yang melanggar prinsip tanah rizab Melayu yang dijamin oleh Perlembagaan. Oleh sebab itulah malu jadi Ahli Parlimen UMNO kalau kamu tidak boleh menjaga kepentingan Melayu sendiri. *[Tepuk]*

Terakhirnya, berkaitan dengan SPRM. Saya hendak tanyalah, saya pelik *there is must be something wrong somewhere*. Bagaimanakah saya telah bangkitkan di bawah seksyen 23, subseksyen (1) Akta SPRM menjelaskan bahawa mana-mana *public officer*, Perdana Menteri *is public officer* seharusnya disiasat kerana memiliki duit sebanyak RM2.6 bilion. Tiba-tiba sekarang ini SPRM telah membuat kenyataan sebelum ini mengatakan ini adalah *donation*.

Tiba-tiba baru-baru ini, SPRM juga mengatakan, "*Kami belum memanggil lagi Perdana Menteri*". Kalau belum panggil Perdana Menteri, bagaimanakah tahu itu *donation*? Jadi maknanya, ini dapat daripada mana pula? Saya rasa sekarang ini nampaknya seolah-olah SPRM ini hendak siasat isu ini, *teller* kepada *donation* itu untuk hendak mencari ruang supaya tidak dikenakan tindakan. Jadi saya merasa, minta Menteri menjawab.

Kedua, saya hendak tanya, adakah dengan penyiasatan ke atas Perdana Menteri ini - hendak tanya, adakah ini bermakna Perdana Menteri nanti akan mengelak...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey hendak gulung.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Minta pandangan.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya akan gulung. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya minta supaya Perdana Menteri juga mesti menjawab dalam Parlimen ini sebagaimana janji dalam jawapan-jawapan bertulis kepada Ahli-ahli Parlimen yang mengatakan pada hari akhir persidangan ini, akan menjawab RM2.6 bilion. Saya harap Perdana Menteri tidak lari daripada tanggungjawab itu dan mesti menyatakannya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Selangor. Sudah habis.

3.16 ptg.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 040000 - Majlis Keselamatan Negara (MKN). Sejak penubuhan Majlis Keselamatan Negara, saya dapati ada 21 arahan yang telah dikeluarkan untuk menangani ancaman keselamatan negara. Sebagai contoh, kawalan keganasan, ketenteraman awam serta pengurusan krisis dan juga bencana. Arahan MKN Nombor 21 menggariskan mekanisme pengurusan ancaman ketenteraman keselamatan awam.

Saya melihat antara perkara yang harus menjadi keutamaan MKN ketika ini, haruslah merujuk kepada arahan untuk menjaga keselamatan awam kerana pada hemat saya, dengan adanya berlaku iaitu gejala Islamic State sebagai contoh yang merupakan kumpulan militan radikal, yang menggunakan nama Islam untuk berjihad dan kini telah menguasai sebahagian besar timur Syria di utara serta barat Iraq.

Saya fikir biarlah MKN memastikan agar keselamatan negara kita benar-benar terjaga dan kalau kita lihat yang membimbangkan ialah selain ancaman IS ini ialah pembabitatan rakyat Malaysia yang saya lihat semakin hari semakin meningkat. Berdasarkan laporan media pada 4 Mac 2015, terdapat dua orang individu yang terlibat dalam rakaman video sembelihan tawanan perang. Dua orang individu tersebut merupakan pasangan suami isteri yang berasal dari Melaka.

Menurut laporan media juga, seorang pelajar dari Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor telah melarikan diri dari rumah dan dipercayai dijemput oleh beberapa orang individu yang tidak dikenali untuk ke Istanbul, Turki sebagai transit ke Syria. Menurut sumber gadis berkenaan kemungkinan telah dipengaruhi oleh teman lelakinya untuk berperang dan mati syahid di negara bergolak, di negara Syria. Turut membimbangkan apabila pelajar Malaysia di Timur Tengah juga dikaitkan dan diberikan kesempatan semasa cuti semester untuk menyertai gerakan militan IS di Syria.

Apa yang kita harus sedar ialah kita sebenarnya telah tersalah fokus dengan memberikan penekanan terhadap perkara seperti membeli peralatan canggih bagi menghadapi ancaman pengganas. Kita khawatir akan serangan perbuatan pengganas dan terpaksa mempersiapkan pasukan keselamatan dengan alat-alat kelengkapan yang canggih harus menjadi keutamaan pihak Majlis Keselamatan Negara.

Tuan Pengerusi, ancaman sebenarnya yang saya maksudkan di sini ialah dengan izin yang saya lihat yang harus menjadi keutamaan negara dan juga Majlis Keselamatan Negara ialah *perception terrorism* ataupun persepsi keganasan dan ancaman pengganas seperti IS ini wujud disebabkan antaranya 4P iaitu yang pertama, peristiwa iaitu berlakunya sesuatu perkara atau kejadian atau pertemuan antara individu atau individu dengan berkumpulan. 'P' yang kedua ialah pemikiran berlaku setelah wujudnya 'P' pertama hasil daripada pertemuan atau peristiwa wujudlah bentuk pemikiran yang menganalisis hasil daripada peristiwa.

■1520

'P' yang ketiga adalah persepsi iaitu analisis yang terhasil daripada 'P' yang kedua iaitu pemikiran, akan timbul persepsi sama ada persepsi negatif mahupun persepsi positif. 'P' yang

keempat ialah perbuatan iaitu tercetuslah hasil dari 'P' yang ketiga sama ada yang positif atau yang negatif.

Oleh yang demikian adalah lebih wajar kepada pihak Majlis Keselamatan Negara untuk dapat tangani persepsi ini atau dengan izin, *perception terrorism*, persepsi keganasan. Langkah awal dalam menangani persepsi ini adalah lebih baik dan juga menjimatkan. Apa yang penting ialah menangani *perception terrorism*, dengan izin yang sebenarnya lebih dahsyat dalam mencetuskan perbuatan terutamanya seperti pengeboman yang berlaku di Perancis baru-baru ini.

Tuan Pengerusi, langkah-langkah awal juga perlu disegerakan agar kes-kes seperti ini tidak menular dengan lebih teruk. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan memberikan garis panduan serta maklumat yang tepat terutamanya golongan pelajar yang belajar di Timur Tengah. Selain daripada itu, perlu ada kebimbangan terhadap anak-anak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung terutamanya melalui pengaruh pasangan mahupun media sosial seperti *Facebook*. Saya juga amat berharap agar pihak kerajaan dapat menyekat apa-apa kandungan yang boleh mengganggu-gugat negara ataupun mempengaruhi rakyat Malaysia untuk menyertai sebarang bentuk aktiviti keganasan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Butiran 21000 - Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Saya tidak nafikan peranan yang dimainkan oleh jabatan ini begitu baik terutama sekali di peringkat akar umbi. Saya juga memuji apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri pagi tadi tentang program-program dan juga dasar-dasar yang telah dilakukan terutama sekali dalam memupuk semangat perpaduan negara dan integrasi nasional negara kita.

Cuma saya mohon agar pihak Jabatan Perpaduan Negara dapat meneliti tentang keluhan terutama sekali dalam Parlimen saya yang mana 14 buah Tadika Perpaduan dalam Parlimen Kuala Selangor didapati sangat daif dan perlu dinaik tarafkan kerana dapat keluhan daripada ibu bapa dan guru yang mengajar wujudnya masalah keselamatan termasuk juga bumbung-bumbung yang bocor kerana memerlukan penaiktarafan daripada peringkat Jabatan Perpaduan.

Kedua, saya juga mohon agar ditambah pegawai-pegawai kerana saya lihat dalam suasana pada hari ini memerlukan *engagement*, dengan izin ataupun peranan pegawai-pegawai perpaduan ini untuk mendekati bukan hanya kepada Tabika Perpaduan tetapi juga kepada seluruh agensi kerajaan terutama sekali sekolah dan sebagainya supaya kempen perpaduan ini dapat digerakkan secara menyeluruh melalui prinsip-prinsip Perlembagaan yang ada.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: [*Bangun*] Terima kasih Yang Berhormat Kuala Selangor. Yang Berhormat Kuala Selangor menyentuh tadi fasal pegawai-pegawai...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tenom belum jemput lagi, sila.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih. Petang sangat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya tertarik dengan bila Yang Berhormat Kuala Selangor menyentuh berkenaan dengan pegawai-pegawai perpaduan ini. Sebagai contoh Yang Berhormat Kuala Selangor, menyentuh fasal pegawai perpaduan ini saya dapati sama juga macam di Kuala Selangor, Tenom kawasan luar bandar, ada pegawai perpaduan. Cuma ada pegawai sahaja Yang Berhormat Kuala Selangor, *office* pun tidak ada. Agak malang sekali macam mana mereka hendak bergerak. Mereka bergantung kepada satu, kalau di pedalaman mungkin di Keningau sahaja.

Jadi setujukah Ahli Yang Berhormat kalau kiranya pegawai-pegawai perpaduan ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti mana agensi-agensi yang lain kerana kita ingin melihat semangat perpaduan di kalangan masyarakat kita yang terdiri dari berbilang kaum, agama dan juga bangsa dapat hidup dalam harmoni. Apatah lagi dalam keadaan sekarang hari ini masyarakat dihadapi dengan pelbagai rangkaian media yang kita kira hari ini begitu sensitif kepada menyentuh kepada soal-soal perpaduan dalam masyarakat kita. Jadi, setujukah Ahli Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih, Yang Berhormat Tenom. Saya setuju pandangan Yang Berhormat Tenom dan saya mohon dimasukkan dalam ucapan perbahasan saya. Saya ingin masukkan juga kalau boleh di peringkat pegawai perpaduan supaya dapat mewujudkan sukarelawan perpaduan di kalangan masyarakat khususnya di peringkat Parlimen Kuala Selangor supaya kita boleh gerakkan agenda perpaduan ini supaya tidak ada elemen-elemen seperti melakukan provokasi tentang prinsip-prinsip yang termaktub dalam Rukun Negara, Perlembagaan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 300000 – Jabatan Perkhidmatan Awam Negara iaitu saya dalam konteks bencana banjir. Tuan Pengerusi, saya melihat memandangkan kerap kali berlakunya banjir dan ribut sejak kebelakangan ini perlu banyak usaha dilakukan oleh kerajaan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai bagi melindungi nyawa dan harta benda yang bernilai apabila bencana ini berlaku.

Di sini saya memuji peranan yang dimainkan oleh JPAM kerana apabila berlakunya banjir di Kuala Selangor baru-baru ini, saya akui peranan JPAM telah memberikan satu suntikan lebih-lebih lagi peranan yang dimainkan oleh Menteri yang menjaga JPAM telah menyebabkan rakyat dalam Parlimen saya hari ini yakin terhadap peranan yang dimainkan oleh JPAM.

Cuma saya merasa kecewa peranan daripada Kerajaan Negeri Selangor ini. Saya tidak nampak langsung sehingga hari ini kerana apa yang telah saya utarakan pada hari ini penduduk memerlukan suntikan dan juga sentuhan daripada Kerajaan Negeri Selangor. Mungkin Yang Berhormat Sepang boleh bangkitkan kepada pengetahuan Kerajaan Negeri Selangor.

Di samping juga saya mohonlah kepada JPAM supaya pejabat JPAM dalam Daerah Kuala Selangor ini perlu dinaik taraf kalau boleh diberikan nafas baru khususnya dalam Parlimen Kuala Selangor supaya akhirnya nanti supaya JPAM dapat menarik perhatian generasi muda untuk mereka menjadi tenaga sukarelawan JPAM. Akhirnya nanti boleh membentuk satu

semangat patriotisme, dengan izin khususnya bagi rakyat dan juga generasi muda khususnya dalam negara dan juga dalam Parlimen saya.

Dalam kaedah ini juga saya juga amat berharap adakah pihak kerajaan ingin mewujudkan satu sistem yang boleh memberikan amaran yang lebih efektif kepada orang ramai supaya mereka boleh bersedia menghadapi bencana sama ada sistem siren dipasang pada tempat yang berkemungkinan banjir ataupun di mana sahaja kerana hari ini saya dilihat antara keluhan penduduk mereka seakan-akan trauma dan juga stigma apabila hujan berlaku tetapi tidak tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor, sila gulung.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Atau tidak tahu dimanakah berlakunya banjir. Jadi Tuan Pengerusi, perkara terakhir yang saya ingin kongsi dan saya tanyakan iaitu Butiran 16000 – Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Saya ingin bertanya sama ada peralatan pada hari ini adalah dalam keadaan yang terancang. Saya juga ingin bertanya sama ada wujudkah apakah status *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) dengan kompleks-kompleks LKIM di seluruh negara supaya akhir nanti *Maritime* dan juga nelayan boleh kita menjalinkan hubungan untuk memastikan bahawa keselamatan nelayan dapat kita perhalusi dan dijaga di seluruh perairan di seluruh negara. Akhir kata Tuan Pengerusi, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Permatang Pauh.

3.27 ptg.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Assalamualaikum, salam sejahtera saya ucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk berbahas dalam peringkat Jawatankuasa. Saya hendak bertanya tentang butiran Maksud Bekalan 1 – Parlimen. Maksud Butiran 010000 – Urusan Parlimen, muka surat 54. Butiran kecil, Butiran 010200 – Pengurusan Dewan. Jumlah anggaran adalah RM56, 519,000.

Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ingin membangkitkan dalam Dewan ini bahawa saya telah mengemukakan pertanyaan secara lisan bertarikh 27 Oktober 2015 berkaitan dengan kemasukan RM2.6 bilion wang ke dalam akaun peribadi Yang Amat Berhormat Pekan. Pertanyaan lisan saya itu telah dijawab secara bertulis oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Pengerang iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri seperti berikut; *“Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pertanyaan ini akan dijawab secara serentak bersama dengan pertanyaan-pertanyaan lain yang mempunyai maksud yang sama pada tarikh yang akan ditetapkan dalam persidangan kali ini juga”*. Terima kasihlah tetapi saya telah merujuk kepada buku besar Aturan Mesyuarat yang dikeluarkan oleh Sekretariat Dewan sebelum persidangan ini.

Berdasarkan kepada pengamatan saya, saya mendapati terdapat 24 soalan spesifik berkenaan dengan isu skandal RM2.6 bilion yang masuk ke dalam akaun peribadi Yang Amat

Berhormat Pekan. Ada 24 soalan spesifik. Tuan Pengerusi, jika diizinkan Tuan Pengerusi, boleh saya menyebut senarai Ahli Parlimen dan tarikh soalan mereka berkaitan dengan RM2.6 bilion ini.

BERNAMA melaporkan pada 5 November 2015 bahawa Menteri di Jabatan Perdana Menteri melalui sidang medianya bahawa semua pertanyaan berkaitan dengan RM2.6 bilion itu akan dijawab secara terkumpul pada 3 Disember. Sepanjang sidang ini soalan berkaitan RM2.6 bilion ini tidak dijawab melainkan pada 3 Disember. Bagaimanakah 24 soalan *specific issue* RM2.6 bilion ini akan dijawab pada 3 Disember yang dijanjikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri sedangkan pada tarikh tersebut tidak ada soalan spesifik berkaitan dengannya.

■1530

Adakah isu ini akan dijawab melalui pertanyaan jawapan lisan sedangkan menurut buku besar Aturan Mesyuarat Dewan Rakyat pada tarikh 3 Disember 2015, tidak ada soalan mengenainya yang spesifik? Adakah kerajaan bercadang untuk mengemukakan Kertas Putih mengenai isu RM2.6 bilion itu atau adakah Yang Amat Berhormat Pekan akan mengeluarkan kenyataan Menteri, *the Ministerial statement* dengan izin, sebagai keterangan dirinya bagi menjelaskan isu RM2.6 bilion di dalam Dewan yang mulia ini?

Saya masuk kepada Bekalan 4, SPR. Butiran 040000 - *One-off*, muka surat 72. Butiran kecil 040300 - Pilihan Raya Umum DUN Sarawak anggaran RM75,566,000. Tuan Pengerusi, memandangkan Pilihan Raya Umum Negeri Sarawak akan diadakan pada tahun 2016, saya ingin menuntut jaminan kerajaan bagi memastikan SPRM menjalankan pilihan raya tersebut secara bebas, adil, telus dan profesional. Sehubungan dengan perkara yang sama, saya menuntut jaminan agar tiada halangan dikenakan terhadap pemimpin, aktivis politik serta NGO yang lain yang ingin mengadakan aktiviti dan melaksanakan urusan kaitan Pilihan Raya Umum Sarawak.

Saya bangkitkan perkara ini kerana sudah menjadi lumrah sekatan ini berlaku dan kuasa Imigresen disalahgunakan bagi menyekat kemasukan atau dihalau mereka yang tidak sebulu dengan Kerajaan BN sebagaimana yang telah terjadi pada Ketua Wanita Keadilan, Yang Berhormat Ampang.

Tuan Pengerusi, mereka dihalau dari negeri di dalam negara mereka sendiri. Meskipun kita sedar bahawa negeri Sarawak itu dan juga Sabah mempunyai kuasa tertentu berkaitan Imigresen, namun kuasa ini tidak seharusnya disalah guna demi kepentingan politik dan kepartian ataupun untuk diri sendiri. Jadi bagi maksud pilihan raya DUN Sarawak yang akan datang, *insya-Allah* saya ingin mencadangkan agar dibenarkan pemerhati pilihan raya dengan izin, *election observes* untuk menjalankan pemerhatian bebas dan berkecuali semasa pilihan raya tersebut. Saya mencadangkan bukan sahaja pemerhati pilihan raya dibenarkan dari kalangan rakyat tempatan tetapi juga pemerhati pilihan raya antarabangsa, menunjukkan bahawa kita adalah demokrasi yang dikatakan terbaik di dunia.

Tuan Pengerusi, hanya negara dan kerajaan yang regresif, zalim lagi menindas yang akan menafikan kehadiran pemerhati pilihan raya antarabangsa. Hanya negara yang mengamalkan

demokrasi yang pincang dan lagi bersifat katak di bawah tempurung yang menidakkan pemerhati pilihan raya antarabangsa. Justeru itu bagi lebih dihormati dunia, saya mencadangkan SPR secara rasminya membuka kepada kehadiran pemerhati pilihan raya antarabangsa bukan sahaja dibataskan bagi pilihan raya DUN Sarawak, tetapi juga apabila kita menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya masuk ke Maksud Bekalan Pembangunan 6 – Jabatan Perdana Menteri, butiran 010000 - Pentadbiran, muka surat 116. Butiran kecil 010300 – Kawal Selia FELDA. Ini adalah penting Tuan Pengerusi. Anggarannya adalah RM1.131 juta. Butiran 010400 - Seranta (FELDA), anggaran RM7,602,600.

Tuan Pengerusi, objektif aktiviti kawal selia dan Seranta (FELDA) menyentuh mengenai dasar kerajaan terhadap warga FELDA dan pembangunan sosial ekonomi serta memantapkan pemantapan kesejahteraan hidup mereka. Saya difahamkan, FELDA mempunyai 112,635 orang peneroka. Setahu kita, mereka adalah juga pemegang saham FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV). Sejak dari awal, FGV diuar-uarkan akan mempertingkatkan status ekonomi warga FELDA.

Tuan Pengerusi, sejak FGV disenaraikan pada 28 Jun 2012 sehingga kini, ia menanggung kerugian modal akibat penurunan harga saham. Pada semalam 16 November 2015, saham FGV ditutup pada harga RM1.77 berbanding dengan harga *initial, initial public offer* dengan izin, yang dibuka pada 28 Jun 2012 pada harga RM5.39 sen sesaham. Bererti, saham FGV mengalami kemerosotan harga pasaran sebanyak RM3.62 atau 67% Tuan Pengerusi. Ini juga bererti dalam tempoh 2012 hingga 2015, FGV mengalami kehilangan modal pasaran kira-kira RM9.96 bilion.

Tuan Pengerusi dengan izin, FGV *market capitalization of R9.96 bilion has been wiped out*. Apakah kesannya kepada peneroka? Siapa hendak suarakan untuk mereka? [*Tepuk*] Setiap peneroka memegang 800 unit saham FGV yang harga terbitannya pada 28 Jun 2012 berharga RM4.45 sesaham. Nilai 800 unit saham pada hari IPO berjumlah RM3,560. Ini harus dibayar kepada FELDA berikutan pada Ogos 2012, FELDA telah mengambil alih pinjaman pembiayaan pembelian saham peneroka daripada konsortium bank.

Setiap peneroka harus membayar pinjaman tersebut pada kadar RM59.33 sebulan bagi tempoh lima tahun. Telah pun saya sebutkan tadi, harga saham ketika IPO (*initial public offer*) pada 28 Jun 2012 ialah RM5.39 sesaham. Ia kini jatuh sehingga semalam pada RM1.77. Justeru, berlaku kerugian modal bukan sahaja kepada FGV, tetapi juga kepada 112,635 peneroka. Sudah pasti peneroka menanggung kerugian. Dalam kiraan saya, pada keseluruhannya 112,635 peneroka FELDA menanggung kerugian kolektif berjumlah RM2,144 seorang bagi setiap peneroka.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Wangsa Maju bangun.

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Permatang Pauh. Tentang ini senaraikan FGV, banyak Ahli Parlimen termasuk

Barisan Nasional Gua Musang, menyeru kepada kerajaan jangan senaraikan FGV, tetapi apa yang disebutkan oleh Permatang Pauh sudah jadi. Apa komen Ahli Yang Berhormat dari Permatang Pauh?

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Saya setuju sekali kerana apabila diberikan amaran ataupun sekurang-kurangnya kritikan, dengarlah dan itu daripada BN. Saya hendak tanya sahaja sebab kita bukan dalam kerajaan. Kita tanya sahaja untuk menyuarakan hasrat dan suara hati daripada peneroka-peneroka ini yang sekarang ini terkesan bukan sahaja dengan kehimpitan hidup, tetapi juga dengan hutang sekarang ini. Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju.

Jadi sekali lagi saya ulangi bahawa berlaku kerugian modal bukan sahaja kepada FGV, tetapi kepada peneroka itu sendiri. Sudah pasti peneroka memang dalam kerugian. Mereka dari setiap peneroka ataupun pada mereka yang keseluruhan semua 112,000 peneroka ini mengalami kerugian RM241,489,440. Apakah kerajaan sedar dan peka atas akan kerugian yang dialami oleh peneroka FELDA ini akibat penurunan merudum bukan sahaja Ringgit Malaysia merudum, harga saham FELDA pun merudum? Sejak tahun 2012, apakah langkah-langkah kerajaan untuk menangani masalah ini? Apakah kerajaan bercadang untuk mengambil alih hutang berjumlah RM241,489,440 yang ditanggung oleh mereka daripada warga FELDA?

■1540

Tuan Pengerusi, janji penubuhan FGV yang dahulunya adalah untuk meningkatkan pendapatan peneroka, namun sekiranya pada sekarang ini merugikan, lagipun menyusahkan para peneroka. Apakah nasib mereka akan terbela?

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: [Bangun]

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Tuan Pengerusi, saya masuk ke Butiran yang lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jerlun bangun.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Minta laluan Yang Berhormat Permatang Pauh. Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar hujah daripada Yang Berhormat Permatang Pauh berkaitan dengan FGV dan juga pegangan peneroka FELDA termasuk ibu saya. Saya juga anak FELDA.

Saya melihat bahawa apa yang berlaku dalam FGV ini mungkin bentuk sementara kerana pertama berkaitan dengan *capex* yang dibelanjakan untuk tanam semula yang agak besar. Kemudian sudah tentu bila tanam semula itu hasilnya belum keluar, menunggu mungkin tiga, empat tahun. Kemudian, dalam masa yang sama sudah tentulah harga komoditi itu turun.

Kita juga sedar bahawa saham-saham yang dipegang oleh peneroka dalam FGV ini bukan berbentuk spekulatif. Mereka ini bukan pemain-pemain saham harian yang menjual beli. Jadi, apakah Yang Berhormat Permatang Pauh melihat bahawa walaupun turun ketika ini tetapi untuk naik dia akan naik balik dalam tempoh mungkin empat, lima tahun akan datang. Jadi, mereka pun tidak ada masalah kerana mereka pun tidak menjual saham tersebut. Malahan,

mereka pun tidak keluar duit untuk membeli saham tersebut. Apa komen Yang Berhormat Permatang Pauh?

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Oh, saya tidak tahu kata ada Menteri daripada Jerlun menjawab untuk FELDA. Terima kasih lah tetapi saya tahu kalau mereka sudah diberikan harta saham untuk meningkatkan pendapatan Ini adalah kerugian. Saya hendak tanya soalan apakah langkah-langkah? Kalau ini spekulatif, belum lagi dapat daripada mereka, mereka orang yang dalam FELDA ini hidup mereka itu tidak lah seperti mungkin daripada Jerlun, baik. Itulah soalan saya kepada Menteri.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Permatang Pauh.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Lain kali kalau Yang Berhormat Jerlun sudah jadi Menteri, bolehlah jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat Simpang Renggam.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Boleh? Tentang FELDA juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Saya ingin pendapat daripada Yang Berhormat Permatang Pauh. Apabila kita buat *listing*, sebab hari ini kita lihat saham FELDA disebabkan oleh kejatuhan harga minyak sawit. Kalau kita hendak *list* sebuah syarikat, kita hendak *list* sebuah musim pada *timing* yang paling bagus supaya kita dapat kumpulkan lebih banyak dana atau pun kita hendak *list* pada masa sekarang. Di mana mungkin kita cuma dapat mengumumkan dana yang lebih kurang.

Akan tetapi kalau kita dapat *list* pada masa yang kemuncak itu dengan lebih banyak dana supaya kita boleh bayar *allowance*, boleh tanam semula, boleh buat lebih banyak projek. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Pandangan saya adalah mereka sepatutnya diberikan di mana hendak *listing* apa semua itu saya tinggalkan pada *expert* tetapi soalan saya ini adalah untuk mereka yang kerugian yang sekarang ini menanggung hutang.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Permatang Pauh cakap itu macam *expert* sahaja, itu tanya.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Saya bacalah indeks yang diberikan tetapi...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Oh, baca teks yang ditulis oleh jurutulis kot?

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Apa salahnya?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya ingat Yang Berhormat Permatang Pauh baca teks. Bila Yang Berhormat Simpang Renggam tanya tidak boleh jawab.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Permatang Pauh.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Apa salah kah Tuan Pengerusi?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Oh, kasihan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Hendak bawa isu rakyat tidak payah *expert* lah Yang Berhormat Lenggong.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Okey, jadi saya minta mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri untuk kita membela nasib peneroka FELDA yang ramai. Saya masuk sekarang Tuan Pengerusi Butiran...

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Pencelahan boleh tidak Yang Berhormat Permatang Pauh?

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: 12,000 ...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kelana Jaya bangun.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bantu-bantu, bantu cepat.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Okey, silakan.

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Yang Berhormat Permatang Pauh, terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Permatang Pauh, bila kita buat *listing* biasanya harga saham itu naik pada beberapa bulan seperti dalam FGV lah memang berlaku. Saya tengok Yang Berhormat Parit Sulong itu hendak sengih-sengih. Yang Berhormat Parit Sulong ini ialah satu broker yang *famous*. Apa yang kita tidak pernah nampak dalam *listing* FGV ini lepas *listing* satu tahun turun mendadak teruk sekali. Jadi, soalan daripada Yang Berhormat Simpang Renggam... Eh, tidak ada pula, sudah keluar dah.

Isu dia bukan *listing* masa hendak *raise money* atau tidak. Setuju atau tidak Yang Berhormat Permatang Pauh bahawa isunya, hakikatnya ialah harga sudah turun mendadak, yang rugi itu peneroka.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Kelana Jaya. Itulah *point* saya pun. Saya hendak masuk *point* lain. Jawab sahaja untuk bagi peneroka jawapan untuk menangani masalah hutang.

Tuan Pengerusi, Butiran 120000 – Bahagian Hal Ehwal Undang-undang iaitu muka surat 121. Butiran kecil 120100 – Pentadbiran Am anggaran RM41,651,000. Tuan Pengerusi, pada 24 Februari tahun ini saya telah mengangkat petisyen pengampunan bagi mantan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar kepada Ke Bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah yang dikemukakan atas nama saya dan ahli keluarga saya iaitu Ahli Parlimen Lembah Pantai dan anak saya Nurul Nuha.

Petisyen tersebut dikemukakan di mana ia berhajat kepada pertimbangan dan jawapan secara spesifik daripada Ke Bawah Duli Yang di-Pertuan Agong. Sehingga ke hari ini, kami masih belum menerima jawapan rasmi daripada Istana Negara. Apa yang anehnya Tuan

Pengerusi, saya difahamkan petisyen pengampunan itu telah diluluskan, dilupuskan oleh Pejabat Peguam Negara pada ketika itu, kita semua maklum Peguam Negara adalah Tan Sri Gani Patail yang dilaporkan sakit tetapi dia sendiri tidak tahu diberhentikan sehingga menjadi alasan untuk melucutkan beliau.

Soalan saya Tuan Pengerusi, adakah Lembaga Pengampunan Wilayah Persekutuan yang dipengerusikan oleh Ke Bawah Duli Yang di-Pertuan Agong telah dengan rasminya bermesyuarat untuk pelupusan petisyen tersebut. Bilakah mesyuarat itu berlaku atau akan diadakan atau diadakan telah berlalu dan diadakan. Siapakah yang mempengerusikan dan siapakah yang menghadiri mesyuarat tersebut? Apakah alasan untuk menolak petisyen tersebut jika ia diputuskan oleh Lembaga Pengampunan?

Apakah pelupusan itu sah memenuhi peruntukan perlembagaan? Saya tidak mahu Tuan Pengerusi berlaku diskriminasi yang amat ketara terhadap mantan Ketua Pembangkang, mantan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim soal petisyen pengampunan ini. Saya amat berasa terkilan bahawa sehingga ke hari ini kami belum menerima jawapan rasmi daripada Ke Bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan petisyen tersebut.

Tuan Pengerusi, saya masuk ke Butiran 240000 – Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (SPK) muka surat 125. Butiran kecil 240100 – SPK anggaran RM3,170,000. Pada 20 September 2015 kita dikejutkan dengan pendedahan Dato' Hishamudin Mohd Yunus mantan Hakim Mahkamah Rayuan dalam satu temu bual eksklusif *MalaysiaKini* bahawa Perdana Menteri menyekat kenaikan pangkatnya sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan.

Menurut Dato' Hishamudin perkara itu berlaku pada 2013 apabila SPK mencadangkan namanya kepada Perdana Menteri untuk pelantikan ke Mahkamah Persekutuan. Kata Dato' Hishamudin Tuan Pengerusi, saya *quote* temu bual beliau. "*Malangnya, Perdana Menteri tidak memihak kepada kenaikan pangkat saya ke Mahkamah Persekutuan*". Tuan Pengerusi, apakah benar SPK telah mencadangkan nama beliau kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Pekan untuk pelantikan ke Mahkamah Persekutuan? Apakah benar Dato' Hishamudin Mohd Yunus tidak dinaikkan pangkat sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan kerana campur tangan Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Pekan.

Jika benar kenyataan itu apakah kriteria bagi Perdana Menteri untuk menolak syor SPK bagi Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Pekan berkaitan pelantikan Dato' Hishamudin Mohd Yunus ke Mahkamah Persekutuan. Apakah dia dirasuah? Apakah dia hilang akal atau pun dia seorang mufliis atau kenapa?

■1550

Tuan Pengerusi, harus dijamin pemisahan kuasa badan legislatif, badan eksekutif dan badan kehakiman demi memelihara keutuhan prinsip-prinsip kenegaraan dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen seperti kita, Malaysia tanah air ku.

Campur tangan Eksekutif khasnya Perdana Menteri dalam soal pelantikan hakim, tidak seharusnya berlaku. Jika benar campur tangan berlaku, soal menyekat pelantikan Dato' Mohd Hishamudin Mohd Yunus, ia satu pencabulan terhadap kebebasan badan kehakiman, ia juga

satu pencabulan yang serius, yang tidak boleh diterima sama sekali dalam negara yang berdaulat ini.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Puchong

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Ini isu yang penting dibangkitkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh berhubung dengan kebebasan hakim-hakim untuk bertindak dalam negara ini. Adakah Yang Berhormat Permatang Pauh setuju keadaan yang lebih mendesak lagi apabila kita lihat yang mana Perdana Menteri sendiri menjadi plaintif dalam beberapa kes, yang mana beliau menyaman pihak-pihak tertentu di negara ini? Oleh sebab beliau seorang yang juga menjadi plaintif, maka beliau juga ke mahkamah dan beliau berhadapan dengan hakim.

Jadi persepsi yang diberikan melalui wawancara tersebut yang mana ada campur tangan kemungkinannya. Itulah satu persepsi yang sangat negatif dan saya rasa apa yang penting Yang Berhormat Permatang Pauh, adalah untuk satu jawapan diberikan bukan untuk hakim Dato' Mohd Hishamudin Mohd Yunus tetapi untuk semua hakim yang lain. Soalan yang perlu ditanyakan ialah adakah benar bahawa Perdana Menteri ataupun Ahli Parlimen Pekan mempunyai sebarang kenyataan *or say* dalam persoalan sama ada ataupun tidak seseorang hakim itu dinaikkan pangkat dari Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan? Mohon penjelasan Yang Berhormat Permatang Pauh.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih, Yang Berhormat Puchong. Tuan Pengerusi, saya akan masukkan dalam ucapan saya iaitu satu isu yang penting, yang serius, yang mesti dipertimbangkan dengan baik. Saya harap saya dapat jawapan yang memuaskan. Terima kasih Yang Berhormat Puchong dan terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya masuk ke Maksud Pembangunan 6, butiran kecil 93600 - Projek Mesra Rakyat, muka surat 133. Anggaran RM1,332,000,000 senarai butiran projek di manakah projek itu diadakan. Kita minta senaraikan butiran di mana projek itu diadakan. Unjuran pulangan penglibatan rakyat dalam projek berkaitan dengan Projek Mesra Rakyat. Di katakan mesra rakyat, rakyat mana yang dapat, tempat mana yang dapat, rakyat mana yang dimaksudkan dengan mesra. Mesra dengan siapa?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Arau senyum hendak jawab.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Mesra Yang Berhormat Arau. Okey, terima kasih Yang Berhormat Arau bagi kita makan semalam. Ada makanan cukup Tuan Pengerusi sebab ramai belah sana. *[Merujuk kepada blok kerajaan]* Datang untuk mengundi. Jadi terima kasih Yang Berhormat Arau bagi kita makan. Tidaklah kebuluran. *[Ketawa]*

Jadi butiran kecil saya masuk Tuan Pengerusi dan Butiran 97000 - Dana Fasilitasi muka surat 134. Anggaran RM3,000,000,000. Tuan Pengerusi, dana untuk fasilitasi, apakah ini yang melibatkan jumlah belanja sehingga RM3,000,000,000 ataupun 20.9% daripada jumlah Anggaran Pembangunan di bawah Jabatan Perdana Menteri keseluruhannya.

Dana fasilitasi ini tidak ada butiran atau disebutkan dalam prestasi aktiviti JPM pada tahun 2016. Ini yang meragukan Tuan Pengerusi. Kita bimbang dana fasilitasi ini adalah dana politik atau dana yang diperalatkan, dipergunakan untuk kepentingan atasan yang berkuasa di Putrajaya, melainkan dinyatakan dengan terperinci apakah tujuannya, projeknya, sasarannya, di manakah ia akan disalurkan dan sasarannya adakah untuk dimanfaatkan oleh sesiapa? Itu soalan saya.

Ini sebab kita diberitahu semalam oleh Menteri bahawa dana untuk orang miskin telah dikurangkan 95% sampai tinggal RM10,000,000 sahaja. Dikatakan ada baki RM100,000,000 lebih. Kenapa baki? Kenapa tidak ada digunakan untuk orang miskin kalau itu adalah dana untuk orang miskin?

Tuan Pengerusi, notanya banyak Tuan Pengerusi sebab ia ada banyak kena sebut Bekalan 1 iaitu Parlimen. Maksud Butiran 030000 - Dasar Baru. Butiran kecil 030100 - Penstrukturan Semula Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam (PAC), muka surat 54. Jumlah anggaran RM229,000 sahaja. Tuan Pengerusi, pada 22 Oktober 2015, Dewan telah memutuskan mengantungkan perkhidmatan Yang Berhormat Gelang Patah dalam Majlis Mesyuarat selama enam bulan. Penggantungan ini dilakukan semata-mata kerana Yang Berhormat Gelang Patah hanya mempersoalkan kuasa Tuan Yang di-Pertua mengenai PAC dan bertanyakan sama ada Yang Berhormat-Yang Berhormat lain yang setuju dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Gelang Patah. Dengan izin, *the most pertaining question*, kenapa tindakan terhadap Yang Berhormat Gelang Patah diambil dengan begitu tergesa-gesa sehingga dipaksakan Majlis Mesyuarat meluluskan di dalam Dewan tanpa terlebih dahulu dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan?

Saya mencadangkan supaya penggantungan Yang Berhormat Gelang Patah harus disemak semula. Mohon, sebab dia ialah seorang veteran, dia telah banyak menyumbang untuk negara dan itu adalah satu gaya nampaknya tidak kena dan mestilah diperlakukan kepada seseorang yang telah mendapat mandat untuk menjadi wakil rakyat untuk diberikan pembelaan.

Tuan Pengerusi, Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja. Maksud Bekalan 2 - Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-raja di bawah 020000 *One-off*, muka surat 57. Butiran 020100 – Mesyuarat Majlis Raja-raja. Anggaran hanya RM180,000. Tuan Pengerusi, pada 6 Oktober 2015, BERNAMA melaporkan kenyataan media Majlis Raja-raja yang mana Raja-raja Melayu melahirkan rasa resah dan kebimbangan menyentuh kritikan terhadap kredibiliti dan integriti kerajaan dalam melaksanakan amanah rakyat mentadbir negara.

Kenyataan Majlis Raja-raja itu menyebut Raja-raja Melayu telah mengeluarkan kenyataan berkaitan dengan persoalan dan kontroversi yang melanda negara iaitu isu 1MDB. Raja-raja Melayu maklum bahawa kerajaan sedang melakukan siasatan. Raja-raja Melayu juga

menggesa penemuan siasatan itu hendaklah dilaporkan secara lengkap dan telus supaya rakyat dapat diyakinkan akan keikhlasan kerajaan yang sama sekali tidak akan melindungi fakta dan kebenaran. *'Berani kerana benar'*.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Permatang Pauh.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Boleh Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Permatang Pauh. Dalam perbincangan peringkat Dasar, saya telah membangkitkan empat soalan iaitu soalan pertama, apakah langkah-langkah Kerajaan Pusat seurus menerima titah daripada Majlis Raja-raja Melayu? Soalan kedua, adakah Perdana Menteri atau Menteri-menteri yang terbabit telah menjawab Titah Majlis Raja-raja Melayu yang bertarikh 6 Oktober 2015? Soalan ketiga, sekiranya siasatan ini diperlambatkan dan terdapat unsur-unsur untuk melindungi fakta dan kebenaran, adakah ia boleh diibaratkan sebagai derhaka kepada Majlis Raja-raja Melayu? Soalan keempat, bilakah kali terakhir Majlis Raja-raja Melayu mengeluarkan titah utusan sebegini yang bertujuan menasihati kerajaan yang sedang memerintah? Jika ada, bila dan apakah isunya?

Sayang sekali Yang Berhormat Permatang Pauh, keempat-empat soalan ini tidak dijawab oleh mana-mana Menteri semasa peringkat Dasar. So, apa pandangan Yang Berhormat Permatang Pauh?

■1600

Itulah sebab saya bangkitkan sekali lagi. Ini ialah penting. Daulat Tuanku, kami dalam negara yang berdaulat dan mempunyai Raja-raja Melayu ini. Itulah di bawah payung-payung naungan Tuanku yang kami memohon agar mendapatkan jawapan dan sekarang saya masukkan dalam peringkat jawatankuasa untuk menanya sekali lagi.

Kegagalan seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kapar, kegagalan memberikan penjelasan dan jawapan yang meyakinkan yang bukan sahaja rakyat biasa tetapi Raja-raja Melayu dikhuatiri mengakibatkan berlakunya krisis keyakinan terhadap kerajaan. Sehubungan itu, Tuan Pengerusi apakah langkah dan tindakan kerajaan berhubung dengan kebimbangan yang dibangkitkan oleh Ke Bawah Duli Raja-raja Melayu sebagaimana di nyatakan dalam kenyataan Penyimpan Mohor Besar Raja-raja Datuk Seri Syed Danial Syed Ahmad bertarikh 6 Oktober yang lalu.

Tuan Pengerusi, saya masuk dalam maksud bekal pembangunan Jabatan Perdana Menteri. Butiran 010000 – Pentadbiran, muka surat 116. Butiran kecil 010600 – Kabinet Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan. Anggaran RM9,477,000. Tuan Pengerusi, pada 28 Julai 2015, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan rombakan Kabinet yang melibatkan pelucutan Yang Berhormat Pagoh, Yang Berhormat Semporna, Yang Berhormat Kuala Pilah, Yang Berhormat Cameron Highlands, Yang Berhormat Kudat dan Yang Berhormat Ranau.

Kita difahamkan Yang Berhormat Pagoh telah membangkitkan bahawa pelucutan jawatannya daripada Kabinet adalah kerana beliau menyentuh isu berhubung RM2.6 bilion yang masuk ke dalam akaun peribadi Yang Amat Berhormat Pekan. Apakah benar Yang Berhormat Pagoh ini dilucutkan daripada Kabinet kerana hal tersebut? Bangkitkan sahaja. Tanya apa salahnya. Timbalan tanya. Mantan Timbalanlah sekarang. Tanyalah sangat. Itulah yang difikirkan hendak tanya kenapa.

Dengan tidak menafikan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai prerogatif. Kita tidak nafikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai selaku Perdana Menteri mempunyai prerogatif untuk melantik mahupun menggugurkan sesiapa dalam Kabinet beliau. Namun rakyat mempersoalkan, kewibawaan Perdana Menteri dalam menangani isu RM2.6 bilion ini sehingga memaksa TPM dipecat. Kerajaan boleh menghujahkan atas alasan perlu mempertahankan dengan izin *collective responsibility*. Apakah kebertanggungjawaban bersama ini termasuk melindungi, menutup, dan menyembunyikan kebenaran isu RM2.6 bilion daripada pengetahuan rakyat. Itu persepsi. Siapa sikit sentuh sahaja sampai TPM dan *Attorney General* dijadikan alasan untuk sesuatu yang berlaku. Naik pangkat atau *out* langsung terus, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, isu RM2.6 bilion ini menjadi krisis keyakinan rakyat terhadap kerajaan pimpinan Perdana Menteri krisis keyakinan umum begitu meluas sehinggakan menjadi satu bahan ketawa. Cakap sahaja RM2.6 bilion, ketawa. Sehingga merangsang dan mendorong kami mengusulkan undi tidak percaya kepada Yang Amat Berhormat Pekan sebagai Perdana Menteri. Kami difahami pihak lain juga disebut turut mempertikaikan kewibawaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai isu yang sama namun ia disifatkan secara negatif oleh pihak kerajaan sebagai usaha menggulingkan kerajaan. Tidak ada. Kita hendak tanya dan ini ditambah sebagai langkah dan tindakan yang bertentangan dengan amalan Demokrasi Berparlimen yang diamalkan dalam negara ini. Soal pun tidak boleh kah? Kalau salah, masuk. *Sedition Act*. Akta Hasutan.

Tuan Pengerusi, Perlembagaan Persekutuan tidak menghalang Perdana Menteri disingkirkan melalui Dewan yang mulia ini. Menurut perkara 43(4) Perlembagaan Persekutuan, penyingkiran Perdana Menteri dibenarkan dan adalah jelas perkara 43(4) tersebut memperuntukkan jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak lagi mendapat kepercayaan majoriti Ahli Dewan Rakyat, maka Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendaklah meletakkan jawatan Jemaah Menteri melainkan atas permintaan Parlimen dibubarkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Ini bermakna Perlembagaan Persekutuan tidak menghalang proses penyingkiran Perdana Menteri melalui undi tidak percaya melalui Dewan Rakyat. Malah maksud peruntukkan Perlembagaan Persekutuan tersebut menunjukkan itulah kaedah yang sah untuk menyingkirkan Yang Amat Berhormat Pekan sebagai Perdana Menteri. Janganlah kata kami ini pengkhianat, macam-macam hanya. Yang Amat Berhormat Pekan mempunyai *enjoice the majority* dengan izin

of the MP, so be it. Kita terima. Takut apa salahnya. Kalau kita ambil satu tindakan yang dibolehkan dalam Perlembagaan.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Yang akhirnya Yang Berhormat Arau. Terima kasih kerana sabar mendengar. Terima kasih Yang Berhormat Arau. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang akhir Tuan Pengerusi benarkan, Butiran 31000 – Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), muka surat 126. Butiran kecil 310100 – SUHAKAM anggaran RM5,509,400. Tuan Pengerusi akhir, SUHAKAM adalah satu suruhanjaya penting berkaitan dengan hak asasi manusia bagi melindungi dan menangani sebarang pelanggaran.

Peranan SUHAKAM penting lebih-lebih lagi ketika Indeks Demokrasi Malaysia berada dalam kedudukan 65 daripada 167 negara indeks dengan izin *World Press Freedom* pada kedudukan 147 daripada 180 negara dan Indeks Persepsi Rasuah pada kedudukan nombor 50 daripada 175 negara. Dengan lain perkataan Tuan Pengerusi, SUHAKAM perlu mengambil langkah yang lebih aktif program dan aktiviti bagi memperbaiki *ranking* negara di peringkat antarabangsa dalam perkara yang berkaitan dengan hak asasi manusia yang melibatkan demokrasi, kebebasan media dan implikasi gejala rasuah.

Oleh yang demikian amatlah mengejutkan apabila kerajaan bertindak memotong peruntukkan SUHAKAM dalam Bajet 2016 sebanyak RM5.4 juta ataupun 49.5%. Menteri sudah bangun. Tidak apalah. Berbanding peruntukkan Bajet 2015. Apakah mesej yang cuba diberikan oleh kerajaan kepada rakyat negara ini dan kepada dunia berikutan potongan yang drastik ini? – 50%. Akan tetapi, saya mungkin kurang lagi daripada dana kemiskinan 95% itu saya *still* rasa tidak selesa mendengarnya tetapi kenapa potong sampai dekat 50% daripada dana yang sepatutnya pergi kepada SUHAKAM. Apakah mesej kepada ini? Silakan. Boleh.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Sedikit sahaja Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya cuma hendak bangkitkan satu perkara kerana seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh peruntukkan untuk SUHAKAM dipotong lebih hampir 50% daripada RM11 juta ke RM5 juta sedarkah Yang Berhormat Permatang Pauh bahawa saya melihat pada Majlis Profesor Negara. Peruntukkan untuk Majlis Profesor Negara ditambah daripada RM1.5 juta kepada RM5 juta. Pada hal Majlis Profesor Negara ini tidak memainkan bukannya satu institusi seperti SUHAKAM yang memainkan satu peranan yang khusus. Akan tetapi untuk SUHAKAM ataupun institut integriti semua dipotong tapi untuk Majlis Profesor Negara ini pula ditambah. Seolah-olah untuk menjenamakan untuk pihak kerajaan. Terima kasih. Cuba bagi sedikit penjelasan.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Yang Berhormat Seremban. Memanglah memberi satu persepsi sebab indeks kita asyik-asyik turun sahaja Tuan Pengerusi. Jadi peruntukkan SUHAKAM dipotong ini memberikan satu gambaran bahawa mereka tidak penting *“end thing”*. Itu yang kita tidak mahu dan kita hendak jawapan kenapa dipotong sampai 49.5%.

■1610

Akhirnya Tuan Pengerusi, hakikatnya adalah adakah kerajaan mengiktiraf tugas dan fungsi SUHAKAM atau *window dressing* sahaja? Adakah kerajaan mengambil serius peranan SUHAKAM dengan potongan bajet sehingga 49.5%, seolah-olah ia adalah petanda kemerosotan hak asasi Malaysia sebanyak 49.5%. Ada satu lagi Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Sila, sila.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: *Last* ya. Sudah habis. Sedikit sahaja lagi, terima kasih. Daripada Butiran 370000 – Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU). Di muka surat 127, Butiran 370100 – Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), anggaran RM29 juta. Tuan Pengerusi, pengurangan peruntukan kepada PEMANDU daripada RM142 juta pada tahun 2015 kepada RM29 juta sahaja pada tahun 2016. Apakah sebab utama pengurangan yang besar ini? Sekiranya disebabkan ia tidak berkesan, patut kah dihapuskan sahaja unit ini?

Butiran 540000 – *One-off*, muka surat 130. Butiran 540700 – NKEA – (Oil, Gas, Energy) (Malaysia Nuclear Power Corporation). Anggaran sedikit sahaja, RM5.3 juta. Tuan Pengerusi, apakah tindakan pihak kerajaan seandainya harga minyak mentah dunia susut ke bawah paras USD40 setong? Ketika mana Yang Berhormat Menteri, Dato' Sri Abdul Wahid Omar dengan yakin telah mengatakan bahawa harga ini tidak akan jatuh ke paras USD40 setong. Jelas sekiranya ia berlaku ia akan terus menekan pendapatan negara dan apakah jaminan pihak kerajaan bahawa kadar GST tidak akan dinaikkan?

Berkaitan dengan pendapatan negara apabila susut, bakal menjejaskan kedudukan fiskal negara dan penarafan kredit negara. Apakah jaminan kerajaan bahawa ringgit tidak akan susut ke paras yang lebih rendah daripada RM4.30 untuk setiap USD1? Inilah soalan-soalan yang saya mohon agar pihak kerajaan menjawabnya, terima kasih Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Kita janji awal-awal 10 minit tetapi Yang Berhormat Permatang Pauh berucap apabila saya masuk tadi Timbalan Pengerusi mengatakan sudah 38 minit. Jadi saya biarkan sehingga Yang Berhormat Permatang Pauh habis berhujah. Dia ada lesen besar kerana dia Ketua Pembangkang. Itu sebabnya apabila kita berbahas, kalau kita tidak menghabiskan masa untuk bertengkar dengan soal definisi, soal tafsiran banyak yang boleh dipertuturkan.

Satu lagi, dahulu saya sudah mencadangkan alangkah eloknyanya kalau kita ada *shadow cabinet* supaya tidak memakan masa, agar boleh memilih yang berhujah itu semuanya berkualiti kerana boleh mendapat tumpuan. Saya bukan kata semua tidak boleh berhujah, boleh tetapi kita masih *stick* kepada 10 minit seperti yang ditetapkan cuma kalau dalam hal Ketua Pembangkang, tidak apa kita biarkan. Oleh sebab tadi Ketua Pembangkang berhujah terpaksa daripada sebelah kanan. Yang Berhormat Silam. 10 minit.

4.13 ptg.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud P.6, Butiran 08800 – Pembangunan ESSCOM. Tuan Pengerusi, saya amat

berterima kasih pada bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah memperuntukkan RM523 juta untuk membina sebuah Kem Tentera Darat di ESSCOM di FELDA Sahabat, Lahad Datu, Sabah. Ini sebenarnya adalah satu perkembangan yang sangat baik kerana ini akan menunjukkan bahawa kerajaan begitu prihatin dan serius untuk memastikan keselamatan di Pantai Timur Sabah terjamin lebih-lebih lagi di kawasan Silam yang amat dekat dengan sempadan negara jiran.

Namun Tuan Pengerusi, saya melihat kepada bajet yang dibentangkan pada 2014 untuk tahun ini 2015, telah dibentangkan bahawa untuk ESSCOM akan dibina satu *sea basing* iaitu sebuah pangkalan di laut bersempadan dengan Filipina yang akan menjadi pangkalan kepada semua alat ataupun kapal-kapal yang menjaga di perairan. Namun sehingga hari ini *sea basing* ini masih belum dibina walaupun peruntukannya telah diperuntukkan dalam Bajet 2015. Demikian juga bot pemintas yang diperlukan oleh TLDM yang juga telah diumumkan dalam Bajet 2015 yang dibentangkan berjumlah RM650 juta. Akan tetapi itu juga masih belum dibekalkan.

Sebenarnya saya juga difahamkan bahawa TLDM memerlukan lebih 200 unit bot berkuasa tinggi ataupun bot pemintas yang boleh menyaingi kelajuan bot-bot yang digunakan oleh pihak dari seberang. Ini juga belum dilaksanakan walaupun peruntukannya begitu besar, berjumlah RM650 juta telah diperuntukkan untuk memberikan peralatan-peralatan ini demi memperkasakan ESSCOM.

Seperkara juga yang telah diumumkan pada bajet itu ialah radar yang ada di perairan Laut Sulu yang sekarang ini telah dapat berfungsi. Saya juga difahamkan bahawa dalam bajet itu telah diberikan peruntukan untuk memperbaiki ataupun menggantikan radar-radar ini. Malangnya, sehingga hari ini belum ada lagi perkembangan yang dilaksanakan untuk melaksanakan pembaikan ataupun menggantikan radar-radar yang diperlukan di Laut Sulu untuk menjaga keselamatan dan menghalang penceroboh yang berhajat untuk menyeberang sempadan untuk ke Pantai Timur Sabah. Jadi ini belum lagi dilaksanakan.

Demikian juga dalam Bajet 2015 telah dinyatakan bahawa Lahad Datu akan mendapat RM50 juta untuk menaiktarafkan Lapangan Terbang Lahad Datu yang ada sekarang ini. Tujuan awalnya ialah supaya lapangan terbang itu boleh digunakan untuk pesawat-pesawat yang berkapasiti tinggi. Akan tetapi sehingga hari ini belum ada lagi pergerakan yang berlaku, belum ada menaiktarafkan lagi dan apabila saya bertanya melalui surat kepada Menteri berkenaan, saya difahamkan bahawa peruntukan RM50 juta adalah untuk membina bangunan pergerakan udara, pembinaan kawasan *parking* pesawat ataupun *apron* serta pembinaan bangunan *detachment*. Ini juga belum lagi dilaksanakan.

Akhir-akhir ini saya difahamkan bahawa wang RM50 juta itu akan digunakan untuk menaiktarafkan Lapangan Terbang Lahad Datu untuk menjadi pangkalan helikopter penggempur, ini juga belum lagi dilaksanakan. Jadi saya ingin bertanya kepada Menteri berkenaan, mengapakah perkara-perkara ini yang telah diumumkan dengan peruntukan yang begitu besar belum lagi dilaksanakan sehingga hari ini? Saya berharap Menteri akan memberikan penjelasan kerana apabila pengumuman dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, rakyat di

kawasan saya begitu gembira kerana mereka merasa bahawa kerajaan telah memberikan perhatian lebih-lebih lagi selepas kawasan Tanduo di Lahad Datu telah diserang oleh pihak-pihak dari seberang.

■1620

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Pengerusi, *Point of Order* 8.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Silam, duduk Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Pengerusi, pagi tadi kita perbincangan. Yang Berhormat Bandar Kuching mempersoalkan isu bahasa perbincangan di Parlimen ini. Kata kita, Sabah dan Sarawak boleh dan ada hak menggunakan perbincangan bahasa Inggeris. Akan tetapi dalam *Point of Order* 8 ini, bahasa rasmi majlis ialah bahasa Malaysia tetapi Tuan Pengerusi boleh membenarkan penggunaan bahasa Inggeris. Jadi, pagi tadi telah menjadi huru-hara. Saya rasa Tuan Pengerusi, kita sudah tiba masa apa yang sepatutnya kita buat, perubahan di dalam Parlimen.

Jangan semua- ada segelintir pembangkang salah menggunakan *standing order*, membuat huru-hara di dalam Dewan, itu satu. Yang kedua, *we are mislead the people outside the House*, dengan izin. Saya rasa ini sudah tiba masa kita mahu hentikan tak kira mana-mana pihak, janganlah membuat Dewan ini serupa macam pasar borong. Huru-hara. Memang buat macam ini, pasar borong ini serupa, kongkalikung. Orang luar semua ketawakan kita. Parlimen Malaysia serupa macam pasar borong. Tidak ada *standard* punya. Akan tetapi ramai profesional dalam Dewan ini, semua orang kata kita tidak jalankan satu persidangan ada *world class standard*. Bagaimana hendak *world class standard* kalau kita tidak, Tuan Pengerusi, membuat satu *ruling* yang betul. Masa sudah cukup.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya berat hati saya untuk mengatakan ini. Sebilangan besar masa kita dibazirkan mengenai dengan soal tafsiran. Ini pendapat saya Yang Berhormat, mengenai dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuching tadi. Ini kerana saya juga memerhatikan dari bilik saya, siaran secara langsung. Saya tidak nampak di mana percanggahan di antara Perkara 161 yang disebut oleh Yang Berhormat itu, Perkara 161(1) dengan Perkara 152. Saya tidak nampak percanggahan di situ. Apa yang harus kita ingat bahawa peraturan mesyuarat yang kita guna pakai sekarang ini adalah dibuat di bawah Artikel 62(1) perlembagaan iaitu perlembagaan, *constitution* membenarkan kita untuk membuat cara kita sendiri.

Jadi, Peraturan Mesyuarat 8 jelas mengatakan bahawa bahasa rasmi Majlis ialah Bahasa Malaysia tetapi Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan penggunaan Bahasa Inggeris. Kalau Peraturan Mesyuarat 8 ini kita anggap sebagai *subsidiary legislation* dan ianya tidak harus bertentangan dengan peruntukan dalam perlembagaan seperti Peruntukan 161. Tugas Speaker ialah bukan untuk mentafsir aplikasi perlembagaan, tugas Speaker mentafsir peraturan mesyuarat yang sedia ada. Jadi, apabila saya dengar *argument*, saya baca, saya tidak nampak

di mana ia punya *inconsistency*, di mana percanggahan di antara Perkara 161, Perkara 152 dengan Peraturan Mesyuarat 8. Ini kerana tidak ada sekatan boleh berbahasa Inggeris, dengan izin, oleh sebab Peraturan Mesyuarat 8 mengatakan bahawa bahasa rasmi yang kita gunakan sewaktu berbahas adalah bahasa Malaysia.

Jadi, kalau ada di antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang memikirkan bahawa Peraturan Mesyuarat 8 itu adalah *inconsistent with the provision of Article 161*, itu adalah hak Ahli-ahli Yang Berhormat untuk bawa ke mahkamah bahawa peraturan mesyuarat ini adalah *inconsistent with Article 161*. Sebelum itu, di bawah tugas saya sebagai Speaker dan Timbalan saya, bukan mentafsir kehendak perlembagaan, tugas kami ialah mentafsir peraturan mesyuarat. Jadi, tafsiran saya ialah *there is no inconsistency*. Selari.

Peraturan mesyuarat dibuat di bawah Artikel 62(1) dan Peraturan Mesyuarat 8 mengatakan bahawa perbahasan rasmi, bahasa yang digunakan bahasa Malaysia, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, boleh lah berbahasa Inggeris. Itu sebab pada hari itu saya benarkan Yang Berhormat Penampang untuk berkata, saya kata, *'I dont want to create precedent'* tetapi kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat mahu juga bercakap dalam bahasa Inggeris *in total*, sedangkan boleh berbahasa Malaysia, bermakna sudah tidak mengendahkan juga maksud Peraturan Mesyuarat 8. *The official language of debate in Parliament shall be in bahasa Malaysia*.

Jadi, kalau itu juga masih berdegil-degil, kalau saya yang duduk, bermakna dia mengganggu perjalanan Mesyuarat. Saya akan tidak teragak-agak pula gunakan kuasa saya di bawah Peraturan Mesyuarat 43 dan 44. *As simple as that. Very simple*. Jadi, terima kasih Yang Berhormat Bintulu kerana dengan memberi penerangan ini pun saya sudah habiskan lima minit. Sila Yang Berhormat Silam. Berapa lagi yang tinggal, selepas itu Yang Berhormat Kluang. *I recognize* Yang Berhormat Kluang. Sila. Saya harap isu itu, *settle there*. Bahasa rasmi bahasa Malaysia, dengan izin, bahasa Inggeris.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Walaupun saya dari Sabah Tuan Pengerusi, saya tidak berhajat untuk berucap dalam bahasa lain melainkan bahasa Malaysia sebab saya rakyat Malaysia dan bangga berbahasa dalam bahasa Malaysia sebab bahasa Malaysia adalah bahasa kebangsaan. Jadi, akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan bahawa rakyat di kawasan saya amat kecewa sebab perkara-perkara yang saya sebut tadi tidak dapat dilaksanakan dan sehingga hari ini tidak nampak ia akan dilaksanakan. Jadi, saya harap kerajaan akan mengkaji semula supaya butiran-butiran yang disebut tadi dapat dilaksanakan dengan segera. Sekian, terima kasih.

4.27 ptg.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk berucap di sini. Tuan Pengerusi, saya hendak mula dengan isu Parlimen, Butiran 15000 – Pengubahsuaian dan Menaik Taraf Parlimen Malaysia dan juga maksud Bekalan 1 berkenaan dengan Parlimen. Tadi Tuan Pengerusi sebut tentang perbahasan di Parlimen. Saya rasa kalau kita ada jawatankuasa-jawatankuasa yang menumpukan terhadap isu-isu seperti apa

yang dicadangkan oleh Tuan Pengerusi dalam cadangan *standing order*, saya rasa kita boleh tumpukan seperti dalam perbahasan JPM kita boleh adakan satu jawatankuasa. Guna 10 hari untuk bahas JPM kerana kita ada terlalu ramai Menteri-menteri dalam JPM. Tidak adil kalau kita tak gunakan 10 hari untuk fokus atau tumpukan perbahasan kita terhadap JPM.

Saya juga rasa isu ini bukan sekadar dengan kita ada *shadow Cabinet* boleh selesaikan masalah. Saya rasa apa yang penting ialah kita perlukan lebih banyak hari untuk sidang. Dulu, hanya empat lima tahun yang lalu, setahun kita bersidang untuk 80 hari. Akan tetapi sekarang untuk tahun ini kita hanya bersidang 57 hari dan saya rasa kita perlukan lebih banyak hari untuk persidangan. Saya juga fikir kita perlu memikirkan tentang isu pengiktirafan jawatan Ketua Pembangkang. Oleh kerana Tuan Pengerusi tadi menyebut tentang *shadow Cabinet*. Saya rasa *shadow Cabinet* ini kalau hendak laksanakan, kita perlukan sistem atau kemudahan-kemudahan untuk menjayakannya. Saya bagi contoh di Australia, *shadow Cabinet* dibayar dengan gaji. *Shadow Minister* dibayar dengan gaji dan memang Ketua Pembangkang diiktiraf di seluruh dunia dengan kemudahan-kemudahan yang lebih banyak dan dengan taraf Menteri.

■1630

Saya minta izin Tuan Pengerusi, biasanya kita bahas hanya sentuh Anggaran Perbelanjaan Persekutuan. Akan tetapi saya minta izin Tuan Pengerusi untuk juga sentuh butiran-butiran dalam Senarai Perjawatan. Ini kerana saya rasa Senarai Perjawatan adalah sebahagian daripada bajet dan saya rasa ini, Tuan Pengerusi, tidak ada halangan untuk sentuh butiran-butiran dalam Senarai Perjawatan.

Tuan Pengerusi: Di bawah...

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Bajet.

Tuan Pengerusi: Bukan bajet. Di bawah Kepala.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Okey.

Tuan Pengerusi: Kalau di bawah Kepala, saya benarkan. Kalau tidak ada kepala, tidak boleh.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Ia macam ini, Tuan Pengerusi. Biasanya tiap-tiap tahun bajet dibawa bersama dengan Senarai Perjawatan. Dalam Senarai Perjawatan ada butiran-butiran tentang setiap jawatan dalam kerajaan. Saya ingin sentuh ini kerana ini melibatkan kewangan JPM.

Kita faham dalam JPM kita ada terlalu ramai Menteri. Sebelum pilihan raya tahun 2013...

Tuan Pengerusi: *That's really remote*, Yang Berhormat.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: *And then I'll go into detail*. Saya minta penjelasan daripada JPM bahawa berapa duta khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang masih berkhidmat?

Ini kerana dalam Senarai Perjawatan disebut bahawa duta khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Asia Timur yang merangkumi Jepun, Korea Selatan dan Taiwan, perkhidmatan ia tamat pada 31 Disember 2015. So, saya hendak tahu, adakah Yang Berhormat

Bintulu masih duta selepas tahun ini? Kalau bukan, minta dia selepas tahun ini tidak gunakan gelaran duta.

Juga, duta khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Republik Rakyat China iaitu bekas Menteri, Tan Sri Ong Ka Ting, perkhidmatan dia berakhir pada 31 Oktober 2015. Juga saya minta penjelasan adakah bekas Menteri Tan Sri Ong Ka Ting masih boleh gunakan gelaran duta khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri?

Saya rasa duta khas, cara ataupun jawatan duta khas ini tidak diperlukan. Saya minta kalau boleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri cadang supaya dimansuhkan. Ini kerana kita sudah ada Kementerian Luar Negeri. Saya rasa duta-duta patut diletakkan di bawah Kementerian Luar Negeri.

Saya juga rasa agak hairan kerana duta-duta khas bertaraf Menteri ataupun penasihat khas bertaraf Menteri diberikan gaji yang lebih tinggi daripada Menteri. Ada seorang duta yang dibayar dengan gaji RM27,000 walaupun Perdana Menteri hanya dibayar gaji RM22,000.

Lebih hairan ialah bahawa kita ada dua orang penasihat iaitu seorang Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Ikhtisas Wanita yang dibayar dengan gaji RM27,000 sebulan dan juga Penasihat Hal Ehwal Sosial dan Kebudayaan yang juga dibayar dengan gaji RM27,000 sebulan.

Lagi juga, Penasihat Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor yang saya difahamkan ialah Yang Berhormat Tanjong Karang, kalau salah minta betulkan, dibayar juga gaji yang lebih daripada gaji Perdana Menteri. Gaji beliau ialah RM27,000 sebulan. Manakala Pengerusi-pengerusi lain seperti Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Pulau Pinang dan juga negeri Kelantan tidak dibiayai dengan gaji.

So saya minta penjelasan daripada JPM dan amalan-amalan sedemikian adalah tidak diperlukan. Kita harus ada sistem di mana kementerian-kementerian boleh fungsi secara baik, fungsi dengan kuasa dan peruntukan yang betul untuk mereka dan bukan dengan cara yang agak pelik ini.

Saya juga hendak sentuh tentang isu SPAD. SPAD ini lebih baik diletakkan di bawah Kementerian Pengangkutan. Ada empat isu yang saya minta jawapan daripada JPM. Satu ialah *high-speed rail*. Menteri JPM pernah janji dalam Parlimen pada tahun 2013 bahawa kajian *feasibility study* akan dikemukakan di Parlimen dan kepada rakyat sebelum apa sahaja tindakan diambil oleh kerajaan. Akan tetapi, sampai sekarang walaupun tidak diumumkan *feasibility study*, kita sudah dengar pelbagai lobi, ada lobi Jepun, ada lobi untuk negara China bahawa *high-speed rail* dibina tanpa kita faham apa dalam *feasibility study* itu.

Adakah betul dikatakan *one-way ticket* RM400? Saya tidak pasti. Saya dengar khabar angin bahawa dari KL ke Singapura *one-way ticket* berharga RM400. Adakah itu betul? Kalau RM400 satu tiket, saya rasa lebih ramai orang akan ambil kapal terbang. Mereka tak akan guna *high-speed rail*. Kalau tidak ada penumpang yang mencukupi, *high-speed rail* tidak akan berjaya.

So saya rasa ini semua – saya harap lah JPM atau kementerian umumkan semua kerana *high-speed rail* ini akan dibina dengan hutang dan hutang ini kena dibayar oleh kerajaan dan untuk rakyat bergenerasi. Saya minta penjelasan.

Juga, landasan kereta api. Saya rasa kita perlukan satu pelan ataupun rancangan untuk 20 tahun hingga 50 tahun. Landasan kereta api sudah kurang daripada landasan kereta api yang kita pernah ada.

Saya rasa kita mesti ada pemikiran baru di mana kita perlukan lebih banyak landasan kereta api tetapi bukan semestinya *high-speed rail*. *High-speed rail* untuk *passenger* sahaja. Akan tetapi kalau kita ada landasan kereta api yang lebih banyak di Semenanjung Malaysia dan juga di Sabah dan Sarawak, kita boleh juga buat kargo, buat *freight*. So ini ada perbezaan di antaranya dan saya minta satu pelan atau satu rancangan jangka panjang untuk membaiki sistem kereta api kita.

Juga, saya minta SPAD untuk memikirkan bagaimana SPAD boleh berkongsi kuasa dengan negeri-negeri. Di Johor sudah ada agensi untuk pengangkutan awam ditubuhkan oleh peringkat negeri. Di Pulau Pinang juga ada jawatankuasa yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri supaya membantu atau melaksanakan projek-projek pengangkutan awam. Sudah sampai masanya. Saya rasa sudah lima tahun SPAD ditubuhkan, SPAD tidak boleh menangani semua keperluan di seluruh negara. Adalah pentingnya kerajaan negeri diberikan kuasa supaya kerajaan negeri boleh melibatkan diri dalam perancangan pengangkutan awam. Ini saya harap dipertimbangkan.

Saya juga rasa kita perlu memikir apa struktur JPM yang kita perlukan. Bila pihak kami sebut tentang peruntukan yang terlalu besar untuk JPM, jawapan dari sebelah sana ialah bahawa ada terlalu banyak agensi di bawah JPM dan begitulah keperluan peruntukan untuk JPM. Akan tetapi sebenarnya kalau kita semak secara terperinci, banyak agensi di bawah JPM mungkin sudah tidak menepati masa, mungkin sudah boleh digabungkan, mungkin sudah boleh diakhiri hayat agensi-agensi tersebut ataupun diletakkan di bawah Parlimen dan tidak semestinya di bawah JPM.

Saya bagi contoh, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) ataupun APMM ataupun ESSCOM.

■1640

Ketiga-tiga agensi ini boleh diletak di bawah Kementerian Dalam Negeri ataupun Kementerian Pertahanan. Tidak semestinya di bawah JPM dan tidak perlu di bawah JPM. Saya rasa lebih baik JPAM, APMM, ESSCOM semua diletak di bawah Kementerian Dalam Negeri supaya Timbalan Menteri ada lebih banyak kuasa. Saya juga rasa SUHAKAM ataupun Biro Pengaduan Awam (BPA) harus diletakkan di bawah Parlimen. BPA boleh dijadikan *ombudsmen*. Kita boleh semak ataupun mengambil iktibar dari negeri-negeri lain di mana *ombudsmen* ini boleh menyelesaikan banyak aduan-aduan harian rakyat jelata.

Dari segi ekonomi, saya kira sekurang-kurangnya ada 12 agensi-agensi ekonomi di bawah JPM termasuklah MAMPU, PERDA, IRDA, Agensi Pantai Timur – ECERDC, NCIA,

PEMANDU, Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) dan juga Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA), TalentCorp, TERAJU. Sekurang-kurangnya 12 – dan juga Unit Perancang Ekonomi, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS). Kesemua 12 agensi ini boleh digabungkan adanya tidak diperlu lagi untuk masa sekarang. Saya rasa...

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Boleh minta penjelasan?

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Ya.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Terima kasih. Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tiada masa Yang Berhormat. Ada seminit dua lagi saya akan beri. Selepas itu...

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Tak apalah soalan. Lain kali.

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]: Boleh, boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Okey saya hendak akhirkkan ucapan saya.

Tuan Pengerusi: Okey sila. Dia tidak beri laluan Yang Berhormat.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Saya akhirkkan ucapan saya. Saya minta satu kajian kalau boleh satu jawatankuasa Parlimen mengkaji adakah kita perlu begitu banyak agensi-agensi ekonomi di bawah JPM. Ekonomi sebenarnya bidang di bawah Kementerian Kewangan. Adakah kita perlukan agensi-agensi ekonomi ini? Bolehkah agensi-agensi ekonomi ini digabungkan ataupun ditukar milik ke Kementerian Kewangan.

Akhirnya saya hendak sentuh tentang beberapa butiran dalam pembangunan iaitu Butiran 00104 – Penyusunan Semula Masyarakat, peruntukan sebanyak RM750 juta. Butiran 00108 – Program Pembangunan, peruntukan sebanyak RM610 juta. Butiran 00113 – Pembangunan Lima Koridor, peruntukannya sebanyak RM2.42 bilion. Butiran 71000 – Penyelarasan Program Pembasmian Kemiskinan sebanyak RM127 juta. Butiran 93500 – Projek Khas sebanyak RM309 juta. Butiran 93600 – Projek Mesra Rakyat, peruntukan sebanyak RM1.3 bilion. Begitu juga Butiran 97000 – Dana Fasilitasi, peruntukan sebanyak RM3 bilion.

Butiran-butiran yang telah saya sebut tadi Tuan Pengerusi, jumlahnya RM8.55 bilion. Saya rasa butiran-butiran ini tidak ada maklumat terperinci. Parlimen ini walaupun Parlimen boleh meluluskan belanjawan tetapi Parlimen tidak tahu apa dalam butiran-butiran tersebut. Butiran-butiran ini sebenarnya nampaknya adalah kuasa untuk Yang Berhormat Pekan, kuasa untuk Perdana Menteri supaya boleh memberikan projek ataupun program secara budi bicara. *Discretionary* tanpa maklumat kepada Parlimen. Saya minta butiran-butiran yang saya sebutkan tadi dikeluarkan daripada bajet.

Kalau diteruskan kita ada satu sistem di mana Perdana Menteri ada memperoleh peruntukan-peruntukan *discretionary*, budi bicara ikut suka hati tanpa akauntabiliti. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Tenom.

4.45 ptg.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut berbahas dalam peringkat jawatankuasa berkenaan dengan Maksud Pembangunan 6 iaitu Butiran 00113 yang menyentuh berkenaan dengan pembangunan lima koridor ini Tuan Pengerusi yang saya kira menelan belanja peruntukan yang begitu besar. Berkenaan dengan pembangunan lima koridor ini seperti mana yang dimaklumkan Tuan Pengerusi yang ada lima pembangunan iaitu Iskandar Malaysia, Koridor Utara, Koridor Pantai Timur, Koridor Pembangunan Sabah, Koridor Tenaga Sarawak yang telah dibentuk, yang telah dirancang sekian lama Tuan Pengerusi.

Saya percaya dengan kewujudan kelima-lima koridor ini sudah tentu akan menjadi satu perancangan ke arah negara maju dalam tahun 2020. Saya ingin mengambil perhatian dalam Dewan yang mulia ini Tuan Pengerusi berkenaan dengan Koridor Pembangunan Sabah ini. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, kepada pihak JPM. Setakat ini apakah *progress* pembangunan-pembangunan koridor yang telah dirancang untuk negeri Sabah melalui SEDIA yang saya kira pada hari ini sudah masanya rakyat untuk mengetahui bagaimana peratus kemajuan koridor-koridor yang telah dirancang oleh pihak Kerajaan Persekutuan melalui kerajaan negeri.

Saya mengambil contoh Tuan Pengerusi salah satu projek di bawah koridor pembangunan negeri Sabah yang saya kira mana boleh memberi impak ekonomi yang secara meluas kepada masyarakat yang terlibat. Sebagai contoh, projek Livestock Keningau yang saya lihat tidak begitu memberangsangkan yang di mana terdapat tidak kelancaran tentang bagaimana projek ini dilaksanakan. Saya ingin menyatakan di sini Tuan Pengerusi, ada satu lagi projek mungkin di bawah projek pembangunan koridor iaitu pembangunan tanah yang dikenali sebagai projek agropolitan yang saya kira kalau projek ini dilaksanakan dalam masa beberapa tahun sudah tentu akan dapat memberi impak ekonomi kepada peserta-peserta yang terlibat di dalam pembangunan tanah itu.

Macam di tempat saya, Projek Agropolitan Kabintaluan yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah merasmikan projek mega ini di kawasan saya. Akan tetapi agak malangnya setelah kerajaan negeri menyerahkan tanah kepada peserta-peserta yang terlibat sehingga hari ini saya lihat belum lagi ada beberapa *progress* pembangunan yang saya kira projek seperti ini saya nyatakan tadi dapat memberi pulangan ekonomi pada masa akan datang.

Begitu juga Tuan Pengerusi, saya harap projek-projek yang disediakan kepada pihak Kerajaan Persekutuan kepada pihak kerajaan negeri yang saya lihat dalam buku ini, buku Bajet Pembangunan Lima Koridor yang menelan lebih RM2 bilion lebih dengan jumlah anggaran RM13 bilion. Saya harap pihak kementerian boleh memberi makluman di dalam Dewan yang mulia ini *progress* masa kini berkenaan dengan pembangunan koridor-koridor ini.

Satu lagi Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 17300 menyentuh dengan Pusat Rukun Tetangga. Tadi sahabat saya menyentuh berkenaan dengan pegawai-pegawai dalam pegawai perpaduan yang bertanggungjawab untuk memastikan segala aktiviti soal-soal perpaduan itu dapat dilaksanakan.

■1650

Dalam bajet ini Tuan Pengerusi, yang saya lihat menelan belanja lebih kurang tidak silap saya dalam RM4 juta lebih yang mana kita lihat skim rukun tetangga ini Tuan Pengerusi, telah mula diperkenalkan pada tahun 1975 untuk melihat supaya rakyat sendiri dapat mengawal dan juga menjaga ketenteraman dan juga dalam kediaman mereka. Kemudian ini juga, polisi ini telah diperbaharui yang mana dengan menekankan konsep kejiranan dengan falsafah bahawa kesejahteraan kawasan kejiranan menjamin kesejahteraan negara.

Jadi saya percaya dan yakin, ini akan dapat memberikan pendekatan pembangunan komuniti yang memastikan perpaduan dan juga keharmonian hubungan dalam masyarakat terus berkekalan dan juga dapat terus dipertingkatkan. Jadi dalam soal bajet ini Tuan Pengerusi, pusat rukun tetangga. Saya ambil contoh di kawasan saya, tidak silap saya mempunyai lebih kurang lima atau enam dan akan ditambah pada masa akan datang menurut pegawai perpaduan.

Cumanya pusat-pusat Rukun Tetangga ini tidak ditubuhkan. Ada di antara mereka terpaksa menggunakan tempat-tempat sebagai contoh, kediaman mereka. Saya kira sudah sampai masanya hasrat yang mana saya nyatakan tadi, pihak kementerian supaya di kawasan saya juga turut untuk diberi satu bangunan pusat Rukun Tetangga, ini amat penting. Saya dapati apabila pelaksanaan aktiviti rukun tetangga ini telah menunjukkan satu perkembangan yang positif di mana kalau di tempat saya, yang terdiri daripada berbilang bangsa dan juga agama, mereka dapat hidup dalam keadaan harmoni. Jadi saya mohon kepada pihak Jabatan Perdana Menteri supaya dapat juga memberi salah satu pusat Rukun Tetangga di kawasan Parlimen saya.

Tuan Pengerusi, yang ketiga adalah berkenaan dengan Butiran 00102 iaitu Projek Kemiskinan Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang mana menelan belanja yang begitu banyak juga, hampir RM300 juta. Saya ingin bertanya kepada pihak Jabatan Perdana Menteri, selama ini apakah projek-projek yang telah dijalankan iaitu projek kemiskinan ini, telah berjaya menyelesaikan dan membantu masyarakat-masyarakat terutama di luar bandar?

Kita tahu bahawa pada hari ini Tuan pengerusi, kerajaan kita telah menyediakan pelbagai projek-projek pembasmian kemiskinan ini. Sebagai contoh, pembiayaan pembinaan rumah khusus kepada rakyat-rakyat termiskin, pembiayaan projek-projek ekonomi dan pembangunan tanah. Saya lihat hari ini Tuan Pengerusi, projek-projek yang dijalankan kepada masyarakat yang dibantu ini tidak mempunyai *follow up*.

Saya harap apabila pihak Jabatan Perdana Menteri memberikan peruntukan untuk membantu program-program atau projek-projek kemiskinan ini, peserta-peserta yang telah diberikan itu perlu diberi *follow up*. Kebanyakan daripada hasil saya lihat, program yang telah dijalankan sebagai contoh projek peningkatan ekonomi, projek peningkatan ekonomi kopi.

Penerima tersebut telah diberi bantuan untuk menanam kopi. Akan tetapi masalahnya Tuan Pengerusi, tidak ada *follow up* di mana tidak dibantu sebagai contoh, dalam aspek pemasaran ataupun dalam projek penanaman buah-buahan di mana beberapa aspek itu perlu juga diperkasakan.

Saya harap dengan kerjasama pihak Jabatan Perdana Menteri dan juga pihak kementerian-kementerian yang berkaitan, dapat memberi *follow up* supaya dilihat projek-projek pembasmian kemiskinan ini dapat betul-betul memberi manfaat kepada penerimanya. Ini kerana kita tidak mahu nanti apa yang diberikan oleh pihak kerajaan dan wang yang telah dibelanjakan hilang begitu sahaja. Saya harap projek ini pihak kementerian dan Jabatan Perdana Menteri supaya melihat dan mengkaji semula di mana program-program yang mungkin saya kira perlu diberi *follow up* pada masa akan datang.

Saya lihat Tuan Pengerusi, dalam bajet ini, kerajaan kita walaupun ada rakan-rakan di sebelah sana menyatakan bahawa kebanyakan bajet telah dipotong, sebenarnya saya berpendapat bahawa kerajaan kita adalah satu kerajaan yang berhemah. Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu ini, kerajaan kita telah berjaya menyediakan satu program ataupun perbelanjaan untuk rakyat walaupun dalam keadaan yang tidak stabil. Jadi Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Okey, PKR sudah ada, DAP sudah ada. Sekarang dari PAS. Silakan.

4.55 ptg.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil kesempatan ringkas ini untuk mendapat penjelasan beberapa perkara di bawah Kepala B.1 - Parlimen, Butiran 010200 - Pengurusan Dewan sebanyak RM56.5 juta itu. Saya ingin mendapat penjelasan satu status atau *progress* ubahsuai bangunan Parlimen, bilakah dijangka boleh siap? Kedua, saya difahamkan Jawatankuasa Bangunan Parlimen ada ditubuhkan tetapi tidak berfungsi. Kenapa pandangan mereka tidak diambil kira? Ketiga, saya sangat berharap pembangunan yang sedang berjalan sekarang ini tidak lupa mengambil kira ruang surau yang cukup, *parking* yang cukup dan ruang rehat untuk pemandu yang dipohon beberapa kali sebelum ini dan juga kemudahan-kemudahan asas Ahli Parlimen untuk mereka berehat di waktu-waktu rehat tertentu.

Kedua, B.6 - Jabatan Perdana Menteri, Butiran 010500 iaitu Bahagian PERMATA yang bernilai RM36.3 juta. Saya ingin mendapat penjelasan kejayaan Kolej PERMATApintar Negara yang dibangunkan di UKM. Apakah keistimewaan atau kelebihan kolej ini berbanding dengan kolej lain dan siapakah calon-calon yang layak memohon belajar di situ? Butiran 410000 – Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MiGHT).

Apakah sumbangan yang diberi oleh agensi ini dalam membantu membangunkan teknologi tinggi dalam usaha menuju kepada pendapatan tinggi? Butiran 440000 - Agensi Inovasi Malaysia (AIM) yang bertujuan sebagai pemantapan ekosistem dan penciptaan kekayaan kepada

negara. Apakah yang dimaksudkan dengan tujuan di atas? Adakah AIM ini juga dapat membantu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dalam mengkomersialkan R&D yang dihasilkan? Adakah AIM juga membantu mempatenkan produk-produk yang diperoleh melalui R&D penyelidik negara kita?

Ketiga, B.7 - Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya sebagai bekas pensyarah sangat berminat dengan usaha kerajaan memberi latihan dalam perkhidmatan sebagai usaha meningkatkan produktiviti dan meningkatkan layanan yang baik kepada pelanggan. Saya sangat berharap perincian atau ingin mendapat penjelasan mengenai perincian fungsi dan pencapaian butiran-butiran berikut:

- (i) Butiran 050300 - Program Pencarian Bakat;
- (ii) Butiran 050400 – Razak School of Government (RSOG);
- (iii) Butiran 050200 di bawah Kepala B.9 - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia iaitu Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, yang di depan ini. Sila, sila.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Parit?

Tuan Pengerusi: Ya. Selepas Yang Berhormat Parit, sebelah sini, Yang Berhormat Labuan *standby*. Sila.

4.59 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada Butiran 050000 – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pertamanya saya tidak bersetuju dengan pandangan daripada bekas Ahli Parlimen Sungai Benut, Encik Tawfik bin Tun Ismail yang mencadangkan supaya JAKIM dibubarkan. Ini sangat bertentangan dengan semangat Perlembagaan Negara. Itu yang pertama.

Kedua, saya minta JAKIM untuk kaji semula guru-guru sekolah KAFA.

■1700

Pada hari ini JAKIM bagi cuma RM800 sahaja. Akan tetapi di negeri Perak kerajaan negeri tambah lagi RM200 menjadikan RM1,000. Jadi kepada saya, guru KAFA ini perlu diberikan pendapatan yang munasabah supaya mereka dapat memberikan bimbingan dan didikan kepada anak-anak kita terutamanya dalam bidang agama.

Sesungguhnya sekolah KAFA merupakan sistem yang ada dalam negara kita yang perlu diberikan perhatian terutama daripada segi kemudahan-kemudahan sekolah termasuk jugalah kerusi, meja dan sebagainya. Jadi saya minta supaya JAKIM dapat menimbangkan tentang kemudahan-kemudahan sekolah KAFA dan guru-guru KAFA.

Kedua, tentang penubuhan sekolah-sekolah tahfiz. Saya hendak bertanya kepada JAKIM, tidak adakah garis panduan untuk menubuhkan sekolah-sekolah tahfiz ini? Oleh sebab saya melihat bahawa begitu banyak sekali mereka yang menubuhkan sekolah tahfiz. Saya khawatir kerana kod syarat-syarat untuk masuk itu tidak memenuhi kehendak pendidikan nasional.

Saya risau umpamanya budak-budak yang masuk sekolah tahfiz itu tidak ada bahasa Malaysia terutama bila di peringkat SPM, kerana apabila mereka hendak bekerja dengan kerajaan nanti, mereka akan berdepan dengan masalah kelayakan.

Jadi saya harap JAKIM dapat kaji tentang garis panduan penubuhan sekolah-sekolah tahfiz di seluruh negara. Saya sedar bahawa masalah agama ialah masalah negeri tetapi JAKIM sebagai sebuah agensi pusat dapat memberikan khidmat nasihat kepada kerajaan negeri dalam bidang ini. Itu hal yang kedua.

Ketiga tentang Maksud Bekalan 7 – JPA, Butiran 040000 – Pengurusan Sumber Manusia. Dalam ucapan bajet, saya menyebut tentang JPA bercadang hendak melantik 10,000 orang anggota sementara ke jawatan tetap. Waktu saya timbulkan dalam ucapan bajet, saya menyebut bahawa mereka yang berkhidmat lebih dari 15 tahun tetapi akan bersara pada bulan 1 atau bulan 2. Walhal kuat kuasa kepada pelantikan tetap ini bermula pada 1 Julai 2016.

Jadi kerana itu mereka yang akan bersara pada bulan 1 atau bulan 2 tentulah dalam kerugian. Jadi kerana itu saya minta supaya JPA sebagai kerajaan dapat mengkaji semula tarikh kuat kuasa itu atau memberikan pengecualian kepada mereka yang bersara awal supaya mereka dapat juga dimasukkan sebagai anggota tetap dan mereka akhirnya dapat pencen yang setelah mereka berkhidmat lebih daripada 15 tahun dalam kerajaan.

Keempat, Butiran 210000 – Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Saya pernah timbulkan dalam Dewan ini tentang betapa pentingnya Jabatan Perpaduan Negara dalam memupuk masalah perpaduan di kalangan rakyat. Akan tetapi masalah sekarang ini ialah ketidakcukupan pegawai. Macam di Perak lebih 10 buah daerah, hanya lima sahaja Jabatan Perpaduan, termasuk daerah saya menumpang kasih bersama Pejabat Perpaduan Daerah Manjung. Saya pernah mencadangkan di sini supaya Jabatan Perpaduan Negara melantik atau menempatkan semua pegawai perpaduan di semua daerah termasuk tempat saya di Parit. Ini kerana bagi saya inilah satu-satunya jabatan yang harus *direct*, terus dengan rakyat untuk memberikan apa-apa yang patut bagi mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat semua.

Perkara seterusnya ialah Perkara 080000 – Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Suatu yang sering diperkatakan termasuk oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah bercakap bahawa sekali kedudukan yang berbeza untuk Mahkamah Syariah Islam dengan mahkamah awam. Jadi saya hendak tanya adakah tidak ada langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan bagi menaikkan taraf Mahkamah Syariah supaya setaraf dengan mahkamah awam di negara ini?

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya amat menyokong keputusan yang Tuan Pengerusi buat sebentar tadi bahawa dalam Dewan yang mulia ini hanya bahasa Malaysia sahajalah yang patut digunakan sebagai bahasa perbahasan. Walaupun ada perbezaan dan sebagainya tetapi kita sebagai sebuah negara. Apabila kita bercakap satu bahasa, kita akan cuba memahami satu sama lain. Jadi kerana itu Tuan Pengerusi, saya menyokong tindakan Tuan Pengerusi dan berharap perkara-perkara ini dapat dipenuhi tanpa lagi ada pengecualian oleh mana-mana pihak. Sekian, Parit menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Mana tadi? PAS sudah bercakap, selepas itu balik lagi kepada PKR. Sila Yang Berhormat Ampang. Selepas Yang Berhormat Ampang dan / *reorganize*. Nanti selepas daripada Yang Berhormat Labuan *then* Yang Berhormat Kepong.

5.05 ptg.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sementara saya mendapat laluan untuk berucap ini Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan yang saya telah membuat satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 66(9) yang minta untuk membahaskan tentang pemotongan gaji kepada Yang Amat Berhormat Pekan. Akan tetapi usul ini telah ditolak atas alasan bahawa telah disediakan satu *Hansard* kepada saya, petikan *Hansard* yang ada satu perbincangan atau perbahasan pada 22 Oktober 2012. Jadi di situ panjang perbincangannya. Cuma Tuan Pengerusi, saya cuma hendak bertanyakan satu ketetapan di sini di bawah urusan Parlimen, urusan Parlimen iaitu di bawah Butiran 010000 - Pentadbiran.

Jadi adakah Tuan Pengerusi akan memikirkan untuk mengeluarkan satu ketetapan dalam *standing order* kerana dalam *standing order* membolehkan kita untuk menggunakan Peruntukan 66(9) tetapi atas dasar budi bicara 54 dan 57(4) dan 43 maka usul itu ditolak. Akan tetapi dalam *standing order* tidak ada ketetapan mengatakan bahawa pemotongan gaji itu tidak boleh. Jadi apatah kita tidak mahu membuat satu ketetapan dalam masukkan dalam Perlembagaan *standing order* ini bahawa segala yang kita hendak masukkan kalau berkenaan dengan pemotongan gaji tidak dibenarkan. Jadi kalau boleh Tuan Pengerusi memberikan penjelasan atas usul yang saya bawa yang telah ditolak.

Tuan Pengerusi, saya jangan ingin menyentuh tentang B.6 mengenai apa usul yang saya hendak bawa itu? Kenapa saya hendak bawa usul itu Di bawah Kepala 010000. Ini kerana ia melibatkan seorang individu yang memegang jawatan dalam Jabatan Perdana Menteri yang telah banyak dipertikaikan oleh rakyat dan juga di persada dunia antarabangsa. Di mana wang mengenai RM2.76 bilion yang dapat kononnya daripada 1MDB mungkin menurut *Wall Street Journal (WSJ)* mengatakan bahawanya dari 1MDB, akan tetapi telah dinafikan.

Sarawak Report pula kata daripada Abu Dhabi, sudah masukkan ke dalam akaun Yang Amat Berhormat Pekan AmBank. Selepas itu SPRM pula kata duit ini duit derma, bukan dari 1MDB. Selepas itu *Sarawak Report* pula kata *SRC International* pula juga mengatakan bahawa RM42 juta telah dimasukkan ke dalam 1MDB.

Selepas itu ada pula rombakan Kabinet yang mana telah melibatkan Yang Berhormat Pagoh telah digugurkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Semporna juga telah digugurkan. Ia juga melibatkan rombakan PAC yang mana ditukar Jawatankuasa PAC dan dinaikkan pangkat. Ia juga melibatkan penyingkiran Peguam Negara yang mengatakan bahawa beliau menghadapi masalah kesihatan.

Malah dalam *MalaysiaKini* pada 3 November, Peguam Negara pula kata, “*Ada nampak saya tidak? Saya masih sihat lagi. Saya pun tidak tahu saya kena ditukar.*” Keempat, pegawai

SPRM pula dipindahkan. Kelima, pegawai SPRM pula disiasat polis. Keenam, Raja-raja Melayu juga mendesak agar ada satu siasatan sepenuhnya terhadap 1MDB. Jadi atas dasar ini juga Tuan Pengerusi, saya beranggapan bahawa usul itu harus dibahaskan kerana banyak *detail* ataupun perincian yang harus kita hendak dengar. Walaupun kita dengar akan diberikan penjelasan pada akhir Dewan sidang ini, saya tidak tahu sama ada ia akan berlaku atau tidak.

■1710

Jadi kalau sekiranya boleh Menteri menjawab bahawa ianya akan dilaksanakan pada akhir Dewan sesi kali ini maka kita akan tunggu jawapan dari Yang Berhormat Pekan untuk menjelaskan tentang isu yang melibatkan beliau, 1MDB dan RM2.6 *million*. Apatah lagi 1MDB pula terlepas tarikh untuk masukkan laporan akaunnya untuk audit pada 30 September dan sampai 2 Oktober dia keluar dalam *Malaysian Insider*, mereka gagal untuk melaporkan kewangan mereka. Jadi pada saat ini saya memang mintalah Tuan Pengerusi sebagai *number one*, dengan izin dalam Dewan yang mulia ini untuk memikirkan ada kewajarannya untuk kita menggunakan peruntukan 669 dalam kes-kes tertentu. Ini yang mana yang melibatkan rakyat, melibatkan negara dan melibatkan orang ramai di luar sana dan nama dan imej negara kita.

Seterusnya Tuan Pengerusi saya juga hendak sentuh B.6 mengenai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Tadi Yang Berhormat Pokok Sena juga sudah memberi hujah dan saya juga hendak menekankan di sini. Saya amat kecewa dan saya amat berharap Menteri Agama yang kita hormat dalam bidang agama tidak terpalit dengan tuduhan-tuduhan telah diberi. Walaupun dalam tuduhan-tuduhan itu sempurna lengkap dengan *evidences*, bukti-bukti. Saya amat berharap menteri agama pada hari ini ataupun dalam sesi jawapan pada hari ini kemudian dapat menjawab soalan-soalan, bagaimana program yang patutnya dia pergi ke US itu termasuklah bermain golf, berbelanja di pusat membeli belah yang ternama. Juga bagaimana memegang jawatan itu melantik pemegang amanah yang bertindih jawatannya anak-beranak sampai 26 jawatan bertindih anak-beranak melibatkan satu jumlah wang sebanyak RM154,000 setiap bulan.

Jadi ini semua harus dijawab agar untuk membersihkan nama beliau. Oleh sebab itu saya membuat *statement* dan saya amat mengharap bahawa Menteri Agama kita dapat membersihkan nama beliau dalam isu ini agar tidak terpalit sesuatu yang amat dimurkai Allah. Saya amat berdoa *nauzubillah* sekiranya beliau melakukan perkara yang telah dibuktikan dengan lengkap dengan bukti-bukti dan *evidence document* yang menunjukkan bahawa ada kemungkinan penyalahgunaan kuasa dan sebagainya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ampang sedikit sahaja.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Okey.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Yang Berhormat Ampang. Saya bersetuju kita jangan buat benda yang dimurkai oleh Allah. Boleh tidak kita bagi peluang untuk agensi dan sebagainya untuk menyiasat perkara ini dan kita tidak menimbulkan suasana yang mengharu-birukan lagi. Sekarang ini pihak sebelah sana dia timbul dan buat

persepsi yang pelbagai hingga seolah-olah perkara yang tidak betul, tidak sah lagi, sudah diukur oleh rakyat. Boleh tidak Yang Berhormat Ampang mengajak rakan-rakan supaya kita biarkan pihak berkuasa dan sebagainya dan penjelasan diberi dengan sejelas-jelasnya tanpa kita ganggu orang. Boleh tidak boleh?

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Yang Berhormat Ampang minta laluan. Yang Berhormat Ampang saya seperti yang Yang Berhormat Lenggong juga setuju tidak Yang Berhormat Ampang sebab Yang Berhormat Ampang juga telah memulakan tadi ada tuduhan. Bila ada tuduhan bererti belum pasti lagi kesahihannya. Yang Berhormat Ampang juga mengatakan semoga terpalit jadi saya rasa tidak kena untuk kita cara kita hendak buat tuduhan tanpa belum beri peluang kepada satu pihak lagi. Lagi pun kes ini telah pun akan dibawa ke mahkamah, kita tunggu dan lihat sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Ampang.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Okey terima kasih keduanya Yang Berhormat Tanah Merah dan Yang Berhormat Lenggong. Saya memang setuju untuk dibuat siasatan. Namun demikian, kita harus menggunakan Dewan yang mulia ini untuk Menteri Agama untuk memberikan penjelasan agar nama beliau dibersihkan di peringkat kita di Dewan yang mulia ini. Jadi ada peluang untuk menjawab silakan, gunakan ruang ini untuk membersihkan nama beliau.

Jadi Tuan Pengerusi saya juga hendak menyentuh beberapa isu yang lain termasuk B.6 – 080000, Jabatan Kehakiman Syariah. Saya cuma hendak minta juga agar pelantikan Hakim Syariah di kalangan orang perempuan patut dipertingkatkan lagi. Saya difahamkan beberapa negeri Wilayah, Penang sudah menjadi Hakim Syariah. Agar kalau lebih ramai lagi – yang saya difahamkan banyak yang berkecukupan wanita berkecukupan untuk menjadi Hakim Syariah. Dengan adanya Hakim Syariah daripada kalangan orang perempuan, maka isu-isu yang banyak dihadapi orang perempuan dalam perceraian dan perebutan anak dan nafkah dan sebagainya agar dapat lebih prihatin didengar oleh Hakim-hakim Syariah ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh tentang 020000 – Jabatan Perangkaan. Jabatan Perangkaan ketika ini dalam kita kata kita hendak mencapai negara maju tahun 2020 dalam zaman teknologi konon kita hebat dan sebagainya. Akan tetapi Jabatan Perangkaan maklumat yang ada, statistik yang ada tidak *up-to-date*, tidak sampai semasa. Saya faham perlukan masa untuk analisa dan sebagainya, buat laporan tetapi tidaklah sampai lima tahun sekali kita buat bancian, lepas itu *report* ini hendak keluar lagi dua-tiga tahun. Makanya angka-angka ini semua adalah angka-angka yang *back dated*, yang lapuk dan tidak boleh digunakan sebagai asas untuk kita guna analisis, untuk apa-apa dari segi *sosio demographic* ataupun *sosio psychographic* rakyat Malaysia.

Seterusnya saya juga hendak menyentuh tentang urusan Parlimen – 010000. Saya hendak menegur sedikit kerana kami menggunakan banyak kemudahan di belakang sana yang ada komputer dan *printer*. Akan tetapi *most of the time*, dengan izin kertas tidak ada, fotostat mesin tidak ada, kadang *ink* tidak ada dan tidak memudahkan kami dari pihak di sini. Ini kerana kalau tidak berfungsi alat-alat pejabat di belakang sana, maka kita kena lari ke tingkat 14

sana, sebelah blok sana. Tidak memudahkan kita. Jadi saya harap ini diberi keprihatinan kerana saya telah buat secara *personal* kepada Setiausaha Dewan dan beberapa pegawai tetapi saya lihat tidak ada tindakan. Saya minta diambil beratlah untuk memberikan kemudahan kepada kami yang cuba untuk mendapatkan fakta-fakta untuk perbincangan kita.

Seterusnya saya juga hendak menyentuh tentang Penyelarasan Projek Khas – 030000. Saya cuma hendak tanyalah apakah yang telah dibuat dalam kawasan Ampang kawasan saya di bawah unit ini. Ini kerana selalunya bila kita kata kita difahamkan wang yang diminta ini adalah datang daripada Ahli-ahli Parlimen, yang diluluskan adalah daripada yang dimasukkan oleh Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional tetapi daripada pembangkang memang tidak diberi laluan. Namun demikian di tempat saya walaupun kita menang, Keadilan yang menang tetapi saya difahamkan bahawa wang ini digunakan bila ada projek khas dan sebagainya mengikut laluan kepada ketua bahagian. Jadi saya rasa inilah ada struktur mekanisme yang salah kerana mereka itu bukanlah wakil rakyat. Jadi saya hendak mintalah kalaulah degil juga hendak beri kepada orang UMNO tolong berikan saya maklumat apakah yang telah dibuat dalam kawasan Ampang dengan menggunakan bajet penyelarasan projek khas ini.

Akhir sekali Tuan Pengerusi saya hendak sentuh tentang SPR, B.4 – 040300.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Ampang, Tuan Pengerusi boleh?

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Silakan.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Ampang sebut tentang belanjawan khas. Kita sedia maklum bahawa dalam Parlimen ini peruntukan untuk kawasan juga tidak diberikan atas alasan yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan bahawa ini bukan *cost executive* dan pihak Parlimen tidak boleh mempertikaikan keputusan ini. Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Ampang apakah setuju untuk kita juga atas prinsip ketelusan melontarkan persoalan kepada kerajaan. Apakah boleh diberikan perincian tentang peruntukan kawasan, perbelanjaannya bagaimana, salurannya ke mana. Ini kerana selama ada di Parlimen kita tidak punya akses kepada perkara-perkara seperti itu. Terima kasih.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil, terima kasih Tuan Pengerusi.

■1720

Saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat Bukit Katil itu dan kalau boleh satu taklimat kepada kita semua daripada pembangkang ini di mana salurannya, bagaimana pengurusannya? Bagaimana kelulusannya? Agar memudahkan kami untuk faham dan untuk tahu apa yang telah dilakukan dengan sejumlah wang yang banyak itu dalam kawasan masing-masing.

Saya juga ingin mencadangkan juga agar Kerajaan Barisan Nasional yang ada ini memberikan peruntukan itu kepada Ahli Parlimen pembangkang juga kerana di negeri-negeri yang telah ditadbir oleh pembangkang di Selangor dan juga Pulau Pinang kita telah menawarkan

peruntukan wang untuk ADUN-ADUN di negeri Pulau Pinang dan Selangor. Walau bagaimanapun mereka menolak. Inilah yang kita hendak minta agar Parlimen ini juga melaksanakan prinsip yang sama, prinsip yang berlaku adil bahawa hak kami sebagai wakil rakyat tidak dinafikan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh B.4 Butiran 040300 mengenai pilihan raya umum DUN Sarawak dan seperti apa Yang Berhormat Permatang Pauh sebut saya tidak faham kenapa ada campur tangan dari dalam pihak Kementerian Dalam Negeri, saya tidak faham siapa yang telah menyekat kami daripada masuk ke negeri Sarawak. Sekiranya ada tolong berikan sebab kenapa kami tidak dibenarkan masuk ke negeri Sarawak sedangkan kami adalah rakyat Malaysia.

Adakah ini dibenarkan? Adakah memang hak daripada sebuah negeri di Sabah dan Sarawak untuk menyekat sesiapa, menghalang sesiapa untuk masuk ke dalam negeri itu tetapi kita hendak tahu apakah sebabnya. Apakah sebabnya, adakah kita bawa senjata? Apa yang kita buat? Jadi ini saya hendak mintalah penjelasan dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Labuan. Selepas Yang Berhormat Labuan saya sebut tadi Yang Berhormat Kepong. Sila.

5.21 ptg.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya pergi ke butiran-butiran tertentu saya ingin ulang balik apa yang saya perkatikan semasa di peringkat dasar di mana negara kita ini dia dua keping. Sekeping di Semenanjung, sekeping di Borneo, agak jauh dan banyak urusan-urusan yang agak lambat disebabkan oleh birokrasi dan sebagainya.

Saya melihat kedudukan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan di bawah pentadbiran Kerajaan Persekutuan sepatutnya mengambil peranan untuk memastikan bahawa negara yang dua keping ini pengurusannya, pentadbirannya masih cepat dan efisien dengan adanya dua pusat. Satu di sebelah sini dan satu di sebelah sana. Lebih kurang Labuan itu menjadi *extension* kepada Putrajaya.

Sekarang ini banyak hal-hal yang jabatan-jabatan di Labuan seperti JAKIM, jabatan tanah, yang mana kita terpaksa berurusan dengan Kerajaan Pusat di Putrajaya tetapi banyak juga yang lain-lain seperti MKN dan sebagainya seperti APMM, kita berurusan dengan pejabat di Sabah pula. Apa yang saya lihat yang perlu kita fikirkan adalah untuk melihat keperluan perubahan struktur untuk mempertingkatkan lagi pentadbiran negara di mana Labuan boleh dijadikan sebagai pusat beberapa agensi-agensi kerajaan mungkin bermula dengan agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri. Selepas itu, banyak juga kementerian-kementerian lain supaya ianya dipusatkan di Labuan untuk kita melihat ataupun kita *cover*, dengan izin di Wilayah Sabah dan Sarawak. Ini satu perubahan besar tetapi ia adalah sesuatu yang perlu dilihat dan diteliti.

Sebagai contoh, kita boleh bermula dengan agensi-agensi yang belum mempunyai pusat di Kuala Lumpur di mana Sabah dan Sarawak juga mengalami cabaran birokrasi dan *distance* yang jauh itu menjadikan keputusan dan pentadbiran itu lambat. Sebagai contoh APMM. APMM ini adalah satu agensi baru yang sangat penting terutamanya dalam keadaan negara kita mempunyai kawasan persisiran pantai yang begitu luas dan aktiviti-aktiviti yang lebih aktif diperlukan di perairan Sabah terutamanya dan juga Sarawak.

Saya melihat Labuan adalah satu tempat cukup strategik untuk ia dijadikan satu pusat *command*. *Command center* seperti yang dipraktikkan oleh Tentera Udara. Kita jadikan Malaysia ini dua wilayah. Wilayah satu di Semenanjung dan Wilayah dua di Sabah dan Sarawak termasuk Labuan di mana *command center* kepada TUDM adalah di Labuan. Jadi saya lihat APMM adalah yang paling sesuai untuk diadakan seperti itu. Begitu juga dengan Majlis Keselamatan Negara dan banyak operasi-operasi lain.

Lain-lain lagi saya lihat di sini Mahkamah Persekutuan Butiran 01000 adalah sesuatu yang akan banyak membantu Sabah dan Sarawak sekiranya kita adakan ianya di Labuan di mana kes-kes untuk Sabah dan Sarawak yang perlu diangkat ke Mahkamah Persekutuan boleh diadakan di Labuan. Ini akan menyenangkan proses dan seterusnya akan boleh mempercepatkan kes-kes diselesaikan.

Begitu juga JPAM, Agensi Inovasi Malaysia, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, di mana sebagai sebuah wilayah yang begitu besar Sabah dan Sarawak yang dipisahkan jauh daripada Putrajaya memang banyak juga perkara-perkara yang memerlukan rakyat ataupun pegawai-pegawai untuk *travel* atau *meeting*. Jadi ianya boleh mempercepatkan dan sekali gus boleh menjimatkan duit kerajaan dalam proses pentadbiran negara.

Buat masa ini yang saya ingin tekankan di sini untuk Labuan adalah kelambatan yang banyak berlaku terutamanya di peringkat pengurusan yang berkaitan dengan tanah di mana ianya telah banyak membantutkan pembangunan-pembangunan di Labuan, jadi penurunan kuasa itu perlu diadakan di jabatan-jabatan persekutuan yang ada di Labuan. Berhubung penurunan kuasa sebenarnya kita semua sudah dengar ianya telah diselidik dan penurunan kuasa kepada kerajaan-kerajaan negeri Sabah dan Sarawak adalah sesuatu yang telah dipertimbangkan.

Jadi sekali gus saya lihat Labuan boleh memainkan peranan yang sangat penting untuk Persekutuan Malaysia di mana kalaulah sudah banyak tanggungjawab diangkat, dikendalikan oleh kerajaan negeri maka agensi-agensi dan jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan perlu dipusatkan di Labuan dan dipertingkatkan grednya ataupun gred pegawai nombor satunya untuk monitor seluruh kawasan di Sabah dan Sarawak. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kepong.

5.28 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, Maksud Bekalan 9 – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah. Tuan Pengerusi, dalam perenggan 175 ucapan bajet kita ada satu perenggan lebih kurang 30 perkataan. Perenggan 175 bagi memerangi rasuah. Bagi menguatkan lagi usaha integriti dan mengurangkan ketirisan serta rasuah SPRM akan terus dimantapkan dengan program-program serta latihan yang relevan. Dengan ini bilangan pegawai SPRM akan turut ditambah mengikut keperluan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

■1730

Tuan Pengerusi, ini memang satu perenggan yang sangat singkatlah. Kalau kita begitu serius mengenai pencegahan rasuah, maka tidak patutlah kita kurangkan peruntukan daripada RM254 bilion kepada RM291 bilion untuk tahun depan. Ini kekurangan...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila, sila.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, dia tidak ikut peraturan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Saya minta celah boleh Yang Berhormat Kepong? Yang Berhormat Kepong ini orang baik. Bagilah Yang Berhormat Lenggong. Mahu tanya saja. Sini Yang Berhormat Kepong, belakang. Belakang Yang Berhormat Kepong. Yang Berhormat Kepong saja tidak mahu tengok saya. Boleh?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Itu langgar peraturan. Kita tengok pada Tuan Pengerusi.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bukan, tadi Yang Berhormat Kepong tengok Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Lenggong, buka buku, buka buku balik Yang Berhormat Lenggong, peraturan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Akan tetapi semalam Yang Berhormat Kepong tidak mengundi, dia berkecuali. Boleh Yang Berhormat Kepong? Kalau Yang Berhormat Kepong tidak bagi, Yang Berhormat Kepong kung fu. Tidak bagi, takut Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong ikut peraturan. Jika yang sedang berucap tidak duduk beralah, bermakna tidak memberikan laluan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bagilah Yang Berhormat Kepong.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: 10 minit, tidak boleh lah bagi laluan. Tambah pula berapa muka halaman di dalam itu tengok.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Jadi, kekurangan hampir 14% dan ini bukan satu peruntukan yang begitu besar. Ada kementerian yang dapat berbilion ringgit. Ini hanya lebih RM200 juta saja, kita hendak kurangkan. Pertamanya Tuan Pengerusi, kalau kita hendak jadikan suruhanjaya ini suruhanjaya perkhidmatan, ini perlu. Oleh kerana kalau tidak, akan berlaku perkara yang tidak diinginkan seperti pegawai-pegawai kanan SPRM dikenakan tindakan begitu saja, tidak mengikut peraturan, tidak mengikut undang-undang. Kita perlulah bajet yang lebih besar untuk mewujudkan suruhanjaya perkhidmatan supaya tidak boleh berlakunya perkara yang tidak mengikut undang-undang. Oleh kerana kita hendak mendaulatkan undang-undang di negara ini dan itu yang pertama.

*Sungguh kuat terbang tekukur,
Sayup bunyi mendayu-dayu,
Sungguhpun tajam pisau cukur,
Tapi tidak boleh dipotong kayu.*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kepong, pisau cukur macam mana hendak potong kayu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak boleh lah itu dan sebab itulah kita mesti adakan suruhanjaya perkhidmatan. Kalau tidak ada, macam mana kita hendak potong balak itu, tidak boleh. Seperti di Hong Kong baru-baru ini, dia mestilah kerana...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kepong, bercakap tengok Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dia ambil 3 minit daripada saya. Jadi, tidak bolehlah Tuan Pengerusi. Di Hong Kong baru-baru ini ia menghadapkan satu pegawai yang sangat tinggi kepada mahkamah kerana disyaki rasuah. Inilah kita mesti selepas menjadikan suruhanjaya perkhidmatan, kita boleh menyiasat orang. Kalau kita hendak menyiasat Yang Berhormat Lenggong, susah juga hendak dapat bukti. Hendak dapat bukti itu susah dan di Lenggong, tapak-tapak itu purba pun ada. Itulah masalah kita hendak dapat bukti. Tidak kiralah apa perkara di mana kita hendak dapat bukti, dapat saksi yang berani untuk tampil ke hadapan, susah. Oleh sebab itulah kita perlukan satu suruhanjaya yang lebih kukuh, lebih mampu untuk menjalankan tugas ini. Di sini walaupun disebutkan mengenai tambah kakitangan mengikut keperluan.

Ini kalau dari segi tafsiran saya, ini bermakna tidak akan adanya tambahan bilangan pegawai SPRM. *[Disampuk]* Saya sedar, suruhanjaya seperti SPRM perlukan pegawai-pegawai yang cukup. Sekarang tidak cukup dan kita mesti adakan orang yang sungguh profesional. Yang Berhormat Lenggong, dia hendak cari benda purba pun tidak boleh. Itu masalah dia. Dengan masalah pencegahan rasuah ini, kita tidak boleh lihat kepada yang purba saja. Dia moden itu,

digital sekarang, bukan saja 3G, 4G, kita adakan tidak lama lagi 5G pula itu. Akan tetapi itulah masalah kita, kita perlukan kakitangan yang cukup, termasuk yang profesional untuk menjadikan suruhanjaya lebih lengkap, lebih mampu untuk membuat siasatan itu dan sekianlah.

Kilat beliung sudah dikaki,

Kilat pisau sudah ke tangan,

Kilat cermin sudah ke muka.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya ingin mendapat kepastian. Dijangkakan 8 Yang Berhormat Menteri akan menjawab. Jadi, kita hendak habiskan malam ini 8 Yang Berhormat Menteri. Jadi, 2, 4, 6, 8, 10, 12, 13. Saya hadkan masa 5 minit. Belakang sekali. Ya.

5.37 ptg.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih Tuan Pengerusi di atas peluang ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kudat.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Lama tidak berucap. Saya ingin menyentuh ada beberapa Butiran 390000 - Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) ataupun dan juga LPKP berkaitan dengan *masterplan* pengangkutan awam untuk Kota Kinabalu, Sabah. Seperti mana yang kita sedia maklum, akibat kepesatan pembangunan ekonomi di Sabah, khususnya di Kota Kinabalu, maka isu kesesakan di jalan raya semakin menjadi satu isu yang besar. Oleh sebab itu satu *masterplan* pengangkutan awam haruslah dilakukan dan kerajaan negeri pun sendiri telah pun mengenal pasti masalah ini. Saya berharap supaya pihak SPAD selaku suruhanjaya yang bertanggungjawab dalam pembangunan pengangkutan awam di dalam negara ini dapat memberikan bantuan dan pertolongan kepada kerajaan negeri untuk memastikan bahawa pembangunan pengangkutan awam dapat dilaksanakan dengan begitu baik. Ianya bukan hanya terbatas kepada pengangkutan bas atau BRT tetapi juga haruslah dirancang dengan lebih teratur. Supaya pengangkutan awam yang lebih baik seperti LRT ataupun *monorail* dapat dirancang daripada sekarang dan pembangunannya harus dilaksanakan sekarang. Oleh kerana kalau sekiranya kalau kita menangguhkan perkara ini yang merupakan satu perkara yang penting, yang semestinya diharapkan bagi sebuah bandar raya, ianya akan menyebabkan masalah kenaikan kos di masa akan datang.

Kalau kita mampu atau kita mempunyai *creative way* untuk membantu membangunkan pengangkutan awam ini, maka kita harus melakukannya sekarang. Oleh itu persoalannya kepada SPAD, bilakah SPAD dapat memberikan bantuan kepada kerajaan negeri untuk membangunkan pengangkutan awam bagi kawasan Kota Kinabalu? Yang kedua berkaitan dengan pembangunan *high speed rail* (HSR). Sememangnya yang telah pun dirancang oleh pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Singapura. Saya minta penjelasan di Dewan yang

mulia ini, bilakah pelaksanaan HSR ini dapat dilaksanakan, *high speed rail* ini dapat dilaksanakan? Oleh kerana Malaysia ingin menjadi negara maju dan kita memerlukan pengangkutan awam yang efisien.

■1740

Dengan adanya HSR ini, saya percaya ianya akan meletakkan Malaysia ke satu tahap negara maju yang bukan sahaja dapat memberikan faedah kepada keberkesanan dan keefisienan pengangkutan awam kita tetapi juga akan dapat memacu pertumbuhan ekonomi.

Persoalannya di sini, saya minta kepastian daripada kementerian, bilakah HSR ini akhirnya dapat dilaksanakan kerana saya difahamkan ada berita mengatakan bahawa ianya akan terlewat tetapi saya berharap supaya ianya dapat dilaksanakan segera.

Yang kedua ialah Butiran 040000 – Majlis Keselamatan Negara di bawah tajuk Pasukan Petugas Khas Sabah. Saya minta penjelasan daripada MKN, berapakah perbelanjaan yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan untuk memberikan perkhidmatan kepada pendatang-pendatang asing yang ditangkap ini? Berapa juta yang kita kena belanja? Adakah wang ini kita terpaksa belanja dengan begitu banyak kerana ini akan memberikan kesan kepada ekonomi kita dan merugikan kita.

Oleh sebab itu, kita harus mengambil tindakan segera supaya meminta pihak Kerajaan Filipina misalnya, untuk menyediakan perkhidmatan konsuler di Sabah secepat mungkin dan tidak lewat-lewatkannya kerana ini akan memberikan kita peluang untuk proses dokumen dan membolehkan mereka dapat dihantar dengan segera.

Selanjutnya, MKN juga harus melakukan reformasi secara lebih tuntas kerana MKN pada ketika ini, pada pendapat saya, adalah tertumpu kepada kerja-kerja berkaitan dengan bantuan bencana dan juga bantuan berkaitan dengan perkara-perkara seperti banjir dan bantuan-bantuan ke negara lain. Akan tetapi sepatutnya sebagai sebuah *nucleuse security center*, MKN haruslah mempunyai tanggungjawab yang lebih besar iaitu untuk memastikan bahawa keselamatan negara kita akan sentiasa terpelihara memandangkan ancaman keselamatan dunia hari ini adalah semakin kompleks.

Oleh sebab itu MKN haruslah melakukan reformasi untuk menjadi satu badan yang lebih berkesan untuk menghadapi masalah *transborder crime* dan juga perkara-perkara serangan-serangan siber dan juga perkara-perkara yang berbangkit berkaitan dengan keselamatan yang mengancam negara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kudat, sila gulung.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri: Jadi satu yang terakhir sekali ialah Unit Perancang Ekonomi Persekutuan. Saya berharap juga supaya apa yang telah dijanjikan untuk dilaksanakan jalan pesisir Kota Belud-Kota Kinabalu-Kudat itu dapat dilaksanakan dan Unit Perancang Ekonomi haruslah memberikan keutamaan terhadap pelaksanaan projek ini kerana ianya bukan hanya memberikan kemudahan dari segi infrastruktur kepada rakyat tetapi yang penting sekali sumbangannya kepada penjanaan ekonomi di kawasan tersebut kerana kawasan tersebut dapat

dibangunkan sebagai pusat-pusat pembangunan baru ataupun *new growth center* khususnya dalam industri pelancongan dan industri-industri yang lain.

Itu sahaja Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kuala Krai. Lima minit. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh bersedia untuk jawapan jam 7 malam.

5.44 ptg

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa perkara dalam B.4, SPR. Strateginya ialah mengendalikan pendaftaran pemilih secara bersepadu untuk mendaftarkan warganegara yang saya rasa merupakan satu tanggungjawab penting. Cumanya, kita ada mencadangkan di dalam Jawatankuasa Parlimen untuk penambahbaikan sistem pilihan raya supaya SPR dan kerajaan memikirkan pendaftaran automatik kepada warganegara Malaysia apabila mencapai umur. Malah, kita juga ada mencadangkan beberapa tahap umur yang lebih muda untuk menjadi pemilih.

Jadi soalan saya, apakah perkara ini sudah dipertimbangkan dan kalau sudah, agak-agak bila kita hendak melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik? Ini penting atas sebab kemungkinan kesedaran sebahagian warganegara ini untuk mendaftar ini agak lembap. Cuma apabila tiba masa pilihan raya, minat itu datang dan pada tempoh itu pendaftaran tidak akan dilayan dalam tempoh yang pendek. Oleh yang demikian, ruang kepada warganegara untuk mengundi harus diberikan melalui pendaftaran secara automatik.

Keduanya, saya ingin bertanya bilakah urusan persempadanan kawasan pilihan raya yang juga dicadangkan oleh Jawatankuasa Parlimen tersebut supaya dipisahkan tugasnya daripada tugas-tugas pengendalian pilihan raya, ertinya ada suruhanjaya persempadanan sendiri? Ini juga sudah diputuskan dan menjadi salah satu cadangan dalam Jawatankuasa Parlimen yang berkenaan. Dengan cara ini, kemungkinan beban SPR adalah hanya tertanggung kepada urusan pengendalian pilihan raya sahaja dan tidak melibatkan urusan lain seperti pendaftaran pemilih yang mungkin diserahkan kepada satu pihak ataupun jawatankuasa ataupun suruhanjaya yang lain dan begitu juga persempadanan.

Kemudian saya hendak tanya sama ada proses persempadanan semula kawasan pilihan raya di Malaysia ini yang sudah melepasi ataupun sudah 12 tahun berlalu sejak *exercise* yang terakhir dalam tahun 2013, masih dalam pertimbangan kerajaan. Kalau mengikut bajet kita, jumlah yang diperuntukkan kepada SPR untuk tujuan persempadanan ini hanya sekadar RM3.9 juta. Saya tidak nampak kerajaan serius untuk melaksanakan persempadanan ini. Jadi saya mohon penjelasan daripada SPR.

Seterusnya di bawah B.6, Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan syabas kerana strateginya ialah mengamalkan budaya berjimat cermat hasil kerja yang tinggi dengan tenaga kerja yang sederhana. Dalam bab ini, saya ingin bertanya di bawah B.6 Butiran 160000 – APMM yang mempunyai *staffing* hampir atau lebih 4,500 orang. APMM ini satu agensi yang sangat

penting khususnya dalam hal mengawal keselamatan perairan kita. Daripada jumlah 4,675 kakitangannya, seramai 4,199 adalah kakitangan pengurusan sementara hanya 476 orang ataupun kakitangan, ini mengikut laporan bajet kita, yang berada di bawah operasi.

Jadi saya ingin penjelasan, apakah pembahagian kakitangan mengikut tugas ini sesuai dengan suatu Jabatan yang begitu penting yang memerlukan sentiasa ada kakitangan *operational*nya di kawasan maritim kita tetapi yang dilaporkan hanya lebih kurang 10 peratus sahaja yang terlibat dengan operasi, selainnya pengurusan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Apa itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masa.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Habis sudah? Sekejap, satu lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Boleh tanya Speaker apa itu ya? [*Ketawa*]

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya ingat dia setuju dengan soalan saya tadi. Rupa-rupanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, sila.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Di sini sahaja sudah dua minit habis.

Tuan Pengerusi, mengenai PR1MA ya, Butiran 490000. Sejumlah RM10.27 juta untuk pengurusannya dan jumlah staf yang ada mengikut laporan hanya 16 orang staf. Apabila kita tengok di bawah "P", di bawah Pembangunan, jumlah yang diperuntukkan di bawah PR1MA ini ialah RM1.6 bilion.

Jadi saya ingin bertanya adakah jumlah kakitangan seramai 16 orang ini sesuatu yang efisien atau super efisien? Walaupun kita tahu wang RM1.6 bilion ini dalam bentuk pinjaman tetapi sudah tentu satu pemberian belanja yang begitu besar mestilah dikendalikan secara bijaksana dan saya tidak pasti sama ada sejumlah 16 orang pegawai ini menepati ataupun mencukupi untuk mengendalikan belanjawan sebegitu banyak.

Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai.

■1750

5.50 ptg.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi taala wabarakaatuh.*

Saya merujuk Maksud Bekalan 6 Butiran 030000 dan Butiran 300200 - Latihan Pertahanan Awam. Apabila negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, tanggungjawab pertahanan awam terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Dalam tahun 1979, Ordinan Pertahanan Awam telah dipinda dan menambah tanggungjawab memberi khidmat bantuan bencana semasa aman. Jadi yang kita katakan JPAM ini ialah fungsinya melatih

seramai mungkin rakyat tentang keselamatan dan pertahanan dan juga memberi bantuan pada waktu bencana.

Tuan Pengerusi, hari ini ada lebih kurang 50,000 orang anggota JPAM ini. Namun masalah yang utama yang dihadapi adalah berkenaan dengan logistik. Banyak alatan yang tidak mencukupi. Hari ini kita lihat bila bencana berlaku, contohnya banjir perlu kepada tempat-tempat yang jauh dan pedalaman dan kawasan banjir yang teruk memerlukan contohnya helikopter, bot amfibia dan sebagainya. Kita lihat JPAM ini mempunyai kekurangan. Kadang-kadang kenderaan penyelamat pun boleh rosak dan kadang-kadang kita lihat ada tempat-tempat yang tidak ada pejabat, terpaksa tumpang pejabat-pejabat orang.

Jadi untuk membuat latihan-latihan, memerlukan tempat yang sesuai. Jadi latihan-latihan tidak dapat dibuat dengan sebaiknya. Malah ada di antara rungutan yang saya dengar adalah berkenaan elaun yang lambat dibayar. Jadi kalau elaun lambat dibayar, semangat pun jadi luntur kerana ramai orang juga yang tidak dapat memberi khidmat. Contohnya penggiliran tidak tepat, mungkin ada pilih kasih dalam penggiliran sebab ada di antaranya tidak dapat pakai uniform untuk memberi khidmat kerana JPAM ini adalah semangat sebenarnya, semangat kesukarelawan. Kita melihat JPAM ada tiga jenis keahlian. Satu yang seperti kakitangan kerajaan yang menerima gaji bulanan tetap. Kedua ialah anggota kerahan yang menjalani latihan dan berkhidmat sepenuh masa. Ketiganya ialah anggota-anggota sukarela yang mana menjalani sekurang-kurangnya satu hari dalam sebulan untuk memberikan perkhidmatan.

Jadi kalau semangat sudah luntur, kalau kasutnya tidak berkilat untuk memberi perkhidmatan, jadi bagaimana orang hendak buat kerja. Jadi sebab itu saya ingin cadangkan sebab JPAM ini ialah satu agensi yang penting. Maka kerajaan sepatutnya memberikan peruntukan yang lebih, menyediakan peralatan yang lebih dan memberikan contohnya elaun, kenapa elaun lambat. Kalau elaun lambat? Siapa yang masuk JPAM ini? Siapa yang masuk Jabatan Pertahanan Awam ini? Orang kaya? Saya pernah lihat di sesetengah tempat, mereka datang dengan tidak minum lagi dan sebagainya. Jadi elaun patut bagi cepat. Kerja sudah buat umpamanya, kesukarelaan. Akan tetapi kena makan, kena minum. Mereka meninggalkan kerja mereka umpamanya. Jadi ini satu perkara yang sangat penting.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 210000 – Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Butiran 210400 – Perpaduan Masyarakat dan Integrasi Negara. Jadi kalau dulu kita lihat kawasan rukun tetangga ini dia ada [...], ia pun ada satu pondok. Akan tetapi sekarang ini saya tengok contohnya di Parlimen saya, banyak juga KRT yang tidak ada bangunan, sudah lama dah. Kita kata perpaduan itu penting, kita kata perpaduan itulah untuk kemakmuran negara dan bila negara makmur, boleh jadi negara maju. Akan tetapi perpaduan itu tidak diberikan peruntukan yang lebih umpamanya. Sekurang-kurangnya kerajaan patut bagi contohnya sediakan kabin sebab ini sukarela, bukan ada bayaran. Saya lihat banyak dah pengerusi-pengerusi KRT ini, ahli jawatankuasa daripada rambut hitam sampai rambut putih, daripada ada gigi sampai tidak ada gigi pun ada, masih lagi perpaduan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Bagan Serai, sila gulung.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Baru tiga minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Lima minit.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terasa sekejap sangat. Bagi saya sedikit lagi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Oleh sebab huraian panjang sangat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya teruskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jawatankuasa ini kepala, butiran cukup.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya pergi kepada Butiran 360000 dan Butiran 360100 berkenaan dengan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA). Ini melibatkan Parlimen saya juga di utara Malaysia, *Northern Corridor* dengan izin. Jadi saya ingin bertanya tentang keberkesanan projek-projek yang telah dilakukan. Banyak projek yang dilakukan. Setakat ini apa dah? Oleh sebab NCIA ini adalah untuk meningkatkan pembangunan dan sosioekonomi. Adakah kita mencapai kejayaan? Setakat ini apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai? Adakah badan ini dapat membantu rakyat mengubah kehidupan, menambahkan pendapatannya.

Sebagai contohnya di kawasan saya, umpamanya kita ada satu kawasan pelancongan Kuala Gula yang unik dengan hutan paya bakau dan burung. Adakah kerajaan bersedia untuk meningkatkan lagi keadaan tempat ini supaya rakyat dapat ubah kehidupan mereka. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang susah saya hendak atur dalam lima minit lagi. Terima kasih banyak dan Yang Berhormat Bagan Serai menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Antara Yang Berhormat Temerloh dan Yang Berhormat Kuala Nerus. Yang Berhormat Kuala Nerus ya.

5.55 ptg.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim*. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Saya hendak merujuk kepada pertama sekali B.1, Butiran 010100 – Pentadbiran Am. Pertama sekali saya baru-baru ini diberi kesempatan untuk lawatan belajar ke Parlimen Australia dan antara yang menarik yang saya ingin tanya kerajaan atau Parlimen kita pada hari ini ialah kalau dilihat di Australia, diperuntukkan untuk Ahli Parlimennya empat orang staf bergaji untuk *research* dan juga untuk pengurusan di kawasan masing-masing. Maka, adakah kerajaan berhasrat untuk meningkatkan kerja-kerja dan tugas Ahli Parlimen dengan juga pada masa akan datang diberikan empat orang staf bergaji.

Kedua, saya lihat sangat menarik di sana iaitu antaranya ketika sesi soal jawab, Perdana Menteri sendiri hadir setiap kali sesi soal jawab. Adakah kerajaan juga berhasrat untuk dibuat

peraturan supaya Perdana Menteri kita boleh hadir, Yang Amat Berhormat Pekan hadir setiap kali sesi soal jawab untuk satu jam setengah sahaja setiap hari setiap kali *seating* Parlimen kita. Juga cara mereka menjawab iaitu Menteri menjawab tidak lebih daripada dua minit sahaja. Kita kadang-kadang Menteri jawab sepuluh minit, lapan minit, yang berlebih pun ada juga, kita kena hadkan masa. Adakah bersedia membuat perubahan?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Oleh sebab yang bertanya pun lima minit.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ya, baik. Itu tentang Pentadbiran Am. Juga adakah kerajaan bersedia untuk akan datang, dulu kita pernah ada bagi setiap Ahli Parlimen satu bilik di bangunan tinggi kita itu dan adakah pada masa akan datang kita juga berpeluang untuk mendapat bilik yang sama pada masa akan datang.

Kemudian saya hendak merujuk kepada Butiran 050000 – JAKIM, tentang pengurusan Darul Quran. Saya hendak tahu, sehingga ke hari ini Darul Quran ini adalah sejarah yang sangat panjang, saya ingat lebih dari 20 atau 30 tahun. Berapa ramai graduan daripada Darul Quran sehingga ke hari ini? Kita lihat adakah kerajaan bersedia untuk jangka masa panjang di bawah peruntukan Darul Quran ini untuk membuat satu universiti khusus untuk Al-Quran sahaja. Bererti mereka ini bukan setakat peringkat diploma pada hari ini tetapi sampai ke peringkat *bachelor*, *master* dan PhD yang khusus untuk bahagian Al-Quran sahaja dan mereka tidak perlu lagi untuk ke Mesir atau ke tempat lain. Saya tengok ada kerjasama dengan USIM tetapi saya mengharapkan agar Darul Quran ini secara khusus mempunyai universiti tersendiri. Sejauh mana Darul Quran ini juga berusaha untuk membuat cawangan-cawangan di negeri-negeri dengan bajet daripada Kerajaan Pusat. Sistem yang sama Darul Quran untuk mereka yang lepasan SPM.

Kemudian saya hendak merujuk kepada Butiran 050600 – ILIM. Kebetulan ILIM ini dekat rumah saya, depan rumah saja. Jadi ILIM ini fungsinya adalah untuk latihan pengurusan Islam dan kita lihat di bawah JAKIM ini ada satu peperiksaan yang dibuat untuk tahun lima buah sekolah rendah, tidak silap namanya UPKK. Adakah ILIM ini juga boleh membantu sekolah-sekolah agama swasta peringkat rendah ini yang mengambil peperiksaan UPKK dan dia buat kursus-kursus pedagogi secara percuma untuk guru-guru yang mengajar UPKK ini di peringkat sekolah rendah.

Kemudian saya hendak merujuk kepada Butiran 080000 – Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Adakah kerajaan berhasrat untuk meningkatkan lagi kualiti hakim-hakim Mahkamah Syariah hingga mereka mendapat gaji dan elaun yang setaraf dengan kehakiman sivil dan juga dari sudut perjawatan mereka. Adakah kalau saya boleh kaitkan juga dengan peguam-peguam syariah yang mereka tidak ada seperti mana peguam sivil, mereka ada *Bar Council* mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Nerus.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Adakah kerajaan berhasrat untuk meningkatkan agar mereka juga ada *Bar Council* pada masa akan datang.

Terakhir, saya hendak sebut tentang TV Al-Hijrah yang diberikan peruntukan untuk program-program agama. Saya lihat kekangan kewangan di peringkat TV Al-Hijrah ialah pertama mereka ini TV agama, program agama. Untuk mereka mendapatkan dana tambahan menerusi iklan, mereka mungkin terpaksa mencari iklan-iklan yang mungkin tidak merujuk, tidak patuh syariah.

■1800

Maka, adakah kerajaan bersedia untuk meningkatkan lagi dana TV Al-Hijrah agar ia tidak perlu lagi bergantung kepada iklan-iklan untuk dapatkan *income* hingga RM7 juta, RM8 juta. Diberikan lebih agar mereka boleh menandingi syarikat-syarikat lain seperti TV3 dan sebagainya yang ada bajet yang sangat besar.

Terakhir saya hendak sebut tentang Butiran 150100 - Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Saya tengok Mufti Wilayah Persekutuan ini antara yang agak aktif menulis dan mengeluarkan penulisan. Kalau kita lihat di negara Brunei, Jabatan Mufti Brunei ada satu kursus untuk mereka mencetak dan menerbitkan buku yang sangat banyak hingga mereka datang ke Malaysia saban tahun untuk mereka masuk dalam pameran buku antarabangsa. Maka, adakah kerajaan berhasrat untuk memberi bajet yang lebih kepada Jabatan Mufti ini untuk mereka boleh mengeluarkan buku yang sangat banyak dan memang Mufti Wilayah pun terkenal sebagai orang yang banyak menulis. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, contoh ya. Yang Berhormat Kuala Nerus, tujuh isu dalam 5 minit. Bagus. Yang Berhormat Sik.

6.02 ptg.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi, saya sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau sedikit, tiga minit.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: *No problem.*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Saya ingin menyentuh Maksud Pembangunan 6 ataupun P.6, Butiran 16200 iaitu Projek Jalan Felda dan juga Butiran 16300 - Projek Sistem Bekalan Air Felda.

Tuan Pengerusi, satu jalan baru telah dibina di antara Pekan Batu 5 dan kawasan FELDA Telui Timur. Terima kasih saya ucapkan kepada Kerajaan Barisan Nasional dan juga terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Selepas ada jalan ini Tuan Pengerusi, banyak kenderaan untuk ke satu pekan yang bernama Kuala Ketil dan Sungai Petani membuat laluan pintas atau *shortcut* melalui kawasan Rancangan FELDA Telui Timur. Ini menyebabkan yang pertama, kerap berlaku kemalangan jalan raya akibat pertambahan kenderaan yang melalui kawasan FELDA tersebut. Kedua, membahayakan pelajar sekolah kerana waktu pagi banyak kenderaan menggunakan jalan ini, termasuk kenderaan berat seperti lori pasir dan lori balak.

Kerosakan struktur jalan dan kerap berlaku kebocoran paip air berlaku dua, tiga, empat kali dalam sebulan dan keretakan rumah yang berhampiran jalan di kawasan Telui Timur FELDA itu.

Oleh itu, saya pohon FELDA beri peruntukan yang segera untuk membuat satu, jalan *bypass* di luar ataupun di tepi kawasan FELDA Telui Timur untuk mengelakkan kawasan perumahan FELDA terlibat. Jarak jalan ini saya anggarkan dalam 5 kilometer sahaja. Kedua, menaiktarafkan dan memperbaiki paip dan sistem bekalan air dalam kawasan FELDA Telui Timur.

Tuan Pengerusi, itu sahaja yang ingin saya sentuh. Yang Berhormat Sik mohon menyokong. Terima kasih banyak, tiga minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar.

8.05 ptg.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menekankan butiran B.6 dan P.6 berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri. saya ingin menekankan Butiran 30000 - Aset, di mana untuk perbelanjaan mengurus ada peningkatan sebanyak 55% daripada RM98 juta kepada RM152 juta. Manakala perbelanjaan pembangunan pula untuk Aset – Butiran 30000, ada peningkatan ada peningkatan sebanyak 17% iaitu daripada RM6.9 bilion pada tahun 2015 meningkat kepada RM8.1 bilion.

Saya mendapati beberapa aset ini adalah untuk kepentingan tetapi ada juga beberapa yang saya perlu mendapatkan perincian dan penerangan daripada kementerian, terutamanya untuk Butiran 010100 - Jabatan Perdana Menteri di mana terdapat peningkatan hampir RM7.3 juta daripada RM6.1 juta meningkat menjadi RM12.2 juta. So saya ingin mendapatkan penerangan, apakah aset-aset yang dibeli di bawah butiran ini untuk tahun 2016?

Kedua, adalah Butiran 010500 - Bahagian PERMATA.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: [Ketawa]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Suka Yang Berhormat Arau. Kali ini ada perbelanjaan sebanyak RM36 juta untuk Bahagian PERMATA. saya ingin menuntut penjelasan, berapa ramai pelajar yang akan bermanfaat daripada peruntukan RM36 juta ini? Juga saya ingin mengetahui, adakah cadangan untuk membuka kuliah-kuliah PERMATA yang baru? Saya juga dapat aduan di mana di beberapa tempat pengajian untuk kuliah ini dibuka, beberapa individu yang telah mengambil bahagian, Jabatan Perdana Menteri tidak mahu mengeluarkan lesen untuk membuka ataupun membenarkan mereka membuka kuliah-kuliah PERMATA. Mereka telah dihantar ke JKM pula untuk mengeluarkan lesen. Kursus dijalankan oleh JPM, tetapi lesen suruh pergi minta dekat JKM.

So ini yang saya dari dahulu tekankan, PERMATA ini perlu dikeluarkan daripada JPM atau Jabatan Perdana Menteri dan dimasukkan di bawah Kementerian Pendidikan dan diawasi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. So, saya minta pandangan daripada kementerian sekejap nanti.

Saya teruskan dengan butiran ketiga Butiran 010800. Sini ada aset dibelanjakan sebanyak RM80,000 untuk Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan. Saya harap dapat perincian sebab tahun lepas langsung tidak ada apa-apa aset. Saya tidak berniat jahat, mungkin ada rasional di sebalik aset-aset yang dibeli ini. So, minta kerajaan terangkan. Untuk Biro Tatanegara juga ada sebanyak RM250,000 peruntukan untuk pembelian aset. So boleh beri penjelasan untuk aset-aset, apakah yang diperlukan.

Seterusnya saya masuk ke Butiran 040300 - Urus setia Majlis Keselamatan Negara di mana ada peningkatan hampir 54% untuk pembelian aset daripada RM1.9 juta meningkat menjadi RM3.4 juta. Saya menuntut penjelasan daripada kementerian, apakah jenis-jenis perincian aset yang akan digunakan dan dibeli untuk jumlah RM3.4 juta?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar gulung.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Aduh banyak lagi. Okey, saya taat dengan permintaan Tuan Pengerusi. Saya *just* lompat ke lagi satu sebab saya nampak aset hanya dibelanjakan untuk Bekalan 6 sahaja. Bekalan lain memang kurang sangat untuk tahun ini.

Saya hendak masuk ke Suruhanjaya Pilihan Raya untuk butiran *One-Off* – Butiran 040200 - Sistem EGIS dan Perisian ARCGIS Desktop yang berjumlah asetnya hampir RM450,000. Saya ingin mendapat penerangan, mengapakah sistem ini digunakan dan saya nampak ia lebih mungkin kepada pilihan raya di Sarawak nanti. So saya menuntut penjelasan, kenapa sistem ini dipilih, daripada siapa sistem ini dibeli dan apakah rasional sistem ini digunakan nanti? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Yang Berhormat Jelebu.

6.07 ptg.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara ingin dibangkitkan, minta penjelasan daripada pihak kementerian yang berkaitan. Pertama sekali B.4 - Suruhanjaya Pilihan Raya, Butiran 030000 iaitu Dasar Baru.

Saya ingin minta pandangan daripada SPR, apakah prinsip di mana "*Bumi dipijak, di situ langit dijunjung*" boleh kita praktikkan dalam soal daftar pengundi ini iaitu di mana mereka bertugas, di mana mereka bekerja, di mana mereka bermastautin, mereka harus mengundi di kawasan itu. Prinsip ini. Jadi oleh kerana itu, apakah SPR berupaya mencari satu mekanisme menerusi sistem perundangan kita yang mungkin boleh dibantu oleh majikan-majikan untuk memaklumkan kepada SPR dan juga Jabatan Pendaftaran Negara dan SPR boleh menimbang untuk mereka ditempatkan ataupun didaftarkan pengundi di kawasan berkenaan.

■1810

Ini mungkin boleh satu mekanisme yang boleh difikirkan oleh SPR dalam konteks di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung dan ia adalah lebih adil bersifat demikian. Keduanya Tuan Pengerusi ialah Perkara B6 Jabatan Perdana Menteri, Butiran 010800 - Pejabat Ketua

Pegawai Keselamatan Kerajaan. Ini berkaitan dengan maklumat rasmi kerajaan yang bocor. Di swasta pun bocor juga seperti di *banking* tetapi tidak termasuk dalam skop bajet.

Jadi saya mohon penjelasan daripada Jabatan Perdana Menteri, apakah tindakan, kadang-kadang kita dapat dengar begitu banyak dakwaan memiliki maklumat-maklumat kerajaan. Apakah tindakan yang diambil kepada mereka yang mendakwa memiliki dokumen-dokumen dan maklumat-maklumat tersebut? Apakah ada siasatan dibuat ke atas mereka kerana bukan sekadar orang yang memberi maklumat harus diambil tindakan tetapi pemilik itu juga harus diambil tindakan kerana ini penting kepada keselamatan negara, masa depan ekonomi dan masa depan rakyat juga.

Seterusnya ialah Perkara B6 juga di Jabatan Perdana Menteri iaitu Butiran 020000 - *Economy Planning Unit* dengan izin, iaitu di bawah perancangan ekonomi. Saya mohon supaya EPU dapat melihat balik dasar, menentukan keutamaan projek-projek yang hendak dilaksanakan pada masa-masa akan datang supaya meletakkan kawasan-kawasan yang tidak mempunyai keutamaan daripada segi impak ekonomi ataupun impak sosialnya juga harus mendapat pembangunan yang besar. Umpamanya di kawasan saya di Jelebu, itu kawasan yang pedalaman, tidak ada pembangunan industri yang mungkin akan sampai ke situ. Oleh kerana itu untuk masa depan, kawasan ini memerlukan projek yang menjadi *catalyst* kepada masa depan

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jelebu, gulung.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Baru hendak mula, baru satu. Sedikit lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Satu minit.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Ya. Jadi, minta supaya projek-projek kerajaan seperti universiti dan juga jalan yang menyambungkan di antara Pelangai, Pahang ke Kuala Lumpur yang baru-baru ini juga digunakan ketika tanah runtuh di Bentong. Mohon dilihat semula dan diberi keutamaan kepada pembangunan di masa akan datang. Akhir sekali B6 juga, Jabatan Perdana Menteri iaitu berkaitan dengan Butiran 070000 - Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Ini penting kerana *delivery* kepada sistem kita, penyampaian kerajaan ini penting. Kadang-kadang menteri sudah umum lama baru dinikmati oleh rakyat akan dia punya projek berkenaan. Sehingga rakyat sudah merungut, sehingga rakyat sudah tidak lagi menghargai, baru dapat kepada projek itu. Ini merupakan sesuatu yang tidak mencapai matlamat dan juga tujuan bagaimana *delivery* yang harus menepati waktu dan dapat menjimatkan banyak belanja. Itu sahaja yang hendak saya sampaikan, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kulai.

6.13 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Satu perkara sahaja, Butiran 380000 - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ataupun dikenali sebagai SIAP. Saya hendak tanya di sini kerana baru-baru ini SIAP mengeluarkan Pengerusi Pesuruhjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan, Datuk Yaacob bin Haji Md Sam isukan satu kenyataan media *in case* tentang ke atas kematian Syed Muhammad Azlan bin Syed Muhammad Nor.

Dalam laporan ini, mereka telah mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak kerajaan termasuklah kepada pihak PDRM dan juga ada buat satu cadangan kepada kerajaan terutamanya kepada Jabatan Peguam Negara supaya bolehlah meminda peruntukan Kanun Keseksaan dan Akta Keterangan 1950. Ini bagi memasukkan peruntukan anggapan dengan izin, *presumption* yang akan meletakkan bebanan bukti ke atas pihak yang mempunyai jagaan dan kawalan ke atas orang tahanan sebagai bertanggungjawab ke atas kecederaan atau kematian orang tahanan sehingga diasaskan atau dibuktikan sebaliknya.

Ini akan dapat mengimbangi keadaan di mana monopoli keterangan hanya dimiliki oleh pihak yang melakukan tahanan ke atas orang tahanan atau mangsa bagi kes-kes kejadian kematian dan kecederaan orang tahanan di bawah jagaan mana-mana pihak berkuasa berkaitan.

Tuan Pengerusi, saya rasa cadangan daripada SIAP ini cukup bagus kerana cukup banyak berlaku kes kematian di dalam lokap ataupun di pejabat SPRM pun pernah berlaku pada tahun 2009. Cukup banyak kes sebegini berlaku dan Allahyarham Syed Muhammad Azlan ini, kes ini berlaku pada tahun lalu. Sampai hari ini tiada seorang pun pihak anggota polis yang telah dibawa ke mahkamah untuk didakwa. Jadi saya rasa cadangan daripada SIAP ini adalah sangat sesuai kerana dalam kes yang mana orang tahanan mati di lokap, memang susah untuk kita membuktikan bahawa siapa yang membunuh orang tersebut. Jadi kalau kita boleh meminda Kanun Keseksaan dan juga Akta Keterangan 1950, kita meletakkan *burden of proof* atau bukti untuk membuktikan bahawa mereka yang tak buat salah ke atas pihak yang menahan orang itu seperti pihak polis ataupun SPRM ataupun mana-mana pihak yang berkenaan. Ini boleh memberikan jaminan yang lebih besar kepada orang tahanan.

Jadi saya hendak tanya di sini, cadangan ini bukan datang daripada pihak pembangkang tetapi cadangan ini dibuat oleh Pengerusi SIAP. Jadi saya hendak tanya pihak kerajaan terutamanya Jabatan Peguam Negara sama ada mereka sedang mengkaji cadangan ini dan bila boleh kita tengok satu pindaan ke atas Kanun Keseksaan dan Akta Keterangan 1950 ini boleh dibentangkan di Parlimen supaya kita boleh memberi jaminan dan juga *protection* atau perlindungan yang lebih menyeluruh kepada orang tahanan. Sekian sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih. Yang Berhormat Sekijang.

6.17 ptg.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada B6, Butiran 440000 iaitu Agensi Inovasi Malaysia (AIM). Kita lihat ada penurunan sebanyak RM6 juta daripada segi peruntukan. Kita rasa ini penting untuk peningkatan pemikiran dalam reka bentuk. Cuma saya hendak penjelasan daripada menteri berkaitan dengan Program Duta Inovasi di mana program ini nampaknya kalau diberikan tambahan bajet untuk dilaksanakan di bawah Agensi Inovasi Malaysia maka lebih banyak syarikat akan dapat melaksanakan program berkaitan dengan inovasi.

Kemudian kepada Butiran 39000 iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD). Isu berkaitan dengan teksi ini iaitu penggunaan sistem UBER dan sebagainya ini yang dikatakan telah mengganggu-gugat pemandu-pemandu teksi. Minta perhatian daripada SPAD jika sekiranya tiada *action* atau tindakan yang dikenakan kepada *software* ini ataupun mereka-mereka yang menjalankan perniagaan teksi tanpa permit ini, adakah SPAD bersetuju jika kita buka sahaja sistem permit kepada semua *driver* teksi ini. Jadi tak payah hendak gunakan sistem permit lagi kalau betul sistem UBER dan sistem MyTeksi ini kita hendak gunakan. Ini kerana kita tahu memang inilah yang menjadi permasalahan kepada *drivers* teksi terutamanya di sekitar Kuala Lumpur.

Butiran 04801, Pembinaan Masjid/Surau dan Pembaikan/Naik Taraf. Mohon jasa baik daripada pihak Jabatan Perdana Menteri untuk melihat semula permohonan masjid di FELDA Pemanis yang masih belum dapat dilaksanakan. Seterusnya Butiran 060000 – Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) berkaitan dengan pembinaan bangunan persekutuan. Mohon juga jawapan daripada pihak menteri berkenaan cadangan di daerah Segamat untuk kita wujudkan sebuah bangunan persekutuan. Untuk Butiran 16200, yang ini penting. Projek Jalan-jalan Di dalam Kawasan FELDA. Saya minta kalau boleh peruntukan ini dapat diberikan pada kadar yang segera kepada beberapa kawasan terutamanya di FELDA Pemanis, di FELDA Redong, di FELDA dalam kawasan jiran saya iaitu Jerantut dan juga di Kuala Krau. Oleh sebab saya tengok jalan-jalan ini memang perlu pembaikan segera terutamanya selepas keadaan hujan dan sebagainya.

Kita tahu daripada 319 rancangan ini di seluruh FELDA dengan RM200 juta ini, satu rancangan akan dapat lebih kurang dalam RM627 ribu peruntukan untuk baik pulih ataupun pembesaran jalan. Yang terakhir, Butiran 16300 iaitu Projek Sistem Bekalan Air di Kawasan FELDA.

■1820

Saya minta pihak kementerian juga dapat meneliti permohonan daripada FELDA Medoi kerana ada beberapa rumah generasi baru yang dibina telah mendapat permohonan untuk diberikan kemasukan air tetapi ada sedikit masalah berkaitan dengan pembangunan mereka. Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Raja.

6.20 ptg.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh butiran Bekalan 6, butiran 050000 – JAKIM dan juga 080000 – JKSM.

Tuan Pengerusi, saya ingin membawa suara wanita terutama mereka yang bercerai dan menghadapi masalah di dalam mahkamah syariah dan mereka mendapati bahawa sistem Mahkamah Syariah kita tidak *friendly*. Apabila mereka pergi untuk bicara perceraian, kes-kes nafkah, harta sepencarian dan sebagainya tidak disertakan sekali. Jadi mereka terpaksa pula pohon lain, buka fail lain dan kes itu jadi berlarutan. Ini adalah satu ketidakadilan kepada kaum wanita.

Islam telah memberi hak kepada wanita lebih daripada 1,400 tahun dan kita begitu bangga tetapi apabila datang kepada pelaksanaannya, dia tidak mengikut prinsip-prinsip keadilan, kesaksamaan dan realiti kehidupan. Jadi kami mencadangkan supaya satu undang-undang keluarga Islam yang lebih adil kepada kaum wanita dan yang mencukupi, memahami realiti semasa ini dan tidak menyusahkan kaum wanita. Dalam tahun 1984, Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan telah diluluskan dan pada ketika itu dikatakan bahawa undang-undang ini cukup bagus. Namun pindaan-pindaan yang dibuat beberapa kali, yang akhir sekali pada tahun 2005, amat regresif dan menghakis kedudukan wanita Muslim di Malaysia berbanding dengan wanita bukan Muslim yang dianggap lebih setaraf dengan lelaki di bawah undang-undang sivil.

Pada tahun 2006 Tuan Pengerusi, mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi telah mengarahkan Peguam Negara untuk menubuhkan satu jawatankuasa syariah bagi mengkaji pindaan yang diluluskan pada tahun 2005 kepada Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984. Hasilnya dan hasil daripada perundingan tersebut, beberapa pindaan telah dipersetujui dan sepatutnya dibentangkan di Dewan Rakyat pada tahun 2009. Walau bagaimanapun, ia ditarik balik. Jadi persoalan saya kepada Menteri agama, bilakah pindaan ini akan dibawa semula ke Parlimen ini.

Tuan Pengerusi, banyak tuntutan yang dikemukakan di antaranya adalah arahan amalan apabila seorang wanita yang bercerai masuk mahkamah, tidak mewajibkan pihak hakim untuk menerangkan tentang hak-hak mereka yang boleh dituntut seperti mana sesuai dengan kepentingan keadilan dalam kes atau prosiding. Selepas itu kita perlu juga menambah peruntukan yang jelas menyatakan kesan apabila defendan ingkar terhadap sebarang perintah mahkamah. Tindakan mengesan defendan perlu diperincikan ditetapkan pelaksanaan dalam tempoh masa yang jelas.

Kita juga perlu mewujudkan mahkamah khas yang membicarakan kes-kes undang-undang keluarga yang mempunyai bidang kuasa yang seragam di setiap negeri. Saya ingat setiap kali perkara ini dibangkitkan tentang tidak ada keselarasan undang-undang keluarga di negeri-negeri, sering kali dijawab bahawa ini adalah di bawah kuasa Raja-raja. Pokoknya saya fikir Raja-raja akan bersimpati dan akan faham. Pokoknya dibawa atau tidak kepada Raja-raja?

Jangan kita hanya mengambil alasan bahawa Raja-raja tidak setuju kerana keliling Raja-raja itu adalah penasihat-penasihatnya.

Seterusnya Tuan Pengerusi, ramai wanita yang pergi ataupun berhadapan dengan Mahkamah Syariah agak kecewa dengan peranan hakim-hakim kerana mereka tidak bersifat *inquiry*, tidak menyelidik, tidak bertanya fakta-fakta dan mengambil inisiatif bagi mengeluarkan perintah bagi fakta yang kabur bagi membantu mahkamah dan kepentingan keadilan dan tidak menyatakan bahawa kesemua arahan perintah mahkamah mesti dilaksanakan oleh pihak penguat kuasa dan bukan terbeban kepada isteri.

Setiap kali isteri yang perlu bawa kes itu kemudian, tidak diarah, tidak ada. Sistem arahan amalan ini tidak kukuh. Pelaksanaan serahan ganti mesti lebih cekap dan sistematik serta mengguna pakai teknologi terkini. Menyarankan agar jabatan bantuan guaman mengkaji semula syarat maksimum pendapatan dengan pengambil kiraan mengambil kira bukan setakat pendapatan malahan tanggungan ibu-ibu tunggal dan wanita. Ini adalah satu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Raja, sila gulung.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Habis dah, lagi empat ayat. Seterusnya melantik lebih ramai hakim wanita di Mahkamah Syariah. Mewajibkan semua pegawai mahkamah syariah menghadiri latihan mengenai prosedur undang-undang yang dikendalikan oleh Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP). Mewajibkan latihan gender dan hak asasi manusia kepada hakim dan pegawai Mahkamah Syariah dan menyediakan sesi penjelasan bagi setiap minggu bagi orang awam mengenai prosedur perundangan proses pemfailan borang mahkamah serta cara mengisi borang-borang mahkamah dengan betul. Saya kira sekiranya JKSM dan JAKIM mengambil cadangan-cadangan ini, banyak masalah yang dapat kita selesaikan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Samarahan.

6.26 ptg.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk sama-sama membahas isu dalam peringkat jawatankuasa.

Perkara pertama yang saya ingin hendak kemukakan di sini di bawah butiran 290100 – Agensi Pengurusan Bencana Negara. Kejadian sesuatu bencana bukanlah di bawah bidang kuasa manusia. Namun setiap yang berlaku pasti ada hikmahnya. Oleh itu saya setiap tahun, kerajaan ataupun negeri kita mengalami bencana dan sistem pengurusan bencana telah di *upgrade* setiap tahun dan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan kerana telah pun menyiapiagakan jentera ini dengan mewujudkan lagi ataupun memantapkan lagi sistem mekanisme pengurusan bencana negara apabila meletakkan JPAM di bawah Majlis Keselamatan Negara.

Namun begitu, saya ingin bertanya kepada kementerian di bawah butiran ini, peranan dan tanggungjawab JPAM ini amat penting dan sudah menunjukkan relevan dia di peringkat akar umbi. Namun begitu, saya ingin hendak bertanya kepada pihak kementerian supaya pasukan JPAM ini yang sedia ada ini dilengkapi dengan pelbagai kelengkapan bagi memudahkan operasi penyelamat dalam bencana apa jua pun seperti banjir.

Begitu juga apakah insentif yang diberi oleh pihak kerajaan memandangkan JPAM ini merupakan satu pertubuhan sukarela untuk melibatkan lebih ramai lagi belia-belia ataupun penduduk-penduduk terlibat dalam JPAM dalam usaha kita memantapkan pengurusan JPAM ini. Saya rasa jika ada insentif-insentif yang menarik, banyak lagi rakyat-rakyat ataupun penduduk-penduduk yang akan terlibat dalam memastikan penguatkuasaan ataupun penangkapan pasukan JPAM pada masa akan datang.

Seterusnya butiran 460000 – Unit Peneraju Agenda Bumiputera iaitu RM14.7 juta. Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang peranan TERAJU dalam memajukan ekonomi bumiputera. Setiap tahun TERAJU akan mendapat peruntukan tersendiri bagi membantu melahirkan usahawan-usahawan dan peniaga di kalangan bumiputera. Saya mengakui banyak program yang telah ditawarkan dan banyak yang membantu golongan bumiputera dalam memulakan dan mengembangkan perniagaan demikian. Namun begitu, saya ingin hendak memohon kepada pihak kementerian ataupun pihak TERAJU untuk menyumbangkan lagi peranan dan program-program TERAJU di peringkat masyarakat luar bandar yang sudah semestinya mempunyai banyak produk tertentu dan membantu mereka dari sudut pemasaran dan bimbingan dari sudut perniagaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, gulung.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Bagi kawasan Samarahan, ramai anak-anak muda yang terlibat dalam perniagaan dan apa yang menjadi masalah ialah memasarkan produk-produk di pasaran di luar Samarahan sendiri. Oleh itu saya berharap melalui program skim permulaan bumiputera diharap dapat memberi pendedahan kepada penduduk luar bandar dan saya juga ingin mencadangkan kepada pihak TERAJU untuk membantu mewujudkan kawasan-kawasan ataupun pusat-pusat perniagaan di luar bandar seperti *uptown* ataupun *downtown* di luar-luar bandar khususnya di Sarawak bagi membantu anak-anak muda, belia-belia dan usahawan-usahawan yang baru memulakan perniagaan mereka. Itu sahaja Tuan Pengerusi, Kota Samarahan mohon menyokong.

■1830

6.30 ptg.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Maksud B.9 – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Secara spesifiknya saya ingin merujuk kepada Butiran 020000, Butiran 030000 dan Butiran 040000.

Berdasarkan kepada statistik tangkapan daripada tahun 2011 hinggalah Oktober 2014, trend menunjukkan berlakunya penurunan tetapi sehingga bulan Oktober 2015 tahun ini seramai

766 orang telah pun ditangkap dan ini adalah merupakan jumlah yang kedua tertinggi dalam tempoh lima tahun. Jadi, persoalannya mengapakah kes tangkapan ini terlalu tinggi pada tahun ini? Adakah sememangnya negara kita terlalu terdedah kepada gejala rasuah ini ataupun bagaimana sebenarnya keadaan itu berlaku?

Kemudian yang kedua, daripada 3,446 kes tangkapan yang dibuat sebanyak 1,495 kes adalah daripada orang awam. Manakala 1,034 adalah kakitangan kumpulan sokongan. Jadi, saya melihat perkara ini agak terkejutlah. Hampir 50% kes tangkapan secara keseluruhannya yang dibuat ini adalah terdiri daripada penjawat awam kumpulan sokongan. Jadi, saya minta penjelasan daripada pihak Perdana Menteri, apakah spesifik kes-kes rasuah yang dilakukan? Apakah salah guna kuasa yang melibatkan mereka itu?

Saya juga memohon supaya butiran kes itu mengikut kementerian atau pun agensi kerajaan yang terlibat kerana ini saya merujuk kepada pendedahan Laporan Ketua Audit Negara setiap tahun. Antara isu besar yang berlaku adalah melibatkan perolehan dan pembayaran pembelian aset-aset kerajaan. Jadi, adakah perkara ini berkaitan dan kalau ia benar berkaitan persoalannya ialah adakah keputusan-keputusan perolehan dan pembayaran itu diputuskan oleh kakitangan sokongan ini?

Tuan Pengerusi, selain itu saya juga telah merujuk kepada pangkalan data pesalah rasuah yang telah dimuat naik butiran secara terperinci 726 pesalah rasuah yang lengkap dengan nombor kad pengenalan dirinya dan juga butiran kesalahan serta hukuman yang dikenakan ke atas pesalah-pesalah tersebut di laman rasmi SPRM ini. Jadi, terdapat sebahagian kes tersebut sebenarnya apabila kita lihat dia masih lagi di peringkat rayuan tetapi segala butirannya telah terpampang dalam laman rasmi SPRM ini. Jadi, apakah motif tindakan *upload* butiran secara terperinci tersebut dalam laman web atau pun laman rasmi SPRM ini sedangkan ia masih lagi dalam peringkat rayuan.

Akhirnya Tuan Pengerusi, ringkas sahaja saya ambil kesempatan ini. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan keberkesanan dan juga perkembangan terkini mengenai program pegawai integriti bertauliah yang telah pun ditempatkan di jabatan-jabatan kerajaan dan juga GLC. Jadi, bagaimana? Adakah program ini telah memberikan satu impak yang tinggi untuk mencegah salah guna kuasa dalam negara kita dan juga penyelewengan amanah di *locality* masing-masing atau pun dia hanya peringkat penubuhan tetapi tidak memberi kesan sehingga kita melihat gejala-gejala rasuah masih lagi berlaku yang melibatkan penjawat awam ini. Kesnya begitu tinggi dan sebagaimana dibuktikan dalam jumlah tangkapan yang telah pun dilaporkan kepada kita. Jadi, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Jerlun.

6.34 ptg

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali Butiran 00109 – Program Kerjasama Serantau seperti IMT-GT dan BIMP-EAGA. Soalannya, sejauh

manakah kerjasama ini diteruskan kerana minggu lepas ada satu program di Kedah tentang IMPGT. Cumanya adakah konsep kerjasama ini diteruskan dan membawa hasil contohnya Indonesia, Utara Malaysia dan juga Thailand. Macam Arau dahulu dia Menteri Besar Perlis dia pun terlibat dengan IMT-GT.

Seterusnya yang kedua NCIA seperti rakan saya sebutkan tadi sejauh manakah peranan NCIA ini fokus kepada kerja-kerja. Adakah hanya tumpu kepada pembangunan industri? Adakah juga dilibatkan pembangunan dari segi kemajuan bidang pertanian umpamanya industri padi dan sebagainya.

Ketiga, TV AlHijrah macam Yang Berhormat Kuala Nerus sebutkan tadi sejauh manakah keberkesanan pelancaran TV ini berbanding dengan kos yang terlibat dan *rating* di kalangan penonton jika dibandingkan dengan TV komersial yang lain. Akhir sekali Butiran 010300 – Kawal Selia Felda dan Butiran 010400 – Seranta Felda. Kita sedar bahawa di kawasan FELDA ini sudah lama pembangunannya daripada tahun 60-an dan kini melibatkan mungkin generasi ketiga kita sedar banyak masalah yang berlaku di kalangan anak-anak muda generasi kedua, ketiga di FELDA yang terlibat dengan pelbagai gejala dadah dan sebagainya, masalah sosial masyarakat.

Adakah pihak serantau ini juga mengkaji keperluan dari segi pihak keselamatan iaitu polis contohnya di Felda Lubuk Merbau daripada tahun 70 sampailah ke hari ini ada sebuah pondok polis yang hanya diuruskan, diletakkan seorang anggota untuk menjaga lebih daripada 5,000 penduduk di situ. Jadi, sudah tentu ianya amat membebankan, tidak berkesan dan mohon dilihat secara menyeluruh supaya masalah gejala sosial ini tidak akan menjadi masalah berpanjangan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Selayang.

6.37 ptg

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Maksud Bekalan 8, Jabatan Peguam Negara Butiran 020000 – Pengurusan, Butiran 070000 – Pendakwaan, Butiran 090100 – Perbicaraan dan Rayuan. Saya meminta Yang Berhormat Menteri untuk memberikan penjelasan tentang dua perkara iaitu adakah *accountability* oleh Peguam Negara dan kalau ada kepada siapa?

Kedua ialah apa perlindungan yang diberikan kepada Peguam Negara untuk menjaga kebebasan daripada pengaruh politik. Dua perkara ini ditimbulkan dengan cara Perdana Menteri telah memecat Tan Sri Gani Patail pada 28 Julai. Ramai peguam menganggap bahawa Peguam Negara tidak boleh dipecat melainkan mengikut prosedur memecat hakim tetapi ini tidak betul kerana perkara 145(5) yang asalnya diberikan *security of tenure* kepada Peguam Negara telah dipinda pada 1960 dengan menukar jawatan sebagai jawatan pelantikan politik dan memegang jawatan *at the pleasure of* Yang di-Pertuan Agong.

Ini juga satu amalan yang baik kerana selepas itu kedua-dua peguam negara adalah Menteri di Kabinet dan Abdul Kadir Yusuf dan juga Hamzah Abu Samah, mereka ada hadir di

Parlimen dan boleh memberikan penjelasan dan *accountability* kepada Parlimen. Akan tetapi pada waktu Tun Mahathir mentadbir kerajaan amalan ini telah ditukar balik kepada Peguam Negara yang bukan ahli politik. Dengan itu tidak ada Peguam Negara yang ada di Parlimen dan tidak ada rupanya *accountability* tentang kuasa pendakwaan. Oleh sebab itu saya meminta perkara ini diperbetulkan mengikut perkara 61 Perlembagaan di mana Peguam Negara boleh dilantik ke Jawatankuasa Parlimen dan dengan itu dapat hadir di Parlimen untuk memberikan keterangan tentang isu-isu bagaimana kuasa budi bicara pendakwaan itu digunakan. Ini harus dibuat kerana seperti hari ini kitalah di Parlimen ini yang meluluskan bajet kepada Jabatan Peguam Negara.

Perkara yang kedua ialah sama ada kerajaan bercadang untuk meminda balik Perkara 145(5) untuk memberi *security of tenure* kepada Peguam Negara kerana dengan izin... *implementer importance that the independence of Attorney General in the administration of criminal justice.*

■1840

Perkara kedua yang hendak saya sentuh ialah tentang maksud Bekalan 6, Butiran 310000 - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM). Peruntukan dikurangkan daripada RM10 juta kepada RM5 juta, potongan bajet sebanyak 50%. Bermakna, SUHAKAM tidak akan dapat menjalankan aktiviti mereka seperti yang dicadangkan. Kerajaan juga hendak memberikan kesedaran dan menyediakan penyelidikan berhubung hak asasi. Saya minta langkah-langkah diberikan dengan memberikan potongan yang begitu besar kepada SUHAKAM supaya mereka dapat menjalankan aktiviti mereka. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tasek Gelugor.

6.41 ptg.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada Butiran 330000 - Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA). Kita lihat PERDA ini adalah satu agensi Kerajaan Persekutuan yang ditugaskan untuk memajukan masyarakat luar bandar dan bumiputera di negeri Pulau Pinang. Akan tetapi peruntukan yang diberikan pada PERDA cuma lebih kurang RM14 juta, berkurangan RM2 juta berbanding tahun lepas yang mana tertumpu kepada perbelanjaan untuk emolumen semata-mata. Jadi, ia telah menyebabkan fungsi PERDA untuk menggerakkan usaha-usaha pembangunan insan, kursus-kursus pembangunan usahawan dan juga pembangunan projek-projek perumahan menjadi terbantut. Difahamkan juga bahawa kerajaan telah meminta supaya PERDA menggunakan sumber dalaman. Akan tetapi sumber dalaman juga adalah berkurangan kerana punca sumber dalaman kepada PERDA adalah daripada segi hasil jualan rumah-rumah projek perumahan dan sebagainya.

Namun begitu, oleh sebab PERDA terpaksa menjual rumah dan aset ini dalam nilai yang lebih rendah daripada pasaran kerana kita hendak membantu golongan bumiputera, jadi

menyebabkan pulangan kepada PERDA untuk ditabungkan adalah begitu sedikit sekali. Menyebabkan program-program lain seperti pembangunan usahawan, pembangunan modal insan, pendidikan dan sebagainya terbantut. Jadi, saya minta supaya kerajaan mengkaji semula dan memberikan penambahan modal kepada PERDA untuk menjalankan tugas-tugasnya sebagaimana yang ditetapkan. Manakala, bagi Butiran 190000 – Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR). JAWHAR adalah jabatan yang berkaitan dengan wakaf, zakat dan haji, di mana JAWHAR bergiat aktif dalam bidang pembangunan projek-projek di atas tanah wakaf. Namun begitu, saya mencadangkan juga supaya JAWHAR memberikan tumpuan kepada pembinaan rumah-rumah mampu milik yang dijual secara sewa beli. Bukan dijual terus atau pun untuk tujuan sewaan sahaja kerana tapak yang digunakan adalah tapak wakaf. Kalau keadaan itu dapat dilaksanakan, maka ramailah rakyat kita yang berpendapatan rendah dapat memiliki atau dapat menghuni rumah yang lebih selesa melalui kaedah tersebut.

Jadi, pihak kerajaan perlu memberikan peruntukan yang lebih banyak dan salurkan selain daripada PR1MA, SPNB, maka boleh juga disalurkan kepada JAWHAR supaya JAWHAR juga boleh menggunakan sumber-sumber, tanah-tanah wakaf yang tidak dimajukan untuk dimajukan sebagai projek perumahan mampu milik dan sewa kepada rakyat. Akhir sekali, Butiran 050000 – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). JAKIM ditubuhkan adalah untuk membangunkan hal ehwal Islam di Malaysia. Namun begitu, banyak isu yang melanda umat Islam di Malaysia atau pun di dunia ini yang memerlukan pihak JAKIM membuat ulasan, memberikan pendirian, menyatakan keputusan dan sebagainya. Kita lihat agak perlahan atau pun tidak begitu memberangsangkan. Kadang-kadang isu begitu tenat berlaku dalam masyarakat tetapi JAKIM masih belum memberikan apa-apa pandangan atau pun pendapat atau pun keputusan mereka. Menyebabkan masyarakat menjadi tercongok, terumbang-ambing, tertanyanya dan timbul perbalahan dan sebagainya.

Justeru dengan itu, apa yang ingin saya sarankan ialah kerajaan mesti mewujudkan satu bahagian penyelidikan yang khusus yang diletakkan, kalau boleh diletakkan terus di bawah Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), tidak diletakkan di dalam JAKIM kerana JAKIM sendiri mempunyai banyak bahagian-bahagiannya. Jadi, tumpuan kepada masalah macam tadi sudah menjadi semakin mengecil. Akan tetapi kalau lah bahagian penyelidikan yang memberikan pandangan segera, pendapat dan sebagainya menggabungkan pandangan-pandangan, keputusan-keputusan dari Jabatan Mufti, maka kalau diwujudkan sebuah jawatankuasa penyelidikan atau pun bahagian penyelidikan yang lebih besar, lebih khusus, pegawai-pegawai yang lebih berkewibawaan, saya rasa banyak isu dan masalah yang ditanggung oleh umat Islam, terutama sekali dalam perkara-perkara yang menimbulkan kekeliruan akan dapat diatasi dengan segera.

Jadi, kita mengharapkan kerajaan memberikan tumpuan kepada pembangun, penyelidikan dan juga pemantauan kepada isu-isu yang berlaku. Jadi, setakat itu Tuan Pengerusi, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu Gajah.

6.46 ptg.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. B.6 Butiran 290000 - Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN). Bagaimanakah pengurusan bencana di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara yang baru ditubuhkan itu akan berbeza dengan kaedah-kaedah yang telah diguna pakai sebelum ini di bawah Majlis Keselamatan Negara? Adakah dengan penubuhan agensi baru ini Majlis Keselamatan Negara tidak ada apa-apa peranan dalam pengurusan bencana? Saya juga ingin mengetahui semasa agensi pengurusan ini sudah mula berfungsi dan bersedia menghadapi malapetaka banjir yang sedang dihadapi oleh negara kita. Saya juga ingin tahu sama ada agensi ini hanya bertanggungjawab untuk bencana-bencana besar seperti banjir yang berlaku di Kelantan dan negeri-negeri lain pada tahun lalu atau agensi ini juga turut terlibat dalam menguruskan masalah-masalah banjir kilat yang sering kali berlaku di kawasan-kawasan perumahan tertentu. Sebagai contoh, setiap kali hujan lebat di Taman Kledang Permai dan Taman Arkid, kawasan Parlimen Batu Gajah, menghadapi masalah banjir kilat. Masalah ini telah menjadi lebih kerap apabila terdapat projek-projek perumahan dan pembinaan sebuah universiti swasta di kawasan berkenaan.

Penduduk kedua-dua taman itu telah mengalami kerugian besar dalam beberapa banjir kilat yang telah merosakkan harta benda mereka. Aduan telah dibuat secara bertulis kepada Majlis Bandaraya Ipoh tetapi pihak Majlis tidak mahu mengambil berat tentang kesengsaraan penduduk tempatan. Adakah masalah-masalah banjir kilat seperti ini juga turut dibantu oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara di peringkat negeri dan daerah? B.6 Butiran 490000 - Perbadanan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), hanya satu perkara sahaja. Adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan projek PR1MA di kawasan Parlimen Batu Gajah dalam masa terdekat?

B.6 Butiran 020000 - Unit Perancangan Ekonomi (UPE). Saya ada dua isu di bawah Butiran ini. Berbanding dengan tahun 2014, pelaburan swasta telah berkurangan pada tahun ini. Pada tahun 2014 pertumbuhan pelaburan swasta adalah 8.7% tetapi pada tahun 2015, pertumbuhan pelaburan swasta adalah 7.5%. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan pertumbuhan pelaburan swasta terencat pada tahun ini? Adakah pihak swasta telah hilang keyakinan dengan pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional? Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan pelaburan swasta dalam jangka pendek dan jangka panjang?

Perkara kedua, penurunan nilai mata wang negara telah memberi impak negatif kepada rakyat. Barang-barang yang diimport menjadi lebih mahal, barang-barang dibeli dengan harga mahal itu terpaksa dijual dengan harga yang lebih mahal. Ini meningkatkan kadar inflasi dan membebankan seluruh rakyat negara kita. Selain daripada itu, penurunan nilai ringgit juga akan menyebabkan rakyat terpaksa berbelanja lebih apabila mereka melancong atau melawat negara-

negara lain untuk tujuan-tujuan tertentu. Ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka untuk belajar di luar negara juga akan mengalami masalah besar akibat penurunan nilai mata wang. Kos pelajaran akan meningkat, mungkin mereka tidak mampu lagi membiayai pelajaran anak-anak mereka di luar negeri.

Jika anak-anak kita ditaja oleh pihak kerajaan atau pun pihak korporat, beban peningkatan kos pelajaran ini juga terpaksa ditanggung oleh mereka. Ini mungkin mengakibatkan bilangan pelajar yang akan ditaja pada masa akan datang akan dikurangkan. Saya ingin mengetahui kecekapan dan keberkesanan Jawatankuasa Khas dan Ekonomi yang ditubuhkan pada tahun ini dalam menangani impak ketidaktentuan ekonomi di peringkat antarabangsa. Apakah langkah-langkah khusus yang telah dijalankan oleh jawatankuasa ini? Setakat ini kita tidak nampak apa-apa perubahan dalam ekonomi negara, terutamanya dalam usaha-usaha menstabilkan nilai ringgit dan mengukuhkan pasaran kewangan.

Tuan Pengerusi, B.7 Butiran 030000 - Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya ada beberapa soalan mengenai tajaan pendidikan oleh JPA. Dalam tempoh lima tahun yang lepas, berapakah pelajar yang ditaja oleh JPA untuk melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar negeri?

■1850

Daripada jumlah tajaan luar negeri, sila nyatakan bidang dan kursus yang ditaja serta jumlah pelajar yang terlibat. Berapakah pelajar-pelajar Melayu, Cina, India, Orang Asli dan kaum Bumiputera dari Sabah dan Sarawak yang pernah ditaja oleh JPA dalam tempoh lima tahun yang lalu? Selain daripada itu, saya juga ingin tahu, negara-negara manakah yang menjadi pilihan utama JPA membuat tajaan? Nyatakan bilangan pelajar mengikut negara. Apakah kerajaan mempunyai hasrat untuk menambahkan jumlah tajaan JPA dalam tempoh lima tahun akan datang?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Apakah trend kursus dan negara yang menjadi sasaran penajaan JPA dalam masa akan datang?

Akhir sekali Tuan Pengerusi, B.6 Butiran 210000 – Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Saya rasa sedih apabila ada di antara Ahli-ahli Parlimen sentiasa mengungkitkan isu masalah perpaduan nasional dikaitkan dengan sekolah-sekolah vernakular. Saya membantah secara sekeras-kerasnya bahawa sekolah-sekolah vernakular merupakan punca utama perpecahan kaum di negara kita. Kita tidak boleh menuduh sekolah-sekolah vernakular secara membabi buta. Pada pagi ini, Ahli Parlimen Padang Besar juga membangkitkan isu ini dalam sesi soal jawab.

Malaysia sebagai sebuah negara majmuk harus mengekalkan identiti ini sebagai satu khazanah yang amat bernilai. Kepelbagaian bahasa, agama, kebudayaan, kesenian dan kesusasteraan merupakan kekayaan terpuji negara kita. Oleh itu, kita tidak boleh membenarkan apa-apa usaha untuk menghancurkan unsur-unsur kepelbagaian ini. Kita harus bersatu padu

menyokong prinsip yang diwarisi turun temurun iaitu *unity in diversity*. Saya memohon supaya Menteri menyatakan pendirian tentang sekolah vernakular yang sentiasa dikaitkan dengan masalah integrasi nasional. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tumpat.

6:51ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Pengerusi, *Assalamualaikum* dan salam sejahtera. Ringkas sahaja.

Pertama, Butiran 010200 – Pengurusan Dewan Parlimen kita ini. Tuan Pengerusi, kita amat tahu bahawa Dewan Rakyat amat penting, keseluruhan Parlimen amat penting dan oleh sebab betapa pentingnya Dewan Rakyat dan Parlimen kita ini dan oleh sebab betapa aktifnya ahli-ahli kita yang terlibat sebagai anggota Parlimen ini, maka boleh dikatakan hampir keseluruhan hari-hari Dewan ini kita isi dengan waktu dan masa yang cukup panjang sehinggalah jam 11.30 malam dan kadangkala melebihi hari itu sendiri membawa kepada selepas tengah malam. Ini nampaknya menjadi amalan. Jumaat minggu sebelum itu, hari terakhir hari Khamis malam Jumaat pun yang sebelum ini tidak diamalkan, biasanya habis hingga pukul 5.30 petang, tetapi disambung hingga ke lewat malam.

Ini bermakna Tuan Pengerusi, bahawa kita memerlukan hari-hari yang lebih untuk keseluruhan Dewan ini bermesyuarat dan bersidang. Hari-hari kita bersidang dalam satu tahun hanyalah sekitar 50 lebih hari sahaja. Ini bererti bahawa mungkin berbanding dengan parlimen-parlimen lain di seluruh dunia ini, kita mungkin merupakan antara parlimen yang paling sedikit hari-hari bersidang.

Oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan bahawa kita mengadakan hari-hari bersidang yang jauh lebih banyak daripada yang kita amalkan sebelum ini. Mungkin kita mulakan dengan 80 hari setahun tahun depan, selepas itu hingga ke 100 dan lebih hari-hari untuk bersidang. Ini adalah kerana kalau kita lihat sebagaimana Yang Berhormat Kuala Nerus melalui pengalaman beliau melihat Parlimen di Australia yang ramai di antara kita mungkin juga maklum, bahawa mereka bukan sahaja hari-hari bersidang mereka banyak, bukan sahaja mereka ada, ini *point* kedua saya, Jawatankuasa Pilihan yang banyak dan aktif tetapi mereka juga ada dewan kedua, *Second Chamber* untuk Dewan Rakyat mereka.

Jadi, untuk kita mulakan mencari jalan keluar kepada hari-hari yang begitu panjang apabila kita bersidang ini, saya cadangkan supaya tambah hari-hari bersidang dan kemudian wujudkan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan. Jawatankuasa Pilihan ini pernah dijanjikan oleh kabinet-kabinet sebelum ini dan saya harap ini menjadi realiti sebab kita mempunyai begitu banyak isu, begitu banyak masalah dan saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat kita akan memenuhi kedudukan jawatan ini, kerja ini dengan sebaik-baiknya memandangkan bahawa kita telah pun diberikan ganjaran yang kita rasa memerlukan kita untuk membuktikan pada rakyat bahawa kita sanggup berkhidmat walau di zaman bayaran ganjaran agak rendah. Akan tetapi sekarang ini

ganjarannya mungkin kita akui agak baik, oleh sebab itu, kita bekerja dengan keras lagi supaya kita dapat berbakti kepada negara yang kita kasihi ini, Tuan Pengerusi.

Isu yang kedua, Tuan Pengerusi. Secara ringkasnya ialah berkenaan dengan Pantai Timur kawasan kita, Tuan Pengerusi, iaitu Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Butiran 350100. Ada program dia, ada peruntukkan untuknya tapi saya perhatikan dan kita semua tahu dari segi fahaman ekonomi kita yang mudah, untuk kita membangun ekonomi, kita memerlukan, saya dimaklumkan dua perkara yang penting iaitu pertamanya infrastruktur yang baik dan keduanya tenaga manusia yang baik.

Kelantan, Terengganu dan Pahang, *alhamdulillah*, tenaga manusianya, rakyatnya baik dan bijak belaka. Itu adalah kekuatan kita, Tuan Pengerusi. Akan tetapi, infrastruktur kita amat lemah. Jalan raya, lebuhraya, laluan kereta api, lapangan terbang, pelabuhan tidak sebaik yang kita perlukan sebagai asas untuk memulakan program untuk membangunkan negara kita dari segi ekonomi.

Jadi cadangan saya kepada Butiran 350100 ini, supaya ditekankan pembangunan dan pembinaan infrastruktur kereta api, lebuhraya, pelabuhan dan lapangan terbang untuk kita mulakan program yang bererti untuk membawa pembangunan yang sebenarnya kepada Pantai Timur kita ini.

Perkara seterusnya Tuan Pengerusi, Butiran 010200 iaitu berkenaan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya. Sudah pun saya dengar disebutkan oleh pembahas-pembahas sebelum ini, kita dimaklumkan dalam buku belanjawan ini bahawa dianggarkan daftar pemilih untuk tahun depan 2016 ini adalah seramai 15,203,849. Saya rasa sudah sampai masanya bahawa pendaftaran pengundi ini dijadikan wajib dari sudut undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Poin yang terakhir Tuan Pengerusi...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Tumpat, boleh saya mencelah sedikit? Perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak cukup masa sudah Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Satu soalan sahaja. Yang Berhormat Tumpat boleh?

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Saya terpaksa habis poin. Yang terakhir, boleh saya gulung iaitu Butiran 500000 – Majlis Profesor Negara. Saya hanya ingin tahu apakah yang telah- dan saya dengar tadi dalam buku ini ditambah sekali ganda peruntukan. Apakah yang telah dilaksanakan oleh Majlis Profesor Negara selain daripada ambil segala kesempatan yang ada untuk memuji kerajaan UMNO Barisan Nasional? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Yang Berhormat Dungun.

6.57 ptg.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: *Bismillahi Rahmani Rahim. [Membaca doa] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Kepala Pembangunan di bawah Butiran 00117 – Pembangunan Perkampungan Nelayan, melibatkan peruntukan lebih daripada RM16 juta. Bagaimana peruntukan ini hendak diagihkan? Kalau melihat kepada kampung-kampung tradisi nelayan di seluruh negara, ia dalam jumlah yang sangat banyak, bukan sahaja di Semenanjung Malaysia bahkan di Sabah dan Sarawak. Kalau kita melihat pembangunan bersepadu yang hendak dibuat, mengeluarkan nelayan daripada keadaan mereka pada hari ini, tentulah peruntukan ini tidak akan mencukupi. Ia mungkin bermaksud peruntukan secara kecil-kecilan pembinaan di kawasan-kawasan kampung tradisi nelayan. Oleh itu, saya hendak minta penjelasan jenis-jenis pembangunan yang akan dibuat dan perkampungan nelayan yang telah dimajukan dan yang akan dimajukan.

Sepatutnya kita boleh mencontohi apa yang dilakukan di sebuah bandar raya di negara China, Banda Raya Shenzhen secara khusus, berhampiran dengan Hong Kong yang telah berubah menjadi satu bandar raya metropolitan yang menjadi pusat perdagangan dan juga pusat pelancongan hasil daripada sebuah perkampungan nelayan yang diubah oleh Kerajaan China dan berubah menjadi satu bandar yang sangat maju boleh menandingi Bandar Raya Hong Kong.

Ini adalah supaya kita melihat usaha-usaha yang diambil mestilah usaha-usaha yang menyeluruh, usaha-usaha yang bersepadu, bukan sahaja biarkan nelayan kita berada dalam kawasan perkampungan tradisi mereka dengan tidak mengeluarkan mereka daripada pembangunan yang sedia ada. Walaupun peruntukan yang disediakan kepada nelayan pada setiap bulan sebanyak RM200 diberikan tapi itu mungkin tidak boleh mengeluarkan mereka dari keadaan mereka sekarang.

■1900

Jadi saya mencadangkan supaya dibuat satu usaha yang menyeluruh dan bersepadu kepada pembangunan perkampungan nelayan yang menyebabkan nelayan-nelayan tradisi yang khusus sebahagian besarnya berada di pantai timur dan khususnya di Terengganu.

Kedua, berkaitan dengan Butiran Pembangunan 04802 – Pembinaan Sekolah Agama yang melibatkan lebih daripada RM3 juta. Isu besar yang patut kita perhatikan ialah sekolah-sekolah menengah agama ada yang dibina oleh pihak kerajaan dan ada yang diambil alih yang diserahkan oleh kerajaan-kerajaan negeri. Akan tetapi isu besar kita ialah bagaimana pembinaan sekolah agama di peringkat pengajian rendah. Kalau melihat kepada peruntukan ini mungkin tidak akan mencukupi kerana usaha-usaha pengurusan kita dapati terdapat pembinaan pembelajaran J-QAF. Kemudian yang penting juga ialah secara khusus perlu adanya pembinaan sekolah-sekolah rendah agama supaya memungkinkan lanjutan kepada sekolah menengah kebangsaan agama dapat dibuat di peringkat yang melibatkan pembangunan, pembinaan insan yang berasal daripada pembangunan kemanusiaan itu yang diasaskan kepada agama.

Ini kerana masalah yang kita hadapi hari ini ialah walaupun kita mempunyai Rukun Negara yang meletakkan asas yang pertama, *'Kepercayaan kepada Tuhan'* tetapi bagaimana

sepatutnya kita memahami asas agama dalam Rukun Negara itu, '*Kepercayaan kepada Tuhan*' ialah kita memberikan ruang supaya masing-masing memahami kehendak agama masing-masing. Inilah yang sepatutnya menjadi asas apabila Rukun Negara ini dibuat kerana melihat kepada perkembangan yang berlaku dalam negara kita dalam sejarah 13 Mei 1969.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Insyallah* saya akhirkkan dengan Butiran 06100 – Development of Halal Industry. Dengan peruntukan sebanyak RM2.9 juta yang melibatkan sijil halal dalam negara kita oleh pihak berkuasa kita sendiri, JAKIM. Itu agak mudah kerana kita boleh menentukan prosedur-prosedur yang dikehendaki dan juga syarat-syarat kelayakan untuk memperoleh sijil halal ini.

Akan tetapi bagaimana kalau produk-produk dari luar negara yang dilabelkan dengan sijil halal dari negara masing-masing, adakah juga itu mendapat kedudukan prasyarat halal seperti dalam negara kita. Ini kerana kadang-kadang produk ini terus masuk ke dalam pasaran dan akhirnya dibeli dengan melihat tanda sijil halal itu dengan tidak melihat adakah ia memenuhi syarat-syarat seperti yang dikehendaki dalam sijil halal negara. Begitu juga kadang-kadang walaupun tiada sijil halal tetapi digantung ayat-ayat al-Quran untuk menunjukkan bahawa kedai itu adalah kedai yang membolehkan orang Islam masuk dan makan, minum kerana dianggap sebagai halal.

Bagaimanakah tindakan yang perlu diambil bagi memastikan bahawa perkara yang melibatkan soal halal yang amat penting di dalam soal makan, minum ini kerana ia melibatkan pertumbuhan kepada daging yang ada dalam jasad manusia yang memerlukan orang-orang Islam memerhatikan soal halal dan haram ini adalah satu perkara yang sangat asas dan penting dalam ajaran Islam. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan bajet di peringkat Jawatankuasa ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Giliran Menteri menjawab. Saya ingin memaklumkan ada lapan orang Menteri akan menjawab di Jabatan Perdana Menteri. Saya mulakan dengan Yang Berhormat Menteri kawasan Pengerang.

19.04 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Memandangkan ada lapan orang Menteri, saya memohon pandangan daripada Tuan Pengerusi sama ada setiap Menteri menjawab dalam masa setengah jam iaitu empat jam dalam jumlah dan seterusnya jawapan secara bertulis.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh kalau itu permohonan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri, saya boleh membenarkannya.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Terima kasih. Tuan Pengerusi, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2016

di bawah Maksud B.1 hingga B.9 dan B.40, P.6 dan P.7. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Yang Berhormat Pokok Sena telah menyatakan tentang penggunaan keseluruhan tingkat satu Dewan Rakyat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Pokok Sena, dakwaan bahawa keseluruhan tingkat satu, Dewan Rakyat digunakan oleh Menteri yang menjaga hal ehwal Parlimen adalah tidak berasas. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pejabat Yang Berhormat Menteri di tingkat satu adalah pejabat lama yang digunakan oleh Menteri sebelum ini.

Bilik kunjungan hormat juga berada di tingkat satu yang mana ia digunakan untuk menyambut tetamu-tetamu terhormat ke Parlimen. Ruang legar di hadapan Galeri Awam adalah ruang yang disediakan untuk memberikan taklimat kepada pengunjung-pengunjung ke Parlimen. Malah ruang legar itu juga digunakan oleh Ahli-ahli Parlimen untuk berjumpa dengan tetamu-tetamu mereka memandangkan kesempitan tempat. Pada masa yang sama media juga menggunakan ruang ini untuk membuat rakaman dan sebagainya. Justeru itu dakwaan Yang Berhormat adalah tidak munasabah dan menunjukkan Yang Berhormat tidak pernah membuat kunjungan sebelum membuat dakwaan tersebut. Sekurang-kurangnya Yang Berhormat sepatutnya bertanya kepada Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Sungai Petani dan Yang Berhormat Kota Raja yang pernah mengunjungi pejabat Yang Berhormat Menteri di tingkat satu dan tahu tentang keadaan di sana.

Saya minta – Yang Berhormat Pokok Sena ada dekat sini? Baru sampai.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Petugas media semasa persidangan Parlimen juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apa-apa keputusan berkaitan dengan wakil-wakil akhbar adalah seperti yang termaktub dalam Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat 94. Pihak pengurusan Parlimen mengambil maklum akan perkara yang telah dibangkitkan. Walaupun pihak kerajaan menghargai sumbangan pihak media dalam Demokrasi Berparlimen kita, keputusan yang dibuat oleh pihak pengurusan Parlimen iaitu untuk menghadkan bilangan petugas media yang membuat liputan persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara kepada tiga orang, wartawan, juru foto, jurukamera adalah untuk jangka masa bagi setiap agensi berita adalah berikutan kerja-kerja membaik pulih dan menaiktarafkan bangunan utama.

Saya percaya keputusan ini akan dilihat semula apabila urusan pengubahsuaian Parlimen selesai sepenuhnya.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Sepertimana...

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Boleh sedikit?

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: ...Biar saya habiskan.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Tentang pengubahsuaian.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: ...Tetapi biar saya habis pada perkara yang sama. Seperti mana di laporkan cadangan menghadkan bilangan wakil media dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua pada 3 November yang lalu semasa perjumpaan makan malam antara beliau dengan editor-editor agensi berita.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kluang.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mencadangkan kalau boleh dibina lagi sebuah bangunan di tepi sini untuk memberikan ruang kepada kakitangan kerajaan dan juga supaya lobi utama diberikan kepada wartawan. Isunya kerana kita semua di sini ahli politik dan Parlimen memerlukan wartawan untuk memberikan laporan. Jadi, saya berharap Jabatan Perdana Menteri boleh menimbang balik dan membina sebuah struktur baru.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Kluang. Cadangan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat akan saya sampaikan kepada Ketua Pentadbir Parlimen.

Yang Berhormat Pokok Sena juga membawa isu tentang Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pewujudan Sekretariat PAC adalah berperanan untuk membantu Jawatankuasa PAC dalam mengendalikan perjalanan mesyuarat dan penyediaan laporan-laporan Jawatankuasa PAC. Yang Berhormat Pokok Sena juga menyatakan tentang penstrukturan semula Sekretariat PAC.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan anggota PAC yang mempunyai jawatan lain seperti Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun Kerajaan (GLC) adalah tidak bercanggah dengan mana-mana peruntukan dalam Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Yang Berhormat Putatan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tidak mempersoalkan Yang Berhormat Menteri dari segi percanggahan dengan mana-mana peraturan. Akan tetapi apa yang saya sebut tadi, saya mengatakan bahawa adalah agak janggal apabila anggota PAC itu terdiri daripada mereka yang menjadi lembaga pengarah kepada mana-mana badan berkanun ataupun apa-apa agensi ataupun GLC. Ini kerana sudah tentu mungkin suatu hari nanti seperti yang saya katakan Lembaga Koko Malaysia ada kes hendak dibawa ke PAC, maka sudah tentu tidak wajar seorang ahli PAC yang juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Koko Malaysia. Ini persoalannya.

Sebab itu saya mengharapkan supaya dapat dijadikan lebih telus supaya pemilihan anggota-anggota PAC ini bukannya terdiri daripada mereka yang berada di dalam agensi-agensis tersebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kota Kinabalu bangun. Yang Berhormat Kota Kinabalu bangun, hendak bagi? *[Disampuk]* Oh, hendak keluar. Okey. *[Ketawa]*

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa kita tengah hendak cuba habiskan dalam masa 30 minit. Saya cuba. Sebenarnya Yang Berhormat Pokok Sena, saya agak terperanjat sebab Yang Berhormat Pokok Sena ini macam tidak tahu peraturan mesyuarat. Kita tahu bahawa PAC dilantik daripada *Committee of Selection* dengan izin, bererti bahawa ibu kepada segala jawatankuasa dalam Parlimen ini adalah apa yang disebut sebagai Jawatankuasa Pemilih yang mana wakil-wakil daripada parti pembangkang juga ada dan dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, isu-isu tentang pandangan ataupun cadangan perlu dibawa dalam *Committee of Selection* supaya mungkin dalam individu-individu yang dilantik di PAC boleh dipersetujui bersama. Akan tetapi setakat ini, apa yang kita jawab daripada pihak Parlimen ialah setakat ini apa yang dilakukan di mana pelantikan individu yang memegang jawatan itu tidak dilihat sebagai bercanggah. Kalau Yang Berhormat Pokok Sena kata bercanggah ataupun rasanya tidak seronok, ini pandangan Yang Berhormat Pokok Sena. Mungkin Yang Berhormat Pokok Sena boleh bawa kepada wakil parti pembangkang dalam Jawatankuasa Pemilih untuk membawa perkara-perkara ini.

Yang Berhormat daripada Putatan membawa tentang peruntukan T.5 dan T.6. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan Maksud Tanggungan T.5 - Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Maksud Tanggungan T.6 - Yang di-Pertua Dewan Negara adalah untuk menguruskan kemudahan-kemudahan kepada Yang di-Pertua Dewan Negara sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Kertas Statut 95/80 dan Kertas Statut 63/15 Akta Ahli Parlimen (Saraan). Terdapat perbezaan jumlah peruntukan bagi kedua-dua tanggungan untuk tahun 2016 adalah disebabkan oleh pembelian kelengkapan dan aset untuk kegunaan Yang di-Pertua Dewan Negara yang akan tamat tempoh perkhidmatan pada tahun 2016 selaras dengan kelayakan Yang di-Pertua Dewan berdasarkan Kertas Statut 95 Tahun 1980.

Yang Berhormat Putatan juga membawa isu tentang penstrukturan semula sekretariat PAC. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekretariat PAC telah diwujudkan pada tahun 2015 setelah meneliti dan mengkaji keperluan perjawatan dan bebanan tugas yang telah bertambah. Sebarang permohonan penambahan peruntukan ataupun jawatan akan dilaksanakan bergantung kepada keperluan semasa.

Yang Berhormat daripada Kluang pula menimbulkan tentang penubuhan Jawatankuasa Parlimen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah jawatankuasa adalah berdasarkan kepada keperluan dan kehendak semasa. Ini memberi peluang kepada Ahli Yang Berhormat untuk membincangkan sesuatu isu yang dirujuk kepada jawatankuasa berkenaan lebih teliti. Namun demikian, sebarang keputusan untuk menubuhkannya memerlukan perancangan yang teliti agar ia dapat berjalan dengan lancar dan berkesan.

Yang Berhormat daripada Parit Buntar...

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Yang Berhormat Menteri, Kluang. Soalnya ialah seperti bajet, kalau ada jawatankuasa, kita boleh bincang secara terperinci dan kita boleh mengagihkan kerja-kerja kita supaya tiap-tiap kementerian diberikan tumpuan yang secukupnya dan diberikan akauntabiliti. Adakah kerajaan bersedia berdepan dengan cadangan ini dan jadikan ini satu realiti? Terima kasih.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Kluang. Sebenarnya saya boleh memberikan jawapan ini secara bersama dengan isu yang ditimbulkan Yang Berhormat daripada Parit Buntar iaitu berkenaan pelaksanaan agenda pembaharuan dan reformasi Parlimen. Sebenarnya Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan untuk penambahbaikan pengurusan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat adalah antaranya melibatkan pindaan kepada Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Pada masa ini, cadangan penambahbaikan berkenaan sedang diteliti dan diperhalusi di peringkat Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat. Bagi cadangan untuk menambah untuk mengembalikan contohnya Akta Perkhidmatan Parlimen, ia akan dibincangkan di peringkat seterusnya kerana melibatkan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan akan sentiasa memberi sokongan dalam memastikan perancangan dan cadangan ke arah penambahbaikan ini dapat dilaksanakan. Kalau kita tengok dalam perkara ini yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kluang, sebenarnya segala pembaharuan ataupun cadangan perlu dilihat sebagai salah satu daripada agenda pembaharuan dan reformasi Parlimen, yang mana wujudnya satu jawatankuasa yang mana adanya juga wakil-wakil daripada pihak sebelah mana. Saya mencadangkan kepada Yang Berhormat daripada Kluang bahawa apa-apa cadangan ataupun pandangan yang perlu diwujudkan sebagai pendekatan inovasi dengan izin, *innovation* perlu dibawa kepada wakil mereka yang dapat dibawa dalam jawatankuasa. Untuk Makluman Tuan Pengerusi, adanya mesyuarat sambungan pada hari Khamis ini supaya perbincangan ini berterusan dan mendapat persetujuan bersama daripada semua di dalam mesyuarat tersebut.

Yang Berhormat dari Bandar Kuching menimbulkan tentang penggunaan bahasa Inggeris dalam Dewan...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Mohon tadi Parit Buntar ada...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ya. Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin minta sedikit pandangan sebab reformasi Parlimen ini sudah lama dibicarakan, banyak pandangan yang diberi dan ia hanya memerlukan satu *political will* untuk menjayakan. Boleh Menteri berkongsi dengan kami di sini, apa sebenarnya masalah? Contohnya kita hendak masa Menteri menjawab sejam, seminggu sekali. Kita minta supaya jawatankuasa *Select Committee* ditambahkan daripada yang ada pada hari ini. Kemudian kita minta supaya *reform Parliament* dari sudut perbahasan dan sebagainya.

Jadi bagi saya, itu terlalu mudah untuk dilaksanakan. Akan tetapi saya juga ingin tahu, apa sebenarnya masalah sehingga perkara ini lambat untuk dilaksanakan sebagai memastikan

Parlimen ini betul-betul *independent* dan Speaker juga mempunyai kuasa untuk memastikan Parlimen berjalan dengan telus dan kami sebagai penggubal undang-undang dapat menjalankan tugas juga dengan lebih berkesan. Mohon penjelasan Menteri.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar. Sebenarnya tidak ada masalah. Mana ada masalah. Apa yang perlu kita lakukan ialah penerusan perbincangan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Seperti yang saya sebut tadi, hari Khamis ini akan ada mesyuarat seterusnya yang mana ada juga wakil daripada kedua-dua belah pihak untuk membincangkan semua perkara ini. Memang kita tahu perubahan dan juga cadangan ini perlunya *political will*, memang betul daripada semua badan politik terutama sekali yang mewakili parti politik dalam Dewan ini.

Kita tidak dapat menafikan bahawa sebagai contoh pandangan saya secara peribadi, maknanya saya baru dilantik sebagai Menteri. Cadangan sebagai mewujudkan *Second Chamber* sebagai contoh adalah satu cadangan yang begitu baik. Sekurang-kurangnya kemungkinan dengan adanya *Second Chamber*, kita tidak akan mesyuarat sampai pagi macam tahun lepas, sampai 4.30 pagi. Kemungkinan kita pun boleh habis pada waktu pejabat. Inilah reformasi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, yang mana saya melihat masih dalam peringkat perbincangan.

Jadi bererti kalau kita mahu perubahan, kita sendiri tahu Yang Berhormat Parit Buntar, kita tidak boleh seolah-olah kerana kepada kita benda itu baik, kita memaksa. Sepatutnya perubahan ini diterima secara menyeluruh kerana Parlimen ini mewakili semua parti-parti politik yang mewakili diri mereka melalui jawatankuasa. Saya yakin dengan adanya Tuan Yang di-Pertua hari ini, yang kita kenali sebagai satu individu yang begitu lantang menyuarakan tentang perubahan dan saya cukup yakin bahawa *insya-Allah* beliau akan mahu melihat tidak banyak, mungkin sedikit perubahan berlaku dan *insya-Allah* boleh dilaksanakan pada sesi yang akan datang. Itu daripada tanggapan saya, tetapi kita tengok seterusnya dalam perbincangan.

Saya harap Yang Berhormat Parit Buntar boleh berbincang. Saya tahu Yang Berhormat Parit Buntar adalah wakil daripada parti pembangkang, boleh berbincang dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili jawatankuasa tersebut. Mungkin kalau Yang Berhormat Parit Buntar rasa perlu percepatkan, mungkin Yang Berhormat Parit Buntar boleh tukar dengan mereka sebagai ahli jawatankuasa, *then you can take ownership to the discussion* dengan izin.

Kalau saya jawab setengah jam, tinggal lagi 12 minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh tidak beri...

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Jangan pula 12 minit saya jawab bertulis, Yang Berhormat Seputeh marah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sedikit sahaja berkaitan dengan isu ini. Saya hanya hendak tanya, kenapakah sidang Parlimen kita ini, hari sidang Parlimen semakin kurang? Macam sidang ini biasanya bajet, selalunya satu setengah bulan atau kadang-kadang dua bulan, tetapi sekarang 25 hari sahaja. Cukup kerjakah tidak? Tidak begitu baiklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sudah sentuh isu itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: So, saya rasa kalau kita – Saya setuju dengan Yang Berhormat Tumpat, adalah perlu bagi kita untuk panjangkan hari supaya kita tidak perlu *you know*, duduk sampai lewat malamlah.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Tadi Yang Berhormat daripada Tumpat juga membawa perkara ini lebih kurang sama, yang mana dia menyatakan bahawa hari semakin kecil, semakin pendek dan perlu dipanjangkan. Jadi jawapan yang telah diberikan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan-cadangan Yang Berhormat berkenaan telah pun diambil kira dalam penambahbaikan pengurusan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

■1920

Pada masa ini cadangan penambahbaikan berkenaan sedang diteliti dan diperhalusi di peringkat Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat. Kerajaan akan sentiasa memberi sokongan dalam memastikan perancangan dan cadangan ke arah penambahbaikan ini dapat dilaksanakan.

Sahabat saya daripada Kuching telah mengambil isu tentang bahasa Inggeris di dalam Dewan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, merujuk kepada fasal 2 Perkara 161 Perlembagaan Malaysia, penggunaan bahasa Inggeris di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen adalah terpakai sehingga sepuluh tahun selepas Hari Malaysia sahaja. Penggunaan bahasa Inggeris di dalam mana-mana satu Majlis Parlimen ini adalah tertakluk kepada Akta Bahasa Kebangsaan 1967 dan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Di bawah seksyen 5 Akta 32, penggunaan bahasa Inggeris boleh dibenarkan di dalam Parlimen apabila Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Yang di-Pertua Dewan Undangan mana-mana negeri atau seseorang lain yang sedang menjalankan fungsi mana-mana jawatan itu boleh membenarkan seseorang anggota mana-mana satu Majlis Parlimen atau seseorang anggota Dewan Undangan menggunakan bahasa Inggeris apabila memberi ucapan kepada ataupun apabila mengambil bahagian dalam kerja Majlis Parlimen atau Dewan Undangan itu mengikut mana-mana yang berkenaan.

Perkara ini adalah selaras dengan Peraturan Mesyuarat 8, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang menyatakan bahawa bahasa rasmi Majlis ialah bahasa Malaysia tetapi Yang di-Pertua boleh membenarkan penggunaan bahasa Inggeris. Bererti kena minta izin.

Yang Berhormat dari Seputeh menimbulkan isu berkenaan dengan laman web rasmi Parlimen Malaysia yang tidak dikemas kini. Saya memang cukup setuju ya bahawa sepatutnya kita perlu melihat bahawa kalau kita membuat *comparative* dengan izin, bila kita tengok kepada *website-website* mana-mana negara bila mereka...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak beri jalan Yang Berhormat.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Boleh saya habiskan yang ini?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mengenai...

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Biar saya habiskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Selepas ini Yang Berhormat.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Kalau kita minta kebenaran, kita kena tunggu kebenaran itu diberi. Ini belum apa-apa sudah main rampas sahaja.

Jadi Yang Berhormat Seputeh menimbulkan isu tentang laman web. Saya memang setuju ya bahawa wujudnya satu pendekatan yang agak lambat dari segi kemas kini dan sebagainya. Yang mana saya memang cukup yakin bahawa dalam apa yang berlaku dari segi perubahan dari segi bangunan Parlimen juga, saya melihat bahawa memang akan dilihat secara menyeluruh perubahan yang perlu dilakukan. Terutama sekali dalam laman web rasmi Parlimen Malaysia dikemas kini dari semasa ke semasa.

Memang saya tahu bahawa adanya satu macam seolah-olah sedikit lambat. Silakan Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mengenai tafsiran Yang Berhormat Menteri atas *National Language Act*, di mana beliau berpendapat bahawa itu adalah terpakai. Akan tetapi hakikatnya adalah *National Language Act is not applicable to Sarawak. Therefore, by extension Member of Parliament from Sarawak are not governed, are not subjected to National Language Act because we are representing the people of Sarawak. That is number one.*

Number two, ada spesifik provision di bawah Article 161(2), di mana Ahli Parlimen dari Sarawak dan Sabah berhak untuk berucap dalam bahasa Inggeris, until after 10 years, but provided there is a law to restrict or prohibit the use of English.

Until now, there is no law to prohibit the use of English by the Member of Parliament.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *You are saying There is no law* Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *There's no law.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri kata Akta Bahasa Rasmi terpakai.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Yes. National Language Act but that law is not applicable to Sabah and Sarawak.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *You can use English in Sabah and Sarawak.*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu merupakan satu hakisan atas hak-hak keistimewaan Sabah dan Sarawak yang selalu dilakukan oleh Barisan Nasional, Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah. Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Kuching tetapi bagi saya itu mungkin dilihat sebagai satu *moot point*, dengan izin. Apa pun yang lebih penting ialah kita perlu tahu bahawa dalam Dewan ini yang memberikan kebenaran adalah Tuan Yang di-Pertua.

Kalau dia membenarkan, kita buat lah. Hendak cakap bahasa apa pun dibenarkan kita pun perlu laksana. Akan tetapi kalau yang mana saya sebut itu adalah jawapan rasmi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kita ada rekod Yang Berhormat Sim pang Renggam berbahas dalam bahasa Jepun ketika tsunami di Jepun.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat Baling ada berbahas dalam bahasa India, Tamil. Pernah tahun sesi lepas? Kemudian sahabat saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Akan tetapi dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Jadi sebenarnya tidak ada sangat satu sifat *authoritarian* dengan izin, oleh Tuan Yang di-Pertua atau Timbalan Yang di-Pertua dalam Dewan kita.

Sebenarnya Yang Berhormat daripada Seputeh yang saya sebut tadi tentang laman web. Kemudian tentang membaik pulih naik taraf bangunan.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulai bangun Yang Berhormat.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Boleh saya habiskan. Berkenaan dengan baik pulih bangunan Parlimen ini kita tahu memang secara berfasa. Ia bermula pada tahun 2011.

Pada fasa 1, naik taraf dan ubah suai dewan serba guna sedia ada Dewan Rakyat Dewan Negara sementara disiapkan pada 5 September.

Fasa 2, baik pulih panel fasad dan bumbung *pinnacle* blok utama dan blok menara. Disiapkan semuanya pada 26 September 2013.

Manakala tiga projek yang sedang giat dilaksanakan di Kompleks Parlimen adalah seperti berikut. Fasa 2b, baik pulih naik taraf blok utama serta kerja-kerja berkaitan dijangka siap pada 31 Januari 2017. Fasa 3A, pembinaan blok sokongan MME, pejabat landskap dan pro utiliti dan kerja-kerja infrastruktur yang dijangka siap pada 2 November 2016.

Dalam aspek yang mana dibawa oleh Yang Berhormat Seputeh, saya ingin menyatakan bahawa dalam menjawab soalan Yang Berhormat mengenai penyimpanan seluruh projek baik pulih dan naik taraf bangunan Parlimen, saya ingin memaklumkan bahawa Dewan yang mulia ini, memandangkan projek Parlimen terpaksa dilaksanakan secara berfasa, maka jangkaan bagi penyiapan seluruh projek adalah pada tahun 2020 iaitu bagi kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf blok menara fasa 2C.

Bererti mungkin kita bertemu dalam Dewan dalam pilihan raya yang akan datang, katakan selepas berlakunya pilihan raya, PRU. Bererti bahawa daripada *target* yang dibuat oleh bahagian Parlimen ialah *end resultnya* dengan izin ialah pada tahun 2020.

Akan tetapi kalau Yang Berhormat Seputeh tak sanggup hendak tunggu, tak perlu lah bertanding lagi. Terpulang kepada Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini pun boleh ya.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Sudah pukul 7.26. Tuan Pengerusi, biar saya jawab tentang apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kelana Jaya. Yang Berhormat Kelana Jaya ada?

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Ada.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Ada. Yang Berhormat Kelana Jaya dia bercakap tentang sewaan *tablet pc*. Saya rasa perlu kita mengambil maklum jawapan yang telah diberi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penggantian tablet ini dibuat adalah bagi menggantikan perkakasan usang yang digunakan oleh Ahli Parlimen iaitu *touch screen all-in-one pc* jenama NetOn dan sistem pengoperasian *Windows XPe* yang telah *obsolete* iaitu perolehan tahun 2007.

Aduan kerap diterima berkenaan masalah *touch screen pc* hang dan capaian ke internet serta sistem aplikasi yang digunakan oleh Ahli Parlimen sangat perlahan.

Masalah ini juga pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat semasa perbahasan Dewan Rakyat 15 Mac 2011.

Touch screen pc tersebut hanya menyediakan kemudahan pelayaran internet yang asas sahaja dan ia tidak mempunyai kapasiti seperti *laptop*. Keupayaan terhad *touch screen pc* tersebut menyebabkan ia hanya berupaya membuat *single browsing* pada satu-satu masa. *Multiple browsing* contohnya capaian internet dan aplikasi serentak akan mengakibatkan peralatan tersebut *hanging* dengan izin, iaitu perlahan.

Sehubungan dengan itu, Parlimen Malaysia telah melaksanakan pengurusan perolehan bagi perkhidmatan bagi sewaan tablet Sony VAIO dengan sistem pengoperasian *Windows 8* secara tender terbuka pada tahun 2013. Di mana spesifikasi teknikal yang ditetapkan telah mengambil kira teknologi terkini pada ketika itu iaitu Intel Core i7.

Lantikan kontraktor yang berjaya telah dibuat iaitu Syarikat Jardine OneSolution Sdn. Bhd. dengan tempoh kontrak selama tiga tahun mulai 10 Mac 2014 hingga 9 Mac 2017.

Syarikat ini didapati menawarkan spesifikasi yang lebih tinggi daripada spesifikasi minimum yang telah ditetapkan.

Jadi kesimpulannya, itu jawapan yang telah diberi dan saya akan meminta untuk jawapan bertulis kepada isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Kelana Jaya berkenaan dengan tahun 2016 yang mana komputer ini dilihat sebagai *backdated* saya rasa daripada segi aplikasi.

Itu mungkin jawapan bertulis ya sebab saya tidak mempunyai persediaan kepada... / *don't have the answer now.*

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]: Okey.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri. Ada soalan yang saya timbulkan yang tidak dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Saya hendak jawab. Sabar lah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, hendak beri mana? Yang Berhormat Kulai?

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Boleh? Terima kasih Tuan Pengerusi. Hanya satu cadangan. Tadi sebut tentang laman web Parlimen. Boleh tak saya cadangkan bahawa tiap-tiap hari kita dapat buku ini tentang Jawapan-jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian yang tidak dapat dijawab dalam Dewan Rakyat daripada kementerian.

Akan tetapi hanya Ahli Parlimen yang ada akses dan dapat buku ini. Akan tetapi anggota-anggota media, orang ramai mereka tidak ada akses kepada jawapan-jawapan di sini.

Jadi saya harap cadangan saya adalah, kalau kita boleh *upgrade*, kemas kini laman web Parlimen, boleh tak kita juga *upload* Jawapan-jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian yang tidak dapat dijawab di dalam Dewan Rakyat ini di laman web kita supaya pada masa yang akan datang, kalau kita hendak buat *research* atau kajian, lebih senang. Juga orang ramai yang berminat untuk tahu apa jawapan-jawapan yang telah diberi oleh menteri-menteri kita juga ada akses, cara untuk dapat jawapan-jawapan ini.

Ini adalah satu cadangan daripada saya. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1930

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Terima kasih sahabat saya dari Kulai. Itu sebabnya bagi saya Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat maknanya dalam Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang mana adanya jawatankuasa, yang mana apabila kita bercakap tentang pembaikan reformasi Parlimen bagi saya ini perkara-perkara yang perlu dibawa dalam perbincangan. Oleh sebab kalau kita tengok memang hari ini kita tidak boleh menafikan bahawa serata dunia banyak wujudnya kerajaan berkomunikasi dalam aspek *paperless*. Berkata adalah selalu komunikasi bergerak berlandaskan kepada *online*.

Saya memahami aspirasi yang disebut oleh sahabat saya dari Kulai. Itu sebabnya bagi saya kita sendiri mesti tahu dalam Parlimen kita, kita mempunyai satu konvensyen iaitu wujudnya jawatankuasa yang mana bagi saya jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua dalam perbincangan kepada reformasi, pengubahsuaian pada Parlimen perlu kita bawa semua cadangan yang hendak dibawa ke depan. Sama ada memanjangkan masa, memanjangkan tarikh, hendak wujudkan pendekatan *online* – bawa untuk dibincangkan oleh wakil-wakil parti politik. Bagi saya itu satu konsep amalan demokrasi yang terbaik sebab semua suara daripada wakil-wakil rakyat boleh didengar oleh Tuan Yang di-Pertua dalam perbincangan untuk membaik pulih, untuk membaiki pendekatan Parlimen Malaysia.

Saya perlu menjawab soalan daripada sahabat saya dari Kuala Nerus ya. Saya yakin dia tidak sabar, mungkin dia hendak sembahyang Maghrib, saya jawab sekarang. Sahabat saya menimbulkan isu tentang urusan persidangan Parlimen. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan-cadangan Yang Berhormat berkenaan telah pun diambil kira dalam penambahbaikan pengurusan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Pada masa ini cadangan penambahbaikan berkenaan sedang diteliti dan diperhalusi di peringkat Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat.

Mengenai bilik pejabat untuk setiap Ahli Parlimen, perkara ini telah pun diambil kira dan akan disediakan dalam projek membina blok Ahli Parlimen Fasa 3B dijangka siap pada 27

Disember 2018. Kerajaan akan sentiasa memberi sokongan dalam memastikan perancangan dan cadangan ke arah penambahbaikan ini dapat dilaksanakan.

Sahabat saya juga dari Kuala Nerus telah menimbulkan tentang penambahbaikan urusan persidangan Parlimen dalam aspek tentang beliau telah membuat lawatan ke Parlimen Australia menyediakan staf bergaji dan sebagainya. Cadangan ini perlu diperhalusi dan dikaji keperluan dan kesesuaian berdasarkan kepada keadaan semasa.

Sahabat saya dari Hulu Langat menimbulkan juga isu berkenaan dengan baik pulih naik taraf bangunan Parlimen. Menjawab soalan Yang Berhormat...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri sikit lagi, tertinggal *kot*. Saya ada soal sikit tentang adakah kerajaan Parlimen bersedia untuk – Yang Berhormat Menteri hanya menjawab dua minit sahaja. Sebagai contohlah, itu yang dibuat di Parlimen. Oleh sebab panjang sangat jawapan kadang-kadang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak boleh *demand* macam itu Yang Berhormat.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Oh. Itu yang – saya susah hendak jawab sebab kadang-kadang ada Menteri dia rasa kalau tidak tanya pun dia hendak jawab. Ada Menteri bila ditanya, dia tidak hendak jawab. Jadi benda ini saya rasa begitu subjektif. Sebenarnya kalau kita tengok daripada prosedur aturan mesyuarat kita banyak berpegang kepada konvensyen dan bagi saya yang mana disebut kalau kita hendak menghadkan jawapan Menteri macam yang berlaku di luar negara mungkin – contohnya di United Kingdom depan *Ministerial Question Time* dengan izin, semua orang tahu ya. Hari Rabu kah, hari Khamis kah dia jawab kononnya lima minit, dia jawab kononnya 10 minit.

Saya hendak beritahu pada sahabat saya, apabila kita tengok cara mereka kata soalan-soalan dikeluarkan melalui sistem *reference*, banyak letak soalan, *references* keluar. Sebenarnya ia tidak *reference*, dia atur juga. Baru-baru ini apabila saya di sana tengok tentang perbahasan pertama di antara David Cameron, Perdana Menteri dengan kepimpinan *Labour Party*. Kita tahu bahawa soalan itu diatur supaya memberikan kelebihan kepada *the leader of majority* iaitu kerajaan yang memimpin. Jadi dalam perkara ini, walaupun dia kata lima minit kah, dia kata 10 minit pun, pendekatan ini dia atur dalam masa 30 minit saya diberitahu ya.

Akan tetapi dalam perkara ini seperti saya sebut dari tadi, kita mempunyai sebuah jawatankuasa dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya wakil-wakil sebelah sana boleh bawa semua cadangan melalui wakil mereka supaya bila kerajaan menerima kertas kerja daripada bahagian Parlimen atau kertas Kabinet dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet, semua isu yang dibawa oleh semua belah pihak ini boleh didengar dan diperbincangkan dan diperhalusi supaya memang sebenarnya dapat membawa kebaikan yang lebih kepada konsep Demokrasi Berparlimen dalam negara kita. Sebenarnya Tuan Pengerusi...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Mohon satu minit, boleh Yang Berhormat Menteri?

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Ya.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Satu minit sahaja, berkaitan dengan ini.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Saya sudah lebih...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Boleh ya?

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Fasal yang sama?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ya. Saya ingin penjelasan pihak Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan penambahbaikan soal jawab di Parlimen. Jawapan yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri tetapi tidak diberikan jawapan kepada kami, kadang-kadang melebihi daripada penggal seterusnya. Kami menunggu tidak ada jawapan sebagaimana yang dijanjikan. Jadi apa cadangan pihak Yang Berhormat Menteri untuk menyelesaikan isu ini? Adakah kami tunggu ibarat buah yang tidak gugur?

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat Rantau Panjang, saya cukup yakin bahawa kerajaan tidak berniat hendak meletak Yang Berhormat Rantau Panjang dalam kategori gantung tidak bertali. Bermakna – maksud saya gantung tidak bertali maksudnya akan beri gantung bertali iaitu kita akan jawab. Dalam perkara yang mana Yang Berhormat sebut ini kita perlu dan menerima hakikatnya bahawa sepatutnya memang betul soalan mesti dijawab. Kalau dia sudah memberi janji hendak bagi soalan secara bertulis, dia hendak memberi jawapan – kalau kita tengok dari segi aturan mesyuarat saya ingin memaklumkan kepada sahabat-sahabat saya bahawa ia tidak memberikan senarai masa dengan izin. *Time is not being stated as an essence* tetapi bererti dalam lingkungan sesi Parlimen itu wujud. Jadi yang mana sahabat saya menimbulkan tentang isu-isu, bagi saya kita perlu menerima hakikat bahawa ini adalah tanggungjawab kerajaan untuk menjawab. Akan tetapi tertakluk kepada sama ada jawab secara bertulis kah ataupun jawab secara lisan...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Sikit Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Biar saya habis...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Saya isu yang sama, sikit sahaja.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Akan tetapi saya tidak habis jawab macam mana hendak...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Akan tetapi kalau Yang Berhormat Ampang bagi saya habis jawab, kemungkinan Yang Berhormat Ampang boleh fikir bahawa saya sudah jawab. Akan tetapi kalau...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Menteri, *I don't think...*

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat Ampang, *I am not finish yet.*

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Silakan, silakan. Silakan.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: *How do you know what I'm thinking?* Ini masalah pembangkang ini, belum apa-apa sudah *preemptive strike*. Jadi dengan itu saya hendak sebut pada sahabat saya dalam perkara ini kita perlu menerima hakikat. Kalau memanglah Menteri-menteri yang tidak jawab, saya rasa kita perlu membuat surat kepada Tuan Yang di-Pertua memaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri janji hendak jawab tetapi tidak jawab. Saya rasa memang wujudnya satu konvensyen perkara ini boleh dilakukan. Akan tetapi dalam jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua kita pada hari ini yang mana adanya wakil-wakil daripada kedua-dua belah pihak bagi saya semua isu yang kita tidak puas hati, yang kita hendak kumpulkan kita perlu kumpulkan supaya apabila kertas Kabinet itu sedia dan siap sedia untuk diperbincangkan di peringkat kerajaan, janganlah pula ada Ahli-ahli Parlimen sebelah sana yang tertinggal. Ini antara dia dengan wakil-wakil mereka dalam mesyuarat ini sebab saya tidak tahu cara mereka berkomunikasi.

Jadi setakat ini jawapan yang diberikan oleh kerajaan bahawa kita pada tahap ini jawatankuasa yang saya sebut tadi dalam reformasi Parlimen masih dalam mesyuarat, yang mana pada hari Khamis ini akan ada mesyuarat seterusnya yang dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua. Jadi perkara ini *on going* dengan izin sehinggalah jawatankuasa membuat keputusan bahawa telah melengkapkan isu-isu yang dibawa dan kemudian dibuatkan kertas Kabinet dan saya percaya saya akan dipertanggungjawabkan untuk dibentangkan dalam mesyuarat Kabinet tentang isu-isu dan cadangan-cadangan baru yang dibuat oleh mereka dalam jawatankuasa ini. Itu setakat yang boleh saya beri sebagai jawapan rasmi. Kalau sahabat-sahabat saya mempunyai persepsi seterusnya kononnya kerajaan tidak berminat, kerajaan melambatkan, kerajaan tidak ada niat, saya tidak boleh hendak jawablah. Oleh sebab setakat ini, inilah jawapan kerajaan.

Sahabat saya dari Ampang, saya tengah hendak jawab soalan Yang Berhormat Ampang ini.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Adakah Yang Berhormat Menteri akan berhasrat untuk menjadi pemantau kepada disiplin Menteri-menteri yang tidak mahu menjawab soalan yang telah kita bangkitkan dari satu sidang ke satu sidang macam kata Yang Berhormat Rantau Panjang, macam buah tidak jatuh.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Sahabat saya dari Ampang, sebenarnya Menteri yang jaga Parlimen dia tidak mendisiplinkan sahabat-sahabat. Yang mendisiplinkan sahabat-sahabat Menteri adalah *whip*...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Dewan ini kita panggil Yang Berhormat-yang Berhormat.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya takut nanti apabila sahabat-sahabat, kita panggil *bro-bro* nanti Yang Berhormat. *[Ketawa]* *[Dewan riuh]*

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Betul, saya minta maaf. Saya cuba hendak menaikkan taraf mereka sebagai sahabat walaupun saya tahu mereka bukan sahabat. Akan tetapi tidak apalah. Saya bagilah mereka persepsi bahawa mereka tidak mahu dipanggil sahabat. Yang Berhormat Ampang...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ikut peraturan, ikut peraturan sahajalah.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Yang Berhormat dari Ampang bukan isu, bagi saya yang mengawal selia Ahli Parlimen ialah *Chief Whip*. Pada kita *Chief Whip* kita adalah dari Bagan Datok hari ini.

■1940

Saya tidak tahu di sana sama ada *Chief Whip* mereka menjalankan tugas untuk memantau. Akan tetapi bukan Menteri yang jaga Parlimen ya. Menteri yang jaga Parlimen ini sekadar jadi Menteri yang menyampaikan isu-isu yang ditimbulkan supaya Menteri-menteri menjawab dan seterusnya.

Yang Berhormat daripada Ampang telah menimbulkan berkenaan dengan kemudahan asas di Parlimen seperti mesin fotostat, komputer, pencetak kertas dan mesin faks. Bagi saya perkara ini akan saya maklumkan kepada Ketua Pentadbir Parlimen. Memang saya pun agak terperanjat sepatutnya benda ini tidak menjadi isu yang besar. Sepatutnya benda ini menjadi suatu perkara yang perlu dilaksanakan kepada semua Ahli Parlimen yang menyebabkan mereka dapat menjalankan kerja dengan lebih mudah sepatutnya. Jadi, saya rasa perkara ini perlu kita lihat dan saya akan maklumkan kepada Ketua Pentadbir. Saya rasa saya hanya ada lima minit sahaja sebab ada lapan Menteri.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Itu isu berkenaan dengan media tidak dijawab.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Saya sudah jawab.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sudah?

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Saya sudah jawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah jawab pun.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini Yang Berhormat Putrajaya baru masuk sekarang. *Wow! You pretend you know everything. [Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Hulu Langat bangun. Hendak beri?

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Tadi Yang Berhormat Menteri sedang sebut Hulu Langat tiba-tiba hilang diganggu.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Ini masalah isu ghaib. Isu-isu ghaib. Saya sebenarnya akan menjawab kepada Yang Berhormat Hulu Langat sebelum saya pergi kepada bab yang akhir. Naik taraf Parlimen juga yang ditimbulkan oleh sahabat saya Yang Berhormat daripada Hulu Langat. Yang Berhormat telah menimbulkan isu berkenaan dengan baik pulih dan naik taraf bangunan Parlimen. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat mengenai persiapan keseluruhan projek baik pulih dan naik taraf bangunan Parlimen, saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, memandangkan projek Parlimen terpaksa dilaksanakan secara

berfasa, maka jangkaan bagi persiapan menyeluruh adalah pada tahun 2020 iaitu bagi kerja-kerja membaik pulih dan menaik taraf blok Menara fasa 2C.

Yang Berhormat juga menimbulkan tentang cadangan dan keperluan dinyatakan dalam Jawatankuasa Dewan mengenai projek ini yang tidak diambil kira. Menjawab persoalan Yang Berhormat mengenai cadangan dan keperluan Jawatankuasa Dewan tidak mengambil kira projek pembangunan Parlimen adalah seperti padang kawad berbumbung, helipad dan laluan bumbung dari letak kereta ke bangunan Parlimen. Secara amnya kerja-kerja di atas tidak dapat dilaksanakan disebabkan oleh sebab kekangan peruntukan dan mengambil kira pematuhan terhadap Akta Warisan kebangsaan 2005 yang telah mewartakan bangunan Parlimen sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan. Walau bagaimanapun, cadangan-cadangan lain yang telah dicadangkan oleh Jawatankuasa Dewan telah diambil kira dalam skop ini.

Saya seterusnya ingin pergi kepada isu berkenaan dengan Biro Tatanegara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat daripada Parit Buntar. Ini tentang indoktrinasi yang ditimbulkan oleh BTN. BTN tidak pernah menimbulkan kebencian agama dan kaum seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat. Malah fungsi utama di dalam BTN adalah memupuk semangat cintakan negara serta nilai-nilai murni dan inspirasi bangsa Malaysia. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, dalam kurikulum BTN, modul kursus dan ceramah mempunyai elemen-elemen yang menjurus kepada semangat patriotisme, kenegaraan yang berlandaskan kepada Perlembagaan Malaysia. Dalam modul dan ceramah 90% adalah menjurus kepada semangat setia, cinta kepada negara manakala 10% adalah aktiviti fizikal dan riadah. Semua tenaga pengajar yang terlibat telah dilatih dan ditauliahkan, mereka juga disediakan dengan garis panduan untuk mengendalikan semua aktiviti dan ceramah.

Yang Berhormat Parit Buntar telah mencadangkan mengenai Biro Tatanegara supaya ia dihapuskan kerana ia mempromosikan perpecahan. Ini adalah satu dakwaan yang tidak berasas. Visi BTN adalah menjadi peneraju patriotisme negara. Program-program yang dilaksanakan adalah untuk mengukuhkan serta mempertingkatkan semangat patriotisme cintakan negara. Selain daripada itu, BTN juga menyampaikan dasar-dasar negara dalam program dan ceramah. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pencapaian Indeks Patriotisme Negara pada tahun 2015 berada pada skala 4.19 atas 5. IPN telah mula diperkenalkan sejak 2013 sebagai satu mekanisme yang menjadi sandaran kepada perbincangan dan pandangan di kalangan peserta.

Yang Berhormat juga menimbulkan tentang peruntukan dan bertanya bagaimana BTN boleh mendapat peruntukan lebih tinggi dari Jabatan Perpaduan Negara sedangkan ia menggalakkan perpecahan kaum. Kenyataan Yang Berhormat bahawa BTN mendapat peruntukan yang lebih tinggi daripada Jabatan Perpaduan Negara adalah tidak benar. Bagi maksud Bekalan B.6 pada tahun 2016, anggaran perbelanjaan mengurus bagi tahun 2016 telah diperuntukkan kepada BTN sebanyak RM53.911 juta untuk 284 jawatan dan telah berkurangan berbanding tahun 2015, RM59.303 juta. Bagi maksud bekalan yang sama pada tahun 2016, Jabatan Perpaduan Negara telah diperuntukkan sebanyak RM202.900 juta untuk 945 jawatan berbanding bagi tahun 2015 iaitu RM215.667 juta.

Sebenarnya Yang Berhormat Parit Buntar, saya baru ditugaskan sebagai Menteri yang bertanggungjawab atas BTN. Secara prinsip saya ingin menyatakan bahawa memang perlunya *rebranding* bagi BTN. Kalau kita lihat dalam aspek modul BTN, ia mesti menekankan banyak kepada aspek dengan izin, *multiracial* sebab kita tidak boleh menafikan kalau kita hendak mencapai tahap Wawasan 2020 bagi negara kita, kita memang perlu memberikan fokus terutama sekali kepada generasi muda sebagai contoh.

Kita tidak boleh lari daripada aspek apa yang berlaku di negara Perancis, di Paris, pembunuhan, letupan bom dan sebagainya. Kononnya Amerika Syarikat menyatakan mereka yang terlibat tidak ada dalam senarai jenayah ISIS kononnya. Mereka adalah rakyat Perancis yang mempunyai kewarganegaraan Perancis. Kebencian kepada bangsa-bangsa lain dan agama-agama lain itu timbul disebabkan oleh tekanan atau mungkin pandangan mereka secara tidak holistik. Jadi kita perlu mengambil kira bahawa ini kemungkinan boleh berlaku bagi negara kita kalau kita tidak mewujudkan sifat penghormatan antara bangsa dan agama bagi generasi muda. Itu sebabnya BTN perlu memberi fokus kepada aspek patriotisme.

Dengan izin, satu perkara saya hendak sebut. Apa yang berlaku bagi Alvin Tan, sahabat kita Alvin Tan, sahabat kita kononnya Alvin Tan. Cuba Tuan Pengerusi bayangkan kalau dia berada di Malaysia dan dia melakukan perkara yang sama mengambil al-Quran, saya percaya bahawa Yang Berhormat sebelah sana pun akan marah. Apa akan berlaku kalau Ali bin Abu mengambil Kitab Injil melakukan perkara yang sama? Inilah sebenarnya yang kita perlu khuatir. Ini bukan hanya tugas Jabatan Perpaduan Negara. Ini tugas semua kita terutama sekali kita sebagai Ahli Parlimen dan kita tidak boleh mencucuk generasi muda. Kalau adanya agensi seperti BTN, yang diberikan tanggungjawab kita mesti tentukan dan janjikan dan wajibkan bahawa BTN meletakkan keutamaan kepada menghormati, keutamaan kepada satu bangsa dan kepada negara bangsa. Ini kerana perkataan kita adalah negara bangsa sebab kita ini semua sama, kita adalah rakyat Malaysia. Ini perlu menjadi prioriti BTN.

Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Parit Buntar dan semua sahabat-sahabat saya, bila modul yang baru ini kita buat, saya hendak minta Ahli Parlimen sebelah sana dan sebelah sini, jadilah peserta BTN yang pertama kepada modul perubahan ke arah satu negara bangsa. Saya mencabar tuan-tuan. Jangan tuan-tuan cakap sahaja tetapi tuan-tuan tidak hendak buat. Ya, silakan Yang Berhormat Parit Buntar.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Parit Buntar.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih sahabat Menteri. Dia sebut sahabat lagi. Akan tetapi tidak apalah saya sahabat dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apalah. Ahli Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya sebenarnya ingin menyambut itu. Itu satu yang baik apabila Yang Berhormat Menteri memberitahu bahawa *rebranding* BTN dan sebagainya. Sebab apa yang saya timbulkan itu adalah kerana ada aduan-aduan yang kita tidak tahu dekat dia punya modul cantik tetapi apa yang berlaku di bawah itu, kita tidak tahu. Itu

aduan-aduan yang kita terima. Jadi, saya menyambut cabaran bahkan saya minta kalau boleh bukan sahaja kami menyertai, beri kami ruang juga untuk membentuk modul itu.

Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar. Sebenarnya kalau kita lihat seperti yang saya sebut tadi, kita sebagai sebuah negara yang merdeka memang kita tidak boleh lari daripada tanggungjawab nasionalisme kita kepada negara. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Parit Buntar, bagi saya memang ini tanggungjawab bersama. Akan tetapi yang lebih penting, bila modul itu sudah siap saya jemput Yang Berhormat Parit Buntar, hendak lihat kah atau hendak jadi penceramah, kita lihat. Akan tetapi tidak boleh lah datang ceramah dekat budak-budak muda, cocok benci, benci, benci, bawa poster RM2.6 bilion, tidak puas hati, tidak boleh tunggu. Ini masalahlah ini. *[Disampuk]* Betul, bersih, kotor.

Jadi sebenarnya Tuan Pengerusi saya rasa itu sahajalah perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri yang sempat saya jawab secara lisan. Mana-mana perkara yang tidak sempat saya jawab, perkara tersebut telah dicatat dan diambil perhatian dan akan diberi tindakan yang sewajarnya dan akan diberi jawapan bertulis kepada isu-isu yang di bawah butiran di bawah agensi-agensi yang lain. Dengan itu saya mengucapkan terima kasih, *wabillahi taufik walhidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

■1950

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang giliran Yang Berhormat Menteri kawasan Telok Intan. Yang Berhormat Seputeh, diam Yang Berhormat Seputeh. *[Dewan riuh]*

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mah Siew Keong]: Yang Berhormat Sekijang membangkitkan soalan berkaitan dengan Duta Inovasi agar program ini dapat diperluaskan kepada lebih banyak syarikat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri jawab tanpa maklum kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah, sudah.

Dato' Mah Siew Keong: Saya sudah ucap terima kasih. Okey, tak apa. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Sekijang ya kerana mencadangkan supaya diperluaskan lebih banyak bajet kepada program tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat Seputeh ada soalan?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bukan, sini tidak ada Parlimen 'Sekijang'.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: 'Sekijang' Yang Berhormat.

Dato' Mah Siew Keong: Yang Berhormat Sekijang okey, okey.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Mah Siew Keong: Jika, dengan izin, *I want to correct your mistake* banyak juga tetapi tidak mengapa. *[Ketawa]* Okey. Untuk makluman Yang Berhormat, Program Duta Inovasi adalah sebuah program yang telah dijalankan oleh Genovasi iaitu sebuah institusi yang dipertanggungjawab untuk membangunkan generasi baru di Malaysia dengan Program Design

Thinking. Sehingga kini, Genovasi telah melahirkan seramai 1,450 orang Duta Inovasi iaitu 60% daripada sektor awam dan 40% dari sektor swasta. Bajet untuk Genovasi adalah khusus untuk kos program bagi sektor awam, manakala sektor swasta dikenakan bayaran RM15,000 seorang.

So, saya hendak bagi tahu bahawa kursus yang sama di US adalah USD15,000. So, ini adalah satu program yang kita harap dapat meningkatkan budaya inovasi, dapat disemaikan di pihak swasta dan juga di pihak kerajaan. Yang Berhormat Hulu Langat telah bertanya bagaimana AIM membantu MOSTI dalam mengkomersialkan dan juga berkaitan dengan hak cipta. AIM dapat membantu MOSTI dalam usaha pengkomersialan apabila syarikat-syarikat yang mendapat dana daripada MOSTI sudah berada di tahap pre-komersial. MOSTI menolong dari segi pre-komersial. Sekiranya teknologi tersebut berimpak tinggi, AIM boleh membuat pelaburan ekuiti untuk mengkomersialkan teknologi tersebut.

Dalam aspek hak cipta, AIM melalui anak syarikatnya PlaTCOM Ventures juga telah memberikan khidmat nasihat harta intelek untuk SMI. Untuk maklumat Yang Berhormat Hulu Langat, PlaTCOM Ventures sudah diwujudkan pada tahun dulu dan sehingga kini telah menolong 46 buah PKS. Saya hendak bagi tahu bahawa antara tugas terpenting AIM adalah untuk merapatkan akademia dan industri. Pagi ini saya juga telah ada sama dalam satu forum dengan Menteri dari Sweden. Sweden adalah negara yang teratas sekali dalam inovasi. Menteri juga telah menegaskan bahawa Sweden berjaya sebab akademia dan industri mereka adalah begitu rapat sekali.

Itu satu budaya yang begitu baik dan itu adalah hasrat AIM supaya merapatkan industri dan akademia. Yang Berhormat Hulu Langat juga ingin mengetahui tentang sumbangan MIC kepada industri teknologi dalam menuju ke arah negara berpendapatan tinggi. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Hulu Langat bahawa peranan MIC adalah untuk meneroka dan menggalakkan pembangunan industri berteknologi tinggi. Saya juga hendak bagi tahu bahawa MIC ada istimewa sedikit sebab pengerusinya ada dua, dari sektor swasta dan juga sektor kerajaan.

Buktinya adalah supaya hendak merapatkan sektor swasta dan kerajaan. Dalam beberapa tahun ini MIC telah menunjukkan prestasi yang bagus, terutamanya di dalam industri aeroangkasa dan juga industri perkapalan. Baru ini kami telah dimaklumkan oleh seperti Airbus bahawa *wing span Airbus 330* sebenarnya adalah produk dari Malaysia. Itu teknologi yang begitu tinggi dan eksport produk ini ke UK melebihi *100 million pound*. So, ini adalah menunjukkan kemampuan negara kita dan ini adalah dari *offset program MIC*. Kita telah menolong syarikat-syarikat ini supaya mereka boleh bertanding dan ini adalah satu yang kita patut banggakan.

Satu lagi industri yang MIC telah memberikan banyak perhatian adalah industri perkapalan. Kita telah membuat *report ship building, ship repair*. Ini adalah satu industri yang Malaysia berpotensi begitu tinggi. So, kerja MIC adalah supaya *facilitate*, merapatkan semua agensi kementerian dan juga *private sector* untuk menolong meningkatkan industri. Ini adalah sedikit maklum balas yang saya dapat beri kepada Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, giliran Yang Berhormat Menteri kawasan Pensiangan.

7.57 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, teruskan Yang Berhormat Menteri, jangan dengar Yang Berhormat Sibuti kecuali dia gunakan *mike*.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ya, okey, okey. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, sebenarnya bagi kami, kami juga...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri belum *start* lagi Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ada ramai Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Jadi, kami tidak tahu mereka jaga bidang kuasa apa. Itu sebab saya hendak tanya ada jawab siapa punya kalau...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Dengarlah dulu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...kalau tidak nama saya, saya pergi makan, itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Tuan Pengerusi, pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Labuan dan juga Yang Berhormat Bagan Serai yang telah membangkitkan beberapa isu yang berkaitan dengan perpaduan yang ada berhubung kait dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Pertamanya, mereka menyentuh berkaitan dengan penambahan peruntukan untuk pelaksanaan atau aktiviti.

Sememangnya Tuan Pengerusi, saya bersetuju sangat dan mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat semua yang mencadangkan agar peruntukan pelaksanaan aktiviti perpaduan ditambah agar lebih banyak aktiviti-aktiviti perpaduan dan kemasyarakatan dilaksanakan di peringkat akar umbi dan sekali gus melonjak perpaduan dan keharmonian masyarakat. Namun pun keadaan kewangan yang terhad tetapi Tuan Pengerusi, itu tidak melemahkan semangat kami untuk menjalankan tugas dengan penuh dedikasi untuk meningkatkan lagi perpaduan di negara ini.

JPNIN tetap komited melaksanakan program-program perpaduan di peringkat akar umbi. Melalui kolaborasi bersama agensi-agensi kerajaan dan badan NGO dengan peruntukan yang diberikan. Malah, JPNIN akan memberi tumpuan kepada program-program, dengan izin Tuan Pengerusi, *the top notch flagship* yang memberi impak yang berkesan di dalam memupuk dan mengukuhkan perpaduan nasional. Seterusnya, Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya sentuhkan

sebentar tadi juga menyentuh berkaitan dengan penambahan perjawatan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).

■2000

Saya sebenarnya menyokong penuh saranan Ahli-ahli Yang Berhormat agar pegawai-pegawai JPNIN ditempatkan di setiap daerah dan mempunyai premis dengan infrastruktur yang lengkap. Sehingga kini, sebanyak 102 daerah di seluruh negara yang ditempatkan dengan perjawatan Pegawai Perpaduan Daerah. Kami pihak jabatan sentiasa melakukan usaha agar cadangan penempatan Pegawai Perpaduan di seluruh daerah dapat dipenuhi dan menjadi realiti pada masa yang akan datang.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bagan Serai bangun, Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Menteri. Saya ingin bertanya sekali lagi sebab tidak ada tempat hendak mesyuarat, tidak ada tempat hendak buat *meeting* ataupun program oleh banyak RT ini yang telah menjadi rebutan begitu lama. Saya hendak tanya boleh tidak diberikan kabin-kabin umpamanya, kepada kawasan RT yang tidak ada bangunannya sendiri? Atau apakah usaha-usaha dilakukan untuk mewujudkan bangunan RT ini sebab perpaduan ini penting. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat ada sabar sedikit, itu nanti saya akan jawab sebentar nanti. *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apalah, lewat petang begini Yang Berhormat, ada 'sahabat-sahabat', ada 'you' disebut ya.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: *I already corrected that*, Tuan Pengerusi.

Yang Berhormat Bagan Serai dan juga Yang Berhormat Labuan telah menyentuh berkaitan dengan mewujudkan Pusat Rukun Tetangga. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, JPNIN akan terus berusaha untuk menyediakan sebuah premis yang sesuai bagi keperluan Rukun Tetangga di setiap kawasan Rukun Tetangga. Kami mempunyai sedikit sebanyak masalah tentang pewujudan Pusat Rukun Tetangga. Salah satu daripada itu ialah kekangan untuk mendapat tapak tanah yang sesuai yang dipindah milik kepada JKPTG.

Namun demikian Tuan Pengerusi, namun pun keadaan sedemikian, ini bukan bererti kami abai sama sekali berkaitan keperluan rukun-rukun tetangga ini. Kemudahan-kemudahan lain seperti Pondok Skim Rondaan Sukarela yang berbentuk kabin dibekalkan mengikut peruntukan yang diperolehi oleh pihak JPNIN sentiasa diberikan dan juga diberi perhatian yang terbaik kepada komuniti.

Yang Berhormat Lenggong telah menyentuh berkaitan dengan penglibatan dan kehadiran golongan warga emas dalam program perpaduan. Untuk makluman Yang Berhormat, bahawa penglibatan golongan yang berusia dalam program-program di peringkat komuniti sebenarnya amat menggalakkan. Jabatan mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada

golongan ini yang saya rasa didorong daripada perasaan kasih sayang berkaitan dengan perpaduan ini. Mereka menyedari betapa pentingnya perpaduan bagi kita di kalangan kita semua.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, mencelah sedikit.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Rantau Panjang.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sedikit sahaja. Lenggong ya?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Yang Berhormat Lenggong dahulu.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Apa yang saya maksudkan tadi Tuan Pengerusi, saya memang puji kehadiran warga emas ini tetapi yang saya hendak kementerian tekankan ialah golongan muda. Nampaknya daripada dahulu sampailah hari ini, kehadirannya dimonopoli oleh golongan itu sahaja. Di mana golongan muda ini?

So, pendekatan kementerian dari segi program mestilah menjiwai kehendak generasi muda supaya penglibatan generasi muda dalam program perpaduan ini dapat ditingkatkan. Ini kerana kumpulan inilah perlu diberikan penekanan kerana nampaknya isu-isu berkaitan perpaduan, kurang fahaman berkaitan dengan kenegaraan adalah di kalangan mereka ini. Jadi, sampai bila kementerian hendak teruskan dengan keadaan ini kerana sudah sampai waktunya ubah pendekatan, ubah cara dan sasarkan kepada golongan muda. Itu yang saya maksudkan. Saya ingat perkara ini sudah beberapa kali saya bangkitkan. Bukan saya tanya berkaitan dengan warga emas, yang itu saya puji, cuma kelompok yang ini bagaimana kementerian hendak buat?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, hendak bagi Yang Berhormat Rantau Panjang?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Boleh saya sambung terus?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Saya jawab dahulu. Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Sebenarnya *this is the main point I am going to touch to*. Saya bercakap mengenai penglibatan sukarela golongan orang-orang tua terlebih dahulu.

Tadi pagi pun saya menghurai dengan panjang lebar berkaitan dengan program-program yang kita rancang dan juga sedang laksana berkaitan dengan penglibatan bukan jiran wanita, jiran wanita muda yang kami namakan SEJWA dan juga Jiran Muda di mana kelab-kelab yang disertai oleh mereka ini di sekolah, IPT dan sebagainya. Ini semua kelab sebenarnya. Semua kelab ini disertai oleh belia dan beliawanis.

Jadi oleh kerana itu, kesedaran kepada golongan muda...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulong sini, Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Nanti nanti. Kesedaran kepada orang muda terhadap kepentingan perpaduan melalui penglibatan dalam aktiviti yang dianjurkan itu

sememangnya tersedia semua itu. Sehubungan itu, JPNIN sentiasa mendorong Rukun Tetangga untuk melaksanakan program-program yang mampu menarik minat pelbagai lapisan masyarakat khususnya golongan kanak-kanak, muda, wanita dan juga warga emas. Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin penjelasan, berapakah jumlah Rukun Tetangga yang aktif setakat ini? Daripada program yang telah dilaksanakan di bawah kementerian yang menyebutkan lebih daripada 100 lebih Rukun Tetangga di seluruh negara, berapa jumlah yang betul-betul aktif dan berapa peratuskah penglibatan di kalangan orang muda dan wanita khususnya? Juga, berapa jumlah yang memang mati terus, maknanya lumpuh, hanya ada pada nama tetapi tidak ada pada aktiviti? Mohon penjelasan.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Saya bersekalilah kalau Yang Berhormat Menteri bagi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya tertarik tadi dengan apa Yang Berhormat Menteri nyatakan dan juga apa yang rakan saya daripada Lenggong juga nyatakan. Memang betul dalam KRT ini dia ada Jiran Muda, dia ada Jiran Wanita dan segala-galanya. Akan tetapi daripada pengamatan saya terutamanya di kawasan-kawasan berhampiran kawasan saya dan juga kawasan saya sendiri, yang terlibat sama dalam Jiran Muda itu adalah tidak berapa muda. Jadinya saya hendak tanya, bagaimanakah pihak Yang Berhormat berusaha untuk menggalakkan orang muda? Kalau baya-baya kami ini semua memang kami perasan muda tetapi kami tidak muda lagi. Jadi kita hendak menggalakkan lebih ramai lagi generasi muda untuk aktif sama dalam program ini. Jadi apa yang pihak kementerian Yang Berhormat ini buat untuk menggalakkan dan mengeluarkan lebih ramai lagi orang-orang muda yang betul-betul muda aktif dalam KRT seperti ini? Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih. Saya jawab terlebih dahulu pertanyaan daripada Yang Berhormat Rantau Panjang sebentar tadi itu. Kami sedar juga bahawa ada beberapa Rukun Tetangga yang cukup aktif, ada juga yang mungkin tidak berapa aktif, tetapi *I'm sorry, because I don't have the figure* di sini. Nanti saya jawab secara bertulis.

Yang Berhormat Parit Sulong sebentar tadi bertanya berkaitan dengan apakah tindakan-tindakan, *what are the steps that we are doing to take* untuk menggalakkan orang muda.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang betul-betul muda.

■2010

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Untuk menggalakkan betul-betul orang muda, betul-betul orang muda ini untuk menyertai di dalam gerakan perpaduan ini, saya sudah katakan tadi di setiap IPT ini sebenarnya kita mempunyai pelan-pelan tertentu bagi mereka untuk menyertai itu. Kami hanya memberi bimbingan kepada mereka, memberi kefahaman bahawa perpaduan ini amat penting dan terutama sekali generasi muda sekarang ini yang begitu luas sekali terdedah dengan apa pun melalui sosial media dan sebagainya.

Jadi, kita memberitahu kepada mereka betapa pentingnya perpaduan ini. Mereka mesti memainkan peranan melalui kelab-kelab ini, mulai daripada kanak-kanak, melalui sekolah Tabika

Perpaduan dan sebagainya. Jiwa muda kita di peringkat akar umbi pun semua terlibat juga dalam perkara ini dan saya gembira mengetahui bahawa sambutan mereka itu agak menggalakkan sekali. Baru-baru ini kami ada kursus di Pahang di mana ia disertai oleh beberapa orang muda. Orang muda sekali, daripada universiti dan sebagainya. Mereka sambut baik program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Yang Berhormat Lenggong juga telah menyentuh berkaitan dengan kurang kefahaman pegawai-pegawai perpaduan mengenai perpaduan. Untuk makluman Yang Berhormat, pegawai-pegawai yang bertugas di JPNIN wajib menghadiri kursus yang memberi pendedahan mengenai aspek perpaduan dan silang budaya di kalangan masyarakat pelbagai kaum di negara ini. IIM diberi tanggungjawab untuk memberi latihan secara berkala untuk meningkatkan keupayaan, pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai JPNIN. Namun berkaitan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, mungkin pegawai baru yang ditempatkan di daerah tersebut. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, setiap tahun IIM melaksanakan 56 latihan untuk melatih pegawai-pegawai dalam usaha memberikan pengetahuan secara berterusan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Putatan bangun.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ya, Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik, sebenarnya tidak hendak mencelah tetapi saya tertarik dengan jawapan Menteri yang sungguh menggalakkan. Jadi saya mahu tanya, jiran jenis apa yang sungguh menggalakkan? Adakah pihak DAP ini menjadi kekangan yang mana selalu menyentuh pasal isu perkauman. Saya mahu tanya Menteri, adakah ada kekangan daripada pihak sana ini? Kalau pihak AMANAH itu mungkin ada sedikit okey. Akan tetapi yang selalu ditimbulkan oleh pihak pembangkang terutama sekali daripada parti DAP ini, adakah ini satu kekangan besar bagi pihak kerajaan?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Yang Berhormat, terima kasih. Bagi kita untuk mewujudkan satu perpaduan, ia mengambil masa yang panjang. Ia mengambil masa yang panjang tetapi kalau ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab terutama sekali bagi mengungkit agama dan juga perkauman, dengan sekelip mata perpaduan kita akan rosak. Jadi, *this is applicable to each other ... the first.*

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Lenggong juga menyentuh berkaitan dengan pertindihan program yang dilaksanakan serta mencadangkan pendekatan baru di dalam penganjuran program-program perpaduan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa peka dengan aspirasi rakyat khususnya masyarakat di akar umbi dan sentiasa mencari pendekatan-pendekatan baru. Dalam penganjuran program dan aktiviti perpaduan, JPNIN bersetuju dengan program yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan, swasta serta badan bukan kerajaan walaupun pertindihan berlaku kerana ini akan menyemarakkan lagi program-program berbentuk perpaduan dan memberi nafas baru kepada program yang dilaksanakan serta memberi manfaat sepenuhnya kepada kumpulan sasaran.

Walaupun ada pertindihan, kerajaan atau satu NGO mungkin membuat satu program, lain NGO juga akan membuat program yang sama, itu tidak ada masalah. Mungkin apa yang berlaku di sana ialah sasaran itu berlainan.

Jabatan juga mengambil cadangan-cadangan yang disyorkan oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara dalam *blueprint* yang telah siap dibangunkan. Program-program baru ini diharap akan merencanakan lagi perpaduan untuk meningkatkan keharmonian dan peluasan jaringan di peringkat komuniti.

Yang Berhormat Kuala Selangor menyentuh berkaitan dengan menaikkan taraf Tabika Perpaduan yang daif. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kami sentiasa berusaha mendapat peruntukan untuk memperbaiki dan menambah baik Tabika Perpaduan secara berperingkat-peringkat. Dalam masa yang sama, perkara ini kami telah mengenal pasti tabika-tabika yang memerlukan penaikan taraf.

Kita faham bahawa kalau sekiranya kemudahan yang tidak berapa elok ini bagi anak-anak kita untuk menggunakannya, saya berpendapat anak-anak kita juga pun tidak merasa selesa. Kita faham semua itu. Akan tetapi Tuan Pengerusi, JPNIN tidak akan berkompromi aspek keselamatan anak-anak dan terus komited menaik taraf atau menyelenggarakan bangunan Tabika Perpaduan di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, saya ucapkan sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh beberapa perkara dalam perbahasan di peringkat jawatankuasa ini. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang giliran Yang Berhormat Menteri kawasan Selangau.

8.18 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Josep Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kalau minat dengan portfolio saya, ianya MAMPU, Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan satu lagi ialah memantau projek-projek aku janji di Sarawak. Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Gerik dan Yang Berhormat Jelebu yang telah menyentuh agensi-agensi di bawah portfolio saya iaitu SPA, SPP dan MAMPU semasa perbahasan Bajet 2016 di peringkat jawatankuasa. Sesungguhnya saya amat menghargai cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Gerik mencadangkan agar Suruhanjaya Perkhidmatan Awam mengambil graduan-graduan IPTA ke dalam perkhidmatan awam dan dilantik di bawah Skim Khidmat Siswazah (SKS). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SKS merupakan antara program yang diwujudkan oleh kerajaan ekoran kemelesetan ekonomi dunia pada akhir tahun 80-an bagi membantu siswazah menganggur. Kerajaan juga telah memperkenalkan – sebelum itu, SKS ini sebenarnya tak wujud lagi, sudah dimansuhkan. Kerajaan juga telah memperkenalkan pelbagai inisiatif berkaitan isu ini.

■2020

Antaranya Skim Sangkutan dan Latihan (SSL), Skim Latihan Graduan ataupun skim yang menambahkan *employability* para graduan dan skim latihan pekerja yang diberhentikan kerja dan penganggur. Program-program ini terletak di bawah bidang kuasa agensi-agensi kerajaan yang lain dan bukannya di bawah SPA Malaysia. Walau bagaimanapun, saya percaya dan yakin cadangan ini akan mendapat perhatian agensi-agensi berkenaan.

Yang Berhormat Gerik juga membangkitkan isu mengenai dasar pengambilan guru agar dibuka kepada semua calon yang mempunyai Ijazah Pendidikan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar pengambilan guru adalah dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, manakala Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran hanya melaksanakan urusan pelantikan guru. Pada masa kini, pemilihan calon-calon guru dibuat oleh KPM ataupun Kementerian Pendidikan Malaysia di kalangan pelajar-pelajar lepasan SPM. Bagi guru sekolah rendah, mereka akan dilatih di Institut Pendidikan Guru (IPG) dan bagi guru sekolah menengah pula, mereka akan dilatih di Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA). SPP selaku pihak berkuasa melantik guru akan menjalankan proses temu duga selepas calon-calon berjaya menamatkan latihan dan memperoleh ijazah. Walau bagaimanapun, pengambilan guru adalah tertakluk kepada kekosongan jawatan yang dimaklumkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Saya ingin tambah di sini, ada beberapa kerumitan yang kita hadapi kalau hendak buka kepada *open market* yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi. Satu daripadanya ialah objektif kerajaan di dalam beberapa tahun yang akan datang untuk memilih *top 30%* sahaja lepasan SPM ini yang akan layak. Bukan maknanya secara automatik dipilih untuk menyertai ataupun dilatih di IPG ataupun IPTA, tetapi cuma layak kalau dia dalam *top 30%*.

Satu lagi ialah isu hendak menentukan pengambilan guru di Sarawak dan Sabah menepati 90% lokaliti. Ketiga, disebabkan ada beberapa isu yang berkenaan dengan pengambilan ini, sekarang yang dilatih di IPG dan IPTA lebih kurang agak melebihi kekosongan yang wujud. Oleh beberapa sebab yang saya huraikan ini, maka agak susah kita membuka ruang kepada IPTS, yang dilatih di IPTS ini supaya diambil menjadi guru di sekolah menengah kerajaan ataupun sekolah rendah kerajaan.

Berkenaan isu pengesahan perkhidmatan dan gaji guru serta anggota kumpulan pelaksana di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Dimaklumkan bahawa pelantikan guru dan anggota kumpulan pelaksana di SABK akan dibuat berdasarkan syarat-syarat perkhidmatan berkenaan. Sekiranya calon memenuhi syarat skim, SPP akan melaksanakan proses lantikan dan pengesahan. Manakala penetapan gaji pula akan dibuat berdasarkan jadual gaji skim perkhidmatan berkenaan dan juga mengambil kira pengalaman yang calon miliki. Maknanya memang ada peluang kalau dapat memenuhi syarat-syarat yang tertentu, tetapi secara polisi kita tidak boleh kalau dia tidak memenuhi syarat pun kita bagi dia gaji mengikut skim yang wujud dalam kerajaan ataupun diambil, diberi hak yang sama sebab dia ada skim sendiri.

Yang Berhormat Jelebu pula telah membangkitkan isu kelewatan penyampaian perkhidmatan kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha memartabatkan

sistem penyampaian perkhidmatan awam yang cekap dan berintegriti, kerajaan sentiasa berusaha meminimumkan birokrasi yang boleh menjejaskan prestasi dan imejnya. Selaras dengan usaha kerajaan untuk merakyatkan perkhidmatan awam juga, usaha mengurangkan kerenah birokrasi ini berfokus kepada aspek perekayasaan, proses dan prosedur kerja ataupun *business process reengineering* (BPR) di semua peringkat agensi kerajaan.

BPR merupakan pendekatan strategik untuk meningkatkan kecekapan proses dan prosedur kerja melalui penghapusan langkah-langkah yang tidak cekap, syarat-syarat yang terlalu ketat dan tidak menyokong objektif, undang-undang lapuk, bilangan borang yang banyak dan kaedah pengesahan dokumen yang rumit. Kesemua ini dinilai semula bagi memberi kemudahan dan kesenangan kepada rakyat dalam berurusan dengan agensi kerajaan.

Ingin saya tambahkan di sini, misalnya proses memohon kad pengenalan baru kalau sudah hilang. Kalau dulu macam-macam kerenah, sekarang tidak perlu dilaporkan kepada polis. Dulu mesti lapor, baru dapat memohon. *Accident* misalnya. Kalau dahulu mesti dilaporkan kepada balai polis yang ada bidang kuasa dalam di mana kejadian itu berlaku, sekarang boleh dibuat di mana-mana balai polis. Permohonan pasport, sekarang dapat dibuat dalam masa 1 jam. Ada banyak lagi maklumat tentang berapa efektifnya transformasi yang telah kita buat di perkhidmatan awam ini. Ada angka-angka yang menunjukkan kita berjaya. Misalnya *ease of doing business*. Ini mestilah disebabkan kekurangan birokrasi.

Kalau tahun 2014 kita di tempat 20, sekarang sudah ke tempat 18. Maknanya semakin bertambah baik. Ada 60% pengurangan dalam prosedur untuk kelulusan permit pembinaan misalnya. Kalau dulu melibatkan 37 prosedur, sekarang cuma 15 sahaja. Sebanyak 69% kekurangan ataupun penurunan *business license* di peringkat tempatan, dari 1,455 turun kepada 449 *licenses* yang diperlukan untuk *business* yang tertentu, yang sama kalau dibandingkan dulu. Sebanyak 38% *reduction in business licenses* di peringkat *federal* iaitu 717 dahulu, sekarang sudah menurun kepada 448 *licenses* saja. Banyak lagi angka-angka yang menunjukkan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan ataupun SPA dan juga MAMPU yang menunjukkan kita agak berjaya menurunkan kerenah birokrasi.

Bagi mempercepatkan pelaksanaan projek kerajaan, MAMPU telah dan sedang meningkatkan keberkesanan pengurusan pelaksanaan projek dan tadbir urus khususnya bagi projek-projek ICT. MAMPU bertanggungjawab untuk merancang, melaksana dan memantau projek berbentuk guna sama seperti infrastruktur, pusat data, rangkaian dan pembangunan sistem dalam talian. MAMPU juga bertanggungjawab untuk menyelaraskan dan memantau pelaksanaan projek-projek ICT yang dilaksanakan oleh agensi-agensi yang menggunakan peruntukan persekutuan. Perlu diambil perhatian juga, kadang-kadang kelewatan melaksanakan sesuatu projek itu adalah disebabkan bukan sesuatu agensi tetapi ia berkaitan dengan agensi-agensi yang lain. Kadang-kadang antara projek yang dilaksanakan oleh *federal*, misalnya peruntukan yang diagihkan, dibuat dan dibagi oleh federal, ia memerlukan kerjasama dari *state* dan benda inilah yang kadang-kadang merumitkan ataupun melewatkan pelaksanaan.

Ingin saya tegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan akan meneruskan komitmen untuk meningkatkan transformasi penyampaian perkhidmatan berpaksikan rakyat di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas melalui pengurangan kerenah birokrasi dan peningkatan pengurusan projek. Sekian, terima kasih terutama sekali kerana tidak ada pencelahan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya giliran Yang Berhormat Menteri kawasan Arau.

■2030

8.30 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Pengerusi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua *bro and sis...* [Ketawa] Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: *Bro and sis* macam kumpulan penyanyi itu Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya, sebab saya ikut perkataan Tuan Pengerusi tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak, saya kata jangan sahabat-sahabat nanti ada yang sebut bro-bro ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Itulah saya tolong sebut terus. [Ketawa] Sekarang ini Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sama-sama berbincang mengenai APBN, JPAM, APMM, PR1MA, ESCOM dan juga MKN.

Seorang Ahli: Oh, jaga banyak ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Banyak. Pertamanya ialah APBM. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa APBM ini ditubuhkan di atas percantuman dua unit iaitu Unit Pengurusan Bencana MKN dan Unit Pasca Banjir. Dua unit telah digabungkan dan kita namakan agensi baru ini ialah Agensi Pengurusan Bencana Negara. Semua sekali kakitangan daripada Unit Pengurusan Bencana MKN dan semua pegawai daripada Unit Pasca Banjir telah masuk kepada agensi yang baru.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Gerik dan Yang Berhormat Batu Gajah yang mengiktiraf usaha-usaha yang dilaksanakan oleh APBN, JPAM dalam pengurusan bencana negara.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, walaupun agensi ini telah pun ditubuhkan, tetapi kita masih menerima pakai Arahan MKN No.20 iaitu meletakkan bahawa komando bagi di tempat kejadian ialah polis dan timbalannya ialah bomba. Sementara untuk menguruskan selepas daripada banjir ataupun semasa banjir Jawatankuasa Daerah, Pejabat Daerah, Jawatankuasa Pengurusan Banjir Peringkat Daerah akan mengambil alih selepas daripada polis dan bomba ataupun mereka boleh terus mengarahkan supaya polis meneruskan menjadi komando di tempat kejadian sebagaimana yang berlaku dalam pengurusan gempa di Gunung Kinabalu.

Pada masa sekarang agensi ini telah meletakkan 5,122 pusat yang boleh menempatkan 161,573 orang. Kita menyedari bahawa walaupun kita ada kekurangan aset kerana perubahan yang dibuat sekarang ini pengerusi di peringkat Pusat ialah Timbalan Perdana Menteri tetapi *sekretariatnya* ialah JPAM iaitu Ketua Pengarah JPAM menjadi sekretariat kerana di peringkat negeri, pengerusinya ialah Setiausaha Kerajaan ataupun Menteri Besar dan *sekretariatnya* ialah Pengarah JPAM Negeri demikian juga di peringkat daerah dan di peringkat komuniti.

Jadi sekarang ini ada di kalangan Ahli Yang Berhormat yang telah kita sebutkan bahawa mereka juga akan menyertai bersama Agensi Pengurusan Bencana Negara ini sebagai sukarelawan di tempat masing-masing. *Insyah-Allah* kita akan cuba cepatkan supaya perkara ini menjadi kenyataan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya, silakan Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan persiapan bencana jika ia berlaku terutama sekali banjir. Pada masa ini kita sedang menghadapi kerap kali banjir di negara kita selain daripada bencana-bencana yang lain seperti gempa bumi. Yang Berhormat Menteri menjawab kekangan menteri ini kerana tidak mencukupi kelengkapan. Jadi saya bercadang kepada menteri oleh kerana insiden ini sering berlaku dan pengerusi di peringkat daerah ini memang pejabat daerah yang menjadi pengerusi.

Jadi kita fahamlah pejabat daerah ini kalau di Sabah dan di Sarawak dalam bidang kuasa kerajaan negeri. Jadi adakah pihak menteri sendiri sebagai pengerusi di peringkat nasional ini melihat kalau sekiranya diadakan ataupun dilengkapi dengan bot-bot *emergency* ataupun skuter-skuter yang mungkin dapat menyelamatkan secepat mungkin orang-orang yang terperangkap sekiranya ia dilanda banjir secara mengejut. Jadi ini satu tindakan seharusnya diadakan di peringkat-peringkat daerah yang mana kita sekarang ini tidak melihat kelengkapan-kelengkapan itu yang sepatutnya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, kita sedar memang kalau untuk JPAM sahaja dia memang asetnya tidak mencukupi. Tetapi agensi lain mempunyai bot yang banyak. Macam bomba kita sudah lebih 800 biji unit bot, JPAM dalam 300 macam itu. Jadi kalau kita campur dengan polis dan tentera, kalau dilihat semua aset yang ada di dalam negara ini mencukupi. Jadi yang paling penting sekarang ini ialah kita hendak pastikan supaya Jawatankuasa Peringkat Daerah, peringkat negeri, peringkat pusat okeylah, memang terbaik punya. Akan tetapi peringkat negeri dan daerah ini di samping aset yang kita perlukan daripada pegawai daerah ialah kepimpinan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Jadi maksud saya sini ialah contohnya macam bila banjir berlaku kita ada aset di pihak kerajaan dan juga kita ada aset di pihak NGO dan orang awam.

Jadi kepimpinan ini penting supaya pemimpin di peringkat daerah memastikan supaya aset kerajaan digunakan dengan sepenuhnya dan kita boleh *deploy* dengan izin daripada bahagian-bahagian yang lain. Dalam masa yang sama mereka dibenarkan untuk menyewa bot awam ataupun mana-mana sukarelawan yang ingin menyertai kita, kita sertai bersama. Jadi kita lihat bahawa pendekatan mengatasi banjir sekarang ini adalah penyertaan bukan sahaja agensi kerajaan, sukarelawan dan juga rakyat jelata. Kita hendak supaya sekurang-kurangnya kalau sekiranya mangsa banjir itu 100, sekurang-kurangnya ada 200 sukarelawan.

Macam baru-baru ini ada banjir berlaku di Kedah yang melibatkan 300 orang, tetapi sukarelawan ada 1,000 sebab ia berlaku di tempat-tempat tertentu. Demikian juga dengan tempat-tempat lain. Berhubung dengan aset sama ada kita akan membeli ataupun tidak, kita sedang membuat pembelian dengan hebatnya. Baru-baru ini saya pergi ke Beaufort Yang Berhormat, saya terus menempah daripada semua pembekal, salah satu daripada pembekal itu kita *order* 20 biji. Ini bot kecil yang muat enam orang dan kelajuan 10 ke 15 kuasa kuda ya. Kemudian dalam masa yang sama kita juga sedang membuat pembelian kepada...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Sekejap, selepas itu Yang Berhormat Lenggong selepas itu Cik Putih, tunggu sekejap Cik Putih. Kamu boleh duduk dahulu, saya nampak ya. Pembelian ini dibuat serta-merta dan Yang Berhormat telah sebut tentang pembelian jet bot, semua telah dikenal pasti dan pembelian sedang dibuat. Yang Berhormat sedia maklum bahawa membeli bot ini ialah bukan suatu perkara yang mudah sebab dia memerlukan pembinaan. Akan tetapi *fiber glass* untuk enam *seater*, enam orang ini kita boleh buat dalam masa tujuh ke lapan hari, satu. Kalau kedai itu dia ada tiga *mould* dengan izin Tuan Pengerusi, kalau ada tiga *mould* dia boleh buat tiga biji dalam masa 10 hari. Kalau ada 10 *mould* dia boleh buat 10 biji dalam masa 10 hari berdasarkan kepada *mould*. *Mould* ini boleh buat antara lapan hingga 10 hari satu biji bot.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: *Mould* itu ialah acuan, acuan ya. Ya, Yang Berhormat Lenggong silakan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memang kepimpinan itu penting, saya setuju. Memindahkan tanggungjawab kepada JPAM saya bersetuju, mereka bekerja kuat sekarang. Cuma Yang Berhormat Menteri, yang saya hendak tekankan di sini ialah SOP prosedur kerja. Ini kerana kita hendak supaya bukan JPAM sahaja diberi tanggungjawab tetapi semua agensi dan jabatan. Kalau kita tengok dahulu apabila kita hendak tempatkan di kawasan penempatan sekolah kadang-kadang kunci sekolah pun dibawa oleh pekerja yang bercuti waktu itu, so susah.

Jadi boleh tidak SOP ini cantik sudah yang atas, yang di bawah ini, kerana mangsa di bawah ini. SOP dan cara kerja yang terbaik, borangnya dan sebagainya yang saya bangkitkan, yang itu saya minta beri penekanan sebab Yang Berhormat sebut pasal kepimpinan tadi.

■2040

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ya, *very good*, soalan itu bagus. Tuan Pengerusi, saya hendak beritahu bahawa arahan MKN itu dengan terang menyebutkan apa yang diharuskan sebelum banjir, semasa banjir dan selepas banjir tetapi yang paling penting sekarang ini kepimpinan di daerah itu supaya dia buat persediaan. Persediaannya termasuklah membuat simulasi latihan. Bila kita buat simulasi latihan ini, kita boleh menentukan siapa yang bertanggungjawab kepada apa. Ini terpulang kepada kepimpinan daerah dan juga negeri. Di antara bahagian yang telah membuat perkara ini semasa banjir yang lepas ialah Kemaman, dia pun Menteri Komunikasi. Dia buat simulasi, selepas simulasi tiba-tiba banjir datang, mereka dah kenal pasti.

Dalam masa yang sama DO yang berkenaan dia pandai, dia pergi jumpa wakil rakyat, dia jumpa sana sini, dia dapat 40 buah bot kecil. Kemudian apabila berlakunya banjir, mereka sudah buat simulasi sebelum itu, mereka dah kenal pasti tempat dan mereka telah menggerakkan semua 30,000 lebih kepada tempat banjir dalam masa satu hari. Jadi itu SOP nya Yang Berhormat tetapi kita kena buat simulasi dan kepimpinan di daerah setelah kita arahkan supaya berbuat demikian serta-merta. Sepatutnya hari Khamis ini kita hendak buat pertunjukan, hendak buat pameran yang melibatkan semua wakil rakyat. Wakil-wakil rakyat terutamanya yang terkena banjir dan di antara mereka yang mungkin akan dilantik menjadi JPAM kehormat nanti. Mereka hendaklah hadir di bangunan Pertubuhan Peladang itu. Akan tetapi oleh kerana minggu ini keadaan kesesakan lalu lintas, ada persidangan ASEAN, maka kita tangguhkan minggu depan. Ahli-ahli Parlimen semua...

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tidak, belum panggil lagi, *Insya-Allah. Don't worry, you* diamlah makcik.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sembilan kali banjir dah Lenggong ini, sembilan kali dah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Jangan bimbang.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dah sembilan kali dah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: APBN sentiasa bersiap siaga.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Eh makcik ini bercakap tak bangunlah. *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Banyak garang apa fasal?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih ma, *syukran jazilan*. Saya sokong, saya tengok hujan setiap hari dan sudah banjir berlaku semalam di Johor Bahru, Shah Alam dan beberapa tempat. Saya memang bimbang apa yang akan berlaku pada akhir tahun ini. Saya lihat peruntukan bagi Majlis Keselamatan Negara pada tahun ini adalah RM599,973,800 tetapi untuk tahun depan telah pun dikurangkan kepada RM73 juta. Jadi tadi Yang Berhormat kata beli kapal ini, beli kapal itu, mana datang duit ini. Pemotongan yang begitu drastik sekali dari *RM599 million to RM73 million*.

So saya hendak tahu Yang Berhormat Arau macam mana mengatasi kesuntukan wang ini. Macam kita lihat banjir besar di Kelantan pada tahun lepas, bila Yang Amat Berhormat Pekan pergi sana kata kerajaan akan bagi RM800 juta untuk membantu pembinaan rumah semula. Kita lihat sampai sekarang hanya 133 buah rumah yang dibuat balik oleh Kerajaan Persekutuan. Jadi saya bimbang dan saya hendak tolong Yang Berhormat Arau, saya bimbang peruntukan yang dipotong begitu drastik ini mungkin menjejaskan kerja keselamatan Yang Berhormat Arau. Adakah Yang Berhormat setuju?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat menyebut keselamatan Yang Berhormat Arau, jadi saya jawab '*ana ohit buki*'. Terima kasih. Tolong terjemah *sat* Yang Berhormat Parit Buntar kepada dia tapi jangan cerita, bagi tajuk-tajuk lain sikit, jangan cerita yang benar, nanti pening kepala saya ya.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Hendak minta jalan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Agensi Pengurusan Bencana Negara, yang MKN Yang Berhormat saya akan sebut sekejap lagi ya. Kita ada peruntukan dengan izin, *trust fund* yang akan kita gunakan untuk pembelian aset serta-merta. Apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah sebutkan itu akan menjadi kenyataan Yang Berhormat. Kita dah beritahu bahawa di akhir bulan Februari tahun depan, semua rumah akan disiapkan. Kita menggunakan sistem IBS. Saya pernah bawa di Parlimen ini, masa saya jawab Yang Berhormat tiada dalam Parlimen, saya sudah jawab berhubung dengan pembinaan rumah-rumah pasca banjir.

Untuk banjir ini, kita tahu walaupun kekurangan aset di peringkat satu agensi tetapi koordinasi penting. Menteri Kesejahteraan Bandar telah sebut bahawa koordinasi penting. Bomba mempunyai aset yang besar, tentera, polis dan juga JPAM kena koordinat. Setengah tempat kurang, setengah tempat lebih. Kita telah kenal pasti tempat yang dijangka berlaku banjir dan sebagainya. Jadi Yang Berhormat, banjir kilat ini yang tidak melibatkan pemindahan akan diuruskan oleh jawatankuasa di peringkat tempatan ataupun JPAM dan juga bomba di peringkat tempatan.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Akan tetapi yang melibatkan yang berskala besar, ini APBN akan masuklah, yang lain-lain APBN masuk melalui agensi-agensinya. So tentang pembelian aset Yang Berhormat, *insya-Allah* ia akan diuruskan dengan sebaik mungkin termasuk juga pesawat udara untuk semua cuaca. Itu juga helikopter yang telah disebutkan, itu mungkin

akan dibeli ataupun disewa kemudian. Akan tetapi yang paling penting di sini, APBN sama ada bersiap siaga ataupun tidak, Yang Berhormat bimbang tetapi saya sendiri sebagai Menteri, kita bersiap siaga. Saya tahu bahawa kenyataan saya itu boleh memakan diri kalau tiba-tiba saya tidak bersiap siaga, saya redha, tidak ada masalah. Saya memang bersiap siaga, saya sanggup berada di mana-mana, di udara, di darat, di bukit, di laut dan di mana-mana. *No problem.*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Itu saya setuju, saya pun setuju.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bila saya cakap, saya hadir. Macam Yang Berhormat Kuala Krai, tidak apalah dia dapat Whatsapp selalu tetapi saya hadir. Saya hadir di Kuala Krai dan saya tengok sendiri. *[Ketawa]*

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Menteri, menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Maafah. Jangan marah. Saya hadir sendiri. Yang Berhormat, dengan itu benda yang mencabar ini adalah sebahagian daripada kehidupan. Di samping kerja dan tanggungjawab, ia merupakan hobi yang luar biasa yang ada pada diri ini. *So no problem*, kita bersiap siaga Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Walaupun kita ada kurang, kita akan *deploy* dengan izin daripada tempat-tempat lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi siapa Yang Berhormat?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Kita bagi Yang Berhormat Kuala Krai dua minit, seorang dua minit.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Okey, sebelum saya lupa sebab adinda saya ini kata jangan lupa sebut tentang peranan kebajikan. Setelah kita pindahkan orang ke pusat perpindahan, Jabatan Kebajikan Masyarakat akan mengambil alih. Mereka akan menguruskan makanan, tempat tinggal, seterusnya balik ke rumah masing-masing.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Ini kita lihat pelbagai agensi yang ada itu melibatkan diri. Setengahnya *direct* bawah saya, bawah APBN, setengahnya ialah agensi yang masuk di bawah jawatankuasa kerjasama.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ini fasal kebajikan.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Macam kebajikan jawatankuasa bersama, bomba, polis dan tentera tetapi yang *direct* bawah APBN ialah JPAM. So kita ada kalau Yang Berhormat Batu Gajah tanya adakah dengan ini MKN telah ditutup, tidak, MKN masih dibuka. Akan tetapi unit tersebut telah dipindahkan 100% ke APBN. Oleh kerana saya juga menjaga MKN dan juga APBN, saya ingat tiada masalah. Bagi tempat yang kita lihat memang ada masalah sikit sebab perjawatan JPAM itu agak rendah berbanding dengan MKN. Kadang-kadang hendak *command* susah sikit tetapi tidak ada masalah. MKN akan bantu sehingga keadaan pulih seperti sedia kala.

Juga sedang berbincang dengan JPA bagaimana untuk membolehkan supaya JPAM ini memainkan peranan yang penting.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Arau, bagi Lenggong sikit.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Parit Sulong, silakan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Parit Sulong tidak bangun, Lenggong.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Bangun, bangun.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kuala Krai. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Dia tidak berdiri pun.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia tak mahu cakap, ini yang mahu cakap ini, bagilah.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kuala Krai dulu.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat Parit Sulong bangun.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kuala Krai. Yang Berhormat Arau lupa ya.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Berapa kali kena berdiri?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia pun tak tahu hendak cakap apa.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Kenapa Menteri jemput orang yang tidak bangun. Yang kami bangun nak mencelah tadi ...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Tidak apalah, saya dah bangun dah.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Dia adik saya, dia malu Yang Berhormat. Jadi saya kena panggil, dia *dok* bercakap kat bawah, kurang manis. Jadi saya jemput.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Tidak apalah, saya dah bangun dah. Terima kasih, terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Okey, saya setuju dengan apa Yang Berhormat Menteri tadi nyatakan bahawa komitmen Yang Berhormat selaku Menteri itu, itu yang betul sebab saya sendiri pun pernah ada pengalaman di mana terjadi masa itu banjir di Maran dan kita sendiri menjadi saksi bagaimana kita telah pergi ke kawasan Orang Asli yang mana tiada bantuan tetapi Yang Berhormat sendiri begitu prihatin. Yang Berhormat tadi juga ada menyatakan mengenai selepas sahaja ini, kebajikannya akan diserahkan kepada JKM. Jadinya saya cuma hendak tahu bagaimana *coordination* itu nanti dan macam mana Yang Berhormat boleh pastikan bahawa bila *pick up* diambil ataupun usaha yang diambil JKM akan berjalan dengan lancar. Terima kasih.

■2050

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bagi Lenggong sekejap. Hendak cerita Yang Berhormat naik bot ini. Hendak cerita Yang Berhormat naik bot itu hari.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tidak. Pengalaman Yang Berhormat Parit Sulong yang terperangkap dengan saya di malam hari.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Akan tetapi bukan berdua tetapi beramai-ramai sebab masa banjir ini macam-macam. Jadi, kami ramai cuma kami terperangkap di satu tempat yang agak sukar untuk melepaskan diri tetapi di akhirnya berjaya juga kita melepaskan diri.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya Yang Berhormat Kuala Krai, lepas itu Yang Berhormat Rantau Panjang, lepas itu...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Boleh kah saya tolong atur bagi pihak Tuan Pengerusi. Tidak apakah?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh Yang Berhormat. Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Menteri. Saya pun boleh memberikan pengakuan bahawa Menteri kita ini bab banjir cukup beranilah. Semasa di Tenang Johor memang air naik mendadak sampai ke dada dan Menteri kita mengarahkan rakyat supaya keluar. Ahli Parlimen Kuala Krai yang ada di situ pun dia suruh keluar cepat, segera menyelamatkan diri. Biar dia tinggal tidak apa. So, bagi saya ini suatu pengorbanan seorang pemimpin. *[Tepuk]* Memang layaklah jaga banjir. Saya ingat kekal jaga banjir lah ya.

Saya ingin bertanya seperti disebut oleh Yang Berhormat Seputeh tadi JPAM ini hanya diberikan RM33 juta di bawah Maksud B.6 Butiran 300000. Saya jangka jumlahnya terlalu kecil kepada sebuah jabatan yang akan menjadi *lead agency* di dalam menangani banjir. Menteri mengaku bahawa JPAM hanya ada aset 300 bot kata tadi berbanding dengan bomba ada 800. Saya khawatir sebagai *lead agency* yang tidak mempunyai satu aset yang mencukupi dia ada kelemahan dalam pengurusan dan pengarahan.

Jadi, saya menjangkakan bila diberikan tanggungjawab sebagai *lead agency* dia sepatutnya diberikan peruntukan yang besar supaya dia akan dapat menguruskan dengan asetnya sendiri barulah jabatan-jabatan dan pihak-pihak yang lain dapat memberikan sokongan kerana banjir ini Tuan Pengerusi dia berlaku serentak. Kita bukan boleh *move* kan aset daripada satu tempat ke satu tempat kerana Terengganu, Kelantan, Perak dan Kedah mungkin akan banjir serentak. Jadi, terpaksa mempunyai aset-aset itu di lokasi yang berkenaan. Jadi, harus diperkasakan JPAM ini dengan kelengkapan yang munasabah baru ada *respect* orang kepada jabatan yang menjadi *lead agency*. Macam mana pandangan Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Saya berterima kasih Tuan Pengerusi sebab apa semua Yang Berhormat prihatin dan rakyat Malaysia tolong perhati bahawa rakyat Malaysia ini prihatin dan minta peruntukan ditambah. *Insya-Allah* buat masa sekarang ini saya menggunakan peruntukan daripada MKN berhubung dengan bencana ini. Sekarang ini kita akan cuba sedaya untuk membelanjakan peruntukan tersebut untuk membeli aset serta-merta. Jadi, Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri telah memberi arahan. Di antara arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah dia bertanya kepada saya adakah enjin 70 kuasa kuda itu dibeli untuk sungai di Kelantan. Dia sebut itu dan juga di Pahang.

Saya kata sudah hampir sebab apa semua pembelian ini ada sedikit prosedur yang harus kita lalui, sudah hampir akan menjadi kenyataan. Jadi, Yang Berhormat saya dengan izin Allah *confident*, dengan kebenaran Tuan Pengerusi, dengan izin Tuan Pengerusi, *confident* bahawa kita boleh *deploy* aset daripada tempat-tempat lain. Keduanya, sekarang ini monsun timur laut sedang bertiup dan El Nino sedang berlaku dengan hebat di lautan Pasifik. Panasnya luar biasa, ekstrem. Jadi, kita kena ambil semua benda-benda ini. Saya membuat perkiraan tersebut maka kita mampu untuk menghadapi perkara ini sementara kita mempersiapkan dengan aset-aset yang baru.

Yang Berhormat, berhubung apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi di Tenang. Air di Tenang masa itu. Kita hari itu hari pilihan raya kecil, hari mengundi. Memang saya suruh semua orang keluar, saya bimbang nanti benda itu mendatangkan bahaya. Air sudah sampai ke bahu sebenarnya. Jadi saya suruh Yang Berhormat Kuala Krai supaya bergerak keluar sebab saya masih boleh berenang dengan baik. Jadi, dia keluar *alhamdulillah*. Jadi, bila dia keluar saya tidak minta pun penghuni-penghuni datang sebab hari itu hari mengundi. Saya tidak kata mengundi semua mari mengundi. Tidak, semua orang sudah tidak boleh mengundi. Banyak kad pengenalan yang telah hilang dan sebagainya.

Saya dengan ikhlas mengarahkan orang supaya berpindah. Lepas orang pindah bila saya hendak balik saya tidak dapat balik betul-betul masa itu sebab tidak ada bot lagi. Jadi saya sempat bermalam dengan orang Tenang. Tidak sempat kempen sebab pilihan raya sudah habis, sudah tutup. Jadi Yang Berhormat janganlah bersyak wasangka dengan saya. Saya ikhlas, saya arah Yang Berhormat keluar itu sebab saya bimbang Yang Berhormat nanti menjadi mangsa sebab air dalam keadaan yang cukup teruk. Saya tidak pernah tengok banjir yang air datang dalam masa dua jam, tiba-tiba kita sudah tenggelam.

Rumah yang saya duduk tidak jumpa. Saya terpaksa cari di mana orang boleh duduk dan terpaksa selam untuk mendapatkan barangan. Okey, Yang Berhormat berhubung dengan pendaftaran...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, minta laluan Yang Berhormat. Nanti lupa. Rantau Panjang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang. *Last one, last one* ya. Lepas ini saya hendak jawab sedikit ya sebab...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Saya ucapkan tahniah di atas usaha gigih yang dibuat oleh pihak Menteri. Apa yang saya ingin tahu ialah tentang peralatan yang disebutkan oleh Menteri tadi yang menyebutkan bot-bot kecil yang disediakan. Sebenarnya apabila berlaku banjir besar dalam arus yang deras bot kecil sebenarnya tidak selamat. Apabila hendak bawa mangsa-mangsa ia

menyebabkan terhad, menyebabkan isu keselamatan, tidak boleh. Jadi, pihak kerajaan jangan fokus kepada bot-bot kecil sebagaimana yang disebut tadi.

Begitu juga tentang khemah tempat pusat perpindahan. Saya rasa sudah sampai masanya kita menyusun atur tempat mangsa banjir berpindah dengan suasana yang tersusun sebab kita lihat dengan apa yang ada sekarang dengan keadaan yang bercampur anak kecil, anak perempuan, kadang-kadang lelaki. Jadi, sepatutnya satu keluarga satu khemah yang menyebabkan suasana lebih selamat dan selesa.

Seterusnya ialah alat komunikasi. Ini adalah sesuatu yang sangat penting apabila berlakunya banjir besar perhubungan telefon putus. Radio amatir khususnya adalah satu perhubungan yang sangat penting dan saya lihat perkara ini masih lemah. Contoh, dalam banjir dalam kawasan saya sendiri saya pergi ketika itu bilik gerakan bomba hanya ada satu alat dan perkara ini menyebabkan mungkin kelemahan berlaku. Jadi bayangkan kawasan begitu luas. Sejauh mana persiapan alat komunikasi ini diambil kira dapat persiapan banjir?

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, sekali, sekali jawab sekali.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, ada satu lagi *point*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat ya.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri sekali jawablah. Sedikit sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: *Last ya, last.*

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Okey.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Lepas ini jangan tanya lagi sebab...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Pendek sahaja.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Saya tidak habis lagi. Satu sahaja lagi iaitu berkaitan dengan bahan api apabila terputusnya elektrik sebab semasa banjir di hospital pun cari bahan api. Bayangkan bomba pun cari bahan api untuk menggerakkan lori dan sebagainya. Jadi, ini menyebabkan masalah apabila semua jalan terputus. Sejauh mana perkara ini diambil kira termasuk juga kampung-kampung yang terkepung air yang mereka terputus bekalan yang kami tidak boleh hantar sebab arus deras.

Jadi, sejauh mana perkara ini diambil kira bukan sahaja mangsa yang berada di sekolah, pusat pemindahan banjir tetapi mereka yang berada di pedalaman yang tinggal di rumah sendiri, yang terkepung yang tidak boleh keluar, yang mereka berada mungkin kawasan tinggi tetapi kerana terputus bekalan. Itu juga perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Satu perkara, kita hendak menyelamatkan mangsa dia juga bergantung kepada data dan maklumat yang kita ada. Saya dengar tadi Yang Berhormat Menteri sebut pasal kita hendak serahkan kepada JKM dan sebagainya. Waktu saya mesyuarat baru-baru ini saya masih lagi mendapat maklumat daripada JKM, JKM masih lagi kekal dengan prosedur lama iaitu hanya menyenaraikan mangsa yang ada di pusat penempatan sahaja. Masih

lagi tidak ambil kira mangsa yang duduk di rumah saudara mara dan sebagainya. Kalau MKN atau JPAM masih lagi hanya memegang dan merujuk kepada data yang diguna pakai, yang diambil oleh JKM. Maknanya akan ramailah orang tidak akan dapat bantuan. Itu satu. Jadi, perkara ini mesti diubah. Ambil kira semua mangsa yang walaupun duduk di penempatan atau tidak duduk penempatan, mesti diambil kira. Perkara yang ini saya minta.

Keduanya, nanti dahulu belum lagi. Isu dia JKM ini hari pertama dia memang susah sedikit. Prosedur kewangan dan sebagainya hendak beri bantuan. Hari pertama. Bila banjir ini hendak bagi makan minum. Hari pertama itu, bagaimana dibuat? Ketiganya, dimaklumkan waktu taklimat di kawasan baru-baru ini bahawa jawatankuasa yang diurus setia oleh JKM bukan hanya untuk banjir sahaja tetapi untuk semua bencana. Betul tidak betul? Itu sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Okey. Bagilah saya ketenangan untuk menjawab dengan penuh. Okey, yang pertama sekali pasal bot. Bot ini bukan sahaja bot kecil. Bot kecil ini ialah untuk taman Yang Berhormat dan juga untuk kampung yang bot besar tidak mampu masuk. Jadi, bot besar dia akan berada di sungai bagi hendak *transfer* orang hendak masuk ke tempat di kampung-kampung itu terpaksa pakai bot kecil dan bot kita ialah bot 14 kaki yang kalau kita tengok ada bot bomba, bot JPAM dan juga bot tentera, semua itu ialah bot yang kita akan pakai untuk sungai.

■2100

Komunikasi Yang Berhormat, itu telah pun dikenal pasti. Berhubung dengan tempat tinggal, saya ucap terima kasih Yang Berhormat tanya fasal Rantau Panjang. Baru-baru ini saya pergi melancarkan sukarelawan pengurusan bencana Rantau Panjang. Yang Berhormat, walaupun Yang Berhormat Ahli Parlimen PAS tetapi yang ini yang dibuat oleh Ketua UMNO Bahagian. Dia mengumpulkan 1,500 orang sukarelawan, luar biasa.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Kenapa tidak panggil Ahli Parlimen?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Selepas ini nantilah saya bincang dengan puak-puak Kelantan. Walau bagaimanapun, saya terima kasih persediaan Rantau Panjang cukup luar biasa. Mereka telah kenal pasti satu persatu. Rantau Panjang adalah tempat yang saya bermain-bermain pulak. *[Ketawa]* Tempat yang saya selalu hadir. Yang Berhormat pun pernah hadir dan pegang anak, *baby* di sebelah saya, masuk surat khabar. Ya, saya hadir di mana-mana kampung, ceruk-ceruknya Rantau Panjang saya tahu.

Jawatankuasa di peringkat daerah dan juga di peringkat mukim serta di peringkat kampung itu diminta untuk mengenal pasti sampai ke rumah-rumah yang terpencil. Yang Berhormat Asyraf walaupun dia baru tetapi dia telah pun mengikuti saya di Rantau Panjang dan juga di Tumpat dan dia juga mengenal pasti tentang perkara-perkara yang telah Yang Berhormat sebutkan. Berhubung dengan pendaftaran Yang Berhormat, memang pendaftaran lama ini yang dibuat oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat diteruskan. Kita akan bagi buku dan mereka kena catat di situ 'mangsa banjir'. Tuan-tuan, buku ini akan disimpan di muzium nanti. Tempoh 100

tahun lagi cucu-cicitnya menjadi pengarah kebajikan dan dia tengok tok wannya pernah menjadi mangsa banjir.

Tujuan kita adalah supaya kita hendak bezakan antara orang yang berpindah dan tidak berpindah, Yang Berhormat. Orang yang tidak berpindah, jawatankuasa peringkat daerah, DO itu kena kenal pasti bahawa mereka ini layak untuk dapat bantuan tetapi orang yang berpindah ke tempat perpindahan, JKM boleh sahkan. Jadi, MKN masa itu membuat pembayaran berdasarkan kepada JKM yang disahkan oleh Pegawai Daerah dan jawatankuasa peringkat daerah mesti sahkan orang yang tidak berpindah. Yang Berhormat, kalau kita buat pembukaan terbuka macam itu, pernah terjadi sudah. Dahulu masa kita buat pendaftaran, ada satu kawasan cuma dalam 20,000. Akan tetapi bila kita buat pendaftaran terbuka pindah tidak pindah, 38,000 kita kena bayar. Jadi, hal ini tidak boleh berterusan, kerajaan akan menghadapi masalah dan juga kita menggalakkan benda-benda yang tidak bagus. Kita kena kenal pasti supaya biar orang yang berpindah itu layak untuk mendapat bantuan.

Keduanya, apa yang dibuat oleh JKM itu memang diteruskan dan seperti prosedur yang telah saya sebutkan itu juga akan diteruskan. Yang Berhormat, berhubung dengan yang lain-lain, pendaftaran di tempat kejadian kemudian perpindahan, makan, minum dan sebagainya. Ahli-ahli Yang Berhormat sebahagian besarnya boleh bersama dengan jentera di peringkat daerah dan juga di peringkat komuniti untuk sama-sama menolong mangsa banjir. Kita kena ingat bukan sahaja mangsa banjir, mangsa-mangsa bencana. Jadi, kalau rakyat Malaysia bersama, sudah pasti benda ini tidak ada masalah. Akan tetapi kalau kita membiarkan media sosial yang tidak pergi ke tempat itu tetapi hanya memetik jari, selepas itu membuat hukuman, ini ialah satu benda yang cukup tidak adil. Sebagai contoh, di Kuala Krai ya, Kuala Krai mereka kata Pusat Kaji cuaca tenggelam, orang tidak makan tiga hari. Saya cepat berlari dan menggunakan segala kepakaran yang ada terus pergi ke Kuala Krai ke tempat kaji cuaca dan saya jumpa Ketua Polis di Kuala Krai, saya tanya apakah benar mereka ini putus. Dia kata memang terputus Dato' tetapi semua ini adalah keluarga anggota polis dan saya Ketua Polis Kuala Krai.

Jadi, tidak mungkin tuduhan yang mengatakan tidak cukup makanan, malah masa banjir dia kata makanan cukup murah. Lembu pun harga murah, semua harga murah. Ikan harga murah dan sebagainya. So, mereka bukan sahaja makanan cukup tetapi soal terperangkap ini memang terperangkap, banjir. Kita hendak buat macam mana ya, banjir. Akan tetapi mereka telah dipesongkan dengan beberapa kenyataan. Kemudian ada juga beberapa kenyataan, dia seorang menunggu bot 3 jam, dia lupa kita telah pindahkan 15,000 orang. Kita kena ingat itu. Masing-masing kalau menulis perasaan mereka sendiri, jadi kita ada masalah. Jadi, saya menggalakkan supaya semua pihak untuk pergi ke bawah dan melihat sendiri. Itu sebab selepas banjir sahaja, lebih kurang dalam 3, 4 hari, saya bawa kumpulan media sosial untuk melihat sendiri apa yang berlaku di bawah dan mereka terpegun tentang usaha yang dibuat oleh kerajaan yang menyabung nyawa. Anggota-anggota kita termasuk sukarelawan dan juga hero-

hero tidak berdendang bertungkus-lumus untuk membantu mangsa banjir yang mana kita tidak menjangkakan hampir 600,000 orang rakyat Malaysia menjadi mangsa banjir pada tahun lepas.

Kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang buat kerja, terima kasih, yang berdoa juga terima kasih. Okey, sekarang ini saya telah menjawab semua sekali berhubung dengan APBN. Kita tidak ada masalah dari segi pengurusan kerana semua mereka ini berada dalam jawatankuasa. Jawatankuasa di peringkat pusat yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Bagan Datok, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri melibatkan semua Menteri-menteri menjadi ahli jawatankuasa. Termasuklah kebajikan dan juga Rahman Dahlan, perumahan, semua orang menjadi jawatankuasa.

Selepas ini di peringkat daerah, Yang Berhormat boleh menyertai bersama. Setengah orang kata kenapa kita jemput pembangkang, tidak ada masalah. Oleh sebab yang akan menjadi ketua nanti ialah puak-puak Barisan, pembangkang jadi pembantu lah. *[Ketawa]* Sebab ini tujuan komunikasi yang baik ya. *[Dewan riuh]* Okey, sekarang ini kita pergi kepada JPAM. Ini JPAM, tadi APBN – Agensi Pengurusan Bencana Negara. Berhubung dengan JPAM, Yang Berhormat Gerik telah menyebutkan bahawa tentang keputusan Jemaah Menteri untuk menubuhkan Agensi Pengurusan Bencana Negara. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, agensi ini baru ditubuhkan pada 1 Oktober tahun ini. Baru sebulan lebih dan aset akan diberi secara sendiri pada 25 November ini. 25 November ini aset akan diserahkan secara rasmi kepada JPAM oleh MKN. Walaupun dalam keadaan begitu tetapi di mana-mana sahaja ada banjir, JPAM akan menyertai bersama-sama dengan bomba, polis dan sebagainya.

Kemudian berhubung dengan Yang Berhormat Kuala Selangor, bertanya sama ada JPAM di Selangor itu dapat ditambah pejabat di peringkat daerah. Oleh kerana terdapat satu pejabat di peringkat negeri dan 7 buah di peringkat daerah. Cadangan Yang Berhormat itu sedang diberi pertimbangan dengan wajarnya. Memang tiap-tiap daerah mesti ada pejabat, tidak ada pejabat itu tidak logik. Oleh sebab apa, kita tahu bahawa kalau jadi apa-apa, daerah lain tidak dapat digerakkan dengan cepat. Akan tetapi Yang Berhormat, sekarang ini kebajikan kita ada 5 stor makanan di seluruh Malaysia tetapi yang paling penting adalah pangkalan hadapan. Pangkalan hadapan ini Menteri yang gigih ini, yang tersayang ini, membina pangkalan hadapan. Pangkalan hadapan di komuniti sendiri, contohnya macam di Kampung Tok Goh di sekolah, di kampung ini, di masjid. Kita akan buat pangkalan hadapan. Jadi, kalau berlaku banjir, aset sudah ada di peringkat komuniti, pangkalan hadapan stor makanan juga berada di peringkat komuniti, saya kira tidak ada masalah. Perancangannya cukup baik, pelaksanaannya juga akan menjadi baik kalau sekiranya dapat kerjasama daripada semua pihak.

Jadi, berhubung sama ada penyertaan daripada semua pihak untuk menyertai JPAM. Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa kita menggalakkan, kita mengadakan *roadshow* menggalakkan pelajar-pelajar untuk menyertai KAPA ataupun Kadet Pertahanan Awam, Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam ataupun Kor Siswa Siswi Anggota Institusi Pertahanan Awam (PISPA) dan Anggota Sukarelawan Pertahanan Awam (ASPA). Ramai pelajar yang menyertai. Sekarang ini kita ada- sehingga bulan Oktober ini kita ada 855,000 sukarelawan dan kita ada

sukarelawan JKM sebanyak 5,258. Ini tidak termasuk daripada kempen yang kita buat sekarang ini, kita belum lagi mendapat angka yang sebenarnya. Akan tetapi saya ingat angkanya mungkin sudah sampai ke peringkat 1,000,000. Berhubung dengan Yang Berhormat Putatan. Yang Berhormat Putatan, mana kamu?

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Tidak payahlah, dia tidak ada.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Saya sudah jawab. Ini Yang Berhormat Putatan dan orang lain *concern* fasal insurans, Yang Berhormat Putrajaya, insurans. JPAM tidak ada insurans dan sekarang ini RELA ada insurans. Jadi, dengan itu kerajaan sudah mempertimbangkan dengan wajarnya supaya insurans berkelompok iaitu lebih kurang RM15.00 setahun ini dapat dipanjangkan kepada JPAM.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga telah mengarahkan saya untuk memikirkan. Ini benda baru tetapi saya kena umum sekarang. Memikirkan bagaimana mangsa banjir itu. Sekarang ini orang kompelin macam-macam, mangsa banjir hanya dapat RM500 dan sebagainya. Bagaimana mereka dapat menyertai insurans berkelompok. Sekarang ini kita sedang fikir bagaimana dapat dilaksanakan perkara ini. Oleh sebab ada satu kes di mana seorang kawan saya, orang kampung tetapi dia bayar premium agak tinggi dalam RM215 dan dia dapat pampasan sebanyak RM9,000 sebagai contoh. Jadi kita hendak tengok bagaimana mangsa banjir juga dapat menyertai insurans. Kacau betul kalau jiran macam ini ya.

■2110

Okey, Majlis Keselamatan Negara. Yang Berhormat Kuala Selangor juga telah menimbulkan tentang MKN iaitu tentang usaha untuk menangani persepsi keganasan haruslah melibatkan semua pihak termasuk ahli politik, NGO, swasta, pelajar dan warganegara di dalam dan luar negara.

Memang kerajaan pada masa ini telah dan sedang menangani ancaman melalui pendekatan keselamatan berlapis seperti berikut:-

- (i) Meningkatkan perkongsian maklumat perisikan dan kerjasama antarabangsa dengan agensi di dalam dan luar negara;
- (ii) pengukuhan undang-undang penguatkuasaan termasuk pengenalan akta keselamatan baru seperti POTA dan SMATA selain meningkatkan kawalan keselamatan sempadan termasuk di pintu masuk yang sah;
- (iii) mengadakan *engagement* dengan semua pihak dalam memberikan kesedaran dan peranan yang boleh diambil oleh mereka;
- (iv) meningkatkan keselamatan di tempat-tempat dan kawasan kepentingan strategik negara termasuk tempat-tempat awam; dan
- (v) meningkatkan tahap kesiapsiagaan agensi keselamatan dalam menangani insiden atau krisis termasuk mengadakan *tabletop*, seminar dan juga latihan;

Kerajaan juga sedang mempertimbangkan cadangan penubuhan *Regional Digital Counter-Messaging Communications Centre to Combat the IS Efforts* daripada Kerajaan Amerika

Syarikat dalam usaha menangani ancaman persepsi keganasan khususnya oleh kumpulan militan IS yang sering menggunakan media sosial sebagai medium utama untuk merekrut dan seterusnya melibatkan dalam aktiviti keganasan. MKN telah dipertanggungjawabkan bagi meneliti aspek operasi pusat tindak balas.

Yang Berhormat Kapar memohon penjelasan peningkatan pembelian aset oleh MKN. Saya telah menjawab untuk Ahli Yang Berhormat yang lain, benda yang sama saya jawab kepada Yang Berhormat dan saya juga hendak maklumkan bahawa perolehan aset MKN adalah disebabkan keperluan mendesak penggantian harta modal sedia ada serta keperluan operasi yang semakin meningkat khususnya di MKN Negeri Sabah seperti berikut:

- (i) Perolehan peralatan ICT seperti komputer riba untuk kegunaan MKN ibu pejabat negeri; dan
- (ii) perolehan kenderaan seperti lori dan van untuk menyokong operasi di pusat-pusat tahanan.

Kemudian, Yang Berhormat Kudat. Yang Berhormat, dalam proses mengukuhkan peranan fungsi MKN sebagai agensi barisan hadapan yang lebih efisien dan berkesan dalam menyelaraskan dasar dan strategi keselamatan negara, selaras dengan keputusan kerajaan pada 29 Julai 2015 dan juga pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 19 Oktober 2015, adalah menjadi hasrat dan harapan kerajaan agar langkah-langkah transformasi MKN dapat dilaksanakan dengan sokongan padu yang tidak berbelah bahagi oleh semua pihak bagi memastikan keselamatan negara sentiasa dipelihara. Langkah-langkah transformasi MKN ini akan saya bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat Kudat sebab agak panjang untuk saya baca.

Kemudian Yang Berhormat dari Kudat juga, saya ingin memaklumkan untuk tahun 2015, peruntukan mengurus bagi menampung operasi PTS Sabah dan Labuan adalah sebanyak RM30,457,600.

Kerjasama daripada Kerajaan Filipina bagi menguruskan PATI. Filipina telah wujud sejak sekian lama, antara lain, melalui bantuan mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan untuk tujuan pengusiran PATI. Terima kasih.

Sekarang ini kita pergi kepada APMM. *[Disampuk]* Ada lagi ya. Saya berjanji bahawa kalau Yang Berhormat Putrajaya jawab, saya akan duduk di sebelahnya untuk memastikan supaya dia menjadi baik-baik, ya.

Yang Berhormat Kuala Selangor, dimaklumkan bahawa pada masa ini APMM sedang meningkatkan keupayaan aset-aset secara berperingkat. Pada tahun 2015, enam buah kapal ronda akan dibina oleh sebuah syarikat yang telah dilantik dan kapal ronda ini akan siap secara berperingkat dan kapal yang pertama akan siap pada tahun 2016 dan selebihnya akan siap pada akhir tahun 2018. Ini kapal Yang Berhormat ya. Dalam RMKe-11, APMM bercadang membina dua buah kapal peronda *offshore patrol vessel* (OPV) yang mempunyai keupayaan berada di laut selama satu minggu.

Mengenai *National Blue Ocean Strategy*, sukacita dimaklumkan bahawa APMM telah pun mengadakan pendekatan NBOS dengan agensi-agensi seperti Jabatan Laut, Kastam, PDRM, Jabatan Perikanan dan juga LKIM. Pendekatan NBOS yang telah dilaksanakan dengan jabatan-jabatan ini melalui perkongsian aset seperti jeti, kuarters dan juga bangunan pejabat.

Untuk makluman Yang Berhormat, APMM berkongsi dengan 23 buah jeti dan tiga pejabat dengan PDRM, Jabatan Laut dan Jabatan Laut telah pun menyediakan empat buah marina iaitu Marina Tanjung Pengelih, Marina Kuala Kedah, Marina Tanjung Gemok dan Jeti Kampung Juara, Pulau Tioman kepada APMM. Jabatan Perikanan berkongsi kuarters di Labuan dengan APMM.

APMM berharap semua jabatan lain seperti LKIM dan juga lain-lain dapat bekerjasama untuk menggunakan jeti ataupun memberi kepada APMM bagi jeti-jeti yang *under utilise*. Terima kasih.

Untuk makluman Yang Berhormat Labuan juga, perjawatan bagi aktiviti operasi seramai 476 orang adalah jumlah anggota di bawah Sistem Pengawasan Laut Lumut dan Sabah serta Stesen Udara Maritim Subang. Manakala perjawatan bagi pengurusan sebanyak 4,199 orang adalah melibatkan semua Pejabat Maritim di Malaysia dan merupakan perjawatan Penguatkuasaan Maritim termasuk untuk operasi maritim di laut dan pengurusan seramai 500 orang. APMM mempunyai sebuah pejabat maritim di Labuan iaitu Daerah Maritim 14 yang melibatkan perjawatan seramai 166 orang dan lapan aset untuk menjaga perairan di Labuan.

Saya harap Yang Berhormat Putrajaya pergi melawat Labuan untuk kawasan maritim ini untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh APMM di sana.

Di samping itu, APMM sedang merancang untuk membina sebuah Stesen Udara APMM di Labuan bagi meningkatkan keupayaan operasi APMM. Jadi saya harap Yang Berhormat Putrajaya tolong melawat kerana ini adalah di bidang kuasa Yang Berhormat.

ESSCOM. Yang Berhormat Silam...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Menteri, saya ada- minta maaf Tuan Pengerusi. Saya ada bangkitkan mengenai *staffing* APMM. Seperti yang dilaporkan dalam kertas bajet ini yang disebut 4,199 dalam pengurusan APMM, hanya 476 untuk tugas operasi. Apa maksud pembahagian begini kerana setahu saya APMM ini lebih kepada operasi. Jadi kenapa hanya 10 peratus daripada staf terlibat dengan operasi? Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Untuk melibatkan semua pejabat di seluruh Malaysia, ini termasuk penguatkuasaan Yang Berhormat ya. Jadi pemberian perjawatan yang ada mencukupi walaupun kita ada kekangan sedikit tetapi sebenarnya mencukupi, tidak ada masalah. APMM sentiasa di barisan hadapan untuk menguatkuasakan di laut.

Projek pembinaan untuk ESSCOM ya. Projek pembinaan kem tentera darat dengan mengguna pakai Bangunan Kolej Ilmu FELDA Cenderawasih sedia ada. Peruntukan yang diterima adalah untuk membeli bangunan tersebut daripada pihak FELDA, membina kemudahan infrastruktur, kompleks perumahan, pentadbiran dan *hanger* helikopter. Projek ini dikawal selia oleh ATM melalui Kementerian Pertahanan.

Mengenai *sea basing*, sukacita dimaklumkan bahawa sebuah pelantar minyak telah dilucut hak dan ditauliah serta diubahsuai sebagai pangkalan laut *sea basing* dan beroperasi di perairan Beting Bodgaya, Telukan Lahad Datu mulai 31 Julai 2015. Pangkalan laut ini dinamakan Pangkalan Laut Tun Sharifah Rodziah. Banyak orang tak tahu, Ahli-ahli Yang Berhormat tidak tahu dan ada juga kawan-kawan saya tidak tahu.

Sementara itu, sebuah kapal dagang yang diubahsuai telah dijadikan sebagai *mobile sea basing* yang dinamakan sebagai Kapal Auxillary Tun Azizan. Kapal ini dilabuhkan lima batu nautika di selatan Pulau Taganak berhampiran sempadan Malaysia dan Filipina dan telah beroperasi mulai 1 Mei 2015.

Di samping itu, dua buah kapal berukuran 27 meter telah diubahsuai sebagai *mothership* dengan peranan yang hampir sama dengan KA Tun Sharifah Rodziah dan KA Tun Azizan tetapi dengan kapasiti yang lebih kecil.

Berkaitan dengan perolehan 200 unit bot pemintas bagi tujuan pengoperasian di ESSZONE. Sukacita dimaklumkan bahawa ESSCOM telah melaksanakan perolehan secara darurat sebanyak 92 unit bot pelbagai fungsi merangkumi bot pemintas, bot laju, bot utiliti yang dijangka diselesaikan pada Februari 2016.

Selain daripada itu, ESSCOM juga telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf 94 unit bot sedia ada bagi agensi keselamatan, pertahanan dan penguatkuasaan maritim dan kerja-kerja ini telah selesai sepenuhnya. Jumlah ini akan menjadikan jumlah keseluruhan bot yang beroperasi melebihi 200 unit. Dengan itu, tahap kesiapsiagaan pasukan keselamatan di ESSZONE dapat dipertingkatkan

■2120

Bagi tujuan peningkatan keupayaan radar, ESSCOM sedang melaksanakan projek perolehan lima radar *coastal surveillance radar* yang baru yang dijangka beroperasi September 2015, ini sudah beroperasi. Perolehan ini dilaksanakan oleh 'Comtech Mumiang' Sandakan, Pulau Matakang Semporna, Kampung Meruap Lahad Datu, Kampung Lok Buani Lahad Datu dan Kampung Tungku Lahad Datu. Jadi ESSCOM, saya tidak boleh jamin keselamatan 100% Yang Berhormat Putatan. Akan tetapi kita berusaha sedaya upaya untuk meningkatkan keselamatan di kawasan ESSZONE.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, panjang lagi Yang Berhormat?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: *This is the last one*, PR1MA.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: PERMATA? Tidak ada?

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: PERMATA orang lain.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Oh, dah orang lain dah. Oh.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Saya tahu Yang Berhormat ini adalah seorang yang gembira dengan PERMATA. Saya cukup merindui untuk menjawab PERMATA tetapi apakan daya.

Yang Berhormat mencadangkan harga rumah PR1MA ditetapkan pada harga RM200 ribu ke bawah iaitu Yang Berhormat Gerik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PR1MA tidak

menyediakan rumah kos rendah kepada golongan berpendapatan rendah. Hal ini kerana program sedia ada oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri serta agensi-agensi di bawahnya menumpukan kepada pembinaan rumah kos rendah kepada golongan tersebut. Sebenarnya golongan sasaran bagi PR1MA adalah yang berpendapatan isi rumah di antara RM2,000 sehingga RM10,000 sebulan. Golongan ini kenal pasti menghadapi dilema pemilikan rumah yang serius di kawasan bandar dan juga pinggir bandar.

Yang Berhormat Putrajaya boleh *confirmkan* dengan izin perkara ini. Walau bagaimanapun, harga yang ditetapkan oleh PR1MA adalah antara RM100,000 sehingga RM400,000 bersesuaian dengan kemampuan golongan sasaran. Oleh sebab mungkin rumah di Kuala Lumpur harga lain Yang Berhormat, di Gerik harga lain. Jadi sebab itu kita letak harga dalam lingkungan RM100,000 ke RM400,000. Macam RM100,000 di Gerik, mungkin lagi tiga empat tahun, harganya mungkin jadi RM500,000. Akan tetapi RM400,000 di Wilayah akan bernilai RM1 juta lebih. Jadi kita lihat golongan yang berpendapatan rendah ini juga akan membeli harta yang bernilai juta dalam masa tiga atau empat tahun.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Lenggong atas sokongan yang diberikan terhadap PR1MA. Sebenarnya PR1MA komited dalam usaha pelaksanaan projek-projeknya. Cadangan Yang Berhormat Lenggong supaya dibuat melalui Yang Berhormat Lenggong, *no problem*, tidak ada masalah. Kita juga ingin memaklumkan bahawa untuk proses pinjaman PR1MA, kita ada panel bank. Kalau sekiranya mereka gagal untuk mendapat pinjaman bank, kita akan masuk ke Skim *Rent-to-Own (RTO)* seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi siapa yang telah mendapat rumah PR1MA, saya umumkan bahawa mereka sudah boleh bergembira kerana kalau mereka gagal mendapat pinjaman, mereka boleh menyertai *Rent-to-Own*.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini jumlah, Yang Berhormat Kuala Krai, jumlah kakitangan PR1MA adalah seramai 250 orang, bukan 16 orang Yang Berhormat. Semua kakitangan PR1MA adalah terdiri daripada pelbagai bidang kepakaran. PR1MA menjangkakan pertanyaan kakitangan sekiranya terdapat keperluan. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kepada Tuan Pengerusi dan juga kepada semua pihak yang cukup prihatin tentang perkara-perkara yang telah saya timbulkan. Semoga Allah merahmati perjuangan kita. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang giliran Yang Berhormat Menteri kawasan Batang Sadong.

9.24 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu

berkaitan agensi-agensi Jabatan Perdana Menteri di bawah seliaan saya semasa mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2015 peringkat Jawatankuasa pada hari ini. Sesungguhnya saya bagi pihak Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, cadangan dan teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Ingin saya nyatakan di sini bagi Yang Berhormat yang tidak ada di dalam Dewan, saya tidak akan menjawabnya di sini.

Saya akan mulakan dengan Yang Berhormat Kudat yang mencadangkan agar dibangunkan *master plan* dengan izin pengangkutan awam di negeri Sabah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kudat tidak ada dalam Dewan Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Oh, dia ada di luar tapi tidak apa, saya tidak jawab Yang Berhormat Kudat. Seterusnya Yang Berhormat Kluang, ada? Tadi ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kluang tidak ada dalam Dewan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Kalau tidak ada, itu sahaja sebenarnya sebab yang ada di sini Yang Berhormat Permatang Pauh pun tidak ada di sini, Yang Berhormat Kudat tidak ada, saya akan beri jawapan bertulis. Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. [Tepuk]

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Kulai, Kulai, saya ada tanya tentang cadangan EUIC untuk meminda akta. Yang Berhormat Kluang pun sudah balik. Yang Berhormat Kulai pun ada tanya tentang cadangan EUIC supaya kita boleh meminda akta-akta keterangan.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Okey, saya teruskan dengan Yang Berhormat Kluang dulu ya. Yang Berhormat Kluang membangkitkan beberapa isu pengangkutan awam. Pertama mengenai mengapa *feasibility study project high speed rail* dengan izin tidak diumumkan. Kedua, mencadangkan agar ada pelan jangka panjang berhubung jajaran kereta api. Ketiga, memberi kuasa kepada kerajaan negeri dalam perancangan dan pelaksanaan perkhidmatan pengangkutan awam.

Jadi Yang Berhormat Kluang, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan Malaysia dan Singapura masih lagi dalam fasa perundingan berhubung projek ini. Oleh yang demikian, maklumat-maklumat yang diperolehi dalam kajian *feasibility* yang dilaksanakan tidak didedahkan pada masa ini bagi melindungi kepentingan negara dalam proses rundingan berkenaan.

Yang Berhormat Kluang tidak perlu risau sekiranya projek berkenaan akan dilaksanakan tanpa konsultasi dengan orang awam. Ini kerana apabila rundingan berkenaan dimuktamadkan, akan dilaksanakan jerayawara perkhidmatan awam atau dengan izin *public inspection* bagi mendapat maklum balas awam berhubung projek berkenaan. Berhubung isu yang sama, Yang Berhormat Kluang yang turut membangkitkan isu harga tiket SHR yang dikatakan akan bernilai terlalu mahal. Saya ingin maklumkan bahawa dakwaan ini tidak benar. Harga tiket bagi SHR itu nanti dijangka akan berdaya saing atau dengan izin *competitive* dan dinamik. Sudah pasti kita

akan menetapkan harga yang munasabah dan bersesuaian dengan perkhidmatan itu kelak. Lagipun saya rasa lagi jauh masanya Yang Berhormat.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Boleh tanya apa jadual yang kerajaan sediakan. Bila akan dilaksanakan. Dari segi jadual rundingan dengan Singapura dan juga dari segi pengumuman *feasibility studies*, minta berikan jadual. Saya baca dalam surat khabar, apabila Perdana Menteri melawat Jepun, Perdana Menteri menawarkan kepada pihak Jepun untuk melabur dalam SHR dan juga ada pelbagai lobi yang meminta negeri China untuk melabur. Jadi soalan saya ialah *are we jumping the gun*, adakah kita buat keputusan sebelum kita memutuskan adakah kita perlu SHR atau tidak. Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk SHR itu diperlukan atau tidak, *feasibility study* pun sudah dijalankan, Yang Berhormat pun sudah tahu. Cuma kita tidak dapat umumkan sebab ianya belum lagi di *conclude* dengan izin, perjanjiannya itu. Jadi sama ada di Jepun ataupun di negeri China, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan mengenai perkara ini ianya tidak dikatakan *jumping the gun* dengan izin kerana saya rasa Yang Berhormat sendiri sudah lama, berkali-kali bertanya mengenai perkara yang sama. Perbincangan sedang pun berjalan di antara kita dengan pihak yang berkepentingan bersama-sama dengan pihak kerajaan.

Jadi itu bukanlah dikatakan ianya belum dimulakan cuma kita tidak dapat hendak menyatakan di sini kerana kalau saya menyatakan di sini, saya pula *jumping the gun* kerana dari segi tarikh untuk menggunakan, bukan dapat ditentukan oleh saya sendiri. Ini perlu dibincangkan bersama dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Yang Berhormat, isu saya ialah saya tidak setuju dengan pelaksanaan SHR. Pihak kami berharap ada diberikan peluang supaya menjelaskan kenapa kami rasa SHR tidak diperlukan dan lebih penting ialah untuk memperbaiki dan menambah landasan kereta api di seluruh negara, selain daripada Semenanjung juga di Sabah Sarawak.

■2130

So, saya minta bagi peluang kepada kami untuk menjelaskan kenapa kami rasa SPAD tidak diperlukan. Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: *Insyaa-Allah* Yang Berhormat, pihak yang tertentu seperti yang saya nyatakan tadi akan dibawa sama untuk *engagement*. Pelan induk ini dijadualkan untuk dibangunkan. Pelan induk bermakna peluang itu untuk membawa bersama *stakeholders* dengan izin, akan ada peluang itu. Ini kerana jadualnya untuk dibangunkan pada tahun 2016, bermakna kita masih banyak masa lagi Yang Berhormat. Saya rasa itu sahaja untuk Yang Berhormat.

Seterusnya Yang Berhormat tanya mengenai memberi kuasa kepada kerajaan negeri. Berhubung dengan cadangan untuk SPAD memberi kuasa kepada kerajaan negeri dalam perkara-perkara yang menyentuh pengangkutan awam darat, saya melihat perkara ini sebenarnya tidak perlu. Kenapa kita berkata demikian, ini kerana SPAD sentiasa bekerjasama dengan semua pihak sama ada agensi dari Kerajaan Persekutuan mahupun kerajaan negeri dalam memastikan agar mutu perkhidmatan pengangkutan awam dipertingkatkan. Malah kalau

adapun diperlukan jawatankuasa, mereka dari dalam negeri tersebut akan dibawa bersama untuk dimasukkan menjadi jawatankuasa.

Jadi sebagai contoh, kita mempunyai Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat (RIPAD) di setiap negeri bagi meneliti keperluan, menyediakan dan melaksanakan perancangan di daerah-daerah yang dikenal pasti di negeri masing-masing. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan diurusetikan oleh SPAD. Jadi, di situ Yang Berhormat tidak perlu risau kerana memang pun kerajaan negeri dibawa bersama. Ada lagi?

Tuan Liew Chin Tong [Kluang]: Saya hanya hendak kongsi pengalaman di Johor dan di Pulau Pinang bahawa saya pernah kongsi pandangan ini dengan Tan Sri Dato' Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar bahawa lebih baik ada satu model baru kerana SPAD sudah diwujudkan sejak lima tahun yang lalu. Mungkin kita boleh *review* balik apa model yang lebih sesuai untuk kita.

Selepas lima tahun SPAD diwujudkan, memang pengurusan SPAD pun setuju bahawa mereka tidak dapat kendalikan semua keperluan pengangkutan awam di peringkat negeri. So, lebih baik kalau kita boleh memikir satu model yang baru di mana negeri – Kuasa dikongsi dengan kerajaan negeri. Dengan sumbangan-sumbangan kewangan PBT di mana PBT boleh membekal ataupun menyumbang dana untuk pengangkutan awam, kita mungkin boleh mencapai *model share* atau pengangkutan awam yang lebih cekap dan baik seluruh negara. So, saya harap kementerian mungkin beri ruang untuk memikir model baru. Terima kasih.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Oleh sebab itu adalah satu cadangan, kita ambil maklum dan kita akan bawakan kepada pihak SPAD dan akan membincang lanjut.

Tadi Yang Berhormat Kulai, soalan Yang Berhormat i apa? Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Saya tanya kerana kebelakangan ini dalam laporan siasatan EAIC ataupun Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan ke atas kematian Syed Mohd Azlan. Dalam laporan ini, mereka telah mengemukakan cadangan kepada kerajaan terutamanya kepada Kementerian Dalam Negeri dan juga Jabatan Peguam Negara supaya peruntukan Kanun Keseksaan dan juga Akta Keterangan dipinda supaya kita memasukkan satu anggapan ataupun *presumption* dengan izin, supaya kita boleh meletakkan iaitu *burden of proof* ke atas pihak yang mempunyai jangkakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kulai, saya rasa ucapan ini sudah disebut dalam ucapan tadi.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Betul. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri bertanya lagi.
[Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya. Saya ingat Yang Berhormat Menteri sudah dapat tangkap. Ini poin 5 minit Yang Berhormat Kulai berucap masa di peringkat Jawatankuasa. Kalau diulang-ulang, saya ingat berlarutan sampai jauh malam kita.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Ya, betul. Saya tanyalah sama ada cadangan daripada EAIC akan diterima?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya faham. Yang Berhormat Kulai, kalau Yang Berhormat Menteri tidak ada fakta, boleh minta jawapan bertulis.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Kulai. Kalau apa yang tidak dapat dijawab, saya akan bagi bertulis. Cuma apa yang saya nyatakan di sini, yang akan datang kita akan membawa CPC punya *amendments insya-Allah*. Akan tetapi saya tidak tahu apa yang dimaksudkan itu masuk dalam cadangan pindaan itu kerana kita akan lagi meminda. Ada pindaan selanjutnya terhadap CPC. Akan tetapi yang itu kalau saya tidak silap mengenai *burden of proof* itu, mungkin ada dalam kita punya pindaan yang akan datang. Jadi mengenai *Penal Code*, saya akan melihat lagi dan juga Akta Keterangan. Itu sahaja saya boleh nyatakan di sini Yang Berhormat. Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Rantau Panjang bangun.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta satu minit sahaja Yang Berhormat Menteri. Terima kasih. Saya minta supaya kementerian mengambil sebab menyentuh isu SPAD tadi, supaya mengambil berat tentang kebajikan kereta sewa, pengangkutan di sempadan yang menghadapi cabaran bersaing dengan pengangkutan daripada negara jiran yang sangat menekan rakyat. Jadi, sejauh mana pemerhatian dan penyelesaian dibuat oleh pihak kementerian?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya ingat ini kalau diulang-ulang semula isu yang sama, saya ingat jawapan bertulis.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Saya akan beri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya percaya Yang Berhormat Menteri memberi jawapan mengikut isu-isu tertentu. Jika isu itu telah berlalu, sudah lepas, kemudian Yang Berhormat yang lain minta pencerahan terhadap isu yang berlalu, jadi kita tidak akan dapat menjimatkan masa kita dengan teratur. Sila Yang Berhormat Menteri. Ya Yang Berhormat Menteri, sila. Sudah habis?

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Ya, sudah habis. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya jemput Yang Berhormat Dato' Razali bin Ibrahim. Sila Ahli Parlimen Muar.

9.37 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: *Bismillahi rahmani rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Pengerusi, izin saya mengucapkan juga terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2016. Dalam

kesempatan ini, saya ingin menjelaskan bahawa beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang menyentuh secara langsung bidang tugas Jabatan Perdana Menteri khususnya Unit Perancangan Ekonomi, TERAJU, PEMANDU, *TalentCorp*, Jabatan Perangkaan, pembangunan koridor-koridor, FELDA, IIM, SUHAKAM dan SPRM.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Parit Sulong ingin mengetahui fungsi sebenar *Malaysian Development Institute* (MDI) dan adakah berlaku pertindihan fungsi. Untuk makluman yang Yang Berhormat, MDI diwujudkan pada tahun 2007 bertujuan untuk melaksanakan kajian-kajian berhubung pembangunan sosioekonomi negara dengan bantuan penyelidik dari pelbagai latar belakang seperti pensyarah universiti, pegawai pinjaman dari Bank Negara Malaysia dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Walau bagaimanapun pada tahun 2013, fungsi MDI telah dikaji semula dan tidak terhad untuk menjalankan tugas-tugas berbentuk penyelidikan sahaja. MDI telah memberi fokus juga kepada perkara-perkara berbentuk dasar seperti keurusetiaan untuk mesyuarat peringkat tertinggi kerajaan seperti Majlis Ekonomi, Jawatankuasa Perancang dan Pembangunan Negara serta Unit Pembangunan Bumiputera.

Melalui penyusunan semula ini, Seksyen Pengagihan yang terlibat secara langsung dalam penggubalan dasar, strategi dan program untuk isi rumah berpendapatan 40% terendah dan agenda Bumiputera serta Seksyen Pembangunan Wilayah, Seksyen Pembangunan Modal Insan dan Seksyen Kerjasama Antarabangsa telah dirangkumkan di bawah aktiviti dasar dan diketuai oleh seorang Timbalan Ketua Pengarah Dasar.

Seterusnya berkenaan isu kemiskinan. Yang Berhormat Tenom ingin mengetahui apakah program-program kemiskinan yang berjaya membantu membasmi kemiskinan. Yang Berhormat Tenom juga mencadangkan adanya mekanisme *follow up* kepada program yang telah dijalankan bagi memastikan objektif program tersebut dapat dicapai. Untuk makluman Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, pelbagai inisiatif untuk meningkatkan taraf hidup rakyat terutamanya isi rumah berpendapatan 40% terendah B40 termasuk isi rumah miskin akan dilaksanakan seperti berikut. Meningkatkan pendapatan dan kekayaan isi rumah B40 dengan:

- (i) mengurangkan kadar keciciran pelajar sekolah dalam kalangan isi rumah B40 melalui peningkatan kemudahan yang sesuai asrama, pengangkutan dan bantuan kewangan;
- (ii) memastikan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran tinggi dengan menggalakkan institusi pengajian tinggi dan latihan kemahiran menyediakan tempat pengajian berdasarkan kriteria dan kuota kemasukan khas;

■2140

- (iii) meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden melalui program *modular* yang berstruktur dan menumpukan kepada teknik moden dan amalan;

- (iv) meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi ICT melalui latihan ICT asas;
- (v) meningkatkan sokongan keusahawanan secara bersepadu dengan meningkatkan kerjasama antara Agensi Pembangunan Usahawan;
- (vi) membangunkan perusahaan berasaskan komoditi dan sosial dengan memperkenalkan pendekatan sistematik dan komprehensif;
- (vii) menggalakkan pelaburan di kawasan majoriti isi rumah B40 bagi meningkatkan peluang pekerjaan dan peniagaan yang lebih baik; dan
- (viii) memperluas program pelaburan bagi meningkatkan pemilikan kekayaan isi rumah B40.

Dalam soal menangani kos sara hidup, ia dapat dilakukan dengan meningkatkan melalui:

- (i) pemantauan dan penguatkuasaan peraturan berkaitan kawalan harga bagi mengekang kenaikan harga yang tidak munasabah terutamanya keperluan asas;
- (ii) meningkatkan penyediaan rumah mampu milik dengan menyediakan pinjaman perumahan dengan kadar faedah istimewa dan memperluaskan skim perumahan mampu milik;
- (iii) meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan dengan menggalakkan penyertaan sektor swasta dan badan bukan kerajaan;
- (iv) memperkenalkan sistem jaringan perlindungan sosial yang bersepadu dan komprehensif dengan dasar penamatan yang jelas; dan
- (v) meningkatkan program pengurusan kewangan dan hutang bagi memupuk budaya pengurusan kewangan yang berhemat.

Inisiatif ini dilaksanakan secara bersepadu dengan kementerian dan agensi kerajaan melalui program-program seperti Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat, Gerakan Desa Wawasan, Pembangunan Ekonomi Luar Bandar, Pembangunan Tanah dan Wilayah, Pembangunan Modal Insan Luar Bandar, Program Kemiskinan Bandar dan Program Perumahan Rakyat.

Yang Berhormat Kota Samarahan mencadangkan agar pihak TERAJU mempergiatkan program-program pembangunan usahawan Bumiputera terutamanya untuk golongan muda di Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat Kota Samarahan, TERAJU kini sedang dalam proses akhir merangka beberapa program untuk pembangunan usahawan dan akan meneruskan kolaborasi dengan Kerajaan Negeri Sarawak melalui Unit Pembangunan Usahawan dan Industri Halal untuk tahun 2016.

Antara program yang dicadangkan adalah:

- (i) meningkatkan program latihan kepada usahawan di Sarawak melalui kolaborasi dengan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan pihak UPUIH;
- (ii) mengadakan Pembiayaan Dana Pembangunan Usahawan Mikro dan Program Inkubator Bumiputera; dan

- (iii) membangunkan pusat sehenti bagi membantu peniaga Bumiputera menghasilkan produk yang bersifat global.

Manakala Yang Berhormat Gerik, memohon EPU untuk mempertimbangkan projek pembinaan jalan di antara Kampung Tasik ke Kupang. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan semakan projek jalan di antara Kampung Tasik ke Kupang, Gerik belum di mohon untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Namun begitu pihak EPU akan menimbangkan permohonan Yang Berhormat mengikut keutamaan dan mencadangkan agar Yang Berhormat juga dapat menulis kepada pihak EPU bagi memastikan projek jalan di antara Kampung Tasik ke Kupang, Gerik ini dapat dipertimbangkan di dalam *Second Rural Plan*.

Yang Berhormat Dungun meminta penjelasan mengenai jenis pembangunan bagi perkampungan nelayan yang akan di buat dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dan perkampungan nelayan yang telah dan akan dimajukan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas projek pembangunan semula perkampungan nelayan di Pulau Pangkor dan Lumut, Perak dengan peruntukan bagi tahun 2016 sebanyak RM16.33 juta yang melibatkan pembinaan baharu baik pulih dan ubah suai rumah serta infrastruktur lengkap termasuk jalan raya, rumah, kedai dan surau. Projek ini telah dimulakan pada tahun 2015 dan dijangka siap pada tahun 2018.

Tuan Pengerusi, saya dapat menyatakan perkara yang ada di bawah EPU dan saya yakin ada lagi pembangunan-pembangunan perkampungan nelayan yang diletakan di bawah agensi-agensi atau kementerian berkaitan tetapi tidak ada dalam nota EPU. Mengenai isu PEMANDU, Yang Berhormat Permatang Pauh menyatakan bajet yang diluluskan untuk PEMANDU pada tahun 2016 adalah jauh berbeza dengan jumlah sebanyak RM29 juta berbanding RM142 juta pada tahun 2015. Apakah sebab utama penurunan bajet ini? Dan sekiranya perlu untuk tutup terus unit ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bajet yang diluluskan pada 2015 sebanyak RM142 juta adalah merangkumi RM100 juta bajet NKRA isi rumah berpendapatan rendah, di mana PEMANDU telah diberi mandat untuk mentadbir urus perbelanjaan yang diperuntukkan untuk program-program 1Azam. Manakala baki bajet RM42 juta diperuntukkan untuk belanja mengurus bagi tahun 2015 yang merangkumi emolumen perkhidmatan dan bekalan serta aset. Justeru, pengurangan ketara bajet PEMANDU pada tahun 2016 adalah kerana Program 1Azam akan diselia oleh kementerian yang berkaitan.

Sementara itu Yang Berhormat Seputeh, ingin mengetahui status Yang Berbahagia Dato' Sri Idris Jala selepas tempoh sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri tamat. Yang Berhormat juga ingin mengetahui peranan dan fungsi PEMANDU selepas tamatnya tempoh perkhidmatan Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jala sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan yakni PEMANDU merupakan salah satu unit di bawah Jabatan Perdana Menteri yang diwujudkan sejak 16 September. Peranan PEMANDU telah diwartakan di bawah peranan kementerian-kementerian dan agensi-agensi dengan objektif

menyelaras dan memantau pelaksanaan program transformasi kerajaan dan program transformasi ekonomi.

Secara keseluruhannya memantau dan menyelia Indeks Prestasi Utama (KPI), Yang Berhormat Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Ketua-ketua Setiausaha Kementerian. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum pelantikan Yang Berbahagia Dato' Sri Idris Jala sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri selama dua penggal berturut-turut telah tamat pada 31 Ogos 2015 yang lalu. Justeru itu, beliau kini telah dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai penasihat kepada Program Transformasi Negara bertaraf Menteri dengan kontrak selama tiga tahun yang disediakan oleh pihak kerajaan berkuat kuasa 1 September 2015 dengan pelantikan sebagai Penasihat Program Transformasi Negara beliau terus kekal sebagai Ketua Pegawai Eksekutif PEMANDU selama kontrak tersebut.

Soalan berkaitan TalentCorp. Di bawah isu yang melibatkan TalentCorp Yang Berhormat Parit Sulong mencadangkan TalentCorp mengambil langkah-langkah untuk membantu golongan wanita profesional kembali bekerja. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tujuan membantu golongan wanita profesional kembali dalam pasaran pekerjaan, TalentCorp giat menggalakkan majikan untuk menerima pakai *Flexible Working Arrangement* (FWA) ke arah meningkatkan integrasi kerja kehidupan seimbang serta menyediakan persekitaran kerja yang mesra keluarga atau dengan izin *family friendly*.

Selaras dengan itu portal *flexWorkLife.my* telah dilancarkan pada 8 Julai 2013 yang berperanan sebagai jaringan bagi membantu majikan dalam mengoptimumkan bakat wanita melalui integrasi kerja dan kehidupan melalui tiga pendekatan seperti berikut:

- (i) memaparkan pekerjaan berdasarkan FWA;
- (ii) amalan terbaik FWA dan kemudahan yang mesra keluarga bagi rujukan dan kegunaan syarikat; dan
- (iii) menyediakan insentif cukai bagi majikan menyokong pelaksanaan FWA yang dimaksudkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sikit sahaja saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri ataupun mungkin cadangan. Mengenai *flexi hours* ini, itu Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa itu adalah galakan. Apabila galakan bersama insentif ini mungkin kurang menarik sebab itulah tidak ramai wanita yang berminat untuk menyertai program ini. Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk berbincang dengan Kementerian Sumber Manusia agar *flexi hours* ini dijadikan sebagai dimasukkan dalam Akta Pekerjaan itu sendiri sebagai salah satu daripada *option* di mana satu galakan yang lebih lagilah dalam Akta Pekerjaan itu sendiri. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya rasa cadangan yang segar dengan menarik sebab Akta Pekerjaan ini ada menetapkan beberapa perkara yang mesti dipatuhi, tempoh jangka masa yang ditentukan dan sebagainya. Saya rasa itu satu cadangan yang baik yang mungkin boleh

dipertimbangkan terus oleh kementerian yang berkaitan Kementerian Sumber Manusia. Akan tetapi, untuk makluman Yang Berhormat sehingga hari ini ada 80 syarikat atau majikan yang telah menawarkan dan kita telah dapat hampir 684 yang memohon kepada majikan-majikan.

Buat masa ini saya setuju yang menjadi daya penarik adalah mengenai insentif cukai yang diberi dan mungkin kalau kita melihat kepada suasana kehidupan hari ini, pekerjaan secara konvensional tidak semestinya diperlukan sepanjang masa. Ada banyak perkara hari ini pendapatan dapat dipertingkatkan dengan kerja secara fleksi seperti ini. Jadi, saya akan kemukakan sama ada boleh atau tidak itu kita serahkan kepada kementerian yang berkaitan. Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong.

■2150

Saya teruskan Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Mengenai pembangunan koridor, Yang Berhormat Gerik ingin mengetahui agihan RM2.4 bilion peruntukan untuk agihan-agihan koridor dan berapakah peruntukan yang diterima oleh Koridor Utara? Apakah program projek di bawah Koridor Utara terutamanya di kawasan Gerik? Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan pada tahun 2016 untuk kelima-lima, pihak berkuasa koridor adalah berjumlah RM2.56 bilion di mana RM1.74 bilion adalah untuk projek-projek sambungan dan RM818 juta untuk projek-projek baru. Agihan peruntukan 2016 bagi pihak berkuasa koridor adalah seperti berikut:

- (i) Iskandar Malaysia – RM12.35 juta untuk projek sambungan dan RM18.0 juta untuk projek baru;
- (ii) Koridor Utara – RM30.3 juta untuk projek sambungan dan RM396.7 juta untuk projek baru;
- (iii) Koridor Timur – RM1,002 juta untuk projek sambungan dan RM159.34 juta untuk projek baru;
- (iv) Koridor Sabah – RM229.5 juta untuk projek sambungan dan RM32.3 juta untuk projek baru; dan
- (v) Koridor Sarawak – RM363.6 juta untuk projek sambungan dan RM211.89 juta untuk projek baru.

Peruntukan yang diterima oleh Koridor Utara yang juga meliputi kawasan Gerik bagi tahun 2016 adalah sebanyak RM427 juta. Antara projek yang sedang dilaksanakan di Gerik ialah menaiktarafkan jeti di kawasan Hutan Royal Belum dengan kos sebanyak RM21.3 juta dan dijangka siap pada bulan Mei 2016. Apabila siap kelak, jeti tersebut dijangka akan dapat menarik pelancong ke Hutan Royal Belum dan ini dijangka akan dapat menyemarakkan sektor ekopelancongan dan seterusnya menyediakan peluang pekerjaan dan khidmat sokongan kepada masyarakat setempat.

Yang Berhormat Bagan Serai bertanyakan tentang keberkesanan projek NCIA dapat meningkatkan pembangunan dan sosioekonomi di Koridor Utara, adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk meningkatkan taraf ekonomi di Kampung Gula. Untuk makluman Yang Berhormat, perancangan pembangunan di Kampung Gula, pihak NCIA sedang dalam

perancangan untuk melaksanakan satu bengkel bagi mengenal pasti inisiatif-inisiatif yang boleh dilaksanakan di Kampung Gula terutamanya dalam sektor pelancongan. Perbincangan bersama Pejabat Daerah Kerian sedang giat dijalankan dan saya memohon untuk Yang Berhormat bersama-sama memberikan apa juga bentuk pandangan yang sesuai dengan kawasan di Kuala Gula.

Yang Berhormat Jerlun bertanyakan apakah peranan dan fokus NCIA sama ada tertumpu kepada pembangunan industri atau pertanian. Untuk makluman Yang Berhormat, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) mengguna pakai beberapa pendekatan atau mekanisme dalam melaksanakan program atau projek di Koridor Utara seperti berikut; Koridor Utara merupakan kawasan *Brownfield* yang dibangunkan atas kekuatan sektor-sektor terasnya seperti yang dinyatakan di dalam rangka tindakan sosioekonomi wilayah ekonomi Koridor Utara. Sektor-sektor teras yang saya maksudkan ialah pertanian, pembuatan, pelancongan dan logistik serta disokong oleh ekosistem dan program-program pendidikan dan modal insan yang bertepatan.

Yang Berhormat Tenom bertanyakan soal prestasi Koridor Pembangunan Sabah serta mengenai Keningau Integrated Livestock Centre (KILC). Terdapat 14 buah projek Koridor Pembangunan Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh yang mana tujuh buah telah disiapkan dan tujuh buah projek lagi masih dalam pelaksanaan dan akan disambung dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Bagi projek KILC, ia merupakan projek jangka masa panjang yang dibahagikan kepada pembangunan tiga aras, 3 *tier* iaitu nukleus, berganda dan komersial.

Buat masa ini projek ini hanya berada di peringkat nukleus fasa pertama di mana kapasiti 500 ekor lembu tenusu telah dibiayai sepenuhnya pihak Kerajaan Persekutuan dan telah siap dan beroperasi. Projek nukleus fasa kedua adalah mengenai penglibatan daripada pihak swasta yang akan bermula pada tahun hadapan dan *insya-Allah* akan menjana peluang pekerjaan yang terlibat termasuk di kawasan Parlimen Tenom.

Yang Berhormat Permatang Pauh, tidak ada hendak kena jawab kah Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terpulang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Razali bin Ibrahim: *You* tahu soalan dia kah? *You* tidak tahu kan. Tidak ada apa sangat.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya jawab bertulis pun boleh.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya bagi bertulis dengan dialah. Yang Berhormat Ampang?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dia tidak ada.

Dato' Razali bin Ibrahim: Tidak ada juga ya? Yang Berhormat Sik? Yang Berhormat Sik ada. Macam ini sahaja, dia bertanggungjawab bertanya, dia tunggu. Ini bukan bertanya minggu lepas, tanya siang tadi sahaja. Sudah tahu memang Jabatan Perdana Menteri akan menjawab malam ini.

Seterusnya saya menyambung sesi penggulangan yang menyentuh isu berkaitan FELDA. Yang Berhormat Sik membangkitkan tentang peruntukan yang diterima oleh FELDA sebanyak RM200 juta bagi projek jalan dan RM100 juta bagi projek bekalan air. Yang Berhormat Sik mohon agar FELDA mempertimbangkan peruntukan untuk membina jalan pintas ke FELDA Teloi Timur sepanjang lima kilometer dan menaiktarafkan bekalan air di FELDA Teloi Timur yang sering mengalami gangguan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop kerja yang terlibat bagi projek jalan FELDA adalah untuk menurap semula keseluruhan jalan lama yang sedia ada dan dalam Rancangan FELDA yang telah mengalami kerosakan teruk akibat penggunaan kenderaan berat dan kerosakan akibat cuaca. Manakala projek bekalan air melibatkan 11 buah wilayah FELDA dengan kerjasama pihak berkuasa air negeri yang akan mencadangkan kapasiti loji berdasarkan permintaan air di kawasan rancangan FELDA, kapasiti tangki, saiz paip, anggaran kos serta kawasan yang terlibat. Projek ini akan melalui makmal pengurusan nilai bagi menentukan kawasan dan skop kerja tersebut.

Oleh yang demikian, FELDA ingin mengucapkan terima kasih atas keprihatinan dan makluman Ahli Yang Berhormat Sik untuk bersama-sama dengan kerajaan bagi meningkatkan kesejahteraan warga peneroka. Untuk makluman Yang Berhormat Sik, FELDA akan mengambil maklum dan akan mengambil berat permohonan daripada pihak Yang Berhormat untuk menaiktarafkan sistem bekalan air di kawasan FELDA yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat Sekijang turut membangkitkan tentang jalan di kawasan Parlimen Sekijang yang mengalami kerosakan dan memerlukan penambahbaikan serta memohon agar pihak FELDA menimbang peruntukan tersebut untuk menaiktarafkan jalan FELDA Pemanis, FELDA Redong dan FELDA Medoi. Untuk makluman Yang Berhormat, FELDA kini sedang melaksanakan kerja menaiktarafkan sebahagian jalan di FELDA Redong dan FELDA Medoi diperuntukkan Kerajaan Persekutuan untuk tahun 2015. Manakala permohonan bagi menaiktarafkan di FELDA Pemanis akan dipertimbangkan untuk disenaraikan dan dilaksanakan dalam tahun 2016.

Yang Berhormat Jerlun. Oh Yang Berhormat Jerlun pun ada, bagus. Menyatakan agar Seranta (FELDA), Jabatan Perdana Menteri membuat kajian keperluan keselamatan di kawasan rancangan FELDA memandangkan pelbagai masalah sosial yang berlaku melibatkan generasi baru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA mengambil berat soal keselamatan dan kesejahteraan warga yang tinggal di tanah rancangan FELDA. FELDA sentiasa bekerjasama dengan agensi kerajaan di bawah Kementerian Dalam Negeri iaitu Polis Diraja Malaysia.

Antara bentuk kerjasama antara FELDA dan Polis Diraja Malaysia adalah dengan menyediakan tapak balai atau pondok polis untuk beroperasi di dalam tanah rancangan serta mesyuarat dan program-program keselamatan. Sebagai tambahan, komuniti FELDA juga mewujudkan pusat operasi RELA dan Skim Rondaan Sukarela bagi meningkatkan keselamatan. Seranta (FELDA) pula sentiasa melaksanakan program-program bagi meningkatkan

pembangunan sahsiah generasi baru FELDA bagi mengatasi masalah sosial di kalangan generasi baru. Program-program ini melibatkan badan-badan NGO dan badan-badan lain di dalam FELDA termasuk JKKKP, JPW dan MBFM. Oleh itu FELDA juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Jerlun kerana menitik beratkan soal keselamatan dan kesejahteraan di kawasan rancangan FELDA.

Seterusnya Yang Berhormat Permatang Pauh pun tidak ada. Saya bagi dia walaupun saya hendak beritahu apa yang dia tanya itu tidak ada kena mengena dengan bajet sebab FGV tidak ada dalam peruntukan ini tetapi saya akan bagi kepada dia. Dia sepatutnya membangkitkannya di peringkat dasar. Akan tetapi kalau dia ada, saya jawab.

Persoalan Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Seputeh ada? Ada.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Dia tidak ada.

Dato' Razali bin Ibrahim: Isu berkaitan pemotongan bajet tahunan SUHAKAM. Sebenarnya Yang Berhormat Seputeh dan beberapa Ahli Yang Berhormat, saya jawab sekali tentang SUHAKAM ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan akan memastikan keperluan peruntukan agensi bagi tahun 2016 seperti SUHAKAM dapat menjalankan fungsi dan mandatnya termasuk dalam soal mendidik dan mempromosikan hak asasi manusia di Malaysia serta kegiatannya di peringkat antarabangsa.

■2200

Sebagai contoh, pada tahun 2015, SUHAKAM telah berjaya melaksanakan sebanyak 200 program aktiviti sehingga bulan Oktober tahun ini yang melibatkan kajian tematik aktiviti pendidikan dan peningkatan kesedaran advokasi mengenai penyertaan negara kepada baki *treaty* teras hak asasi manusia dan protokol pilihan serta siasatan pendakwaan mengenai pelanggaran hak asasi manusia. Ia dilaksanakan dengan baik walaupun penjimatan telah dibuat pada ketika itu pada SUHAKAM.

Sepanjang 15 tahun penubuhan SUHAKAM, beberapa cadangan dan syor yang dibuat oleh SUHAKAM telah diterima oleh kerajaan. Justeru tidak benar mengatakan bahawa kerajaan tidak pernah menimbangkan cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh pihak SUHAKAM. Antara contoh adalah:

- (i) Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia (NHRAP);
- (ii) *National Inquiry Cabinet Committee on Indigenous Land Rights*;
- (iii) aktiviti kurikulum berkenaan hak asasi manusia di sekolah;
- (iv) *free primary education*; dan
- (v) Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia dan Perniagaan Nasional.

Adalah menjadi hasrat dan harapan kerajaan, SUHAKAM dapat meneruskan mandat dan fungsi yang ditetapkan pada masa akan datang. Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin menyentuh hal-hal yang berkaitan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan. Yang Berhormat Menteri, kalau tidak cukup duit, bagaimana hendak terus dilaksanakan kalau pada tahun ini dengan RM10.9

juta boleh adakan 200 program bagi SUHAKAM. Jadi bagi tahun depan, SUHAKAM dengan RM5.5 juta memang tidak cukup. Kalau RM5 juta ia adalah sebenarnya peruntukan bagi satu agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor tapi ini untuk SUHAKAM seluruh negara.

Jadi ini menunjukkan bahawa Kerajaan Pusat ini memang tidak serius terhadap isu-isu berkenaan hak asasi manusia. Saya juga ada bertanya berkenaan dengan Institut Integriti Malaysia yang mana bajetnya juga dipotong daripada RM11.7 juta hingga RM6 juta. Jadi adakah kita mahu jadikan Malaysia ini sebagai satu negara yang tidak hormat hak asasi manusia, yang tidak menjunjung nilai integriti ini? Saya nak tahu, adakah kerajaan akan menimbang semula selepas beberapa Ahli Yang Berhormat bangkitkan isu ini supaya kita berharap yang nilai-nilai yang murni ini boleh terus diadakan. Program seperti ini haruslah digalakkan, diadakan dengan lebih banyak lagi.

Dato' Razali bin Ibrahim: Lepas SUHAKAM, saya hendak bercakap tentang Institut Integriti Malaysia tetapi sebab Yang Berhormat telah tanya, saya sekalikan lah ya. Memang kedua-dua itu nampak penurunan tetapi untuk mengatakan mereka tidak dapat menjalankan aktiviti, saya rasa tidak berapa tepat. Malahan selepas ini kalau saya bacakan mengenai SPRM pun sama sebab semua kementerian, saya rasa kebanyakan, tidak semua mengalami pemotongan atau pun pengurangan. Akan tetapi, saya beritahu tadi, walaupun ada pengurangan, kita tidak akan berkompromi sehingga menjejaskan operasi mereka. Sebagai contoh kalau kita ambil di peringkat SPRM nanti bila saya sampai di situ, memang ada pemotongan di peringkat perbekalan, aset bangunan tetapi ada penambahan di tempat-tempat yang baru kita mulakan. Jadi ada pemotongan itu sebenarnya pertama, tentang emolumen kita akan pastikan tidak mengalami pengurangan yang sangat besar. Saya boleh beri jaminan tidak akan ada orang yang kena berhenti. Maknanya kita kekalkan jumlah sama ada yang melihat tentang operasi, siapa yang melihat tentang aktiviti, pendidikan, orang ini kekal.

Mungkin Yang Berhormat nyatakan bila kurang, aktiviti kita jadi kurang. Inilah yang kita panggil yang selama ini untuk mencari jalan bagaimana kaedah yang patut Yang Berhormat sebut, sebenarnya selain daripada mendakwa terus tidak boleh buat, baca dahulu di bawah SUHAKAM, dia sebenarnya mempunyai hasil. Cuma kita seboleh-bolehnya hendak elakkan dia daripada guna hasil yang disimpan dalam *fix deposit* umpamanya.

Oleh sebab itu kalau terpaksa, berkemungkinan perkara ini terpaksa kita lakukan. Akan tetapi kalau tidak pun, kita pernah dengar *supplementary budget*, mana tahu nanti ada duit. Akan tetapi jawapan yang saya hendak bagi hari ini, kita tidak akan kompromi dalam soal-soal berkaitan yang boleh menjejaskan prestasi atau kerja SUHAKAM, Institut Integriti Malaysia (IIM) dan SPRM.

Ini yang saya hendak beri jaminan di Dewan. Walaupun ada pemotongan, ini baru hendak belanja tahun hadapan. Kita tidak akan kompromi dalam soal-soal yang boleh menyebabkan operasi mereka terjejas dan dakwaan mengatakan kerajaan tidak mengambil serius soal Institut Integriti Malaysia, soal SUHAKAM, soal SPRM adalah tidak benar. Hanya melihat kepada pemotongan bajet yang disediakan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Bagaimana hendak berfungsi dengan bajet yang begitu kurang? Tidak mungkin, kita tahu. [*Dewan riuh*] So, adakah mungkin Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Ketereh dari agensi-agensi mereka akan bagi dana untuk menyokong usaha SUHAKAM dan Institut Integriti Malaysia? Kalau mereka janji untuk salurkan peruntukan, kita boleh terimalah. Kalau tidak sebagai agensi yang bajetnya *slash half*, 50%. Ya, dia mahu bantu.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Seputeh menyokong pun tidak, nak berbahas banyak-banyak buat apa? Dengarlah sahaja Menteri buat penjelasan. [*Dewan riuh*]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *We cannot accept.* Tidak boleh terima. [*Dewan riuh*]

Dato' Razali bin Ibrahim: Yang Berhormat Seputeh, lain kali bila saya jawab jangan berbual dengan Yang Berhormat Ampang. Saya sebut tadi, yang kita bagi ini geran kerajaan, nanti kalau ada buku yang diedarkan atas tentang penyata ini, SUHAKAM ini ada hasil dan dia menggunakan, tidak perlulah saya jelaskan panjang-panjang kan? Akan tetapi kita tidak akan menjejaskan operasi dan kita seboleh-bolehnya hendak elakkan dia menggunakan duit hasil itu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya mengenai SUHAKAM.

Dato' Razali bin Ibrahim: Okey.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa mungkin Yang Berhormat Menteri ada membaca bahawa apa yang dikatakan oleh *Commissioner* SUHAKAM bahawa dia kata, saya bacakan ya. Dia kata, "*The human rights will not be able to operate if the government go through with it, plan to slash the Commissioner budget by close to half.*" Dia punya *reason*, "*The budget only covers SUHAKAM fixed expenses until November next year.*" So, maknanya ini adalah pernyataan daripada Suruhanjaya sendiri yang mengakui kalau 50% ini dia tidak boleh beroperasi. Jadi sekarang Menteri mengatakan masih boleh lagi. Itu satu *concern* yang pertama.

Keduanya saya juga hairan Menteri kata SUHAKAM ada hasil. Ada *revenue*. Bermakna seolah-olah SUHAKAM ini ada juga dilibatkan dalam program-program untuk dapatkan *revenue*? Sedangkan tugas mereka bagi saya adalah bagaimana untuk nak mempromosikan *human rights* untuk hendak *create awareness*, untuk nak menjadi suara kepada mereka yang menjadi mangsa *abuse of human rights*. Itu yang kedua.

Ketiganya, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah kita boleh tidak tahu perbelanjaan yang diperlukan oleh SUHAKAM? Sedangkan SUHAKAM sudah wujud berapa tahun. Sudah tentu kita tahu apakah perbelanjaan-perbelanjaan yang mereka perlukan. Patutnya ada satu *fixed grant*. Sekarang ini maknanya orang akan melihat persepsinya seolah-olah dipotong ini kerana ada banyak *finding* yang dibuat oleh SUHAKAM, *inquiries* terbuka yang agak kritikal kepada kerajaan. Jadi ini yang kita tidak boleh lari daripada persepsi itu.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kita jangan jadikan satu trend, maknanya, *"Oh! Tidak mengapa, kita boleh buat supplementary budget."* *Supplementary budget* maknanya kita belanja dahulu, selepas itu kita minta *endorsement* daripada Dewan ini. Itu tidak sepatutnya menjadi trend sebagai kerajaan yang bertanggungjawab. Belanja dahulu kemudian minta *endorse*. Sedangkan kita hendak tahu, sepatutnya kerajaan perlu tahu berapa sebenarnya jumlah SUHAKAM perlukan sebab ini telah pun diwujudkan selama beberapa tahun. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Oleh sebab tahulah kita luluskan banyak itu. Kita tahu itu. *[Dewan riuh]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kalau *you* tahu, kenapa Suruhanjaya... *[Dewan riuh]* *No, wait, wait.* Kalau kata tahu kenapa Suruhanjaya SUHAKAM boleh mengatakan...

Dato' Razali bin Ibrahim: Kejap, tidak payahlah bangun, saya tak jawab lagi. Takkan suruh saya duduk pula?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap boleh?

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya baru hendak bagi tapi dia suruh saya duduk, saya tidak mahu bagilah. Tuan Pengerusi, saya tidak mahu bagi dia cakap.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, *clarification*.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya baru cakap satu ayat sedikit sahaja, awak telah panjangkan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak, *because you replied to* soalnya menafikan jawapan daripada Suruhanjaya SUHAKAM. Dia mengatakan *"With this 50%, we cannot operate."* Tiba-tiba *you* kata sebab kita tahulah kita bagi sedikit. *So, nampak contradict* dengan Suruhanjaya SUHAKAM.

Dato' Razali bin Ibrahim: Bagilah saya habis cakap. Oleh sebab itu saya kata, sebab tahulah, tentang November juga saya tahu. Kita tahu. Akan tetapi Yang Berhormat tanya tadi saya tak jawab habis, itulah, cepat sangat marah. Ini pukul 10. Jangan fikir marah sendiri. Orang lain pun ada marah juga. Lama tunggu. Bila saya kata ada hasil, saya bukan kata dia berniaga. Dia ada *fixed deposit*. Ada hasil. Yang Berhormat Seputeh gelak ini, berapa jumlah dia dapat?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tak tahu. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Razali bin Ibrahim: Ha! Tak tahu jangan gelak. *[Dewan riuh]*

■2210

Bila kita tidak tahu Yang Berhormat, kita gelakkan dekat orang. Cerita P. Ramlee, dia gelakkan orang punya seronok. Sekali rupanya dia pun sama tak tahu. Orang gelakkan dia lagi kuat. Jadi, Yang Berhormat jangan buat kelakuan macam itu. Saya hendak beritahu, Yang Berhormat sebut tentang sehingga November, itu pun kita ada unjuran. Semua kementerian buat unjuran dan kerajaan akan menimbangkan mengikut berapa yang dirasakan perlu. Sebab itu, untuk jaminan saya beri awal sekali, kita tidak akan berkompromi dalam soal-soal dalam

menegakkan integriti pada IIM, SUHAKAM dan SPRM. Maknanya, kita kerajaan dan kita akan kendalikan. Susah senang Yang Berhormat dahulu pun marah kita, tuduh kita. *Alhamdulillah* sehingga hari ini kita masih boleh mentadbir agensi dan kerajaan dengan baik. [Tepuk]

Kerisauan kita ambil, kita ambil. Bukan Yang Berhormat sahaja yang bangkitkan. Waktu kita berbincang dengan pegawai ketika mereka mengemukakan unjuran beberapa bulan dahulu pun perkara ini telah dibincangkan. Akan tetapi yang kedua saya hendak kata, ia tidak ada kena mengena dengan perkara seolah-olah SUHAKAM dianiaya. Sebab itu saya sebut, ada banyak perkara yang telah pun diterima oleh kerajaan. Saya baca awal, hendak beritahu. Cuma yang tak diterima yang di*highlight* ataupun yang diuar-uarkan kepada orang ramai seolah-olah kita menghukum SUHAKAM.

Jawapan saya, kita tidak menghukum SUHAKAM dengan pemotongan yang saya nyatakan tadi. Yang Berhormat Ampang sudah masuk. Saya hendak jawab Yang Berhormat Ampang, menyatakan tentang data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang saya tidak pasti dia gunakan perkataan tak *up-to-date* lah ya, terlambat, DOS. Maafkan saya, saya guna *not up-to-date* ya.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Lapuk.

Dato' Razali bin Ibrahim: Okey, lapuk. *Actually* lapuk lagi teruk daripada *not up-to-date* ya.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: *Almost there* lah.

Dato' Razali bin Ibrahim: Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOS) merupakan agensi rasmi yang mengeluarkan statistik negara. Antara fungsi DOS adalah untuk mengumpul dan mentafsir perangkaan bagi tujuan pembentukan atau pelaksanaan dasar kerajaan dalam apa juga bidang diperlukan oleh kerajaan atau bagi memenuhi keperluan perdagangan, perniagaan, perindustrian, pertanian. Dua, menyebarkan perangkaan yang telah dikumpulkan atau tafsiran yang dibuat atas perangkaan yang dikumpulkan, itu bukan sahaja kepada agensi kerajaan tetapi juga kepada pihak berkuasa atau orang-orang yang mana maklumat itu berguna untuk mereka dan memelihara integriti data dan menjamin kerahsiaan maklumat individu atau pertubuhan yang dibekalkan oleh responden. Setiap data yang dikumpulkan adalah semata-mata untuk kegunaan penyusunan statistik. Ini latar belakang.

Bagi menghasilkan data yang berkualiti dan berintegriti, DOS memastikan prosedur penyusunan statistik yang diamalkan mematuhi *United Nations Fundamental Principles of Official Statistics* dan piawai antarabangsa lain yang menekankan kepentingan kerahsiaan data individu dan *impartiality* dalam pengeluaran statistik rasmi negara. Penyebaran statistik rasmi utama hendaklah juga memenuhi keperluan *Special Data Dissemination Standard* (SDDS) yang dikeluarkan oleh *International Monetary Fund* (IMF).

Malahan sukacita saya maklumkan, DOS telah mendapat pengiktirafan, *acknowledgement* daripada kedua-dua badan dunia tersebut, terutamanya dari segi pematuhan

ketepatan masa dan dari segi ketelusan. So, kalau hendak kata *not up-to-date* ataupun lapuk, saya tak tahu lah hendak dengar cakap Yang Berhormat Ampang ataupun SDDS dengan IMF.

Mengenai dakwaan mengatakan bahawa DOS *not up-to-date* atau lapuk, pihak DOS telah berjaya mengeluarkan data jangka pendek yang menjadi *indicator* utama ekonomi Malaysia lebih awal berbanding tempoh yang ditetapkan mengikut SDDS iaitu 12 minggu selepas tempoh rujukan seperti berikut:

- (i) Data KDNK suku tahun, enam minggu hingga tujuh minggu;
- (ii) Data bulanan perdagangan luar negeri, lima hingga enam minggu lebih awal;
- (iii) Data bulanan Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI), enam minggu;
- (iv) Indeks harga pengguna (CPI) dikeluarkan dalam tempoh dua minggu hingga empat minggu selepas bulan rujukan; dan
- (v) Indeks harga pengeluar (PPI) pada hari terakhir bekerja bulan berikutnya.

Untuk makluman Yang Berhormat, berkenaan data tahunan, DOS melaksanakan banci setiap lima tahun bagi banci ekonomi dan PKS serta banci perdagangan edaran (CDT). Manakala banci penduduk pula dijalankan setiap 10 tahun seperti amalan antarabangsa. Mengikut amalan agensi statistik antarabangsa, data-data banci ini dikeluarkan dalam tempoh lapan bulan selepas tahun rujukan. Contoh, CDT yang dijalankan pada tahun 2014 bagi tahun rujukan 2013 telah berjaya dikeluarkan dalam tempoh 12 bulan. Yang mana ia enam bulan lebih awal dari piawaian yang ditetapkan. Itu jawapan dia Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, yang terakhir.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ampang bangun.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Cuma hendak tanya sedikit Yang Berhormat Menteri, berapakah kekerapan yang dilaksanakan *survey* ini. Memang tadi Yang Berhormat Menteri sebut dalam 12 minggu dapat, tepat masa. Akan tetapi kekerapan kita melaksanakan kajian dan *survey*, adakah ia menepati piawaian-piawaian yang disebut tadi?

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya cuba mudahkan. Jawapan itu sudah ada tadi tetapi ini orang tulis, jadi ia- Pertama, ia ada jangka pendek, jangka panjang dan ada yang bulan, minggu ada tahun. Yang buat sepuluh tahun sekali ini banci penduduk. Kita buat kali terakhir 2010-2011. Maknanya, lagi sekali kita kena buat sepuluh tahun selepas itu. Banci ekonomi, mungkin, bukan mungkin, standardnya bila sepuluh tahun sebab penduduk itu daripada segi usia perubahan boleh sehingga sepuluh tahun. Dari segi ekonomi ia akan lima tahun sekali. Perusahaan kecil sederhana lima tahun sekali. Jadi, ini antara perkara yang kadarnya lima tahun.

Ada juga contoh-contoh *survey* yang dibuat secara tahunan. Jadi, ia memang berbeza-beza. Akan tetapi tidak boleh kita kata kenapa masih guna data ekonomi yang lima tahun dahulu. Sebab ini standard yang digunakan di peringkat antarabangsa sebagai data rasmi. Namun begitu, selain daripada DOS, ada banyak kajian-kajian yang dibuat oleh pelbagai institusi,

universiti yang diguna pakai oleh ramai orang. Akan tetapi data ini dari segi pematuhan kepada piawaian antarabangsa tidak sama seperti yang digunakan oleh DOS.

Sebab itu di awal tadi saya baca tiga perkara yang penting yang perlu dijaga oleh Jabatan Perangkaan Negara, ya Yang Berhormat. Yang terakhir Tuan Pengerusi, sebab selalunya saya yang terakhir di Jabatan Perdana Menteri tetapi selepas saya ini ada satu lagi Timbalan Menteri yang berkaitan. Yang Berhormat tak sebut pasal JAKIM, jadi Yang Berhormat tak tahu. Ada orang lain sebut pasal JAKIM, JAKIM belum jawab. Jadi, selepas saya ini ada lagi. Hendak beritahu, belum hendak berhenti lagi ya. Kita sambung. Jadi, saya hendak bangkitkan yang terakhir Tuan Pengerusi, isu yang dibangkitkan tentang SPRM. Isu penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan SPRM oleh Yang Berhormat Kepong.

Yang Berhormat Sepang mohon penjelasan berkaitan kenyataan yang dikeluarkan oleh SPRM berkaitan RM2.6 bilion adalah derma sedangkan siasatan belum selesai ke atas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri belum dipanggil. Itu yang dinyatakan tadi. Tuan Pengerusi, SPRM telah mengeluarkan kenyataan media pada 3 Ogos 2015 dan 5 Ogos 2015 berdasarkan penemuan awal dalam siasatan bahawa RM2.6 bilion yang dimasukkan ke dalam akaun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah derma yang disumbangkan oleh pihak tertentu berdasarkan dokumen-dokumen yang diambil dari pihak bank.

Namun begitu, siasatan lanjut sedang dijalankan bagi menentukan sekiranya terdapat sebarang kesalahan di bawah Akta SPRM 2009. Bagi melengkapkan siasatan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai penerima sudah tentu akan dipanggil untuk memberikan keterangan. Malahan beliau sendiri telah mengeluarkan kenyataan untuk bekerjasama dalam siasatan ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sudah habis belum?

Dato' Razali bin Ibrahim: Ada lagi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey, tak apa.

Dato' Razali bin Ibrahim: Sabar. Memandangkan kes ini melibatkan transaksi dan saksi-saksi luar negara, sudah tentu ia akan mengambil masa. Izinkan saya untuk memetik dalam Bahasa Inggeris, dengan izin, "*Justice delayed is justice denied. But in the contrary, justice hurried is justice buried*". Namun begitu, saya beri jaminan di Dewan yang mulia ini, SPRM akan memberi fokus dan tumpuan dan akan bertungkus lumus dalam menjalankan siasatan terhadap isu ini. Pada masa ini, pihak SPRM sedang meneruskan siasatan kepada kes yang dimaksudkan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa Yang Berhormat Menteri ada juga latar belakang undang-undang. Sudah tentu dapat melihat keganjilan kenyataan daripada SPRM ini. Sebab apa saya kata begitu. Saya telah baca kenyataan SPRM 3 Ogos dan 5 Ogos. Dalam kenyataan pada 5 Ogos ia mengatakan bahawa, "*Kami telah pun menghubungi penderma itu*". Penderma itu mengatakan bahawa tiada derma setelah melihat empat dokumen dalam bank itu yang menulis penderma.

Saya rasa pelik, bagaimanakah hanya kita dengar seorang sahaja- sudah tentu dalam kes derma ini, kalau kes yang melibatkan rasuah ataupun derma ini, mesti melibatkan *giver and taker*, ada dua pihak. Jadi dalam keadaan pihak SPRM mengakui belum memanggil orang yang *the so called* penerima derma atau penerima rasuah ini, tiba-tiba terus kata derma. Jadi bagaimanakah SPRM boleh dengan cara... [Disampuk]

Janganlah kacau. Jaga pertanian, jaga ikan, jaga ikan sahajalah, jangan kacau. Ini tidak ada kaitan dengan ikan. Tuan Pengerusi, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan kacau. Dia jaga bahagian ikan, orang tidak tanya ikan, diam.

Jadi saya hendak tanya tadi, apabila kita berbuat begitu, maknanya persepsinya ialah seolah-olah telah pun muktamad bahawa itu adalah derma dan panggil Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengesahkan itu derma atau tidak. Sedangkan, sepatutnya kita siasat, kita jangan buat apa-apa kenyataan derma atau tidak. Jadi sekarang ini... [Disampuk] Diamlah. Saya ingin menyatakan bahawa kenyataan itu telah menyebabkan wujudnya keraguan adakah siasatan juga akan dilakukan dengan telus.

Saya juga hairan, kenapakah begitu lamanya untuk hendak ambil kenyataan sedangkan boleh menghubungi *the so called* penderma daripada luar tetapi yang dalam negeri tidak panggil lagi? Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri, sejauh mana lagi SPRM hendak ambil kenyataan ini? Kenapakah apabila Pejabat Perdana Menteri tiba-tiba ada *favoritism* pula, tiba-tiba dia boleh ikut suka dia pula bila hendak panggil atau penyiasat hendak panggil. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan tentang hal ini. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Tuan Pengerusi, saya beritahu tadi dia buat pengumuman beritahu derma...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: [Bangun]

Dato' Razali bin Ibrahim: Yang Berhormat hendak keluar kah?

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Saya nak tanya soalan.

Dato' Razali bin Ibrahim: Duduk dahulu, duduk dahulu sebab terganggu saya tengok Berhormat. Yang Berhormat sudah kahwin belum? [Ketawa] Tanya sahaja. Saya bukannya tanya Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Seputeh sudah kahwin belum? [Ketawa] Kan sudah kena.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tak ada orang hendak.

Dato' Razali bin Ibrahim: Dia beritahu tentang derma tetapi saya sebut tadi, namun begitu- derma sebab dokumen ya. Namun begitu, siasatan lanjut sedang dijalankan. Sebab, kita tidak kata tentang perkara lain. Kenapa kita sebut fasal derma pada ketika itu? Ini kerana cerita ini bermula dengan satu laporan mengatakan ia adalah dana daripada 1MDB. Jadi, tuduhan itu perlu diredakan supaya minat ramai-ramai termasuk orang-orang yang berkepentingan ketika itu menuduh bahawa duit yang dimasukkan ke dalam dana akaun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri daripada 1MDB dapat kita selesaikan. Itu maksudnya. Kalau tidak...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Razali bin Ibrahim: Siasatan SPRM jarang membuat pengumuman. Dalam kes ini- jangan kata boleh buat pula. Kalau baca seksyen 29(4), siasatan tidak boleh dikongsi kecuali dengan persetujuan daripada AG dan Pesuruhjaya SPRM. So, dalam kes ini, pengumuman terpaksa dibuat untuk memastikan bahawa yang dimaksudkan itu bukan dari 1MDB dan jawapan saya, saya teruskan, yang siasatan ini juga diteruskan bagi memastikan tidak terdapat sebarang kesalahan di bawah Akta SPRM.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, sikit Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya boleh terima kalau kata, okey, berdasarkan maklumat yang kami terima dikatakanlah itu derma, boleh lagi. Akan tetapi ini telah satu *conclusive statement*, ini adalah derma. Mana boleh buat begitu dalam keadaan belum diambil *statement* orang yang dikatakan terima derma itu. *You cannot jump to conclusion, you cannot make a conclusive statement* dengan izin. *You must be very careful with your words, because* di sana ada orang-orang tahu undang-undang. [Disampuk] Tak, saya hendak mengatakan bahawa apabila dikatakan inilah derma bukan daripada 1MDB... [Disampuk] Sekejaplah, tidak tahu diamlah. [Dewan riuh]

No, Yang Berhormat Menteri, *I am serious*. Saya hendak kata begini, Yang Berhormat Menteri pun tahu sebagai seorang pengamal undang-undang, apabila kita kata ini adalah derma bukan daripada 1MDB, kita telah membuat satu *conclusive statement*. Bermakna kita... [Disampuk] Hei Menteri Perumahan, *you* Menteri tiang, *you* diam! [Dewan riuh] Menteri tiang diam. Menteri tiang, jaga tiang sana. [Disampuk] Apa? *You* yang kepala tidak betul. Boleh bodohkan tiang, kepala tidak betul.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tarik balik, tarik balik. Hari itu sudah buat *ruling* tak boleh cakap yang bukan-bukan. Tuan Pengerusi, suruh tarik balik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tidak akan relaks kalau *you* kacau. Kenapa Menteri kacau?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Apa kepala tidak betul? Tarik balik. Tuan Pengerusi, hari itu Tan Sri Yang di-Pertua dah buat *ruling* dah, tidak boleh cakap benda yang merapu...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *I was given a right to ask question. You don't question me, okay?*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak boleh cakap. Tarik balik dulu. Tarik balik kata Yang Berhormat Menteri kepala tidak betul. Tarik balik. Hei, tarik balik. Tuan Pengerusi, hari itu Speaker sudah buat *ruling* tidak boleh cakap benda-benda yang tidak boleh cakap dalam Dewan yang mulia ini. Tarik balik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Pengerusi...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Hei, tariklah balik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Diam sahajalah. Ini *beyond your comprehension*lah, *you* tak boleh faham, tinggi sangat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *No lah. You all bajet tidak sokong, pembangkang tidak sokong bajet, selepas itu hari ini hendak berbahas bajet. Hei, balik rumah tidurlah Yang Berhormat Sepang.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *It's beyond your comprehension.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Baliklah! Kalau dah tak sokong semalam, beria-ria tidak sokong, sekarang hendak berbahas buat apa? Buang masa oranglah. Orang kampung semua tahulah pembangkang punya isu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya ingin...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Balik tidur.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, sepatutnya apabila melibatkan seorang tokoh Perdana Menteri, kita *must be independence and seen independence*. Sekarang ini saya ingin tanya, mengapakah kenyataan itu dalam berbentuk konklusif mengatakan, *"Ini adalah derma bukan daripada 1MDB"*? Ini bermakna seolah-olah kita sudah sahkan penyiasatan sudah lengkap. Sepatutnya kita hanyalah kata, *"Kami dapat maklumat ini adalah derma tetapi kami akan siasat adakah benar atau tidak derma. Kami akan..."* [Dewan riuh] *That it should be.* Eh, *come on* lah. Ini kita bukan kali pertama buat kes jenayah SPRM ini. *We knows about the investigation.* [Dewan riuh]

Jadi saya ingin menyatakan... [Disampuk] Hei, Menteri Perumahan Menteri tiang, jaga tiang lah. [Disampuk] Kalau berani bangunlah. Eleh, Menteri tidak ada kelas. Menteri jaga air kencing, Menteri suruh orang bangun pagi, inilah Menterinya.

Beberapa Ahli: Tarik balik, tarik balik.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Abdul Rahman Dahlan]: Tarik balik, tarik balik. Tuan Pengerusi, saya minta dia tarik balik.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat semua duduk. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Sepang. Semua duduk, semua duduk. Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Suruh dia tarik balik. Kalau tidak...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kalau tidak apa? Hendak ugut apa kalau tidak?

Tuan Pengerusi: [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Sepang... [Dewan riuh]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat tuduh Menteri jaga air kencing.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tarik balik dulu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sudahlah Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini peraturanlah.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Hormatlah sikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sepang. Ahli-ahli Yang Berhormat...

Beberapa Ahli: *[Bercakap serentak]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Ya, saya sengaja biarkan untuk Yang Berhormat Menteri dan juga Yang Berhormat Sepang berpuas hati di antara satu sama lain. *[Disampuk]* Yang Berhormat, diam Yang Berhormat. Saya mendengar beberapa perkataan yang tak sepatutnya dikeluarkan. Jadi, untuk meredakan keadaan, Yang Berhormat Baling saya minta tarik balik, “*Yang Berhormat Seputeh tak ada orang yang hendak*”. Sila Yang Berhormat Baling.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya tarik balik. Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey dan saya minta Yang Berhormat Sepang tarik balik, “*Menteri tiang, Menteri air kencing*”.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tak cakap Menteri air kencing, saya kata...

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Jangan nak mengada. Jangan nak mengada.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Dia sebut tadi, dia sebut.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap. Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak ada syarahan, Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Memang dia sebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang, kalau Yang Berhormat Baling dia berjiwa besar tarik balik perkataan yang saya dengar, saya juga minta Yang Berhormat Sepang juga berbuat demikian. Selepas ini Yang Berhormat Menteri, sila gulung dan mulakan dengan Yang Berhormat Senator.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya minta tarik balik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tarik balik tapi saya nak mengatakan bahawa Menteri... *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Menteri yang memulakan provokasi kepada saya.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Saya minta tanpa penjelasan, Tuan Pengerusi, untuk tarik balik.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang. Yang Berhormat Sepang, saya minta tarik balik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya nak tarik balik, tak ada masalah, tetapi semua orang dah tahu, ini dalam *Hansard* apa dia kata.

Datuk Abdul Rahman Dahlan: Tak ada penjelasan. Tak ada penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya minta tarik balik perkataan “*Yang Berhormat air kencing*”, “*Yang Berhormat tiang*”.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya tarik balik apabila saya kata Menteri air kencing dan juga Menteri tiang.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey. Sila Yang Berhormat Muar...

■2230

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Tuan Pengerusi, saya hendak buat penjelasan sikit. [*Dewan riuh*] Sedikit, saya minta.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Ampang, saya anggap kes ini semuanya sudah selesai. Yang Berhormat Ampang sila duduk. Yang Berhormat Ampang sila duduk. Yang Berhormat Ampang sila duduk. Yang Berhormat Ampang sila duduk. Yang Berhormat Muar, sila.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ini semua *provoke*.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Razali bin Ibrahim: Saya akan akur untuk menggulung. Minta maaf rakan-rakan yang bangun. Saya hendak beritahu, saya setuju. Jangan buat *conclusion* seperti yang dikatakan tadi. Yang Berhormat pun buat *conclusion*. Yang Berhormat kata seolah-olah benda itu sebagai betul seperti yang Yang Berhormat nyatakan.

Saya sebut tadi, dia nyatakan kerana dalam siasatan ada pengakuan daripada orang yang memberi. Jadi dia beritahu duit itu duit derma. Akan tetapi saya kata, SPRM akan terus menyiasat bagi memastikan tidak ada pelanggaran di bawah akta ini. Kalau macam ada orang menuduh, yang tuduh dulu beritahu. Tidak akan semua orang bila tuduh semua kena siasat. Akan tetapi komitmen yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memberi kerjasama apabila dipanggil, pada saya adalah satu perkara yang positif dalam soal ini. [*Tepuk*]

Saya tidak bagi dah, sebab hendak gulung dah. Itu *ruling*. Yang Berhormat minta maaf ya. Akhir sekali saya hendak beritahu kalau hendak kata benda ini terlalu lama, cuba lihat bila perkara ini dimulakan. Ada satu kes yang berkaitan perkara yang sama, ambil sembilan tahun untuk selesai. Ini baru tiga keempat bulan. Oleh sebab itu saya sebut, baru tiga ke empat bulan, saya sebut tadi dalam jawapan, melibatkan orang luar, syarikat luar, orang yang disebut ini saksi di luar, dan baru tiga bulan. Berbanding dengan kes sembilan tahun, yang mungkin Yang Berhormat boleh tahu apa saya maksudkan. Ini akan dibuat secara serius oleh pihak SPRM. Saya bersetuju jangan buat konklusi sekarang. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya jemput Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan. PERMATA... [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat diam Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya hendak tahu siapa di antara Menteri yang akan jawab isu PERMATA? Saya tertunggu-tunggu *pass baton* satu sampai satu. Memang *confirm*?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *Confirm* ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, Yang Berhormat.

10.32 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia, selamat malam.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Parit, Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Ampang, Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Dungun, Yang Berhormat Temerloh, Yang Berhormat Hulu Langat yang menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan hal ehwal Islam dan agensi-agensi di bawah tanggungjawab Menteri dan saya dalam perbahasan Bajet 2016 di peringkat jawatankuasa.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Adakah Yang Berhormat Seputeh dimasukkan?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Minta maaf Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh, ada, ada. Minta maaf Yang Berhormat Seputeh.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Kapar ada kah, soal PERMATA? Ada atau tiada?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih, sila duduk, sila duduk. Sila hormat, ini sesi saya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Itu yang saya hendak tanya dahulu. Tidak perlu saya tunggu lama. Ada atau tiada?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Duduk, duduk, duduk, duduk. Duduk. Saya baru mula. *[Dewan riuh]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya hendak kepastian sebab Yang Berhormat Kapar tidak disebut.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Saya baru mula, duduk dahulu.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya tahu Yang Berhormat Kapar tidak disebut. Faham cakap saya?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Duduk dahulu, duduk dahulu.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Faham soalan saya? *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat kenapa kita berkelakuan begini Yang Berhormat? *[Dewan riuh]*

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Itulah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, termasuk Yang Berhormat Baling, termasuk, termasuk. Sila.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih kepada semua Yang Berhormat. Saya sebenarnya bila ramai yang membangkitkan hal ehwal Islam termasuk Yang Berhormat Seputeh, maknanya saya kira isu berkaitan dengan agama Islam ini masih terpatери padu dalam Perlembagaan kita sebagai Perkara 3 Agama Persekutuan.

Bagi memudahkan penggulungan saya ingin menjawab berdasarkan isu-isu yang dibangkitkan mengikut jabatan-jabatan dan agensi-agensi berikut:

- (i) Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam (YaPEIM);
- (ii) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM);
- (iii) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM);
- (iv) Majlis agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP);
- (v) Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM);
- (vi) TV Al-Hijrah;
- (vii) JAWHAR; dan
- (viii) Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

Saya mulakan terlebih dahulu Tuan Pengerusi, berhubung dengan isu YaPEIM. Walaupun sebenarnya YaPEIM ini tidak ada di dalam peruntukan Bajet 2016, tetapi kerana isu ini sudah terlalu banyak andaian yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena dan juga Yang Berhormat Sepang, saya rasa perlu untuk kita berikan penjelasan secara holistik supaya andaian-andaian ini dapat kita jernihkan kerana saya ingin berkongsi surah Al-Hujurat, ayat 12 kepada Yang Berhormat Sepang dan juga Yang Berhormat Pokok Sena.

Allah berpesan kepada kita, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* “*Wahai orang-orang yang beriman, jangan kamu mudah membuat prasangka dan andaian kerana sesungguhnya sebahagian besar daripada andaian itu adalah dosa.*” Maknanya tidak betul. Okey.

Saya mulakan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena dan juga Yang Berhormat Sepang berkenaan dengan bagaimana Menteri memantau YaPEIM sehinggakan dua orang pegawai tinggi dapat elaun melebihi RM80,000. Pertama sekali untuk menjawab persoalan ini kita kena faham siapa dan apa sebenarnya Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM). YaPEIM sebenarnya bukan badan kerajaan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap, Yang Berhormat. *Please, please* sedikit sahaja.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Minta sabar dulu. Saya baru mula. Saya baru mula. *[Dewan riuh]* Macam mana saya hendak jelaskan?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya hendak betulkan rekod. Saya hendak betulkan rekod.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Yang Berhormat Sepang, duduk. Nanti, nanti, saya benarkan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *I want to correct the record.*

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Saya benarkan, saya benarkan, saya benarkan, saya benarkan, saya benarkan. Lepas ini saya benarkan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekejap sahaja.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Tidak, tidak, lepas ini saya benarkan. Biar saya jawab, lepas ini saya benarkan. [*Dewan riuh*] Yang Berhormat orang yang berilmu bukan?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Saya hendak nyatakan, saya tidak bangkitkan isu itu. Saya tidak bangkitkan isu YaPEIM.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Tidak mengapa, tidak mengapa, tidak mengapa. Okey. Pertama sekali saya hendak terangkan di sini bahawa YaPEIM bukan badan kerajaan. YaPEIM adalah sebuah perbadanan yang tertakluk kepada surat ikatan amanah (*trust deed*) yang berdaftar di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 yang selepas ini saya akan rujuk sebagai surat ikatan YaPEIM. Kenapa saya sebutkan sedemikian?

Pertama, kerana YaPEIM tidak mendapat apa-apa bantuan geran daripada kerajaan. Tidak ada dalam bajet. Kedua, YaPEIM sebagai organisasi yang bebas, semuanya terikat kepada surat ikatan amanah. Kalau mengikut Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952, maknanya kalau dia sendiri yayasan, dia mengikat dan dia mencorakkan, bagaimana dia mencorakkan *trust deed* nya ataupun surat ikatan amanah, dia kana merupakan satu dokumen yang mutlak sifatnya.

Oleh sebab itu dalam *trust deed* YaPEIM ini disebutkan dengan izin Tuan Pengerusi, "*All disputes, doubts and any implications in respect of any provision of this deed shall be decided by the foundation whose decision shall be final.*" Maknanya YaPEIM tidak terikat dengan atur cara kerajaan dan dia terikat kepada *trust deed*.

Keduanya kita harus faham bahawa apa sebenarnya yang terkandung di dalam *trust deed* dari segi objektif. Ramai orang bila lihat YaPEIM, hari ini orang cakap YaPEIM ini jaga anak yatim, jaga orang miskin, buat kerja-kerja kebajikan. Harus diingat, bahawa YaPEIM mempunyai dua orientasi penting, objektif yang diletakkan di dalam *trust deed* ini iaitu satu organisasi yang bertujuan untuk menjana ekonomi umat Islam. Daripada konteks ekonomi umat Islam inilah akhirnya boleh digunakan sebahagiannya untuk kerja-kerja kebajikan. Model YaPEIM ini adalah antara model yang paling baik sekali dan bahkan saya boleh katakan terbaik dalam konteks dunia hari ini kerana Bank Pembangunan Islam (IDB) pun banyak kali melihat model YaPEIM dalam konteks bagaimana penjanaannya.

Dua penjanaannya ekonomi yang paling besar dan harus kita ingat. YaPEIM mempunyai pertama, sistem Ar-Rahnu yang pertama diperkenalkan di dunia pada 1993 dan terbukti sebagai satu sistem kewangan ataupun instrumen kewangan Islam yang diiktiraf seantero dunia dan menjana keuntungan. Saya boleh berkongsi penjanaannya keuntungan daripada Ar-Rahnu ini sahaja, pendapatan sehingga tahun 2015 ini telah mencecah RM83 juta daripada Ar-Rahnu yang

mana YaPEIM ada 202 cawangan seluruh Malaysia. Ar-Rahnu hari ini menjadi satu model kepada seluruh dunia dalam konteks penjanaaan ekonomi.

Pada tahun 1986, YaPEIM sekali lagi membuktikan bahawa model memperkenalkan sistem kewangan Islam ini diiktiraf di peringkat antarabangsa apabila memperkenalkan sistem mikro kredit Islam. Pada tahun 1986 bekerjasama dengan USM yang akhirnya tercetusnya Amanah Ikhtiar Malaysia yang hari ini AIM telah memberikan banyak kebajikan dan juga banyak keistimewaan kepada orang-orang miskin dan miskin tegar. Ini adalah hasil daripada YaPEIM. YaPEIM pada peringkat awal *inject* RM10 juta pada peringkat awal tahun 1986 itu.

Saya hendak sebutkan di sini supaya kita jelas dengan izin, *the reason for establishment of YaPEIM* ataupun kenapa YaPEIM itu ditubuhkan?

■2240

Bukan hanya untuk menguruskan soal kemiskinan dan hal anak yatim, itu sebahagian sahaja. Untuk pengetahuan juga, YaPEIM juga mempunyai 17 agensi di bawah kawal seliaannya termasuklah daripada 17 ini, 7 koperasi dan 11 anak syarikat. Daripada 17 ini, hanya satu sahaja yang dianggap sebagai dengan izin, *cost centre* ataupun tempat di mana kita belanja duit iaitu PEMANGKIN. PEMANGKIN ini yang menjadi satu isu iaitu Yayasan Pembangunan Anak Yatim/Miskin (PEMANGKIN). Lain-lain ini adalah bertanggungjawab dalam menjana keuntungan, menjana ekonomi bagi YaPEIM dan juga anak-anak syarikatnya.

Oleh sebab itulah bukan sahaja Ar-Rahnu, sebab Ar-Rahnu ini adalah *the core business* yang telah membuktikan kejayaan YaPEIM tetapi juga ada perniagaan-perniagaan yang berkaitan dengan emas. Ada perniagaan-perniagaan yang berkaitan dengan *mart*, YaPEIM SMART sudah mula beroperasi tahun ini dan banyak lagi. Akhirnya, YaPEIM hari ini mempunyai aset bersih tahun 2014 RM138 juta. Sehingga Disember 2015, *projection* dengan izin, RM160 juta di mana aset keseluruhan hingga hari ini ialah RM1.034 bilion ataupun RM1,034 juta.

Jadi, RM1,034 juta aset ini adalah aset yang di dalamnya terkandung aktiviti-aktiviti penjanaaan ekonomi. Daripada penjanaaan ekonomilah digunakan untuk aktiviti-aktiviti lain. Saya sebutkan di ini kerana penting sebab saya hendak memecahkan segala sangkaan buruk yang mengatakan seolah-olah pembayaran elaun dan sebagainya menggunakan duit anak yatim, menggunakan duit kebajikan *which is* yang tidak betul sama sekali, palsu bahkan fitnah yang jahat.

Keduanya untuk menjawab soal bagaimana Menteri memantau YaPEIM sehingga dua pegawai tertinggi ini dapat elaun ini. Kita kena ingat saya sebutkan tadi, kuasa mutlak adalah terletak kepada Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah. Betul dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Itu salah satu cara kita hendak memantau, melantik Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah dan meletakkan dasar-dasar. Dasar dia apa, dasar seperti mana yang dipersetujui juga oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ada tandatangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini di sini, yang mengatakan bahawa YaPEIM perlu menjana ekonomi umat Islam.

Dengan cara macam mana, cara yang diberkati dan dipatuhi oleh syariah. Oleh sebab itu ia ada Lembaga Penasihat Syariah. Ar-Rahnu ini untuk pengetahuan bagi mereka mungkin tidak biasa dengan perkataan Ar-Rahnu, Ar-Rahnu ini kalau orang ingat sebagai pajak gadai Islam tetapi sebenarnya tidak betul. Dia bukan bentuk pajak gadai, dia adalah kontrak yang bersifat simpanan dan juga kontrak yang bersifat pinjaman. *Saving* maknanya orang boleh menyimpan emas atas kontrak *wadiah* dengan izin dan juga daripada kontrak tersebut, dia akan memberikan pinjaman kepada mereka yang hendak dibiayainya, makna dalam menggunakan prinsip Qardhul Hasan.

Untuk pengetahuan semua, daripada prinsip Ar-Rahnu ini sahaja YaPEIM mempunyai 202 cawangan seperti mana yang saya sebutkan tadi, dia mempunyai RM4.5 bilion nilai pembiayaan dan RM450 juta nilai orang kata gadaian, tetapi nilai simpanan atas prinsip *wadiah* seperti yang saya sebutkan tadi. Oleh sebab itulah model ini adalah model yang terulung.

Dalam konteks pemantauan ini juga, YaPEIM diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Saya ada di sini juga Laporan Audit Negara tahun 2014 yang menunjukkan bahawa tidak ada masalah daripada segi tatacara kewangan, daripada segi tatacara operasi dan pengurusan yang ada.

Ketiganya Tuan Pengerusi, berhubung dengan pemberi elaun ini. Ini adalah kuasa mutlak Lembaga Pemegang Amanah yang mana yang Menteri pun tidak campur tangan dan Menteri tidak tahu pun berapa jumlah yang diperoleh. Ini kerana di bawah *trust slip* ini disebutkan dengan izin, '*The trustee is shell out of the fund pay or cost and expenses of or incidental to the management of the management of the fund including payment of reasonable allowances to the trustees or the execution of any of the trust of power of this deed*'.

Oleh sebab itulah apabila persoalan yang dibangkitkan pegawai tinggi YaPEIM dapat elaun RM80,000, adalah tidak benar kerana ia ada pecahan-pecahan. Dia duduk di beberapa. Akan tetapi itu pun diluluskan oleh Lembaga Pemegang Amanah yang mana Menteri tidak ada kuasa untuk campur tangan kerana Menteri hanya boleh menasihati. Akan tetapi nasihat pun kalau ada sebarang bentuk penyelewengan.

Akan tetapi dalam konteks ini, kita harus mengakui. Oleh sebab itulah perbincangan saya dengan Menteri kalau misalannya ada isu-isu berbangkit soal tadbir urus, kita akan melihat kembali sama ada proses polisi tadbir urus - Bukan penyelewengan kerana ini bukan ada isu penyelewengan, ini isu persepsi kenapa elaun ini tinggi dan sebagainya. Oleh sebab itulah saya kena sebutkan di sini bahawa YaPEIM mempunyai kuasa mutlak untuk menentukan berapa elaun yang dia hendak bagi sebab dia ada RM1.034 bilion. Hendak bayar RM50,000 atau RM100,000, yang paling penting kita tahu bahawa YaPEIM ada keuntungan, tidak guna duit-duit kebajikan, tidak guna duit-duit anak yatim, tidak guna duit orang miskin. Itu yang paling penting. *[Tepuk]* Jadi itu yang saya rasa kita perlu faham dalam konteks ini. *[Dewan riuh]* Okey.

Kedua, isu berkenaan dengan apakah keperluan kursus untuk diadakan kepada pelajar-pelajar luar negara. Ini pun isu pemantauan juga. *Again* saya kena sebut di sini, minta maaf. Sekali lagi saya sebutkan di sini soal operasi dengan izin, *day to day operation of YaPEIM*. YaPEIM hendak buat apa sekalipun, kerja-kerja amalkah, kerja-kerja kebajikankah, hendak buat

program di luar negarakah, itu hak YaPEIM. Soal YaPEIM hendak menjemput Menteri, hendak jemput Timbalan Menteri, hendak jemput siapa pun Ahli Parlimen, hendak bayar kos untuk dia pergi, itu terserah kepada YaPEIM. Tidak ada kuasa ataupun kuasa itu adalah terserah terletak di bawah pengurusan YaPEIM dan juga Lembaga Pemegang Amanah. Kalau hendak dibandingkanlah, saya pun buat kira-kira dengan kos yang dikatakan RM590,000 di US hendak dibandingkan dengan RM1.34 bilion, maknanya jumlahnya hanya 0.0063% sahaja nisbahnya. Maknanya terlalu, maknanya. Akan tetapi inilah soal andaian tadi. Saya...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Sikit Menteri.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Ya. Akan tetapi Yang Berhormat tidak tanya soal.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Ada, Ampang.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Ada ya. Okey, okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Betulkan Yang Berhormat Lenggong? Yang Berhormat Lenggong, betulkan? Yang Berhormat Lenggong tanya soalan tadi. Okey, *alright*. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila, sila. Ya Yang Berhormat Lenggong, ya.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Okey. Saya ada itu semua. Apa Yang Berhormat Timbalan Menteri baca tadi, *the background of YaPEIM*, saya ada maklumat itu. Akan tetapi isunya di sini adalah sekiranya ada wang begitu banyak, adakah kita hendak biarkan sekiranya ada penyelewengan, *mismanagement* dan sebagainya?

Isu yang kedua di sini adalah sebagai seorang Menteri, adakah wajar untuk pergi ke suatu program dengan menggunakan wang yang begitu banyak dan program-program ini tidak mendatangkan faedah? Jadi saya rasa, memang Menteri bertanggungjawab untuk menjawab untuk membersihkan namanya kerana saya tidak mahu seorang Menteri agama dipalitkan dengan kerja-kerja yang sedemikian.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Saya pun marahkan Yang Berhormat Ampang punya, terpalit dengan fitnah-fitnah di luar sana. Ini kerana saya sudah terangkan, maknanya itu hak mutlak YaPEIM lah. Kalau hendak dikatakan, hendak tuduh macam-macam, nasib baik ia tidak menggunakan, dia sudah tidak gunakan perkataan menggunakan duit anak yatim dan miskin sebab saya sudah jelaskan. Kalau sebelum ini diviralkan semua menggunakan anak yatim, miskin untuk pergi ke US dan sebagainya. Kita kena ingat, YaPEIM pun sudah mengeluarkan kenyataannya bahawa program ini bukanlah hanya satu program. Ada beberapa program dan program ini termasuklah daripada agenda YaPEIM sendiri.

Sekali lagi, saya tidak mahu membahaskan perkara ini kerana itu hak YaPEIM untuk menentukan apa sahaja program, asalkan ia diluluskan oleh Ahli Lembaga Pemegang Amanahnya. Terbukti Jabatan Audit Negara melihat tidak ada masalah mengikut laporan 2014. Kita hanya sebagai Menteri ataupun Timbalan Menteri, kita hanya melihat apa yang telah dibuat

oleh Jabatan Audit Negara. Takkanlah kita pula hendak mencampur, tiap-tiap hari hendak tengok apa Ketua Pegawai Eksekutif, Presiden buat, pengarah, Ahli Lembaga Pemegang Amanah. Maknanya tidak perlulah mereka dibayar gaji, dibayar elaun. Baik bayar Menteri dan Timbalan Menteri sahaja. Jadi saya rasa, inilah satu perkara yang kita kena faham daripada segi konsep urus tadbir. Adanya *job scope*, adanya tanggungjawab-tanggungjawab tertentu.

Oleh sebab itulah dalam konteks...

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Tuan Pengerusi...

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Ya, saya benarkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Bukit Gantang.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Menteri atas penjelasan yang diberi tadi. Memanglah kita tengok dari segi undang-undangnya itu hak yang ada kepada YaPEIM. Akan tetapi saya harapkan supaya benda ini benda yang melibatkan atas nama YaPEIM, Yayasan Pembangunan Islam dan kemudian pula nama kursus pun yang agak - RM290,000 buat di Paris. Jadi ini yang menyebabkan saya rasa benda-benda seperti ini yang perlu diambil kira. Benda yang lepas itu lepas dan akan datang itu kita harapkan. Ini kerana soal imej kerana saya telah mendapat macam-macam *WhatsApp* yang orang menderma RM5, RM10 itu sudah pun hendak tarik diri.

■2250

Ini satu perkara yang perlu diambil perhatian oleh pihak Menteri walaupun tidak ada kuasa sekurang-kurangnya untuk menasihati Lembaga YaPEIM ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Bukit Gantang.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Tuan Pengerusi sedikit saya hendak tambah sedikit sahaja lagi.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Bagilah peluang saya jawab dahulu.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Sedikit sahaja sama-sama, sedikit sahaja. Jadi oleh kerana itu Menteri oleh kerana isu ini sudah berbangkit dan terbongkar apakah pendirian kementerian sama ada akan menyemak semula dan perbetulkan keadaan yang kita rasa tidak tepat dan tidak sewajarnya berlaku.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Yang Berhormat tadi saya sudah sebutkan mungkin Yang Berhormat mengigau sekejapkah? Saya sudah beritahu kata kalau ada masalah dari segi tadbir urus, sekarang ini saya dengan Menteri yang bertanggungjawab akan melihat kembali soal proses, polisi dan sebagainya. Soal perundangan tidak ada isu, soal peraturan tidak ada isu dan penyelewengan pun tidak ada isu. Sekarang ini adalah isu sama ada berlaku atau tidak masalah tadbir urus. Contohnya sebab itu saya katakan *sometimes we deemed it as a legally right* dengan izin, tetapi *we have to ensure it is also morally right*. Jadi itu antara perkara yang kita akan pastikan untuk dilaksanakan. Ya, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Sikit. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat. Daripada pembentangan tadi bolehkah saya simpulkan bahawa YaPEIM ini sudah jadi satu badan korporat yang begitu banyak dananya dan sebahagiannya digunakan untuk kebajikan masyarakat Islam. Kalau betul begitu boleh bagi sedikit *percent* banyak mana keuntungan daripada YaPEIM disalurkan kepada masyarakat Islam. Terima kasih.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya ada soalan Yang Berhormat, Yang Berhormat Kota Raja ada soalan sedikit.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih saya jawab dahulu Yang Berhormat Kota Raja, okey saya jawab.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tidak, berkaitan tadi. Okey saya cuma hendak tahu sekarang YaPEIM sudah jadi satu badan korporat yang besar. Asal modalnya dari mana?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Modalnya sebahagiannya daripada pinjaman kerajaan awal-awal dahulu, sebahagiannya daripada penjanaan sendiri. Oleh sebab itu saya katakan tadi dia bermula daripada kecil. Ar-Rahnu ini peringkat awal satu cawangan sahaja tidak menggunakan modal yang besar tetapi akhirnya ingat itu antara model, itu antara *the success story* yang patut kita banggakan. Hari ini orang memalitkan YaPEIM seolah-olah YaPEIM ini tidak ada langsung manfaatnya kepada umat Islam. Walhal YaPEIM ini menjadi contoh dan model kepada dunia dalam konteks Ar-Rahnu. [Tepuk]

Oleh sebab itulah hari ini - saya bersetuju dalam perkara-perkara tertentu dengan perkara-perkara tertentu tadbir urus itu kita akan selesaikan termasuklah isu-isu kebajikan. Saya sebutkan bahawa ada perkara-perkara yang kita sebutkan bahawa contohnya dari segi komunikasi. Mereka perlu mempertingkatkan dari segi komunikasinya bagaimana disalurkan. Ini kerana saya dapat dokumen di mana mereka salurkan duit-duit yang skim potongan gaji dan sebagainya.

Jelas kerana untuk pengetahuan, YaPEIM ini sebab itu saya katakan tadi dia punya objektif dia, model dia amat unik. Dia macam Tabung Hajilah, Tabung Haji ini unik sebab itu orang semua hendak ikut Tabung Haji. Dia bukan menguruskan orang haji sahaja, dia menguruskan pelaburan akhirnya boleh bagi subsidi kepada orang haji pula. Model itu yang ditunggu oleh orang. Macam juga YaPEIM objektif dia betul menjana ekonomi tetapi ekonomi yang sebahagian besarnya di salur kepada kebajikan juga termasuk memberikan ruang dan peluang kepada orang ramai yang mana hendak masuk turut sama bersedekah.

Oleh sebab itulah adanya Lembaga Pemegang Amanah, adanya Lembaga Syariah. Ini kerana dalam konteks syariah ini Yang Berhormat Kuala Nerus pun tahu, dana-dana Tabaruq, dana-dana kebajikan dia tidak boleh bercampur dengan dana-dana Tijari, dana-dana perniagaan dia kena *separate*, dia kena berasingan. Itu yang dijaga oleh YaPEIM saya sendiri tengok akaun-akaun dia, saya tengok mana akaun dia, mana akaun dana kebajikan, mana akaun dana

keuntungan. Itu prinsip asas di dalam urus tadbir syariah dan saya pasti dan saya yakin sehingga hari ini dan tidak ada penyelewengan dalam konteks itu.

Oleh sebab itulah kita tidak berkata bahawa kita tidak ada kesalahan langsung. Bila timbul isu ini sebab itulah saya dengan Menteri akan memperhalusi tadbir urusnya bagaimana, betulkah apa yang dibuat dari segi proses selama berpuluh-puluh tahun ini. Oleh sebab itulah dalam konteks penyaluran amal jariah ini macam-macam. Bahkan untuk pengetahuan, YaPEIMlah yang dok *sponsor* Majlis Musabaqah, Tilawah Al-Quran peringkat kebangsaan, peringkat antarabangsa yang duduk membantu...*[Tepuk]*

Yang duduk membantu amal jariah untuk dalam eKasih itu, macam-macam program saya ada daripada tahun 1984 hingga tahun 2014. Peruntukan untuk keseluruhan amal jariah memantap skim sumber amal orang-orang miskin, memperkasa sosioekonomi ummah melalui Program Mikro Kredit Ar-Rahnu, membangun komuniti cemerlang melalui Program Kecemerlangan Komuniti, memangkin gerakan pemerikasaan ekonomi ummah, membantu anak-anak miskin dan juga anak-anak yatim. Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga YaPEIM ada 5,200 orang anak-anak yatim dan miskin di bawah tanggungannya termasuk yang berada di luar negara.

Oleh sebab itu salah satu program dia ke luar negara adalah untuk melaksanakan program-program dengan anak-anak yang telah pun ditaja. Bukan itu sahaja untuk mengurangkan kos, YaPEIM bukan sahaja bekerja secara menyendiri ataupun mandiri, dia bekerja secara Blue Ocean Strategy, dengan izin. Dengan kata lain dia bersama dengan JAKIM, dia bersama dengan JAWI, dia bersama dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, dia bersama dengan agensi-agensi termasuk kedutaan-kedutaan untuk melaksanakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Senator...

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: ...Beberapa program yang bermanfaat kepada pelajar-pelajar.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Senator panjang lagi isu YaPEIM?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Okey saya rasa itu sahaja.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Sedikit Yang Berhormat, ada sedikit-sedikit.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada dua yang bangun Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan kerana isu ini berbangkit kerana digambarkan kepada masyarakat bahawa seorang Menteri Agama telah menggunakan wang YaPEIM untuk pergi berjoli. Saya rasa itu satu gambaran yang cuba dibangkitkan oleh pihak-pihak tertentu. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri

mengesahkan daripada apa yang saya tahu, Yang Berhormat Menteri terpaksa mengorbankan masanya terbang berpuluh-puluh jam.

Sampai sahaja beliau secara rasmi berhubung dengan kedutaan dan Duta juga mengiringi berbagai-bagai program yang dijalankan termasuk menghadiri satu majlis *Mid West Game*, di mana ribuan pelajar Malaysia daripada seluruh Amerika Syarikat berhimpun secara tahunan. Kebanyakan menteri-menteri yang dijemput untuk merasmikannya tidak dapat menghadiri majlis itu. Itu juga turut dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri dalam lawatan yang sama.

Yang Berhormat Menteri juga pada waktu itu menghadiri dan mengunjungi beberapa institusi pendidikan, mengadakan dialog-dialog dengan pelajar siang dan malam. Keseluruhan lawatan Yang Berhormat Menteri itu adalah satu lawatan yang dibuat dengan begitu *transparent* sekali berbeza dengan tuduhan yang menggunakan duit anak yatim untuk pergi berjoli. Apakah benar maklumat yang saya terima itu?

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Ya benar sekali Yang Berhormat. Sebenarnya program ...

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Menteri sedikit sama, sama isu sedikit sahaja, sama-sama.

[*Dewan riuh*]

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Kalau sama tidak perlulah.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Boleh? Sama sahaja saya hendak *extend* sedikit Tuan Pengerusi, mengatakan tentang persepsi bahawa duit-duit anak yatim dan sebagainya. Cuma soalan saya...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lenggong jangan bising ya, Yang Berhormat Lenggong sudah sokong Yang Berhormat Ampang tadi.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: [*Ketawa*] Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Okey soalan saya adalah Menteri kenapa biayaan perbelanjaan untuk perjalanan ke United States tadi itu dengan *total amount of RM318,000* itu dibiayai oleh PEMANGKIN. PEMANGKIN adalah Yayasan Pembangunan Anak Yatim Miskin, ini soalan saya. Terima kasih.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Okey minta maaf. Pertamanya itu saya katakan tadi Yang Berhormat Ampang jangan terpengaruh dengan *viral* fitnah. Dokumen yang itu pun kena baca habis, yang bayar bukannya PEMANGKIN, *paid by* YaPEIM disebut cap atas dokumen pun boleh tengok. Oleh sebab itu kena tengok juga dokumen itu betulkah dokumen betul atau tidak itu saya hendak tahu juga daripada mana dapat.

Okey sebab itu saya katakan tadi soal perbelanjaan, elaun yang tinggikah perbelanjaan ratus-ratus ribu, dua ratus ribu itu bukan bidang kuasa Menteri itu bidang kuasa Lembaga dan

juga pengurusanlah. Soalnya sekarang ini okey isu yang berbangkit yang dibawa oleh Yang Berhormat Ketereh tadi. Program *Mid West Game* adalah program tahunan seperti mana yang disebutkan yang melibatkan lebih daripada 1,000 orang bukan sahaja di Amerika Syarikat tetapi di Kanada. Program itu memang acara tahunan yang diambil kesempatan untuk buat program susulan ataupun program-program sampingan. Bukan sahaja program bersukan tetapi program-program sampingan. Oleh sebab itulah salah satunya kursus perkahwinan, program motivasi keusahawanan, program-program penerangan isu-isu semasa. Kenapa dan kena faham bahawa kursus perkahwinan yang ada bukan perkahwinan hendak cerita macam mana berkahwin, bukan.

Isunya kerana beberapa tahun kebelakangan ini banyak kritikan dilontarkan kepada Yang Berhormat Menteri, kepada YaPEIM apa dibuat bila ada kes pelajar kita di England berkahwin mencium mulut antara lelaki dengan lelaki. Ini tajaan daripada GLC ya.

■2300

Orang kata apakah tindakan JAKIM, apakah tindakan Menteri untuk menangani isu LGBT ini dan sebab itulah kita perlu *engage* dengan izin, kita perlu turun kepada pelajar-pelajar tersebut dan ini inisiatif YaPEIM yang bagi saya adalah inisiatif yang mulia. Selain mereka buat program sesama pelajar-pelajar yang di bawah pembiayaan mereka iaitu pelajar-pelajar dianggap sebagai pelajar miskin dan anak yatim ini. Mereka mengembangkan kepada pelajar-pelajar lain dan bila dilihat program ini adalah program yang bermanfaat, dipanggil Menteri bersama.

Soal golf itu pun sebahagian daripada program *invest game* tetapi kita kena ingat bahawa ada juga peruntukan-peruntukan yang mana YaPEIM juga menjadi penajanya. Sebab itulah perkara ini kita kena tengok dan kita kena teliti. Betul, soal sekali lagi saya sebutkan, saya pun tidak mahu hendak mempertahankan organisasi kalau jelas penyelewengan tetapi setakat hari ini, tidak ada isu penyelewengan. Isunya ialah hak mutlak pengurusan. Saya rasa saya kena berhenti kerana kepada banyak isu lagi Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: [*Bangun*]

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Yang lain boleh jawapan bertulislah, saya rasa sudah banyak sudah.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Menteri, saya ada sedikit. Sedikit sahaja lagi.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Tidak apalah. Lepas ini, lepas ini.

[*Dewan riuh*]

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Sedikit, sedikit. *Last*.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Okey, okey. Boleh.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Okey, *last*. Sekarang ini Tuan Pengerusi, saya rasa kita tidak pertikai kejayaan YaPEIM dan sebagainya. Itu bukan isu dia dan kita amat berbangga dengan kejayaan itu. Semua itu tidak timbul. Tidak ada siapa *question* benda itu tetapi isu saya, isu yang ditimbulkan ini saya hendak

minta penjelasan daripada Menteri, apa jadi kepada 588,930 mereka yang mencarum tiap-tiap bulan, itu satu. [*Dewan riuh*]

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Sudah cakaplah, buang masa betullah. Hoi, sudah cakaplah. Yang Berhormat Sepang sudah tanya sudah.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Okeylah, okey. Saya sudah faham, saya sudah faham.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Kedua, elaun yang diterima oleh seorang. Elaun yang diterima dengan keluarga dia semua menjangkau RM1 juta setahun. Isunya ialah mak dia punya *legally right but morally wrong. This is what we are addressing to you.* Anda sebagai Menteri perlu lihat perkara ini supaya tidak mencemarkan nama baik Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam, itu sahaja. Jadi tak payah ceritalah YaPEIM berjaya ini, kita terima tapi *morally wrong.* Itu yang kita minta supaya diberikan penjelasan. Jangan hendak *defend* benda yang *morally wrong, it's still wrong.* Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Sedikit, sedikit.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Yang Berhormat, saya sudah terangkan tadi banyak lagi program kebajikan yang dibuat dan kita tak guna langsung, YaPEIM tak gunakan langsung duit-duit SPG atau Skim Potongan Gaji Jariah dan program-program ini banyak. Nanti boleh tengok laporan dalam *website* YaPEIM pun apa aktiviti-aktiviti dia. Soalnya yang paling penting sekali, kita hendak pastikan supaya tidak ada penggunaan wang-wang yang dituduh ataupun difitnah gunakan duit anak-anak yatim, ini persepsi yang dibangkitkan. Saya syukur kalau Yang Berhormat Parit Buntar sendiri boleh jadi orang yang mempertahankan YaPEIM selepas pada ini. Boleh?

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Sedikit Menteri. Sedikit sahaja, sedikit sahaja.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Okey, terima kasih banyak.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya tidak ada masalah, mempertahankan YaPEIM tidak ada masalah tetapi soal moral, Menteri. Bagaimana seorang boleh terima gaji sampai RM1 juta setahun? Itu isu dia.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Sedikit sahaja, kesimpulan sedikit sahaja.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Nanti sekejap.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Hendak bantu, hendak bantu Menteri.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Sudah pukul 11 sudah.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Kesimpulan hendak bantu Menteri sedikit. Minta. Kesimpulan Menteri, hendak bantu.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Tak apa, tak apa. Saya jawab. Saya sebenarnya hendak bagi sangat kepada Yang Berhormat Kuala Nerus tetapi soal masa, saya

sudah jawab terlalu panjang sudah, saya ditegur oleh Tuan Pengerusi. Apatahlah lagi Yang Berhormat Kuala Nerus ini bakal bersama-sama dengan kita. Itu yang lebih saya rasa hangat.

[Dewan riuh]

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ini isu politiklah ini, saja nakal ini. Isu politiklah ini.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Yang Berhormat Parit Buntar, soalan JAKIM ini. Yang Berhormat Parit Buntar tanya apa peranan JAKIM berkenaan dengan mengatasi kelahiran ekstremisme. Saya rasa kalau hendak sebutkan satu persatu memang banyak tetapi kena ingat daripada segi dasar. Dasar yang kita perkenalkan soal dasar *wasatiyyah* ini. Soal *wasatiyyah* ini adalah perimbangan ataupun keadilan ataupun kesederhanaan yang menolak sama ada pelampau ke kanan, *[Menyebut sepotong ayat Quran]* dengan izin, yang bersifat *ifrod*, pelampau ataupun pelampau yang bersifat radikal. IS, ekstremisme dan sebagainya dan juga pelampau daripada segi ke kiri juga iaitu ada kecenderungan untuk kita memperlonggarkan agama, *[Menyebut sepotong ayat Quran]* ataupun *tafril*. Kita ada kecenderungan soal liberal, soal pluralisme, soal LGBT.

Ini antara perkara-perkara yang diperjuangkan oleh JAKIM tetapi JAKIM bukannya bekerja secara menyendiri. JAKIM bersama dengan agensi-agensi lain. JAKIM bersama dengan jabatan-jabatan agama Islam negeri-negeri. JAKIM bersama dengan KDN dan untuk pengetahuan juga, secara spesifiknya kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa bertindak penjelasan konsep jihad yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Ketua Pengarah JAKIM dan dianggotai KDN, KPM, KKMM, MAIM, majlis agama Islam negeri-negeri, IKIM dan lain-lain dan diselaraskan maklumatnya bersama dengan PDRM.

Ini antara perkara yang lebih jelas di samping program-program memberikan kesedaran termasuklah program memberikan kesedaran kepada anak-anak kita di luar negara. Itu pun termasuk dalam agenda untuk memastikan tidak berlakunya ekstremisme. Yang paling penting sekali, mendaulatkan manhaj ataupun pendekatan *wasatiyyah*.

Kedua, ditanya juga berkenaan dengan apakah JAKIM mempunyai hala tuju yang jelas atau JAKIM hanya berkhidmat kepada kerajaan yang ada. Ini soalan prejudis. Awal-awal lagi sudah ada *zon*. Saya baca ayat Quran tadi jangan ada *zon*. Hala tuju yang jelas? Sudah tentulah JAKIM yang ditubuhkan punca kuasanya daripada Majlis Raja-raja dan menjadi sekretariat kepada Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam memainkan peranan yang paling penting dalam mengkoordinasi dan menyelaraskan hal ehwal agama.

Dalam konteks ini, sebagaimana Yang Berhormat pun tahu apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memperkenalkan indeks syariah, sebenarnya indeks syariah ini adalah salah satu cara untuk kita mengukur di mana tahap pelaksanaan dan pematuhan dan konteks *maqasid* syariah atau matlamat syaraknya. Jadi bila kita tahu di mana kedudukan kita, barulah kita boleh bergerak ke hadapan dalam konteks hala tuju hendak merencanakan dengan lebih besar lagi kerana kerajaan inilah sebenarnya yang telah melaksanakan pelbagai agenda Islam. *[Tepuk]*

Dari tahun kita merdeka sehingga hari ini, tengoklah daripada segi pendidikannya, ekonomi, sistem perbankan Islam, kewangan Islam, takaful, pendidikan, kita ada j-QAF, kita ada KAFA. Imam-imam kita biayai semuanya. Ini apa lagi yang tak Islamnya? Sebab itulah saya minta daripada masuk PAN lebih baik masuk Barisan Nasional.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Pengerusi, ini prejudis.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Yang Berhormat juga ada bertanya apakah tindakan dan juga langkah-langkah...

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Ini prejudis.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Soalan saya cukup terang. Soalan saya cukup jelas. Saya kata ke mana hala tuju Islam. Itu soalan *simple* tapi tiba-tiba Menteri kata saya *zon*. Baca ayat itu tak kena konteks itu. Jadi anda hanya diminta jawab. Kalau jelas, jelaslah tak payah hendak kaitkan suruh masuk sini masuk sana. Negara ini kalau tidak ada pembangkang, saya rasa lama sudah rosak sudah kerana Barisan Nasional ini.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Parit Buntar. Bukan apa.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Jadi kalau hendak menjawab, jangan juga prejudis kepada soalan. Jawablah sahaja.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Saya tidak prejudis.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya tidak prejudis. Jadi saya harap jawab dengan tepat tak payah hendak *perendang-perendang*.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Yang Berhormat Parit Buntar, saya bukan prejudis. Saya menghulurkan tangan, ukhwah islamiah.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Itu klasiknya teori. Sekarang ini kepelbagaian dalam kesatuan itu yang kita perjuangkan. Teori klasik, teori yang agak kuno.

[Dewan riuh]

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Saya hendak menjawab juga soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Seputeh membangkitkan kajian indeks syariah dalam lapan aspek. Bagaimanakah kerajaan akan beri penilaian dalam kesemua aspek berkenaan dan adakah ianya akan dijadikan asas dalam membuat semakan Perlembagaan Malaysia. Pertama sekali, saya rasa sudah banyak kali dijelaskan dalam Dewan yang mulia ini.

Saya akan memberikan kaedah bagaimana untuk mengukur indeks syariah ini dalam jawapan bertulis tetapi saya hendak ambil kesempatan di sini juga, untuk pengetahuan Yang Berhormat Seputeh. Bila kita kata indeks syariah ataupun indeks *maqasid* syariah, dia bukan sahaja hanya terbatas kepada orang Islam sebab *maqasid* syariah ini adalah matlamat, *the ultimate objective or the higher objective of syariah*. *The higher objective of syariah* dengan izin

Tuan Pengerusi, ataupun matlamat yang tertinggi dalam konteks syariah adalah untuk memastikan keadilan.

Keadilan bukan hanya untuk orang Islam, keadilan juga untuk orang bukan Islam seperti mana Yang Berhormat Seputeh. Dalam konteks inilah sebab itu prinsip *maqasid* syariah diteraskan kepada ayat al-Quran [*Menyebut sepotong ayat Quran*] Maksudnya, “Dan tidak diturunkan Islam itu kepada Nabi Muhammad kecuali memberi rahmat kepada seluruh alam”.

■2310

Oleh sebab itu apabila kita hendak mengukur lapan bidang utama, pendidikannya, keselamatan, ekonomi, pendidikan, perundangan dan sebagainya, sudah tentu kita hendak melihat dalam konteks *maqasid*, mencapai keadilan tadi, apakah dari segi pendidikan kita hanya memfokuskan kepada orang Islam saja? Hari ini negara kita Malaysia antara negara yang paling *Islamic* dan paling menghargai prinsip *taaruf* di dalam al-Quran dan “*Li taarufu*”. Allah jadikan manusia ini berbagai-bagai kaum, berbagai agama untuk apa?

Untuk saling kenal mengenali dan pengiktirafan *taaruf* ini, pengiktirafan dari segi integrasi nasional ini dizahirkan kerana kita satu-satunya negara di atas muka bumi Allah setakat ini yang ada sistem pendidikan aliran pelbagai dan kita *allow this*, kita benarkan ini. Kerana apa? Kita menghormati Yang Berhormat Seputeh sebagai orang yang bukan Melayu, Islam, kita menghormati orang lain.

Oleh sebab itulah rahmat ini kita kena kaji sama ada kita berlaku adil kepada semua kaum dalam konteks pendidikan umpamanya. Sebab itulah kaedah ukuran dan sebagainya, Yang Berhormat hendak tahu, saya boleh berikan nanti jawapan bertulis secara khusus. Lepas daripada itu kalau hendak tahu lagi boleh kita sambil-sambil minum air dekat luar.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan. [*Dewan riuh*]

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Okey, Yang Berhormat Parit Sulong ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan. Yang Berhormat Menteri tentang indeks syariah ini. Kalau ini adalah apa yang disebutkan, tentang keadilan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Cakap *syukuran jazilan* bagi betul dulu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi saya hendak tahu apakah *ranking* bagi Jabatan Perdana Menteri yang bagi bajet yang akan datang dia potong peruntukan untuk SUHAKAM, potong peruntukan untuk Institut Integriti Malaysia dan potong lagi bagi pendidikan PTPTN *loan* dan juga potong lagi kesihatan. [*Dewan riuh*] Jadi adakah semua ini menunjukkan yang kerajaan Barisan Nasional ini capai indeks syariah yang amat tinggi, yang paling adil kepada semua. [*Dewan riuh*]

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Okey, terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Banyak lagi sebenarnya. Saya terpaksa berlaku adil.

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] [*Dewan riuh*]

Seorang Ahli: Tidak apalah, sampai pukul 3 pagi.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Okey.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Saya ada dua.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: ...Bagi 11, jawapan-jawapan lain untuk JKSM semua ini saya rasa kita buat, saya hantar secara bertulislah.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Satu minit saja Yang Berhormat Menteri.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri, saya sudah tunggu dari tadi hendak jawab soalan, hendak dengar jawapannya. Saya hendak dengar malam ini. Balik pukul 2 pun pukul 2. *[Dewan riuh]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jawab, jawab fasal MAIWP saya hendak tahu. Fasal MAIWP kena jawab, saya tunggu ini.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat mengatakan negara kita adalah negara Islam yang terbaik, yang hendak mengamalkan keadilan. Saya ingin tahu sejauh mana *maqasid* syariah, dari sudut keadilan. Kita bagi contoh di Kelantan, sampai hari ini royalti tidak dibagi ke Kelantan. *[Dewan riuh]* Peruntukan pembangunan tidak seimbang dan kalau betul-betul hendak tengok saya rasa... *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Tidak ada kena mengena.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Isteri Perdana Menteri pun tidak patuh syariah. Aurat pun tidak tutup. Macam mana hendak patuh syariah? *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Itu lari tajuk, lari tajuk. Sudah tidak ada modal. Yang Berhormat Sepang "k.o"..

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Okey, okey. Yang Berhormat Rantau Panjang, kami berlaku adil. Kalau kita hendak dibincangkan berkenaan dengan Kelantan, saya rasa kita kena buat satu sesi khas. Kita boleh tunjukkan segala peruntukan daripada dulu sampai sekarang kepada Kelantan. Melebihi royalti pun. Akan tetapi yang paling utama sekali tadi saya rasa Yang Berhormat masih lagi menggemakan prejudis-prejudis di luar. Kita kena tahu beza antara dosa-dosa peribadi dengan dosa-dosa awam. Soal orang tidak pakai tudung, orang tidak, itu soal peribadi.

Kita bercakap soal negara. Soal negara hari ini. Bila kita cakap dasar-dasar Islam, dasar Islam daripada sekolah rendah, sekolah menengah, adanya j-QAF, KAFA, ada guru peringkat Islam, kita ada 51 ribu guru pendidikan Islam, kita ada Universiti Islam Antarabangsa, kita ada Universiti Sains Islam Malaysia, kita ada Darul Quran yang tidak sempat saya hendak jawab. Semua ini adalah sebahagian daripada agenda Islam yang dilakukan oleh kerajaan ini. *[Tepuk]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ya, sikit.

Dato' Dr. Asyraf Wajdi bin Dato' Dusuki: Saya rasa Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya rasa yang lain itu saya minta izin untuk dijawab secara bertulis. *[Dewan riuh]* Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Ini tidak bertanggungjawab langsung.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Sepang "k.o".lah itu. [*Dewan riuh*]

Puan Hajah Zuraida binti Kamarudin [Ampang]: Subjek *interesting* tidak mahu jawab. Apalah ini.

Seorang Ahli: Saya rasa jawab sikitlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini indeks syariah yang ke berapa?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apa tiba-tiba berhenti ini? Orang tunggu daripada pagi tadi. [*Dewan riuh*]

Seorang Ahli: Yang Berhormat Menteri hormat, jawablah Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, diam Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini Yang Berhormat Menteri penakutlah. Tak ada *class*. [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Duduk Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sudah siap Yang Berhormat.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Kita sanggup tunggu Yang Berhormat Menteri. Orang belah sana tidak sanggup tunggu. Tunggu jawapannya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini penakut. Tidak ada jawapan, lepas itu jawab bertulis. *Come on* lah.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *Come on* lah. Alang-alang tunggu jawab sampai habis.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Pengerusi, dia sudah capai indeks syariah.

Dato' Dr. Mohd Khairudin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Duduk Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tidak bertanggungjawab.

Dato' Dr. Mohd Khairudin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Pengerusi, suruh dia tarik balik.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini indeks syariah yang ke berapa?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Kalau tidak mahu jawab jangan jawablah Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri akan memberikan jawapan ya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Mana boleh Yang Berhormat Sepang ini cakap sedap mulut dia saja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Sepang 'ITKO'.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Sepang 'ITKO', Yang Berhormat Sepang lagi "k.o".

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Diamlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Duduk Yang Berhormat.
[Dewan riuh]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini bukan kawasan daripada Baling. Baling tidak ada *standard*. Macam itulah.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Mohd Khairudin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Sepang "k.o"., sudah kalah, sudah malu...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat. Yang Berhormat saya tidak benarkan mana-mana Yang Berhormat berdiri dan berucap. Ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM131,118,000 untuk Maksud B.1; RM2,132,000 untuk Maksud B.2; RM163,808,000 untuk Maksud B.3; RM150,566,000 untuk Maksud B.4; RM47,418,000 untuk Maksud B.5; RM5,984,170,800 untuk Maksud B.6; RM2,436,566,000 untuk Maksud B.7; RM185,427,000 untuk Maksud B.8; RM251,776,000 untuk Maksud B.9 dan RM16,765,000 untuk Maksud B.40 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM131,118,000 untuk Maksud B.1; RM2,132,000 untuk Maksud B.2; RM163,808,000 untuk Maksud B.3; RM150,566,000 untuk Maksud B.4; RM47,418,000 untuk Maksud B.5; RM5,984,170,800 untuk Maksud B.6; RM2,436,566,000 untuk Maksud B.7; RM185,427,000 untuk Maksud B.8; RM251,776,000 untuk Maksud B.9 dan RM16,765,000 untuk Maksud B.40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM14,325,709,600 untuk Maksud P.6 dan RM78,882,000 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM14,325,709,600 untuk Maksud P.6 dan RM78,882,000 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 18 November 2015.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 11.18 malam]